Bil. 12

Khamis
1 April 2010

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 25)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – *YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)* (Halaman 26)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2010

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
7. " Menteri Kewangan II, Dato' **Seri** Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
8. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
9. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
10. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
11. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
12. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

13. Yang Amat Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

14. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

15. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO

16. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

17. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

18. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

19. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

20. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

21. " Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO

22. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

23. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

24. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC

25. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

26. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

27. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*

28. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

29. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

3. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

4. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) - UMNO

5. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' T. Murugiah – *Senator*

6. " Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

7. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

8. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

9. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

10. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

11. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP

12. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

13. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

14. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

16. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Puan Heng Seai Kie – *Senator*

17. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO

18. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

19. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

24. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB

25. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

27. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

28. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

29. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

31. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA

34. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah Mazlan – *Senator*

35. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

36. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

37. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun, D.S.I.S. – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

39. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

40. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. " Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. " Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. " Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. " Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. " Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. " Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. " Dato' Sri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. " Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. " Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. " Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. " Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. " Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

24. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. " Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
28. " Dato' Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
29. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
30. " Dato' Seri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
31. " Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. " Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
35. " Dato' Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
36. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. " Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Sri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. " Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
58. " Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
60. " Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Dato' Seri Syed Hamid Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. " Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. " Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. " Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. " Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. " Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. " Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
24. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
25. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
26. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

Parlimen Hulu Selangor – Kosong (Kematian Penyandang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

5. Yang Berhormat Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan John Fernandez (Seremban)
11. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. " Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. " Dato' Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)

10. Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)
12. " Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
13. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
14. " Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. " Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
17. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. " Tuan Haji Nasharudin Mat Isa (Bachok)
19. " Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. " Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. " Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. " Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
5. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. " Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
7 " Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Farihah binti Mohd. Isa
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 1 April 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang hubungan luar dan dua hala negara dengan negara-negara luar di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar luar yang berteraskan prinsip hubungan baik dan mesra serta kerjasama erat di pelbagai peringkat dengan negara-negara di mana Malaysia mempunyai hubungan diplomatik.

Objektif utama dasar ini adalah untuk melindungi, mempertahankan dan mempromosi kepentingan geopolitik dan strategik negara di persada antarabangsa. Di dalam melaksanakan dasar ini, Malaysia mengambil pendekatan diplomasi proaktif yang menekankan prinsip menghormati kedaulatan serta tidak campur tangan dalam urusan dalam negara lain dan menitikberatkan prinsip *prosper thy neighbour* dan demi kemakmuran bersama.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pelbagai hala, Malaysia bekerjasama erat dengan negara-negara yang sependapat dengan isu-isu sejagat dan kepentingan bersama seperti pembangunan, ekonomi, kewangan, keselamatan, alam sekitar, hak asasi manusia, nuklear dan sebagainya. Hubungan dan kerjasama ini dilaksanakan melalui keahlian Malaysia di dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Komanwel dan lain-lain lagi. Melalui pertubuhan-pertubuhan ini, Malaysia mengutarakan pandangan dan pendirian mengenai isu-isu antarabangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dua hala secara formal dengan 128 buah negara. Melalui hubungan diplomatik ini, Malaysia berjaya menjalin serta meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang yang memberi faedah bersama seperti kerjasama di bidang politik, ekonomi, keselamatan, saintifik dan sosiobudaya.

Penekanan juga diberikan kepada Kerjasama Selatan-Selatan dan Perkongsian Pintar di dalam hubungan dan kerjasama dua hala ini terutamanya

dengan negara-negara membangun di Hemisfera Selatan. Hubungan dan kerjasama baik dengan negara-negara ini sentiasa dipupuk dan ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai aktiviti termasuk pertukaran lawatan kepimpinan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan, rundingan serta mesyuarat tahunan di pelbagai peringkat, hubungan dan kerjasama baik dua hala ini telah memberi banyak manfaat dan menyumbang kepada pembangunan Malaysia seperti di bidang perdagangan, pelaburan, pelancongan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang jelas bahawa prinsip ataupun dasar luar negara kita adalah mesra, baik dan memainkan peranan untuk mempertahankan serta mempromosikan negara kita di dalam berbagai-bagai bidang. Walau bagaimanapun, apakah langkah-langkah yang lebih tegas diambil oleh negara kita dengan cubaan beberapa buah negara asing yang cuba mencampuri urusan dalaman negara kita dalam berbagai-bagai bidang sama ada dalam bidang kehakiman, dalam bidang kemanusiaan dan sebagainya. Apakah Malaysia juga memainkan peranan untuk mempertahankan cubaan-cubaan ini daripada berlarutan pada masa akan datang? Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang Malaysia berpegang kepada dasar luar negara iaitu ia tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara. Pada masa yang sama, agar negara-negara lain juga memahami akan dasar negara kita iaitu tidak mahu negara luar campur tangan dalam urusan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat sejak kebelakangan ini, memang terdapat beberapa negara cuba campur tangan dalam urusan perundangan kita dan sebagainya. Kita telah pun meminta negara-negara tersebut supaya tidak mencampuri urusan dalaman negara kita dan kita memang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan apa-apa jua dalam apa keadaan pun.

■1010

Jadi, saya menyentuh sekali lagi iaitu kalau kita lihat contohnya di mana 50 Ahli Parlimen dari Australia telah meminta untuk menggugurkan kes di negara Malaysia. Jadi kita dengan sekeras-kerasnya kita telah pun menyatakan bahawa mereka tidak seharusnya campur tangan. Kalau kita lihat memang Australia pun menyatakan itu adalah pendirian individu bukan pendirian negara tersebut. Sekian.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Ya, memang dasar kerajaan bahawa kita tidak mahu mencampuri urusan negara lain dan kita juga tidak mahu negara lain mencampuri urusan dalam negara kita. Kita sudah mempunyai dasar luar yang jelas, negara-negara yang kita perlu ada hubungan diplomatik tetapi persoalannya sekarang ini ialah dalam masa yang sama bila kita tidak mahu negara luar mencampuri urusan negara kita, persoalannya sekarang ini ialah kita sendiri yang mengundang untuk menyebabkan orang lain mencampuri urusan negara kita.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya lihat bahawa pengambilan APCO Worldwide ini...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: APCO Worldwide. Ya, ini APCO Worldwide sebab...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: APCO Worldwide ialah di dalamnya terdapat kepentingan Israel dan lembaga penasihatnya ialah bekas Menteri Israel. Bermakna bahawa dia adalah rakyat Israel

Beberapa Ahli: Ya. *[Tepuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...yang kita tidak punya hubungan diplomatik dengan negara haram Israel tetapi sekarang kita telah mengambil APCO Worldwide untuk menjadi penasihat kepada perkara-perkara tertentu dalam negara kita yang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penjelasanlah. Boleh... Yang Berhormat boleh dengar balik.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...sudah tentu ini akan memberikan atau menjejaskan keselamatan negara kita, satu. Yang keduanya ialah ia juga apabila kita katakan bahawa kita tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel *[Dewan riuh]* Tiba-tiba kita mengambil syarikat daripada Israel, syarikat yang ada kepentingan Israel.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Soalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...yang ada rakyat Israel di dalam lembaga itu untuk memberikan nasihat kepada negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidakkah ini menjejaskan imej negara kita kepada pandangan negara-negara luar, khususnya negara-negara OIC yang tidak ada hubungan dengan negara haram Israel ini.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ketandusan idea... *[Tepuk]* Kerana soalan yang sama diulang beberapa kali. *[Dewan riuh]* Sebenarnya kalau kita lihat...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab soalan itu tidak dijawab, tidak pernah dijawab jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya telah pun menyatakan pendirian iaitu pendirian Malaysia iaitu kita tidak akan campur tangan dalam urusan negara lain dan negara lain juga tidak campur tangan dalam urusan negara kita.

Seorang Ahli: Tidak jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana mahu jawab. Tidak ada yang perlu dijawab.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Kita sama-sama menghormati tidak kira negara lain atau negara kita menghormati apa yang ada pada dasar-dasar luar negara kita. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak ada idea nampaknya, tidak ada idea. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jawapan yang tidak ada idea. *[Ketawa]*

2. Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan tindakan dan langkah yang diambil bagi membanteras SMS menawarkan video lucah yang makin berleluasa kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Batang Sadong bertarikh 12 April 2010 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu tindakan kerajaan terhadap isu SMS video lucah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tindakan menyalurkan, menghebahkan dan menerima video lucah adalah salah di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi membanteras SMS yang menawarkan video lucah adalah dengan menubuhkan Biro Aduan SKMM sebagai pusat untuk menerima semua jenis aduan termasuklah pengiriman SMS lucah.

Di samping itu, forum kandungan komunikasi dan multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan di bawah seksyen 212, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagai satu badan kawal selia industri di bawah SKMM bagi menyelia kandungan yang disebarkan oleh media-media elektronik berangkai. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah pertama sekali sudah ada usaha untuk membanteras SMS lucah ini. Satu perkara yang cukup membimbangkan kita apabila ia sampai ke tangan anak-anak ataupun di kalangan remaja. Ia sesuatu yang amat malang dan mengaibkan kita semualah. Soalan saya, berapakah kes yang sudah pun selesai dan tindakan yang telah pun diambil ke atas mereka yang mengirim ini kerana difahamkan melalui nombor-nombor yang didaftar melalui syarikat-syarikat telekomunikasi. Pohon jawapan dan bagaimana mengatasinya. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2009, bilangan kes yang disiasat atas aduan ialah sebanyak 66 kes. Daripada itu sebanyak 75 jenis perkhidmatan SMS yang menggunakan 42 kod ringkas oleh 15 penyedia perkhidmatan SMS telah digantung perkhidmatannya kerana menghantar SMS yang tidak bermoral termasuklah video lucah dan satu kes telah dibawa ke mahkamah. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ialah kalau sudah ada jawatankuasa khas tadi, adakah kita dapat berpeluang untuk *forward*, dengan

izin, SMS yang kita terima itu. Kalau kita hendak *report* selalu, sebab ini adalah satu perkara yang kerap sangat berlaku. Hampir setiap hari kita menerima SMS seperti ini dan seperti mana yang rakan kita di sebelah tadi mengatakan ia boleh jatuh ke tangan kanak-kanak. Jadi kalau ada cara yang paling ringkas untuk kita menghantar, *to forward*, dengan izin, SMS tersebut dengan nombor yang menghantar kepada kita untuk rujukan segera pihak yang berkuasa. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya pertama sekali mengucapkan terima kasih atas keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat atas perkara ini. Jadi jawapannya, ya iaitu semua SMS boleh di *forward* kan secara terus kepada SKMM dan SKMM akan mengambil tindakan segera untuk siasatan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Minta satu sahaja sebab ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Untuk kepentingan negara ini, Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) tindakan yang diambil oleh pihak kementerian ke atas keadaan sekolah di Sabah dan Sarawak yang telah uzur misalnya SK Tanjung Aru 1, dalam kawasan Parlimen Putatan; dan

(b) mengapa tidak ada sekolah dari Sabah dan Sarawak tersenarai dalam SBP (Sekolah Berprestasi Tinggi) dan siapa harus dipersalahkan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Datuk Ir. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyenaraikan Sekolah Kebangsaan Anjung Aru 1, Putatan di bawah Program Rendah Akademik untuk pembinaan bangunan baru. Namun demikian disebabkan kekangan kewangan, projek ini terpaksa ditangguhkan. Namun demikian, Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Sabah telah melakukan kerja-kerja pembaikan bumbung pada tahun 2009 dengan kos sebanyak RM200 ribu.

Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji untuk memberi peruntukan tambahan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf di sekolah tersebut. Jika terdapat peruntukan, dijangkakan kerja pembaikan akan disiapkan sebelum penghujung tahun 2010. Kementerian Pelajaran akan menyenaraikan projek penggantian penuh Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk dilaksanakan pada pusingan kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagi menjawab soalan seksyen ‘b’, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) tidak berdasarkan negeri,

lokasi dan jenis sekolah seperti yang dibangkitkan oleh kerana SBT merupakan sekolah yang terbaik antara yang terbaik dari semua aspek yang telah dinilai secara menyeluruh dan tidak hanya memberi penekanan kepada pencapaian akademik semata-mata.

■1020

Kementerian berpandangan sekiranya pemilihan masih mengekalkan berdasarkan negeri-negeri dan jenis sekolah maka pelan hala tuju, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) tidak akan mencapai matlamat bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang tidak sebegitu jelas dan cukup. Saya rasa soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri sudah pun bersedia sebab kita ada perbincangan di luar tadi. Soalan tambahan saya, sebelum soalan sekolah ini adalah sekolah yang pertama. Untuk makluman Yang Berhormat sekolah yang pertama antara yang dibina di negeri Sabah oleh Kerajaan British semasa dahulu.

Ini untuk membolehkan anak-anak bumiputera di Tanjung Aru dan di Kota Kinabalu dan anak-anak kakitangan kerajaan. Saya juga tinggal di sana dahulu dan saya menduduki peperiksaan Darjah 6 saya di sekolah ini. Sekolah ini adalah yang tercanggih semasa itu. Cantik ada padang dan itulah sekolah antara pertama yang dibuat bata, simen.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sabarlah dengarlah dahulu. Baru-baru ini saya melawat sekolah itu dengan jemputan PIBG. Saya melihat menitis air mata saya nampak. Diselimuti oleh hutan belukar, paritnya tersumbat, nyamuk aedes di situ, kaki budak-budak sekolah itu bengkak bengkuk.

Seorang Ahli: Pegawai tidur.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Begini kah untuk mencapai SBT negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya soalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi saya telah memberi peruntukan untuk buat *car park, parking* untuk semua ibu bapa untuk mengambil budak supaya tidak menjejaskan lalu lintas berdekatan dengan sekolah itu. Saya difahamkan Pengarah turun padang selepas saya melawat sekolah ini. Jawapan yang bahawa bumbung itu diperbaiki saya rasa itu tidak betul. Saya tengok bilik sekolah itu masih berbanjir dan padang masih banjir. Cuba tengok sekali lagi Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Putatan yang merupakan seorang wakil rakyat yang berjiwa rakyat. Saya tahu Yang Berhormat membawa TV3 datang bersama dan menceritakan betapa peritnya anak-anak di situ. Akan tetapi lantaran daripada lawatan Yang Berhormat percayalah bahawa kementerian sedang mengambil tindakan. Oleh sebab itu dalam jawapan saya kata pada tahun lalu kita memberi peruntukan RM200,000 dan dilaksanakan untuk tujuan pembaikan bumbung.

Ini adalah satu projek yang mana kita akan senaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi sebab itulah apabila kita hendak buat satu bangunan gantian yang baru sementara itu mana yang perlu di baik pulih akan di

baik pulih. Saya tadi telah menjawab bahawa sekiranya Yang Berhormat kita dapat peruntukan sahaja kita akan bantu sekolah itu. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi memang relevan dan kita akan memastikan dari segi kebersihan, dari segi penyelenggaraan bangunan itu dapat dibuat dengan lebih sempurna.

Berbalik pada soalan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa sekolah ini adalah sekolah yang berprestij. Saya menganggap ini adalah tanggungjawab kementerian ataupun jabatan kita untuk membantu semua sekolah termasuklah sekolah yang terletaknya di sebelah lapangan terbang ini. Saya sendiri pernah melalui sekolah ini. Saya ingin maklumkan pada Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan yang diberikan pada lapan buah sekolah di Putatan melebihi RM2 juta pada tahun lalu. Ini sama ada sedar atau tidak saya rasa penyelenggaraan bangunan sekolah itu telah dibuat.

Akan tetapi sekadar mana yang ia dapat dilaksanakan sama ada dapat membaiki sepenuhnya atau tidak itu bergantung kepada kemampuan kewangan kita. Jadi saya mengambil nota tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan kita sama-sama memantau dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh wakil rakyat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Saya sebenarnya simpati dengan Putatan kita berjiran di sini. Sebenarnya bukan satu, dua sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan sahaja bahkan di seluruh negeri Sabah kita nampak di luar bandar, di Sabah dan Sarawak ini sekolah di luar bandar daif. Jadi bolehkah Yang Berhormat mungkin kalau boleh kerana biasanya tidak boleh. Akan tetapi kalau boleh semua masalah sekolah termasuk pembaikan yang kecil-kecil RM2,000, RM3,000 yang dihantar pergi kementerian dibagi salinan kepada wakil rakyat, Ahli Parlimen supaya kami yang kejar ini. Bolehkah tidak?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat itu cadangan yang baik. Saya yakin perkara ini boleh dilakukan setelah kementerian atau jabatan melaksanakan projek itu kita maklumkan kepada Ahli Parlimen. Ini juga untuk manfaat bersama.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Sebelum *detail* lagi, sebelum. Apabila sekolah mengemukakan masalah mereka bagi kita satu salinan supaya kami sebagai wakil rakyat boleh menghubungi pihak atasan untuk mendapatkan peruntukan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian tidak mempunyai masalah untuk memaklumkan kepada wakil rakyat apabila kita sudah ada duit dan diluluskan dan kita maklumkan pada wakil rakyat. Yang Berhormat sebut tadi keadaan sekolah daif di Sabah. Nampaknya kita telah membuat satu bancian. Sekolah kebangsaan yang daif di Sabah 150 dan sekolah menengah kebangsaan daif iaitu 58 buah. Ada juga sekolah kebangsaan menumpang ada 11, sekolah menengah kebangsaan menumpang 16.

Bermaksud kita akan beri keutamaan kepada projek-projek ini khususnya sekolah menumpang dan daif. Kita memang memberi perhatian khusus kepada negeri Sabah yang mana kita rasakan mereka begitu mendahagakan peruntukan untuk membaiki keadaan yang daif ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya melihat bahawa Yang Berhormat Kuala Kedah tidak berada dalam Dewan untuk Soalan Nombor 4.

***[Soalan No.4** – Y.B. Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah) tidak hadir]*

5. Dato' Seri Tengku Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah satu kajian perlu dibuat untuk memastikan jalan-jalan yang dibina di luar bandar tidak terputus waktu musim tengkujuh oleh banjir kilat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini tiada kajian khusus yang dibuat bagi mengelakkan masalah jalan terputus waktu musim tengkujuh oleh banjir kilat. Walau bagaimanapun sebelum pembinaan jalan dimulakan kajian ke atas siasatan tanah, kerja-kerja ukur dan reka bentuk jalan dibuat oleh perunding yang dilantik dan disemak oleh Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Semasa kajian ini dibuat segala aspek keselamatan seperti banjir dan lain-lain aspek keselamatan pengguna diambil kira. Bagi memastikan jalan-jalan yang dibina masih boleh digunakan walaupun dalam musim tengkujuh ataupun banjir kilat. Namun begitu sekiranya jalan yang dibina tidak dapat digunakan atau rosak akibat banjir, kementerian ini akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan, kecemasan selaras dengan peraturan kewangan yang membenarkan sesuatu kerja itu dilaksanakan dengan segera. Sekian.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Ada dua perkara yang saya hendak bangkit yang sudah sedikit sebanyak terjawab. Akan tetapi saya minta jasa baik pihak kementerian membuat satu lagi pemantauan terhadap jalan-jalan yang masih lagi banyak terputus waktu musim tengkujuh. Ini kerana akan membebankan juga wang ringgit kerajaan pada tiap-tiap tahun. Umpamanya di kawasan saya masih lagi lima, enam tempat yang terputus waktu musim tengkujuh.

Jadi kalau apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawasanya kajian ini semua dibuat oleh pihak perunding. Saya minta jasa baik kementerian kalau boleh memperketatkan lagi cara-cara untuk kita memilih perunding-perunding ini. Mereka juga perlu disiasat dari segi tentang kerja untuk mereka mencadangkan sesuatu kepada pihak kerajaan sebelum mereka melaksanakan tugas mereka. Terima kasih.

■1030

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Jerantut. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa ataupun banyak faktor yang boleh menyebabkan jalan ini terputus walaupun kajian ataupun reka bentuk ini dibuat mengambil kira bermacam-macam faktor apabila kita membina jalan raya. Kadangkala jalan yang terputus ini ialah jalan yang sudah siap berpuluh tahun dahulu dan kita tidak dapat ramal apa yang akan berlaku di masa hadapan yang begitu jauh dari masa kita membina jalan ini. Akan tetapi kita sedar kepentingan ataupun perlunya mengambil tindakan segera kerana kita tidak dapat mengambil kira semua faktor untuk mengelakkan jalan ini terputus.

Maka, di bawah Arahan Perbendaharaan 59 kita benarkan *owner*, orang yang membina jalan itu, bukannya kontraktor tetapi sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan ataupun PBT yang bertanggungjawab ke atas jalan tersebut membenarkan mereka ini mengambil langkah dengan segera tanpa mengikut peraturan biasa perolehan dan sebagainya supaya tindakan pembaikan

ini dibuat dengan cepat. Walau bagaimanapun kita akan ambil kira juga cadangan Yang Berhormat Jerantut tadi iaitu supaya sekiranya ada jalan yang baru dibina kemudian terputus akibat banjir kilat dan sebagainya, kita akan siasat sama ada jalan itu terputus akibat salah reka bentuk ataupun disebabkan faktor-faktor yang di luar dugaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua tahu dan dapat menerima hakikat bahawa banjir kilat dan musim tengkujuh memang datangnya secara bermusim, setiap tahun dan ada kalanya kita boleh menjangka bencana alam berkala ini boleh berlaku setiap tahun.

Saya hendak rujuk kepada satu laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Audit Negara berkenaan usaha untuk memastikan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terutama atas usaha untuk memastikan bahawa jalan-jalan di luar bandar dapat dipastikan di dalam keadaan yang baik terutama pada musim-musim yang saya sebutkan tadi. Antara laporannya menyebut bahawa pada laporan yang terbaru diedarkan kepada kita menyebut bahawa baki geran pembangunan termasuk pembangunan untuk jalan-jalan kecil di luar bandar bagi Badan-badan Berkanun Persekutuan masih berbaki sebanyak RM8.34 bilion dan disebut bahawa belum dibelanjakan kerana masalah pengurusan.

Saya hendak bertanya dalam soalan tambahan ini, adakah masalah pengurusan ini juga berkait rapat dengan masalah untuk akses ataupun untuk pergi ke kawasan-kawasan yang dikatakan terlibat secara *massive* dalam musim tengkujuh ini? Sekiranya jumlah ini gagal dibelanjakan saya rasa ini adalah sebahagian besar daripada peruntukan untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang sepatutnya ditumpukan khas untuk tujuan-tujuan membaiki kemudahan asas untuk penduduk di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab baki ini masih wujud. Beberapa jalan di luar bandar sekarang menghadapi masalah dari segi pelaksanaan. Misalnya di Sarawak, ada satu batang jalan dekat Mukah ada masalah dengan kontraktor dan rundingan sedang dibuat sekarang sama ada hendak menamatkan kontrak syarikat tersebut ataupun mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tentang sama ada baki duit tersebut termasuk duit untuk mengatasi masalah banjir kilat ini, itu sebenarnya tidak wujud. Baki-baki yang ada di mana ada juga baki sebenarnya bukan "baki" tetapi ada masalah sistem merekodkan tahap perbelanjaan tidak terkini yang misalnya di beberapa agensi. Saya ambil contoh di Sarawak juga. Sistem yang diguna pakai di satu agensi tidak begitu *up to date*. Ini bermakna tidak sampai RM8 bilion lebih kalau diambil kira dengan tepat apakah baki yang sebenarnya wujud. Walau bagaimanapun saya akan lihatlah di kementerian kita nanti kenapa ada masalah dari segi pengurusan yang menyebabkan baki ini tertinggal. Akan tetapi setahu saya tidak begitu banyak projek yang lewat jadual di dalam kementerian kita. Sekian, terima kasih.

***[Soalan No. 6** – Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) tidak hadir]*

7. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah strategi kerajaan untuk menambah nilai dan menaikkan tahap pendapatan penduduk luar bandar terutamanya di Sarawak dan Sabah. Berapakah peruntukan dan jenis projek-projek yang diagihkan untuk tahun ini (2010) dan yang dirancang untuk RMK-10.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mewujudkan Program Peningkatan Pendapatan Rakyat sebagai salah satu daripada KPI Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Program ini bertujuan untuk membantu golongan sasar yang terdiri daripada keluarga miskin tegar dan miskin untuk mempertingkatkan pendapatan mereka di dalam sektor tanaman, ternakan dan perikanan serta perniagaan hasil pertanian atau industri asas tani dan penghasilan produk-produk industri asas tani.

Pada tahun 2010 kementerian telah menerima peruntukan berjumlah RM55.2 juta untuk melaksanakan program tersebut. Kementerian menyasarkan sebanyak 3,000 keluarga miskin tegar dan 1,000 keluarga miskin seluruh Malaysia akan dibantu. Sebanyak RM5.966 juta adalah untuk negeri Sabah untuk membantu 420 orang keluarga tersebut dan RM5.846 juta untuk negeri Sarawak iaitu membantu seramai 425 keluarga miskin tegar dan miskin. Kementerian telah memuktamadkan cadangan permohonan Projek Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Pada masa ini pihak Unit Perancangan Ekonomi sedang menimbang permohonan projek kementerian yang di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita memang faham dan sedar bahawa banyak usaha yang telah dijalankan oleh kementerian dalam meningkatkan pendapatan orang yang miskin di kawasan pedalaman. Akan tetapi saya melihat apa yang telah diumumkan dan yang telah dijalankan oleh kementerian adalah mungkin saya boleh katakan tidak sampai kepada golongan sasaran yang sebenarnya. Belum lagi di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak, di Kanowit umpamanya. Banyak usaha seperti projek impak besar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi seperti tanaman kekal, pengeluaran makanan yang amat disokong oleh kita semua.

Soalan saya adalah, adakah projek-projek ini akan menyeluruh untuk dilaksanakan di pelbagai kawasan Parlimen terutama di kawasan Parlimen kita di Sarawak dan Sabah yang masih amat memerlukan projek-projek sebegini? Saya tidak melihat ini mungkin akan dilaksanakan di kawasan Parlimen di Kanowit terutamanya. Di Kanowit kita mempunyai banyak tanah dan kawasan lapang terutama juga orang-orang miskin yang memerlukan projek ini. Minta penjelasan.

■1040

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, memang kita begitu prihatin di atas keluhan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat, memanglah apa-apa program yang kita jalankan adalah berterusan dan kali ini pada tahun 2009 kita hanya dapat menjangkau ke 30 kawasan Parlimen tetapi tahun ini kita merancang untuk menjangkau ke-61 kawasan Parlimen dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini kerana Yang Berhormat, sesiapa senarai yang dipilih ini adalah di dalam senarai e-Kasih. Itu adalah keutamaan dan pada masa yang sama Yang Berhormat, kita memang menggalakkan supaya kita sebagai wakil rakyat sentiasa dapat mengemaskinikan senarai e-Kasih ini supaya, *insya-Allah* semua kumpulan sasaran yang kita hendak sasarkan itu dapat kita masukkan di dalam apa jua program kementerian.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, saya memang begitu prihatin dan terima kasih Yang Berhormat. Kita akan pastikan bahawa projek-projek ini atau program ini juga turun ke kawasan Kanowit dan di mana senarai itu Yang Berhormat, keutamaan diberi kepada yang tersenarai di dalam e-Kasih. Jadi kami berharap juga bahawa sama-samalah kita menjalankan tugas kita supaya semua kumpulan miskin tegar dan miskin ini dapat kita senaraikan secepat mungkin di dalam e-Kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pagi ini ceria sebagai Timbalan Menteri Pertanian, berpakaian hijau pula itu. Memang ngamlah. *[Tepuk]* Jadi kami daripada parti hijau ini berasa seronok hendak bertanya soalan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, ya, tidak apa. Pakaian sahaja. Daripada 48,000 saya rasa senarai miskin tegar di seluruh negara, kementerian menjangkakan bahawa 3,000 daripadanya akan dapat manfaat daripada program yang telah dijawab dalam soalan ini. Ini bermakna peratusannya agak kecil. Walaupun kita faham bahawa tidak semestinya semua 48,000 ini perlu menikmati tetapi saya menjangkakan program-program pertanian sebegini amat sesuai dan rapat dengan kumpulan miskin tegar terutamanya yang di luar bandar. Jadi agak-agaknya untuk mencapai satu peratusan yang munasabah, mendekati 48,000 ini berapa lama agaknya kementerian akan menetapkan sasarannya supaya dapat dimanfaatkan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat, warna ini bukan hak sesuatu parti. Saya hendak pakai hijaukah, hendak pakai birukah itu hak saya sebagai rakyat Malaysia. *[Tepuk]* Saya boleh memakai apa sahaja warna Yang Berhormat ya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *Favorite color* Yang Berhormat Kuala Krai.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi warna ini tidak sepatutnya menjadi isu. Jadi kalau Yang Berhormat hendak pakai biru, biru tua sekali-skala...

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Dengan pakaian yang dalam itu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ....pun dialu-alukan.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Melambangkan hati.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Hendak pakai merah jambu yang Puteri pun dialu-alukan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kalau saya pakai biru, buruk benar rupanya. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, *color* ini pun bukan menunjukkan kepada PAS sahaja, ia campur-campur, *multicolor*. Sekarang ini *retro, color retro*. Jadi Yang Berhormat, *color* itu tidak...

Jadi terima kasih Yang Berhormat. Memanglah Yang Berhormat 3,000 ini sasaran kami adalah daripada kumpulan di dalam e-Kasih adalah di dalam sasaran kami iaitu petani, penternak dan nelayan. Memang Yang Berhormat dan

saya akui 3,000 ini pun tidak mencukupi. Akan tetapi kita harus ingat juga selain daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, semua kementerian juga ada KPI nya yang juga membantu golongan ini. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, sebenarnya 48,000 ini kalau dari segi program yang kita dengar daripada keseluruhan kementerian, sebenarnya ramai juga mereka ini yang kita selalu mendengar pula daripada maklum balas nampaknya yang 48,000 ini memang sudah dijaga dengan sebaik yang mungkin.

Tadi saya telah membuat seruan supaya selain daripada 48,000 yang ada di dalam e-Kasih – sebenarnya e-Kasih ini ada 200,000 lebih Yang Berhormat ya. Kami tahu sebab kami buat bancian untuk program SUBUR. *Insya-Allah*, sebab SUBUR ini semua orang makan nasi.

Jadi sebenarnya ramai lagi mungkin yang tercicir di luar sana yang kita sebagai wakil rakyat tidak kira kami Barisan Nasional memang kami diarah tetapi minta juga wakil rakyat di seberang sana walaupun nampaknya Barisan Nasional yang menerajui tetapi sama-samalah kita ingat kepada kumpulan yang tercicir ini supaya kita dapat bantu. Jadi bagi kami 200,000 lebih ini, *insya-Allah* dijaga dengan baik tetapi kami hendak yang lain itu yang mungkin tidak tercapai. Jadi kita harus menjalankan tugas kita dengan sebaik yang mungkin. *Insya-Allah* Yang Berhormat.

8. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

(a) apakah rancangan kementerian untuk menyekat perdagangan manusia yang haram melibatkan perempuan dari Indonesia ke Tawau (seperti yang dilaporkan TV3) di pelabuhan “Batu” di Tawau, di mana aktiviti penyeludupan minyak, beras dan gula yang bersubsidi melalui “Batu” untuk transaksi di pertengahan laut juga serius; dan

(b) adakah kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk membina kemudahan baru yang baik untuk membendung masalah-masalah yang membawa kerugian besar kepada negara dalam pencapaian NKRA.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tawau yang telah mengemukakan pertanyaan berkaitan dengan kawasan dia sendiri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan memandang serius jenayah pemerdagangan dan penyeludupan orang. Kesungguhan Malaysia menangani isu pemerdagangan orang telah dimanifestasikan dengan mewujudkan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 iaitu Akta 670 yang telah diluluskan pada 24 April 2007 dan telah berkuat kuasa sepenuhnya mulai Februari 2008. Jabatan Peguam Negara juga telah mengarahkan supaya kes-kes berkaitan warga asing kecuali kesalahan-kesalahan jenayah yang jelas di bawah akta-akta lain seperti bunuh dan mengedar dadah, disiasat terlebih dahulu di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pemerdagangan Orang tahun 2010 hingga tahun 2015 sebagai instrumen bagi menangani jenayah ini terutamanya yang menyentuh mengenai bidang pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang termasuk pendakwaan.

Pelan Tindakan Kebangsaan ini menekankan kepada pentingnya kerjasama pintar di semua peringkat di mana ianya memerlukan penyertaan daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan. Selain daripada itu, pendekatan secara komprehensif dan bersepadu di kalangan agensi-agensi kerajaan adalah kritikal untuk menangani jenayah ini secara berkesan. Jenayah pemerdagangan orang adalah fenomena global yang melibatkan sindiket-sindiket jenayah rentas sempadan. Sehubungan itu, kerjasama di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa adalah diperlukan untuk membanteras jenayah ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penguatkuasaan di pintu-pintu masuk sempadan telah diperketatkan bagi menangani masalah penyeludupan ini. Malaysia juga bekerjasama dengan negara-negara jiran bagi membantu melicinkan proses penyiasatan dan penangkapan. Masalah ini juga telah diambil tindakan dan masih dalam siasatan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan berusaha bersungguh-sungguh membanteras gejala penyeludupan ini di mana pelbagai inisiatif telah diambil dengan memberi pendedahan mengenai perkara ini di media-media cetak dan media elektronik untuk pengetahuan masyarakat. Dengan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan, diharapkan supaya kegiatan penyeludupan ini dapat ditangani dengan segera bagi membendung kegiatan yang boleh dianggap menyalahi undang-undang negara ini.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita menghargai tindakan dan operasi dibuat oleh pihak kementerian. Adakah itu benar atau bermaksud adalah peningkatan permintaan untuk bekalan perdagangan manusia perempuan di Malaysia memandangkan insiden yang besar berlaku di Sandakan baru-baru ini melibatkan tangkapan ramai perempuan misalnya dari Filipina?

■1050

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rang undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk mengawal perdagangan manusia perempuan khususnya anak bawah umur dan hukuman bagi yang terlibat. Ini kerana memandangkan banyak kes-kes terlibat berlaku di Tawau dan Sandakan, saya ingin mencadangkan di sini, pusat perlindungan dibina di Sandakan dan Tawau dan bukan di Kota Kinabalu sahaja.

Saya ingin tahu juga berapa ramai individu yang telah ditangkap dan didakwa atas kesalahan perdagangan manusia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan tambahannya. Yang pertama sekali, kita ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang menghargai usaha penguatkuasaan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan kita di Malaysia di sini. Yang kedua tadi, soalan Yang Berhormat adakah permintaan yang meningkat di Malaysia yang menyebabkan banyak perempuan-perempuan dari Filipina seperti ini Sabah ini sudah meningkat, saya tidak pastilah. Ini mengikut *rules of supply and demand* dengan izin. *[Ketawa]*

Yang ketiga Yang Berhormat, undang-undang kita di Malaysia di sini adalah mencukupi untuk melindungi mereka yang diseludup ataupun di trafik seperti perempuan dan anak-anak di bawah umur. Satu daripada hukuman yang berat adalah untuk kanak-kanak di bawah umur ini, kalau sindiket atau ketua sindiket ini ditangkap, dia akan dipenjarakan 20 tahun dan hukuman wang ringgit yang besar juga.

Yang keempat, cadangan Yang Berhormat kita sedar hanya satu tempat perlindungan di Sabah itu iaitu di Kota Kinabalu dan tangkapan di Sandakan,

Tawau, Semporna dan sebagainya perlu kita hantar ke Kota Kinabalu. Sekiranya Yang Berhormat cadangan ini, silalah panjangkan kepada pihak yang tertentu. Untuk makluman juga, semalam kita baru membuat *memorandum of understanding* dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan mungkin juga ada dicadangkan tempat-tempat perlindungan baru yang akan dibuat di tempat-tempat yang tertentu di Malaysia, di sini.

Jadi, individu-individu yang... Kes yang telah dikendalikan, ditangkap dan pertuduhan - banyak sedikit ini, Yang Berhormat. Seksyen 13 - sebanyak 35 pertuduhan iaitu di bawah kesalahan perdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan dan sebagainya. Apabila disabitkan kesalahan, akan dihukum penjara tidak kurang tiga tahun. Seksyen 14 - sebanyak 18 pertuduhan iaitu berkaitan dengan kanak-kanak. Apabila didapati salah di bawah seksyen ini akan dihukum penjara selama tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda. Seksyen 15 - ada tiga pertuduhan selama ini iaitu mana-mana orang yang mendapat keuntungan daripada pengeksploitasian orang yang diperdagangkan, apabila disabitkan kesalahan akan dihukum penjara selama tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM500,000.

Di bawah Seksyen 23(2) - sebanyak lima pertuduhan Yang Berhormat, iaitu kesalahan obligasi pemunya, operator atau nakhoda pengangkutan yang mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkutan itu digunakan bagi maksud membawa seseorang ke dalam negara tanpa dokumen atau bagi maksud melakukan sesuatu perbuatan perdagangan orang.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: *[Bangun]*

Tuan Jelaing anak Mersat: Jadi, itulah rekod-rekod yang telah dikuatkuasakan selama ini. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga mengalu-alukan rakan-rakan saya daripada Parlimen Tangga Batu, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita faham Kementerian Dalam Negeri mempunyai sasaran-sasaran yang begitu mencabar di dalam bidang keberhasilan utama yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antaranya ialah menyempurnakan pembinaan-pembinaan infrastruktur bagi pintu-pintu masuk seperti CIQ di pelabuhan-pelabuhan utama dan juga lapangan-lapangan terbang utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah yang sedang berlaku kepada kompleks CIQ di muara Sungai Melaka yang telah hampir tiga tahun tergendala pembinaannya? Saya percaya ia amat rapat dengan soalan (b) pada soalan asal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Oleh kerana soalan ini agak spesifik sedikit Yang Berhormat, saya akan jawab ini secara bertulis dan saya akan suruh pegawai ini nanti buat jawapan - kerana CIQ ini yang belum siap.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: *[Bangun]*

Tuan Jelaing anak Mersat: Ini berkaitan juga dengan satu fakta yang kita di sini pun, Dewan yang mulia ini tahu bahawa Malaysia ini kita ada 4,470

kilometer panjangnya pantai di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak ini - *he coastal area* dengan izin. Jadi ini satu fakta yang begitu menyukarkan kita dalam membuat kawalan kepada pendatang asing lebih-lebih lagi dari negara jiran yang hanya perantaraan kita adalah lautan ataupun kawasan perairan yang begitu sempit.

9. Datuk Abdul Wahab bin Dolah [Igan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam kerja-kerja menaik taraf Jalan Metading – Selangan, di bahagian Mukah yang jaraknya sejauh 53 kilometer di mana pembinaannya telah pun dimulakan pada tahun 2007 dan dijangka siap pada Julai 2010.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf Jalan Metading ke Selangan, Sarawak merupakan jalan negeri dan ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. JKR Sarawak telah memaklumkan bahawa projek ini telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada M/S Naim Cendera Sdn. Bhd. untuk pelaksanaan secara reka dan bina. Tempoh kontrak asal ialah 36 bulan tetapi kini setelah diberi kelulusan lanjutan masa, tarikh siap baru dijadualkan pada 29 Mac 2011.

Skop kerjanya ialah menaik taraf jalan sedia ada kepada standard R-5 sepanjang 52.4 kilometer di mana harga kontrak berjumlah RM202,381,592.29. Kemajuan fizikal projek ialah 2.63% sebenar berbanding 10.93% jadual. Kelewatan projek adalah berpunca daripada masalah pengambilan tanah dan gangguan penggunaan pengangkutan industri iaitu lori arang batu yang keluar masuk menggunakan jalan yang sedang dibina dan jalan alternatif yang seterusnya merosakkan kedua-dua jalan ini terutamanya ketika musim hujan.

Walaupun projek ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya secara langsung, namun kementerian ini telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak untuk membantu dan mencari jalan penyelesaian serta berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

■1100

Datuk Abdul Wahab bin Dolah [Igan]: Oleh kerana projek ini adalah projek Kerajaan Negeri Sarawak, saya tidak ingin membuat soalan lanjutan. Terima kasih. *[Ketawa]*

10. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kematian akibat penyakit AIDS dalam 5 tahun yang lalu serta langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini serta keberkesanannya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong di atas soalan yang dikemukakan. Sehingga akhir tahun 2009, jumlah terkumpul kes HIV yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan adalah seramai 87,710 orang. Dari jumlah tersebut seramai 15,317 orang atau pun 17.5% telah menjadi kes AIDS. 13,394 orang iaitu 15.3% telah meninggal dunia dan menjadikan mereka yang masih hidup dengan virus HIV seramai 74,316 orang.

Bagi tempoh lima tahun yang lalu, bilangan kematian akibat AIDS adalah seramai 4,660 orang, iaitu 984 pada tahun 2005, 976 pada tahun 2006, 1,179 pada tahun 2007, 900 pada tahun 2008 dan 621 pada tahun 2009. Kerajaan amat serius untuk menangani wabak HIV AIDS ini. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mengambil langkah-langkah menangani HIV AIDS ini pada tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula kesan di negara ini.

Langkah-langkah pencegahan kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV AIDS ini telah dimantapkan dan pada tahun 2006, kerajaan telah meluluskan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV AIDS 2006/2010 atau *National Strategic Plan on HIV AIDS* dengan izin, selari dengan hasrat untuk mencapai matlamat pembangunan milenium negara bagi menghentikan dan membalikkan penularan jangkitan HIV.

Bagi mengurangkan kematian akibat HIV AIDS ini, antara strategi yang digunakan adalah dengan pemberian rawatan Anti Viral atau (ARV). Dengan pemberian rawatan ini, jangka hayat pesakit telah dapat dipanjangkan di samping kualiti kehidupan mereka menjadi semakin baik dan mereka mampu bekerja seperti orang-orang lain yang sihat.

Menyedari hakikat tersebut, pada tahun 2004 kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menyediakan ubat yang berkualiti untuk diberikan kepada pesakit HIV AIDS. Kini rawatan secara tiga dalam satu bagi ARV ini telah dilaksanakan dengan meluas dan pada tahun 2009, seramai hampir 10,000 pesakit telah diberikan rawatan tersebut.

Hasil daripada rawatan tersebut, sejak tiga tahun kebelakangan ini kadar kematian akibat HIV AIDS telah menurun dengan ketara. Bagi maksud rawatan yang meliputi pemberian *Antiretroviral* serta ujian yang berkaitan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM32.5 juta setahun. Bagi memastikan rawatan ini dimanfaatkan kepada pesakit HIV AIDS, kerajaan telah memperluaskan kebolehcapaian rawatan dengan melatih para doktor di kalangan pakar perubatan keluarga di samping pakar perubatan penyakit berjangkit yang sedia ada.

Sehingga akhir tahun 2009, seramai 180 orang pakar perubatan keluarga telah dilatih untuk maksud ini dan mereka mampu memberikan rawatan kepada pesakit AIDS di seluruh negara. Untuk membolehkan lebih ramai lagi pesakit dirawat, kerajaan sedang bercadang untuk meningkatkan layak diberikan rawatan ARV dari paras CD4, 200 ke bawah kepada paras CD4, 350 ke bawah.

Dengan kaedah ini, lebih ramai pesakit akan mendapat akses kepada rawatan ARV pada peringkat yang lebih awal dan pesakit HIV AIDS akan dapat menjalani hidup yang lebih berkualiti, di samping itu memanjangkan hayat mereka. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyatakan bahawa memang terdapat usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi maslah AIDS dan ini memang kita alu-alukan. AIDS merupakan satu perkara yang serius dan kami perlu prihatin dan cuba sedaya upaya untuk mengatasinya.

Soalan yang saya ingin tanyakan adalah, baru-baru ini kita lihat bahawa ada cadangan Klinik 1Malaysia ditubuhkan. Saya ingin tahu sama ada klinik-klinik ini akan disediakan dengan *facility* untuk mengubati pesakit-pesakit AIDS dan juga kos yang dianggarkan untuk rawatan bagi setiap pesakit AIDS? Memandangkan masalah yang timbul, adakah kerajaan akan membuat persediaan supaya dapat

diberikan rawatan ini secara percuma kepada mereka yang dijangkiti, khususnya mereka yang datangnya dari kalangan kaum miskin.

Dalam perkara itu juga, sama ada kerajaan mengambil tindakan untuk meningkatkan pendidikan khususnya di kalangan pemuda-pemudi berkenaan dengan masalah AIDS ini, khususnya berkenaan dengan pendidikan seks untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan belum mempunyai perancangan untuk mengadakan rawatan penyakit HIV ini di klinik 1Malaysia.

Walau bagaimanapun sebenarnya semua klinik kesihatan kita mempunyai rawatan penyakit HIV atau pun sekurang-kurangnya saringan kepada penyakit HIV, untuk pengetahuan Yang Berhormat. Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai kos. Sebenarnya dari segi perancangan atau pun dari segi kos yang diberikan terutama sekali dari segi *Harm Reduction Program,* kerajaan telah membelanjakan kos sebanyak RM70 juta untuk melaksanakan aktiviti Program *Harm Reduction* yang telah dilaksanakan sejak tahun 2006 sehinggalah Disember 2009.

Pelaksanaan Program *Harm Reduction* ini Yang Berhormat Puchong, sebenarnya mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan mengambil kira pandangan beberapa pihak seperti pihak polis, AADK, badan-badan bukan kerajaan dan juga Kementerian Kesihatan sendiri. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, Kementerian Kesihatan sebenarnya juga telah memberikan bantuan-bantuan kewangan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JAKIM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Penjara, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan juga Kementerian Pertahanan, dari segi aktiviti yang berkaitan dengan ujian serta rawatan pesakit HIV ini.

Bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan juga diberikan seperti Majlis AIDS Malaysia, Kelab PROSTAR dan juga Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Jadi, di samping jumlah RM32.5 juta dan ditambah dengan Program *Harm Reduction* sebanyak RM70 juta, kita juga memberikan bantuan-bantuan seperti yang saya nyatakan tadi, sama ada kepada agensi kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan Yang Berhormat.

Jadi, untuk menjawab kepada persoalan sama ada kerajaan bersedia untuk memberikan rawatan percuma. Sebenarnya rawatan yang diberikan oleh kerajaan ini adalah percuma Yang Berhormat tanpa mengenakan apa-apa bayaran walau sesen pun daripada pesakit-pesakit atau penghidap HIV.

Jadi, untuk menjawab persoalan sama ada pihak kementerian akan meningkatkan pendidikan. Yang Berhormat di bawah Pelan Strategik Pencegahan AIDS, memang kita telah menggariskan beberapa program yang dilaksanakan dan mengikut pelan itu kita ada enam strategi. Di bawah keenam-enam strategi itu juga, kita telah menggariskan beberapa program. Bukan sahaja memberikan tumpuan kepada rawatan tetapi kita menekankan kepada program-program pencegahan. Terutama sekali kita adakan di sekolah-sekolah dan juga universiti-universiti menyasarkan kepada golongan sasaran kita iaitu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, di kalangan remaja-remaja dan belia-belia kita. Terima kasih.

■1110

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya – memandangkan tahap keseriusan begitu seriusnya wabak HIV dan AIDS di negara kita ini. Saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk mengenakan *compulsory medical test* kepada bakal-bakal yang mendirikan rumah tangga sebelum kahwin sama ada kerajaan ingin – memerlukan *medical test*.

Keduanya Yang Berhormat, dalam ucapan saya baru-baru ini saya telah menyentuh tentang kes-kes insiden di mana ada orang yang bekerja di Semenanjung, meninggal dunia dan dia dihantar balik ke Sabah, kerandanya dibalut, tidak dibenarkan buka dan terus diminta untuk dikebumikan dan saya difahamkan bahawa ahli keluarga itu tidak dimaklumkan secara jelas apakah sebabnya kematian itu dan hanya sangkaan luar. Seperti tindakan kementerian mengenai penyakit-penyakit lain seperti denggi berdarah dan sebagainya, apabila seseorang itu menghidapinya, maka ahli keluarga sekelilingnya disiasat secara *medical* dan adakah kementerian membuat sedemikian kepada mereka ini.

Ini disebabkan ada kes-kes yang apabila keluarga itu ditanya apa sebab ahli keluarga meninggal, mereka tidak tahu dan mereka hanya mengatakan pihak hospital tidak membenarkan keranda itu dibuka dan terus dikebumikan, terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran di atas persoalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang benar kita mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan jangkitan HIV di kalangan yang berkahwin melalui ujian saringan HIV, program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2001 di kalangan pasangan orang Islam dan ianya telah berjalan dengan lancar dan – tapi kita tidak mengenakan ataupun memberikan penekanan kepada golongan yang bukan Islam, kita tidak lagi mewajibkan kepada golongan bukan Islam. Namun walau bagaimanapun, ianya terbuka kepada mana-mana individu yang berkahwin sama ada Islam atau lain-lain agama untuk melakukan pemeriksaan di klinik-klinik kesihatan kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun lepas sahaja hampir 120,000 pasangan telah menjalani ujian saringan pra perkahwinan dan ujian saringan sukarela ini juga dilaksanakan di *facility* kesihatan untuk mereka yang ingin mengetahui status HIV masing-masing. Di samping itu juga Yang Berhormat, mereka yang didapati positif akan diberikan kaunseling mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penularan HIV kepada pasangan masing-masing.

Jadi untuk menjawab persoalan Yang Berhormat yang kedua tadi iaitu sama ada pihak pesakit dimaklumkan mengenai status penyakit ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia, dari segi dasarnya Yang Berhormat, memang kita akan maklumkan dan sekiranya keranda itu – kita mengemukakan larangan untuk membuka keranda itu disebabkan oleh penyakit yang dihidapi, selalunya dari segi dasar kita, kita memang akan maklumkan kepada keluarga pesakit tersebut, namun saya juga meminta Yang Berhormat, mungkin untuk kes ini secara spesifik kita akan siasat mengapa keadaan tersebut berlaku dan sekiranya Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada saya mengenai maklumat tersebut, kita akan perincikan kemudian.

11. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan pelajar-pelajar kita di universiti tempatan dan di universiti luar negara tidak terpengaruh dan tidak terlibat dalam kegiatan keganasan (*terrorists*) antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pengajian Tinggi tiada menerima sebarang laporan tentang penglibatan pelajar kita di sini dan luar negara dalam kegiatan *terrorisme*. Sungguhpun demikian, Jabatan Penuntut Malaysia Luar Negara di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Perwakilan Malaysia di luar negara serta pejabat-pejabat agensi penaja sepanjang masa memantau perkembangan pelajar Malaysia di luar negara bagi memastikan mereka tidak terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang diragui. Perhubungan rapat di antara pihak kementerian dengan pihak berkuasa keselamatan dalam dan luar negara turut membantu dalam pemantauan pelajar-pelajar bagi mengelakkan mereka terlibat dalam kegiatan *terrorisme*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pelajar-pelajar kita di luar negara adalah seramai 59,105 orang di mana lebih 21,520 orang adalah pelajar tajaan dan selebihnya seramai 37,585 orang di bawah pembiayaan sendiri. Di IPT tempatan pula terdapat lebih 860,000 orang pelajar kita. Kementerian sentiasa mendampingi pelajar melalui program khusus seperti perjumpaan melalui Majlis Perwakilan Pelajar dan persatuan-persatuan pelajar luar negara menerusi program-program seperti kenegaraan dan kepimpinan, perpaduan dan integrasi, keusahawanan dan pembangunan kerjaya serta kesukanan dan kebudayaan. Kementerian juga menggalakkan pemimpin-pemimpin negara yang berada di luar negara untuk berjumpa pelajar-pelajar kita untuk mendampingi mereka sambil mengemaskinikan mereka dengan perkembangan di Malaysia.

Bagi pelajar-pelajar di IPT tempatan, mereka sudah pun diwajibkan mengambil modul-modul di bawah program pembangunan sahsiah yang dapat membina jati diri dan juga menyuntik rasa cinta kepada keamanan dan kesejahteraan negara, sekian terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga oleh sebab memang kita baca dalam surat khabar tentang penglibatan rakyat Malaysia yang disyaki itu adalah satu kegiatan fanatik yang mungkin mencondong kepada *terrorism*e. Jadi saya hendak tahu adakah Kementerian Pengajian Tinggi pada masa ini bercadang untuk menghalang pelajar-pelajar kita dari melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti atau kolej tertentu yang sering didakwa mengeluarkan golongan fanatik yang cenderung kepada kegiatan *terrorisme*.

Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pengajian Tinggi mengamalkan dasar bahawa pemilihan institusi pengajian tinggi di luar negara oleh pelajar terutamanya mereka yang ditaja sendiri adalah merupakan hak mutlak mereka, sebab itu kementerian tiada cengkaman terhadap pemilihan mereka. Namun mereka tetap dilayan, dipantau serta didampingi sama seperti pelajar-pelajar yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kita mempunyai 10 buah Jabatan Penuntut Malaysia Luar Negara (MSD) dalam urusan menjaga hal ehwal pelajar-pelajar kita di luar negara. MSD kini terdapat di Jakarta, Wellington, Sydney, Perth, London, Los Angeles, Washington, Ottawa, Kaherah dan Yaman, sekian.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan saya ialah jumlah yang diberikan oleh kementerian tadi iaitu 21,000 penuntut yang di bawah pembiayaan kerajaan, saya kira begitu banyak sebenarnya jumlah pelajar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

■1120

Memandangkan universiti-universiti awam yang ada dalam negara kita jumlahnya lebih kurang 20 buah ditambah lagi institusi pengajian tinggi swasta yang bercambah seperti cendawan dalam negara kita. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula penghantaran pelajar-pelajar Malaysia yang dibiayai oleh pihak kementerian keluar negara memandangkan kursus-kursus yang ditawarkan di universiti dalam negara kita juga kompetitif seperti mana yang ditawarkan oleh universiti di luar negara.

Adakah kerajaan bercadang hanya menghantar pelajar-pelajar yang mana *course* mereka tidak wujud ataupun tidak begitu ramai yang ditawarkan dalam negara kita. Melainkan *courses* yang tidak ada dalam negara kita dan kita hantar keluar, dia boleh menjimatkan banyak perbelanjaan kerajaan tambah lagi dengan 10 MSD yang diwujudkan kita terpaksa keluarkan kos yang lain untuk tanggung semua perbelanjaan ini. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran pelajar ke luar negara memang merupakan dasar kerajaan kita. Kementerian Pengajian Tinggi memang mementingkan pengantarabangsaan. Ini merupakan satu cara supaya generasi yang akan datang mendapat suasana yang lebih globalisasi ataupun pengantarabangsaan. Jadi kerajaan kini akan terus menghantar pelajar keluar negara. Di samping itu, kita juga cuba menarik pelajar dari luar negara untuk belajar di sini. Ini memanglah merupakan satu cara supaya kita dapat mencapai matlamat pengantarabangsaan. Sekian, terima kasih.

12. Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

(a) berapakah jumlah wang yang perlu dibelanjakan untuk menanggung peningkatan kos dalam 16 projek MRSM yang melebihi bajet asal; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkara sebegini tidak berlaku atau sekurang-kurangnya mengurangkan kesan peningkatan kos yang mendadak.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 16 projek MRSM yang dilaksanakan di bawah RMK-9 melebihi dari bajet asal. Sejumlah lebih RM500 juta diperlukan untuk menampung peningkatan projek-projek tersebut. Oleh yang demikian pada masa ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan MARA sedang berusaha mencari kaedah penyelesaian untuk menangani masalah ini. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dan MARA untuk mengurangkan kesan dan peningkatan kos yang mendadak adalah seperti berikut:

(i) sebarang permohonan dengan izin *variation order (VO)* bagi projek-projek yang sedang berjalan tidak akan

diluluskan kerana ia akan mengakibatkan peningkatan kos. Walau bagaimanapun sekiranya sesuatu projek perlu melibatkan VO, kos yang terlibat perlulah munasabah;

(ii) setiap projek yang akan dilaksanakan hendaklah berdasarkan siling projek yang telah diluluskan. Namun begitu, sekiranya terdapat projek yang mana kosnya melebihi siling setelah ditender maka ia akan dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) untuk dimuktamadkan;

(iii) permohonan projek secara rundingan terus tidak akan dipertimbangkan kerana ia akan melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding projek yang ditender; dan

(iv) memastikan setiap pelan dan reka bentuk binaan bangunan dilaksanakan berpandukan kepada arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba supaya tiada sebarang arahan pindaan kerja dikeluarkan yang akan mengakibatkan peningkatan kos.

Selain itu juga kementerian dan MARA akan terus memantau secara dekat dan kerap ke atas pelaksanaan projek-projek supaya tiada kelewatan berlaku. Langkah ini boleh mengelakkan penamatan kontrak dan seterusnya menghindarkan projek ditender semula yang akan mengakibatkan peningkatan kos. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu jumlah RM500 juta ini besar. Saya berpendapat pandangan sayalah mungkin satu semakan khusus boleh dibuat di kalangan pemberi jawatankuasa tender peringkat MARA ataupun juga faktor campur tangan daripada politik yang menyebabkan kos meningkatkan begitu banyak sekali. Saya ambil contoh umpamanya pembinaan Maktab Rendah Sains MARA di Tumpat, kontraktornya berkait rapat dengan pimpinan UMNO di negeri Kelantan.

Begitu juga dengan pembinaan Maktab Rendah Sains MARA di Tanah Merah yang mana majlis pecah tanahnya telah dibuat dua tahun lebih dahulu tetapi bangunannya sampai hari ini belum didirikan lagi. Kontraktornya ada kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan pimpinan UMNO di peringkat bahagian tertentu. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya demi kebaikan rakyat semua. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Ketereh. Tidak ada kaitan langsung peningkatan kos ataupun kelewatan pelaksanaan berkaitan dengan sama ada orang itu adalah kontraktor yang berkawan rapat ataupun dekat dengan orang yang dalam komiti-komiti tender ini. Tidak ada langsung. Akan tetapi banyak sebab kenapa kos ini meningkat. Pertama misalnya bajet asal bagi kebanyakan projek di bawah RMK-9 telah dikurangkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada pertengahan tahun 2005. Sedangkan pada ketika itu projek telah ditawarkan kepada kontraktor. Jadi nampak melebihi siling lah sebab sudah diturunkan oleh EPU silingnya.

Kedua peningkatan kos terpaksa diperhalusi semula selaras dengan arahan Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan 3/2008

yang memberi garis panduan menyemak semula kos projek berikutan kenaikan kos bahan binaan. Antara yang dibenarkan iaitu dalam Perkara 15 ialah perubahan harga *(variation of price)* bagi bahan binaan sehingga 50% bagi projek reka dan bina *(design and build).* Satu lagi faktor ialah harga tanah yang meningkatkan berikutan terdapat tambahan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan talian telefon yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan bajet untuk MRSM dan juga Kolej MARA untuk tahun 2010 dikurangkan melebihi 35% berbanding dengan Bajet 2009 sebenarnya ada mempunyai satu kesan yang cukup mendalam sekali bukan sahaja dari segi mengurus bahkan dalam usaha untuk kita melahirkan modal insan kepada kebanyakan murid-murid bumiputera. Soalan saya adakah kerajaan akan mengkaji semula terutamanya untuk belanja mengurus untuk penggal kedua ini supaya memastikan supaya MRSM kita akan terus dapat berjalan seperti biasa terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Sebenarnya memang pada keseluruhannya kos mengurus di kementerian ini akan diturunkan lebih daripada RM200 juta. Sekian, terima kasih.

13. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan masalah kebanjiran warganegara asing dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi 'membersihkan' dan 'memutihkan' mereka ini yang memang terkenal kedatangan mereka ke negara ini menjadi samseng dan melakukan jenayah termasuk jenayah membunuh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan nombor 13. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kehadiran warganegara asing sama ada bertujuan melancong dan bekerja telah memberi sumbangan besar dalam industri berkenaan, di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan ada segelintir warganegara asing ini yang melanggar undang-undang negara seperti terlibat dalam kegiatan jenayah.

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia adalah didapati 3,060 kes jenayah indeks yang melibatkan warganegara asing iaitu 1.46% daripada sejumlah 209, 417 kes jenayah yang telah direkodkan bagi tahun 2009.

■1130

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak memandang ringan kehadiran warganegara asing di Malaysia. Bagi memperkemaskan aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu makmal iaitu *management lab* khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Malahan Yang Berhormat, makmal ini sedang berjalan sekarang di Putrajaya. Langkah ini bertujuan mencari resolusi yang berkesan termasuk dari aspek undang-undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terus kepada soalan tambahan. Adakah tindakan tegas akan diambil oleh pihak kementerian agar warganegara asing ini lebih menghormati undang-undang di negara kita serta

lebih memahami budaya masyarakat tempatan? Apakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat di masa yang akan datang supaya latar belakang pekerja-pekerja di yang disahkan oleh pihak berwajib negara tersebut diperoleh? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu negara kita memang menghargai cadangan Yang Berhormat tadi yang berkaitan dengan memberitahu lebih awal ataupun mengadakan satu taklimat kepada warga asing yang akan datang bekerja di sini berkaitan dengan budaya kita di sini dan langkah-langkah yang tertentu akan diambil selepas kita tahu apakah resolusi-resolusi yang kita dapat daripada *management lab* kita. Buat sementara waktu pihak kementerian dan kerajaan akan meneruskan dan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk kita membanteras gejala-gejala seperti jenayah yang dibuat oleh pekerja asing ini sama ada mereka ada pas atau tanpa pas iaitu PATI seperti yang berlaku baru-baru ini di satu kawasan di Kuala Lumpur di sini iaitu di Brickfields di mana pihak polis dan pihak berkuasa tempatan bekerjasama untuk mendapatkan pengawalan ataupun membanteras jenayah yang dibuat oleh warga asing. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat setakat itulah Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

11.34 pg.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Ya, saya mahu penjelasan sedikit. Pada 30 Mac 2010 lepas saya sudah hantar satu usul yang berbunyi:

> *"Bahawa Dewan ini telah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini membincangkan kejadian bangunan Institut Oseanografi dan Institut Akuakultur Tropika Universiti Malaya Terengganu yang sedang dalam pembinaan runtuh petang semalam yang mengakibatkan seorang buruh mati dan empat cedera".*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Runtuh pula?

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Saya terima surat daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa usul ini tidak dapat bincangkan kerana tindakan telah diambil. Bagi saya tindakan kementerian ini tidak berkesan. Oleh sebab itu saya rasa usul ini perlu dibincangkan kerana keruntuhan ini berlaku di Terengganu. Boleh jadi banyak kejadian di Terengganu runtuh sekarang ini.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Itulah hebatnya Terengganu, hebat Terengganu.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Saya minta supaya pertimbangan Tuan Yang di-Pertua supaya usul ini boleh dibincangkan atau dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa usul ini telah pun ditolak dalam kamar Tuan Yang di-

Pertua. Lazimnya adalah apabila usul ditolak di dalam kamar seperti Peraturan Mesyuarat 18(8) ia tidak harus dibahaskan dan dikemukakan di dalam Dewan ini. Minta maaf Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua Peraturan Mesyuarat 23(5) – Setiausaha adalah diberi kuasa untuk menyunting pertanyaan-pertanyaan dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi Soalan 13.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kurang senang dengan penggunaan perkataan ”membersihkan”, dan ”memutihkan” mereka ini yang memang terkenal dengan kedatangan mereka ke negara ini menjadi samseng dan melakukan jenayah termasuk jenayah membunuh. Perkataan “membersihkan”, dan ”memutihkan”. Saya rasa kita perlu berhati-hati menggunakan perkataannya supaya jangan ada sebarang stereotaip Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya pohon perhatian diberi dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, setiap soalan bertulis yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke Dewan Parlimen ini ditapis oleh satu jawatankuasa dan saya yakin bahawa jawatankuasa telah pun meneliti setiap perkataan yang ada dan saya tidak ada komen lanjutan mengenai perkara ini Yang Berhormat.

Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, mendengar penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu prosesnya jawatankuasa tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat seandainya beberapa kenyataan itu yang nampaknya bercanggah melayani prasangka buruk kepada mana-mana kaum ataupun dalam konteks ini di kalangan penduduk negara asing itu tidak dibolehkan.

Soalan itu boleh diteruskan tetapi penjelasan Menteri yang menjawab harus membetulkan. Jikalau tidak ia seperti mengesahkan sikap prasangka kaum pada jiran tetangga dan ini yang menimbulkan salah faham berterusan dengan negara-negara jiran kerana kita tidak teliti dan cermat tatkala menyalahkan dan memfitnahkan rakan-rakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan mengambil perhatian dan memaklumkan kepada jawatankuasa Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk untuk kemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantaran dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN TAMBAHAN (2010) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada menerima permohonan daripada pihak kerajaan untuk mendahulukan beberapa rang undang-undang dalam susunan atur *Aturan Urusan Mesyuarat*. Oleh yang demikian saya membenarkan diberi keutamaan dalam susunan *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari Isnin 5 April 2010, rang undang-undang seperti berikut:

(i) Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010;

(ii) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009;

(iii) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2010;

(iv) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010; dan diikuti dengan rang undang-undang yang lain.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.39 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 5 hari bulan April 2010."

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

■1140

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

> Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-
>
> > "Ampun Tuanku,
> > Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas." ***[31 Mac 2010]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

11.41 pg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: *Bismillaahir rahmaanir rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakam ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh tentang bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mengelakkan budaya fitnah seperti mana yang disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah Tuanku pada hari Isnin 15 Mac 2010, di mana ke bawah Duli Baginda telah melahirkan rasa kesedihan Baginda kerana masih terdapat banyak perbuatan fitnah, pembohongan, putar balik fakta terutamanya di media baru.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puchong ada membangkitkan mengenai dengan tindakan menyenaraihitamkan pemaju dan ahli lembaga pengarah yang menyebabkan projek terbengkalai. Kementerian telah pun menyenaraihitamkan ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang terlibat dalam projek perumahan terbengkalai. Sungguhpun begitu kementerian tidak mempunyai kuasa bagi menghalang mana-mana individu tersebut daripada menubuhkan

syarikat baru dalam apa-apa perniagaan kerana Akta Syarikat 1965 adalah di luar kawalan selia kementerian.

Walau bagaimanapun kementerian tidak akan meluluskan mana-mana permohonan lesen pemajuan perumahan bagi syarikat pemaju yang mempunyai ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang telah disenaraihitamkan termasuk syarikat baru yang ditubuhkan. Sehingga 5 Mac 2010, sebanyak 1,120 pemaju dan 3,933 ahli lembaga pengarah syarikat telah disenaraihitamkan oleh kementerian. Sebagai langkah penambahbaikan kementerian kini dalam proses meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] untuk mewujudkan peruntukan spesifik yang membolehkan tindakan pendakwaan dapat diambil ke atas pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam satu tempoh yang diperuntukkan. Sekiranya syarikat tersebut digulung tindakan dapat diambil ke atas ahli lembaga pengarah syarikat semasa kesalahan dilakukan.

Selain daripada itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan maklum isu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Ranau berhubung dengan Projek Pembinaan Rumah Kos Rendah di Tanah Merah Ranau di keluasan 20 ekar yang terbengkalai sejak 2002. Menyedari kenyataan Ahli Yang Berhormat Ranau bahawa peruntukan sebanyak RM7 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat untuk 200 unit rumah adalah tidak mencukupi. Kementerian ini telah pun menyenaraikan program PPR Ranau disewa melibatkan 300 unit rumah sebagai salah satu projek yang akan dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan membangkitkan isu berhubung penyelenggaraan dan pengurusan harta tanah bersama di mana kegagalan penghuni rumah gagal membayar yuran penyelenggaraan menyebabkan kerosakan lif dan sebagainya. Kementerian mengakui bahawa wujudnya permasalahan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Namun demikian melalui pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], program pendidikan yang berterusan kepada semua pihak yang terlibat dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, kementerian yakin bahawa permasalahan ini dapat dikurangkan dan seterusnya diselesaikan.

Akta 663 telah memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan di pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku pelaksana akta tersebut untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 34 ke atas penghuni yang gagal menjelaskan yuran penyelenggaraan dan apabila disabit boleh didenda tidak lebih daripada RM5,000 dan boleh didenda selanjutnya tidak lebih RM50 bagi setiap kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Akta 663 ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa agak tidak berkesan. Walaupun Pesuruhjaya Bangunan ini telah diberi kuasa untuk mendakwa mereka yang tidak membayar yuran-yuran *maintenance,* tetapi dalam praktikalnya ini tidak berlaku. Langkah-langkah yang perlu diambil misalnya setelah tidak dibayar, *maintenance company* ataupun JMB terpaksa memberitahu COB dahulu. Kemudian COB baru mengambil tindakan ke atas pemunya yang tidak membayar.

Setahu saya di negeri Selangor, dalam kes-kes ini, belum ada satu lagi surat yang dihantar kepada pemunya yang tidak membayar dan akhirnya hutang menjadi begitu tinggi sehingga menyebabkan tidak dapat dibayar langsung.

Kedua adalah apabila JMB ini ditubuhkan, pemaju ataupun *maintenance,* badan pengurusan itu tidak menyerahkan maklumat-maklumat yang dia ada seperti siapa pemunya, alamat dan akaun *sinking fund* dan akaun *maintenance,* semuanya tidak diserahkan kepada JMB dan JMB amat sukar menjalankan tanggungjawab serta tidak ada apa-apa di dalam akta ini yang *compel* pemaju ataupun badan pengurusan yang dilantik oleh pemaju itu dari segi undang-undang tindakan ke atas mereka untuk menyerahkan maklumat-maklumat ini kepada JMB yang baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong duduk dulu, Yang Berhormat. Saya hendak memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pencelahan adalah berbangkit daripada apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri. Kalau kita membawa perkara baru ia boleh diberhentikan oleh Yang di-Pertua di bawah Peraturan 35. Jadi, saya mintalah pencelahan berhubung dengan apa yang disebut oleh Timbalan Menteri yang kurang jelas ataupun ucapan Yang Berhormat sendiri dijawab oleh Timbalan Menteri kurang jelas. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah perlu saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Kota Raja tentang perkara yang disebutkan sebentar tadi. Saya ingat tidak perlu sebab saya telah pun menjawab bahawa Akta 663 itu sebenarnya akta yang telah ditentukan. Sama ada akta ini efektif ataupun tidak berasaskan kepada mereka yang melaksanakan tugas ini. Kalau soal surat tidak diberikan kepada penghuni dan sebagainya itu bukan disebabkan akta, tetapi disebabkan pelaksanaan, bukan akta kerana akta ini cukup baik.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Mahu lagi?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung tindakan yang diambil terhadap pemaju yang telah menyebabkan beberapa projek perumahan terbengkalai, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian, di negeri Selangor sahaja terdapat lebih 141 projek yang terbengkalai hasil pentadbiran yang lama. Namun kerajaan negeri yang baru bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi menyelamatkan projek-projek ini khususnya untuk membantu dan melindungi pembeli-pembeli rumah yang berkenaan.

■1150

Persoalannya, sejauh mana peruntukan ini telah digunakan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian bagi melindungi pembeli-pembeli yang jumlahnya agak besar akibat projek-projek yang terbengkalai, tenat dan sakit bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di beberapa negeri yang lain?

Saya juga ingin mengetahui berapa ramai kah yang telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini sekiranya kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri ingin membantu pembeli-pembeli yang berkenaan? Sudah tentulah akhirnya saya ingin mengetahui sejauh mana kesediaan Kerajaan Pusat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi membantu menyelamatkan projek-projek dan rumah-rumah yang terbengkalai yang jumlahnya semakin hari semakin meningkat? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak. Terima kasih juga atas makluman ada 141 projek yang terbengkalai. Akan tetapi, barangkali untuk makluman Yang Berhormat Gombak, projek itu masih lagi belum terbengkalai kerana kita ada tiga kategori soal projek perumahan ini iaitu sakit, lewat dan terbengkalai. Jadi itu mungkin merupakan projek-projek sakit.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat juga menyalahkan bahawa di bawah pentadbiran kerajaan yang lepas, Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi pada saya, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa dalam soal ini. Ini kerana kerajaan hanya meluluskan tentang soal lesen pemajuan, tapak di mana mereka mahu majukan. Selepas itu, barulah tanggungjawab pemaju. Jadi kita tidak boleh mengaibkan. Esok kalau berlakunya kelewatan projek di Selangor pun, mungkin kita juga tidak boleh menyalahkan Kerajaan Selangor yang ada, sebabnya ia melibatkan mereka yang sebagai pemaju.

Keduanya ialah tentang Akta 118 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak iaitu tentang kuasa Menteri. Kuasa Menteri itu memang ada dalam akta tersebut tetapi kita tidak boleh terus mengambil tindakan ataupun terus mengambil alih projek tersebut setelah proses-proses yang telah kita buat melalui mahkamah dan sebagainya. Itu dalam akta tersebut.

Kita tidak boleh – katakan kita berpendapat hari ini kita hendak mengambil satu projek yang terbengkalai, kita perlu pergi ke mahkamah dan selepas itu mahkamah membuat keputusan dan barulah ada kuasa menteri untuk mengambil alih projek tersebut. Jadi, itulah untuk makluman Yang Berhormat.

Seterusnya. Sungguh pun demikian, sehingga kini belum ada penghuni yang gagal menjelaskan yuran penyelenggaraan, telah didenda atau dibawa ke mahkamah. Kenyataan ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang menyatakan bahawa Akta 663 lebih memihak kepada pemaju adalah suatu kenyataan yang tidak benar sama sekali. Sekali lagi bohong lah. Akta 663 memperuntukkan tanggungjawab bersama di antara pemaju dan pemilik tetap berkaitan pengurusan bangunan dan harta bersama dalam pemajuan perumahan berstrata.

Selain itu, mereka juga bertanggungjawab untuk menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (GNB) untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan. Di samping itu, pemilik tetap juga bertanggungjawab membayar fi bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan akta bersama. Kementerian menyedari terdapat beberapa kelemahan dalam Akta 663 dan sedang dalam proses mengkaji semula akta tersebut dan akan membawa untuk pertimbangan kerajaan pada akhir tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah digamatkan dengan isu pilihan raya kerajaan tempatan seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Petaling Jaya Utara dan Serdang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa pilihan raya peringkat kerajaan tempatan pertama kali diperkenalkan di Tanah Melayu oleh British pada tahun 1857, sambutan yang diberikan tidak begitu menggalakkan kerana tidak ramai yang dapat memenuhi syarat-syarat kelayakan dan syarat-syarat seorang calon pengundi pada masa itu.

Pilihan raya kerajaan tempatan yang diadakan pertama kali tersebut adalah memilih tiga daripada lima ahli Majlis Perbandaran Georgetown, Kota Melaka, Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sistem pemilihan bagi kerusi ahli majlis yang dilaksanakan sejak tahun 1857 telah dimansuhkan apabila

British memperkenalkan sistem pelantikan sepenuhnya melalui pengenalan Ordinan Perbendaharaan 1913.

Selain daripada itu, pergolakan politik tanah Melayu khususnya selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, British berpandangan bahawa kemasukan pendatang yang semakin meningkat pada tahun tersebut menyebabkan proses pilihan raya kerajaan tempatan tidak sesuai diadakan.

Untuk makluman, seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan jelas menyatakan bahawa semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan. Undang-undang kerajaan tempatan di Sabah dan juga Sarawak pula tidak memperuntukkan tentang pilihan raya kerajaan tempatan.

Atas sebab-sebab keselamatan yang berpunca daripada konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, kerajaan telah mengisytiharkan darurat pada 3 September 1964 dan seterusnya menghentikan pilihan raya kerajaan tempatan melalui Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) – peraturan-peraturan darurat menggantung pilihan raya kerajaan tempatan pada tahun 1965.

Walaupun pelbagai pihak masih lagi membangkitkan tentang perlunya mewujudkan semula pilihan raya kerajaan tempatan, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya 6 April 2005 telah memutuskan supaya tiada pilihan raya diadakan untuk memilih ahli-ahli majlis PBT. Kerajaan berpendapat, pilihan raya kerajaan tempatan tidak perlu diadakan kerana boleh menjejaskan penubuhan pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku agensi barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Di samping itu, terdapat juga kemungkinan wujud unsur-unsur kurang sihat oleh pihak-pihak tertentu yang berteraskan kepentingan politik masing-masing. Pilihan raya kerajaan tempatan bukanlah faktor yang menentukan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Kecekapan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mampan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber asli dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya.

Pilihan Raya Umum ke-12 bagi 222 kawasan Parlimen di seluruh Malaysia telah melibatkan kos sebanyak RM142,317,172 dan dijangka kos untuk menganjurkan pilihan raya kerajaan tempatan akan melibatkan kos yang hampir sama dengan satu pilihan raya umum. Setiap kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa melalui Akta 171 untuk melantik sesiapa sahaja ahli majlis mengikut seksyen akta tersebut.

Selain daripada itu, seksyen 10 *Local Government Ordinance 1961 (Sabah no. 11 of 1991)* dengan izin dan seksyen 13 *Local Authorities Ordinance 1996* (*Chapter* 20) memperuntukkan perkara yang sama bagi Sabah dan Sarawak. Peruntukan-peruntukan ini sebenarnya memberikan kelebihan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tanpa perlu diadakan pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bagan turut membangkitkan kejayaan Pulau Pinang melantik YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang pertama dalam kalangan wanita dan menyarankan supaya Kerajaan Pusat memberikan peluang sama rata kepada wanita dalam lapangan kerjayanya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang

bukanlah pertama tetapi Sabah adalah yang pertama melantik wanita sebagai Yang di-Pertua atau pun Presiden Majlis Perbandaran Sandakan.

Untuk makluman, Kerajaan Pusat tidak mengamalkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Hendak bertanya apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah selama 50 tahun lebih tetapi hanya seorang DO wanita ataupun YDP wanita yang dilantik. Akan tetapi Pulau Pinang hanya perintah dua tahun sahaja dan seorang wanita telah dilantik. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang lebih sensitif, lebih *gender* sensitif. Ini yang pertama.

Kedua, saya hendak bertanya adakah satu *roadmap* atau tidak? Berapakah YDP wanita akan dilantik dalam masa lima tahun yang akan datang? Ini yang pertama.

■1200

Kedua ialah mengenai pilihan raya kerajaan tempatan, ini merupakan satu cacatan sistem demokrasi kita kerana lihat di mana pun, sistem kita ialah daripada Komanwel di mana kerajaan atau negara Komanwel yang tidak ada pilihan raya kerajaan tempatan. Saya rasa sekiranya kita hendak jadi sebuah negara yang maju, sebuah negara yang boleh membanggakan di dunia, kita haruslah beri rakyat untuk memilih Ahli Majlis Perbandaran mereka dan bukan menggunakan alasan-alasan yang tidak boleh diterima seperti hendak jimatkan wang, seperti dia akan jadi polemik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, ya baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sekiranya begitu, mengapa adakan pilihan raya besar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah faham Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak minta juga supaya Barisan Nasional kembalikan hak pilihan raya tempatan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak perlu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Benda yang sama, sedikit sahaja hendak tambah. Baik terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. berhubung dengan isu kerajaan tempatan, saya melihat alasan-alasan yang diberi, konfrontasilah, inilah, itulah - ini memang sudah tidak lagi relevan, yang pentingnya kita hendak pertanggungjawaban. Kita kata apa yang penting adanya perancangan bandar, adanya kakitangan yang cekap, ini itu dan sebagainya. Akan tetapi persoalannya pertanggungjawaban, siapa yang kita hendak pertanggungjawaban sekiranya perancangan itu tidak baik. Maka di sinilah kita sebut tentang soal meningkatkan nilai-nilai demokrasi, memberikan hak

kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan dan ada kuasa bila mereka tidak puas hati dengan tindakan-tindakan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya.

Kalau kita tidak ada pilihan raya pihak berkuasa tempatan (*local council elections*), bagaimana kita boleh jamin bahawa pihak diberikan amanah untuk mentadbir pembangunan dan perancangan untuk bandar itu benar-banar akan khuatir dan takut kepada rakyat yang warga bandar raya berkenaan. Kalau sampah tidak dikutip dan sebagainya lalu perkhidmatan ini mesti juga dipertingkatkan melalui sistem pertanggungjawaban yang hanya dapat dijamin melalui *local council elections*. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang saya percaya prihatin juga tetapi kita juga prihatin juga untuk kepentingan rakyat dan juga kesejahteraan rakyat. Bagi Ahli Yang Berhormat mengatakan ada suatu sahaja dilantik di Pulau Pinang ialah memang pada satu ketika dahulu memang keadaannya belum lagi mengizinkan. Sekarang sudah ramai wanita, pada ketika dulu mungkin tidak ramai lagi wanita yang berkelayakan, sekarang sudah banyak wanita yang berkelayakan. Jadi itu pada saya, bukan satu ramai lagi. Saya akan sebut di sini - saya akan sebut sampai kepada ramai ahli Majlis Daerah ataupun berapa lama Yang Dipertua Majlis Daerah, berapa ramai DO wanita ada di sini nanti saya akan sebut sebentar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau di Sarawak *resident* Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: *Resident* pun ada. Jadi bagi Yang Berhormat Shah Alam tentang pilihan raya - apakah Yang Berhormat bersetuju ataupun mengatakan bahawa orang-orang ataupun Yang di-Pertua yang dilantik di Selangor tidak berkelayakan, yang tidak boleh merancang? Apakah Yang Berhormat setuju? Kalau Yang Berhormat setuju maknanya kelemahan Kerajaan Negeri Selangor melantik orang yang tidak berkelayakan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat mengenai Yang Berhormat Timbalan Menteri tanya saya, saya boleh jawab ya Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan kata tidak dilantik itu tidak efektif ataupun tidak baik, tetapi kita hendak satu sistem yang lebih berkesan. Kalau kita tidak berpuas hati dengan apa yang ada dan kita tidak berusaha untuk pertingkatkan lagi keberkesanan itu maka kita akan kekal dalam tahap dan takuk yang sama.

Ini merupakan satu cadangan yang perlu diambil kira secara serius dan tidak saja diketepikan dengan alasan konfrontasi. Sekarang ini kita bukan berada dalam suasana konfrontasi. Alasan yang seperti itu tidak perlu diberikan dan kita lihat kepada negara-negara yang maju yang lain, yang bagaimana mereka menjalankan *local council election* dan kesan daripadanya. Maka saya mengharapkan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai satu minda yang terbuka, berlapang dada. Jangan dengar cadangan daripada pihak yang bukan daripada pihak Barisan Nasional, terus hendak di bakul sampahkan. Itu adalah satu kaedah dan pendekatan yang tidak baik. Alasan yang kita hendak ialah pertanggungjawaban dan *effectiveness* dan rakyat penduduk warga bandar raya rasa dia ada hak. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, saya sudah faham. Tentang tanggungjawab, setiap pegawai yang kita lantik adalah pegawai yang bertanggungjawab. Kerajaan bertanggungjawab melantik pegawai-pegawai yang berwibawa yang mempunyai perancangan untuk membangunkan satu kawasan. Bukan sengaja kerajaan melantik orang yang tidak berkelayakan ataupun kerajaan walaupun melalui pelantikan sekarang ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tunggu dahulu, ini *floor* saya. Yang melantik ini bukanlah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri yang mempunyai kuasa semua Yang di-Pertua, semua Ahli-ahli Majlis Daerah. Jadi mengapa dipersalahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi pada saya tidak ada - saya tidak beri laluan lagi sebab panjang jawapan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri tidak mahu bagi jalan lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Cukup, cukup Yang Berhormat sudah dua kali bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak mengapa, tidak mengapa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di Pulau Pinang, kita dipilih oleh rakyat dan rakyat hendak pilihan raya kerajaan tempatan dan sekiranya Barisan kata, ”Rakyat Didahulukan”...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kenapa rakyat mahu pilihan raya, yang mereka mahu ialah rakyat memilih kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau rakyat didahulukan, kehendak rakyat mesti didahulukan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya. ya, ya

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak, tidak...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kerajaan yang sekarang ini dipilih oleh rakyat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, jangan bagi laluan lagilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, orang baik dia beri... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya mengikuti hujah... *[Disampuk]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini sangka buruk ini, kata orang lain jahat. Bukan kamu sahaja yang baik ya... *[Ketawa]* Yang Berhormat Kinabatangan kata yang lain ini jahat, tidak betul ini Tuan Yang di-Pertua, perlu tarik balik itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini lagi sudah kena gantung, parti dia ini gantung dia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini niat jahat... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan saya niat jahat, saya cakap saya orang baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukanlah, orang jahat dia bagi... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri saya sebenarnya mengikuti perkembangan tuntutan daripada kerajaan negeri Pulau Pinang untuk *transparent*, untuk memberi mandat kepada rakyat memilih pemimpin pegawai-pegawai di peringkat kerajaan tempatan. Akan tetapi sebenarnya, semua ini retorik. Apa yang mereka tuntut itu adalah kepentingan politik bukan kepentingan rakyat. Berapa juta sangat di Pulau Pinang di banding dengan seluruh negara - 26 juta. Tidak ada juga tuntutan. Yang anehnya kerajaan Kelantan pun tidak mahu, cuma Selangor dan Pulau Pinang, bukan ka ini ada *double standard* di kalangan kerajaan-kerajaan yang mereka miliki. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itulah sebenarnya jawapannya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak betul itu, mengikut kehendak rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Menteri menjawab... Tidak mengapa Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Rakyat dalam manifesto ada kata hendakkan *local council elections* - rakyatlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri menjawab dengan tepat sekalilah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Boleh mencelah, saya tidak pernah mencelah.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini kuasa kerajaan negeri.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk makluman, Kerajaan Pusat tidak pernah berdiskriminasi *gender* dan sentiasa mengiktiraf kaum wanita untuk memasuki jawatan-jawatan utama termasuklah...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Di peringkat membuat keputusan seperti isu pelantikan YDP ini.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat Menteri saya meminta jalan. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Di kalangan sesi persidangan Dewan Negara yang lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Menyatakan bahawa terdapat peningkatan di Majlis Daerah pihak berkuasa tempatan daripada kalangan wanita daripada 10.4% kepada tahun 2004 kepada 12.2% pada tahun 2008 - itu jawapan Yang Berhormat. Kementerian percaya peratusan ini terus meningkat di masa akan datang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi berapa YDP wanita? Beri berapa YDP wanita.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Selaras dengan pelaksanaan dasar wanita negara yang turut menekankan aspek kesaksamaan *gender*. Selain daripada itu, pelantikan Ahli Majlis dan Datuk Bandar atau Yang di-Pertua sesuatu PBT adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), *Section 10 Local Government Ordinance, 1961 (Ordinance No. 11 Of 1991)* dan *Section 13 Local Authorities Ordinance, 1996 (Chapter 20).*

Apa lagi Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi Yang Berhormat kata akan memberikan jumlah berapa bilangannya.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, sekejap lagi, akan sampai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan sampai ya?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Akan sampai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum sampai Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak tahu bilangan YDP wanita.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Yang Berhormat duduk di sini, tunggu sampai habis.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam jangan, jangan Yang Berhormat. Tunggu Menteri habis satu perkara ini perkara ini, kalau ia tidak keluar baru Yang Berhormat berdiri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerajaan boleh negeri melantik sesiapa sahaja yang difikirkan layak mengikut kriteria pelantikan seperti yang diperuntukkan di dalam akta tersebut ialah:

(i) bermastautin dalam kawasan PBT yang berkenaan, bermastautin dalam kawasan PBT yang berkenaan bukan daripada Melaka;

(ii) berpengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan, memperoleh kejayaan dalam sesuatu profesion, perdagangan dan perindustrian; dan

(iii) mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum mereka dalam sesebuah kawasan PBT.

Oleh yang demikian, isu jantina tidak timbul dalam pelantikan YDP dan Ahli-ahli Majlis PBT, kerana faktor utama yang diambil kira adalah kebolehan dan kemahiran individu tersebut. Untuk makluman...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya sudah sampai, saya sampai di situ. Untuk makluman sejumlah 404 orang, mewakili 12.6% daripada jumlah 3,215 jumlah keseluruhan Ahli-ahli Majlis PBT di seluruh negara bagi tahun 2007 terdiri daripada kaum wanita. 404 orang mewakili 12.6% daripada jumlah 3,215 pada tahun 2007 adalah mewakili kaum wanita. Faham?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Faham...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin [Beaufort]: Faham, selain daripada YDP, Majlis juga diterajui oleh wanita iaitu Majlis Daerah Kota Marudu, Puan Luvita Koisun dengan izin, Majlis Daerah perbandaran Sungai Petani, Puan Rozaina binti Dato' Paduka Haji Radzi dan Majlis Daerah Kubang Pasu, Dato' Hajah Che Barni binti Mohd Noor. Manakala empat PBT mempunyai setiausaha wanita iaitu majlis Perbandaran Bentong, Majlis Perbandaran Hang Tuah, Majlis Perbandaran Lubuk Antu dan Majlis Daerah Simunjan. Sebelum ini juga, Yang Berbahagia Datuk Adeline Leong pernah dilantik sebagai Presiden Majlis Perbandaran Pertama Sandakan pada tahun 2000 sehingga tahun 2004 sebelum Pulau Pinang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin [Beaufort]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Batang Sadong, Yang Berhormat berdiri kerana apa? Saya sudah bagi angka, *figure... [Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi kata apabila sampai sini akan beri peluang, akan beri jalan...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Peluang apa? Saya sudah jawab,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh tidak?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak bagi jumlah, saya sudah jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Bagi jalan, minta jalan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta jalan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin [Beaufort]: Mohon maaf kepada Yang Berhormat, saya bercakap ini...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak tanya...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Yang Berhormat sudah tiga kali berdiri dan saya telah pun bagi jawapan kepada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang saya hendak tanya ialah, tiga orang...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak, tidak bagi laluan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...YDP wanita merupakan berapa peratus, di dalam keseluruhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sudah bagi, sudah bagi... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekarang sudah bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Banyak terima kasih kerana memberi angka-angka seperti ini dan saya hendak tanya ialah tiga orang YDP wanita merupakan berapa peratusnya? Empat orang Setiausaha Majlis Perbandaran ataupun Kerajaan Tempatan berapa peratusnya, yang di sini ialah di Pulau Pinang, dua orang YDP, seorang wanita... *[Dewan riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Baru dua tahun, kalau untuk Barisan Nasional sudah 53 tahun, sebenarnya, seharusnya ada beratus-ratus YDP wanita baru betul, tetapi hanya ada tiga orang. Ini merupakan diskriminasi terhadap wanita dan katakan bahawa sekarang sudah ramai wanita yang berkelayakan, tahun ini, tahun lepas...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Baiklah Yang Berhormat, saya sudah faham..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tahun 2008, berapa wanita dilantik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya faham Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sebagai YDP.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berapa banyak sudah wanita terkena diskriminasi dalam ini negara?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi gabenor ada, jadi Menteri ada,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di depan Yang Berhormat pun ada Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah, sudah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum ada kelayakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ada jawapan baru kita bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...YDP.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ini ucapan politiklah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi sekarang kita tahu, Menteri sudah duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Kinabatangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk Yang Berhormat, sudah habislah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi sudah jelas bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak memberi kepentingan kepada keseimbangan gender di dalam perjawatan-perjawatan yang tinggi. Akan tetapi di dalam universiti sekarang ini dikatakan bahawa ingin mengimbangkan gender, itu saya setuju tetapi mengimbangkan semua bidang, bukan di dalam universiti sahaja. Bolehkah, setuju tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak setuju kalau pembangkang... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat kita boleh memperjuangkan mana-mana isu di Parlimen, tetapi ikutlah peraturan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Pertama perkara yang baru dikemukakan fasal *percentage,* berapa banyak *percentage* Yang Di-Pertua, jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab sebab saya pun tidak ada apa kalkulator di sini, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi boleh...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Tidak bagi lagi, cukuplah, cukuplah. Saya sudah jawab, saya sudah bagi angka dan *you* menyebut tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya pun setuju, jadi apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sudahlah, sudah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biasanya mengikut...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Okey saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Amalan, kalau tidak ada angka, berilah jawapan yang bertulis. Bolehkah Yang Berhormat Menteri, ikut amalan ini?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak, sebenarnya saya beritahu tadi kuasa kerajaan negeri...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Bukan saya

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ini bukan Federal, bukan saya

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ini bukan Federal, bukan kuasa Kerajaan Pusat yang melantik Yang di-Pertua, Ahli Majlis Daerah di seluruh negara. Kuasa negeri, kalau boleh lantiklah semua wanita baru kita tahu. Boleh tidak Pulau Pinang melantik semua wanita PBT, boleh atau tidak?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu bukan isunya. Isunya adakah...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Jadi isunya ialah kerajaan... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudahlah. Yang Berhormat Bukit Mertajam sudahlah. Itu bukan caranya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini sudah lama sahaja dalam Dewan ini, tetapi tidak ikut peraturan, ikutlah peraturan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *No,* tidak ada biasanya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau Yang Berhormat dan juga Menteri tidak boleh beri apa-apa angka atau peratusan, biasanya akan diberi, kalau Yang Berhormat yang lebih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, nanti saya beri penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ia akan memberi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Nanti saya beri penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, saya beri penjelasan. Menteri boleh tidak menjawab pun kalau dia mahu dalam dewan ini Yang Berhormat. Peraturan ada, jadi lebih lagi

menulis. Itu atas budi bicara Menteri, jadi peraturan patut dipatuhi, kalau tidak, tidak guna kita berbahas. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua. Berapa banyak Exco Kerajaan Negeri di Pulau Pinang yang dia sudah pilih sewaktu dia menjadi pemerintah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat Menteri. Sila.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam cuba hendak mempelawa saya supaya saya buat *commitment.* Saya tidak boleh *commitment* untuk menjawab secara bertulis sebab kuasa melantik YDP, Yang di-pertua, Majlis Perbandaran, Ahli Majlis Daerah kuasa bidang negeri. Macam mana saya *commit* di sini? Tidak boleh saya jawab secara bertulis, tidak boleh di bawah akta yang saya sebut tadi. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat daripada Batang Sadong dan Yang Berhormat Lipis telah membangkitkan tentang isu pemasangan CCTV bagi membendung kes-kes jenayah terutama sekali pembuangan bayi dan kawalan secara langsung oleh persatuan penduduk terhadap unit CCTV disediakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan sebanyak 496 CCTV kepada 25 PBT di Semenanjung Malaysia bagi membantu usaha-usaha pencegahan jenayah. Lokasi CCTV yang ditentukan oleh pihak PBT dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), berdasarkan kepada indeks jenayah termasuk kawasan perumahan komersial dan perniagaan.

Pemasangan CCTV adalah seterusnya akan dilaksanakan berdasarkan *hot spot* di mana kawasan kecenderungan jenayah yang telah ditentukan oleh pihak PDRM. Setakat ini pihak kementerian sedang dalam proses pemasangan CCTV fasa pertama dan akan membuat pertimbangan bagi pemasangan fasa kedua. Mengenai kawalan secara langsung oleh persatuan penduduk terhadap unit CCTV yang disediakan ini, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pemasangan CCTV adalah secara sewaan dan akan dipantau oleh PBT serta pihak polis mempunyai *Command Centre* dengan izin, masing-masing.

Penduduk tidak boleh diberikan tanggungjawab untuk menyelenggarakan CCTV atas sebab-sebab seperti berikut:

(i) Ia menggunakan teknologi yang memerlukan kepakaran dan kos yang terlibat adalah tinggi;

(ii) pemantauan dilakukan 24 jam;dan

(iii) Polis perlu bertindak pantas ke atas sesuatu kejadian yang dikesan.

Untuk makluman, kos sewaan satu unit CCTV bagi tempoh satu bulan ialah sebanyak RM2,012 setahun iaitu RM24,144 dan untuk 60 bulan iaitu lima tahun sebanyak RM120,720,00.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kota Raja membangkitkan isu lesen penjualan arak yang menjadi satu kekangan PBT bagi mengawal peruncit berlesen dalam menjual arak. Sebagaimana yang kita ketahui, lesen penjualan minuman keras dikeluarkan oleh pejabat daerah dan undang-

undang yang berkaitan dengan perlesenan penjualan minuman arak adalah di Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 1976) di bawah Akta Jabatan Kastam Diraja. PBT hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan berdasarkan kepada Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Oleh kerana, perlesenan penjualan minuman keras bukanlah di bawah bidang kuasa PBT, kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai dengan jumlah lesen menjual arak sebagaimana yang dipohon Ahli Yang Berhormat daripada Kota Raja.

Kementerian ini juga mengambil maklum cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam berhubung dengan penggubalan dan penguat kuasa akta berkenaan dengan pengeluaran lesen *cyber cafe* bagi mengurangkan penyalahgunaan *cyber cafe.* Untuk makluman Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 4 Oktober 2000 telah memutuskan tiada lesen baru dikeluarkan bagi maksud yang sama. Bagi tujuan membendung penyalahgunaan premis perniagaan dan pusat siber, *cyber café,* kementerian ini telah mengeluarkan pekeliling bertarikh kepada 22 Julai 2004 kepada semua pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pelesenan *cyber cafe* adalah tertakluk kepada undang-undang kecil, tred perniagaan dan perindustrian lain-lain undang-undang kecil PBT yang berkaitan.

Untuk makluman kementerian ini dalam proses menggubal undang-undang kecil pusat siber dan *cyber cafe* bagi memastikan operasi premis yang melibatkan mesin-mesin komputer tidak disalah tafsirkan sehingga dijadikan pusat hiburan atau tempat perjudian. Selain itu, aktiviti di pusat siber dan *cyber cafe* dihadkan bagi mengelakkan aktiviti yang tidak bermoral selaras dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 558) UKK yang akan digubal ini turut menggariskan larangan penyebaran memuat turun permainan video, gambar lucah, dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat Bakri turut membangkitkan isu tandas awam yang menyebabkan faktor busuk, kecil dan tidak selesa serta mengemukakan pertanyaan berhubung dengan kos anggaran pembinaan satu unit tandas awam bertaraf lima bintang. Untuk makluman tiada kos tertentu yang ditetapkan bagi pembinaan tandas awam bertaraf lima bintang dan kosnya adalah bergantung kepada lokasi dan spesifikasi yang ditetapkan. Sebagai contoh, tandas awam yang bertaraf lima bintang di *street toilet* yang dibina oleh DBKL di kawasan tumpuan orang ramai contohnya di Jalan Bukit Bintang melibatkan kos sebanyak RM200,000 sahaja.

Untuk amalan Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan peruntukan khas bagi membaiki tandas-tandas awam yang rosak, kerja-kerja penyelenggaraan tandas adalah di bawah tanggungjawab pihak PBT dan pemilik *facility* tersebut. Contohnya Rehat dan Rawat (R&R), restoran, kedai makan, stesen minyak, pusat membeli belah, dan sebagainya. Sungguh pun demikian, kerajaan ada memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta kepada semua PBT bagi skop projek seperti infrastruktur dan kemudahan awam termasuklah menaik taraf tandas. Ia dianggarkan sebanyak 40,000 unit tandas awam di seluruh Malaysia. Pada tahun 2009, 10,000 tandas awam telah pun diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Daripada Pair Salak pula membangkitkan mengenai dengan peranan majlis bandar raya yang meningkatkan

ekonomi masyarakat bumiputera di bandar-bandar. Pihak PBT boleh membantu meningkatkan ekonomi masyarakat bandar dengan menyediakan tapak serta lesen permit khusus bagi perniagaan kecil meliputi pasar awam, penjaja statik, penjaja bergerak dan pasar awam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan pekeliling Bilangan 3 tahun 2008 bertarikh kepada 30 Jun 2008 untuk tujuan pengeluaran permit perniagaan kecil oleh pihak berkuasa tempatan kepada semua kerajaan negeri dan PBT bertujuan untuk memberikan penjelasan dan panduan tentang langkah-langkah untuk memudahkan dan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, boleh tanya satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Boleh.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang tadi punya. Okey. Terima kasih. Di sini saya hendak tanya seperti di kawasan saya, kebanyakan tandas awam tidak beroperasi. Ini ialah tanggungjawab siapa? Majlis Perbandaran Muar atau siapa? Ini kerana di Bandar Muar Kerajaan Malaysia kata hendak menarik pelancong tetapi kebanyakan tandas tidak beroperasi. *So,* minta penjelasan dari Menteri memandangkan kerajaan ingin bangunkan bandar Muar sebagai tapak pelancongan baru, kalau masalah bekalan tandas ini berlaku, adakah ini suatu kecacatan?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih lah sahabat saya daripada Bakri. Sebenarnya jawapan telah saya buat bahawa semua tandas awam adalah dipertanggungjawabkan kepada semua PBT, di mana terletaknya tandas awam itu, maka PBT yang di kawasan itulah yang bertanggungjawab sama ada membina, membaiki, dan menyelenggarakan. Itu jawapan saya Yang Berhormat.

Mempercepatkan lagi pengeluaran lesen permit dan perniagaan kecil khususnya kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan Ahli Yang Berhormat Parit Sulong untuk memasang sepuluh tiang lampu untuk dipasang di Kampung Rangkaian. Suka saya maklumkan bahawa ianya perlu dipohon oleh Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) Daerah Batu Pahat dengan menggunakan borang yang standard dan mendapat anggaran kos daripada pihak-pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), permohonan kemudian hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan atau JKT di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan membangkitkan isu tindakan persatuan penduduk terpaksa mengambil tindakan dengan membina halangan dan jalan perumahan demi untuk menjaga keselamatan komuniti merupakan satu tindakan yang menyalahi undang-undang. Sebagai usaha mengurangkan kadar jenayah kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan yang baru, pihak pemaju hendaklah mengambil kira keperluan menjaga keselamatan penduduk dalam kawasan perumahan terlibat bagi mengelakkan penduduk mengambil tindakan berlawanan dengan undang-undang. Untuk makluman garis panduan, *guide in gated community* sedang disediakan oleh kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan mengambil kira pandangan dan cadangan masyarakat setempat dan persekutuan penduduk menerusi sesi perbincangan dan bengkel yang diadakan.

Halangan fizikal atau pemasangan *bomb gate* di pintu masuk kawasan perumahan adalah tidak dibenarkan dan menyalahi peruntukan seksyen 80 Akta Pengangkatan Jalan Raya 1987 (Akta 333), seksyen 46(1), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan seksyen 62 dan 136 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) yang tidak membenarkan sebarang sekatan atau halangan ke atas sesuatu atau merentasi jalan yang merupakan *reserve* dan kegunaan awam. Oleh yang demikian, atau cadangan untuk meminda perundangan yang berkaitan bagi pembinaan halangan *bomb gate* hendaklah dikaji bersama dengan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Bachok agar komponen-komponen seperti rekreasi, pendidikan, dan sebagainya perlu dikenal pasti di kawasan-kawasan perumahan sebelum sesuatu projek diluluskan. Untuk makluman Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui JPBD telah menggubal dasar-dasar garis panduan dan piawaian berkaitan dengan keperluan, menyediakan tanah lapang dan rekreasi dan kemudahan awam di kawasan awam di kawasan perumahan. Dasar sedia ada telah menetapkan setiap perumahan perlu memperuntukkan 10% daripada keluasan tapak untuk tujuan tanah lapang.

Bagi kemudahan pendidikan satu unit sekolah rendah perlu disediakan bagi setiap 3,000 penduduk dengan keluasan dua hingga empat hektar. Manakala bagi sekolah menengah, satu unit sekolah menengah perlu disediakan bagi 9,000 penduduk dengan keluasan tiga hingga enam hektar kerana pada itu meluluskan kebenaran merancang bagi sesuatu pembangunan, PBT perlu merujuk kepada cadangan-cadangan di dalam Rancangan Tempatan yang telah disediakan bagi memastikan kemudahan yang disediakan mencukupi dan memenuhi keperluan penduduk.

■1230

Kementerian ini turut mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri berhubung dengan kejadian kemalangan yang kerap berlaku di jalan-jalan PBT dan masalah projek penyenggaraan jalan di kawasan Majlis Perbandaran Muar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, kementerian ini telah pun memperuntukkan sebanyak RM2,392,230.00 kepada Majlis Perbandaran Muar bagi melaksanakan projek pembinaan menaikkan taraf jalan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ahli Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu mengenai infrastruktur awam khususnya terminal bas bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam.

Sebagaimana yang dinyatakan di bawah *National Key Result Area* (NKRA) dengan izin, dan menyarankan agar PBT mengambil langkah wajar memasukkan, menyalurkan peruntukan secukupnya bagi objektif tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat NKRA *Urban Public Transport* (UPT) sedang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) yang bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih efisien, di mana peringkat awal pelaksanaan NKRA UPT akan tertumpu di kawasan Lembah Klang.

Sehubungan dengan itu, kementerian ini dan MOT bersama dengan PBT Lembah Klang telah menubuhkan satu Jawatankuasa Tugas Teras NKRA *Urban Public Transport* bagi pelaksanaan inisiatif mempertingkatkan kualiti dan bilangan hentian bas dari dalam dan sekitar Lembah Klang. Jawatankuasa ini ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana Jabatan Kerajaan Tempatan bertindak sebagai urus setia bagi memastikan pelaksanaan lebih kurang 800 buah hentian bas berbumbung yang baru dan juga yang di naik

taraf pada tahun 2010 mengikut reka bentuk piawaian yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat adalah terdiri daripada Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Klang. Status terkini PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengenal pasti lokasi yang strategik dan kritikal bagi pembinaan hentian bas berbumbung yang perlu di naik taraf agar setiap kawasan perumahan dan komersial terletak dalam lingkungan 400 meter daripada hentian bas yang terletak serta dilengkapi dengan kemudahan ciri-ciri yang sewajarnya.

Kementerian ini menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek meningkatkan kualiti kemudahan awam seperti hentian dan terminal bas di semua kawasan PBT. Kementerian akan menimbangkan sewajarnya sekiranya ada permohonan daripada pihak PBT. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sungai Petani telah mengemukakan persoalan berhubung dengan campur tangan Kerajaan Persekutuan dalam hal ehwal pungutan sampah yang selama ini dipertanggungjawabkan kepada PBT. Untuk makluman, hasrat Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pengambilan pengurusan sisa pepejal adalah bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di samping melindungi kesihatan awam dan menangani pencemaran alam sekitar.

Kebanyakan PBT tidak mempunyai punca kewangan yang mencukupi untuk menampung kos pengurusan sisa pepejal. Pelbagai bantuan telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada PBT yang meliputi peruntukan kewangan, kenderaan dan peralatan bagi mengurus sisa pepejal. Sejumlah RM1,738,000.00...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sebentar Yang Berhormat Arau. Saya perbetulkan ayat. RM1,7,380,000.00 syiling untuk pengurusan sisa pepejal di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Silakan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kedudukan penubuhan Perbadanan Sisa Pepejal Negara yang satu masa dahulu kerajaan ada mengumumkan bahawa perbadanan ini ditubuhkan untuk melancarkan urusan pentadbiran dan juga perjalanan sisa pepejal negara ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh ini bagaimana kedudukan ataupun status Perbadanan Sisa Pepejal Negara ini.

Adakah masih lagi relevan untuk dilaksanakan ataupun kerajaan merasakan pada masa kini ianya tidak perlu lagi ataupun tidak perlu lagi ianya berfungsi untuk menjalankan tanggungjawabnya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta laluan sekali.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sama.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Senafas sekali. Soalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ringkaskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan sisa pepejal juga, apabila Kerajaan Pusat telah pun meluluskan akta bagi mengambil alih tugas pembersihan dan kutipan sampah di PBT-PBT. Saya lihat apa yang sedang berlaku ialah syarikat-syarikat yang telah pun diberikan kontrak untuk membuat kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah ini pendapatannya datang dari PBT. Jadi – sedangkan PBT sudah buat kerja kutip sampah, pembersihan 50 tahun sudah.

Jadi kalau sekiranya Kerajaan Pusat tidak pun memberikan insentif ataupun apa-apa tambahan bagi mempercepatkan, memperlengkapkan syarikat-syarikat kutip sampah ini, saya rasa tidak ada apa makna pun mereka ini diberikan kontrak. Ini kerana akhirnya pendapatan mereka – Pertama, mereka dapat untung, yang kedua pendapatan mereka datang daripada PBT juga, jadi sedangkan PBT yang telah buat kerja selama ini pun datang pendapatannya daripada hasil kutipan cukai.

Jadi saya tidak nampak relevannya kenapa harus Kerajaan Persekutuan mengambil alih tugas-tugas PBT ini. Jadi kecuali Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan harus ada bantuan secara khusus kepada syarikat-syarikat ini bagi meningkatkan *efficiency* mereka di peringkat bawah. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Minta sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri hendak beri satu lagi? Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua saya hendak jawab dahulu dua soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berhubungan dengan hubungan dengan perkara yang sama.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya,Singapura saya akan beri peluang nanti, *insya-Allah.* Pertamanya bagi Yang Berhormat Arau. Saya ingin maklumkan Perbadanan Sisa Pepejal itu masih relevan. Akan tetapi oleh kerana penswastaan sepenuhnya sampah belum dapat dilakukan, maka tugas dan tanggungjawab ini belum dapat diserahkan oleh Jabatan Sisa Pepejal kepada Perbadanan Sisa Pepejal untuk menguatkuasakan undang-undang, menyelia dan sebagainya.

Kita telah pun menubuhkan lebih daripada 60 pejabat di seluruh negara termasuklah di negeri-negeri. Keduanya bagi soalan Yang Berhormat Sungai Petani. Kedah sebenarnya menerima konsep penswastaan ini. Kenapa tidak ialah kerana menguntungkan kerajaan-kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kutipan sampah ini yang dibuat oleh semua PBT di Semenanjung sahaja tidak termasuk Sabah dan Sarawak setahun hanya RM900 juta. Perbelanjaan yang akan ditampung nanti oleh Kerajaan Pusat menghampiri hampir RM1.5 bilion.

Maknanya ada tambahan insentif daripada Kerajaan Pusat di antara enam ataupun RM500 juta setahun bagi menampung keperluan untuk menswastakan pungutan sampah di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Jadi itu kebaikan

untuk negeri. Pada masa ini memang rasanya tidak cukup bagi pihak berkuasa tempatan, itu sebabnya kita telah membantu memberikan geran kepada pihak berkuasa tempatan – di situlah geran itu digunakan bagi membiayai kos pelupusan sampah dan kutipan sampah di semua PBT.

Jadi kutipan daripada cukai-cukai, lesen-lesen tidak mencukupi untuk membayar kos bagi pelupusan sampah di semua PBT. Terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebelum beri Yang Berhormat Putatan boleh habis sebelum pukul satu Yang Berhormat?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Hulu Langat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri beri laluan Yang Berhormat Putatan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan duduk dahulu. Yang Berhormat Hulu Langat dahulu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri beri Yang Berhormat Putatan tadi.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Yang Berhormat Hulu Langat saya sudah janji. Saya tidak boleh mungkir janji.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Hulu Langat sudah janji. *[Ketawa]*

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan dari segi kaedah pelupusan sisa pepejal ini. Adakah kementerian hanya hendak bergantung kepada *dumping area* atau *sanitary dumping area* sahaja dan saya difahamkan setakat ini *target* kementerian hanya dapat *recycle* 20% sahaja.

■1240

Akan tetapi di kawasan saya, satu syarikat RDF, walaupun kita faham dia masih dalam keadaan yang kurang memuaskan tetapi mereka dapat berjaya *recycle* sebanyak 70% lebih dan sebahagian besar juga telah pun digunakan untuk menghasilkan tenaga sebanyak 9.5 megawatt. Jadi tidakkah kementerian bercadang untuk membantu syarikat yang sedia ada ini bagi sebahagian besar daripada *solid waste* ataupun sampah bandaran ini dapat kita *convert* kepada tenaga? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya ingat Yang Berhormat beri Yang Berhormat Putatan sekalilah.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, biar saya jawab dahulu. Terima kasih kepada Yang Berhormat sebentar tadi bahawa memang kita akan ke arah itu apabila penswastaan sepenuhnya akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Kita tidak mengharapkan hanya sampah-sampah ini akan berakhir di *landfill* ataupun di tempat pelupusan sampah. Kita mahu ia di kitar semula. Kita akan sampai ke arah itu apabila sampai nanti masanya. Memang pun banyak cadangan-cadangan yang diterima oleh kementerian di mana ada pihak daripada negara luar dan juga pihak tempatan meminta supaya mereka *recycle* menggunakan kepakaran mereka. *Insya-Allah* kementerian akan memberikan pertimbangan yang wajar kepada cadangan-cadangan ini. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Sungguh hebat menangkis semua soalan daripada pihak pembangkang yang tidak menentu. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ini soalannya.

Seorang Ahli: Orang suruh jawab bukan suruh tangkis... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soal-soal tanggungjawab ini Yang Berhormat Menteri seolah-olah kita terlalu bergantung pada peruntukan daripada pihak kerajaan. Adakah tugas utama kementerian ini ialah memungut sampah? Seolah-olah, itu saya punya gambaran. Jadi apakah pendekatan yang lebih efektif soal *culture*, kebudayaan kita untuk menangani masalah sampah yang mencemarkan alam sekitar kita.

Di Kota Kinabalu walaupun tidak termasuk dalam apa yang dijawab oleh kementerian tadi, Sabah dan Sarawak tidak termasuk ataupun belum dilaksanakan lagi ataupun belum diberi bantuan lagi. Jadi soalnya, soal pencemaran di Kota Kinabalu dan perairan di kawasan Kota Kinabalu terlalu teruk sekali sampai Karam Singh pun dapat melihat apa yang berlaku di situ.

Jadi apakah pendekatan yang boleh dicadangkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan supaya semua masyarakat kita di Malaysia ini, masyarakat yang bertamadun saya anggap untuk menangani bersama-sama dengan kerajaan? Apakah pendekatan yang telah diusahakan dan mungkin akan dicadangkan untuk diusahakan oleh kerajaan supaya kita dapat menikmati *mission* kita, *vision* kita, 2020 sebagai negara yang maju. Jangan negara maju ia penuh dengan sampah. Ya, minta penjelasan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat menteri, kasi satu peluang tambah.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sekejap, sekejap, sekejap ya. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya memang bersetuju dan apa boleh buat, mana-mana kementerian pun akur apabila tanggungjawab diberikan untuk pertama sekali mengenai dengan sampah. Saya tidak boleh lari, kementerian tidak boleh lari dalam tanggungjawab ini. Oleh sebab itulah ia termaktub di dalam bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa itu tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pungut sampah sahaja, tidak. Daripada saya, apa juga dasar, apa juga akta, apa juga undang-undang, yang penting di sini ialah *attitude*, perangai, tabiat manusia. Ini susah kita hendak ubah. Siapa pun mengakui ini. Sama ada di kalangan profesional, mengaku bahawa

bukan mudah untuk kita mengubah perangai manusia. Akan tetapi kita berterusan. Kita tidak merasa kalah, kita tidak janggal untuk meneruskan usaha bagi mengadakan kempen dengan kerjasama semua pihak terutama sekali pihak NGO, badan sekolah, parti politik, tokoh-tokoh korporat, bidang-bidang perniagaan, industri-industri perumahan, semua kita guna. Akan tetapi berkesan atau tidak, terpulanglah kepada rakyat Malaysia sama ada mereka sedar atau tidak mengenai dengan kepentingan negara kita bersih, supaya para pelancong akan datang ke negara kita. Para pelancong akan memuji kita sebagai sebuah negara yang bersih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Minta maaf. Saya jawab dahulu, saya jawab dahulu...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta jawab soalan. Apakah langkah dan pendekatan yang lebih efektif?... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya sudah jawab Yang Berhormat. Langkah yang saya jawab, kita sudah buat melalui pelbagai cara. Kempen, kita menyediakan peruntukan yang besar di kementerian melalui JKT. Kempen Kebersihan, tandas awam dan sebagainya malahan kita ada Hari Kebersihan pun setiap tahun. Akan tetapi ini pun tidak berkesan, kenapa tidak berkesan? Sebabnya ialah perangai, tabiat manusia yang sukar kita ubah secara mengejut ataupun secara mendadak. Secara perlahan-lahan, terutama sekali di sekolah-sekolah kita memberikan insentif kepada sekolah-sekolah supaya mereka juga ada kempen sampah dan kitar semula. Ini kita perkenalkan di sekolah-sekolah. Jadi itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Bakri, ada apa-apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa kita ada empat minit Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tentang tapak pelupusan sampah di Bukit Bakri. Jawapan dari Yang Berhormat Menteri dalam bentuk lisan. Apa yang saya tanya di soalan saya ialah kapasiti sisa pepejal sebenar tetapi jawapan dari kementerian ialah sisa pepejal yang diterima.

Saya mendapati, Yang Berhormat Menteri tidak menyatakan muatan sebenar tapak pelupusan sampah ini. Di sini saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apakah kapasiti sebenar dan kapasitinya selepas tapak tersebut dinaiktarafkan. Yang Berhormat Menteri juga tidak menghuraikan secara terperinci tentang langkah dan pengurusan serta kos naik taraf untuk menampung sampah dalam masa tiga tahun akan datang. Di samping itu, sila Yang Berhormat Menteri nyatakan secara bertulis kos yang terlibat dalam pengurusan sampah di seluruh majlis perbandaran di seluruh Malaysia pada tahun 2009. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sampai ke arah itu. Saya belum sampai lagi tetapi kemungkinan ada yang lain itu, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2010, sejumlah RM783,500 telah diperuntukkan untuk maksud yang sama. Selain daripada itu prinsip penswastaan dan perkhidmatan pungutan sampah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani adalah bertujuan untuk mengelakkan

beban kewangan di samping meningkatkan mutu perkhidmatan untuk faedah awam.

Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memastikan sebarang perjanjian konsesi yang akan ditandatangani di antara syarikat konsesi dan kerajaan tidak memihak kepada syarikat untuk mengaut keuntungan yang berlebihan sehingga menjejaskan perkhidmatan yang diberikan dan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan apakah langkah Kerajaan Pusat dalam menangani masalah tapak pelupusan sampah yang menjadi isu kepada penduduk, kementerian ini telah pun melaksanakan projek naik taraf tapak pelupusan kepada sekurang-kurangnya tahap tiga *sanitary landfill* menutup selamat tapak-tapak pelupusan yang terletak di kawasan sensitif seperti kawasan pengambilan air minum dan membina tapak pelupusan *sanitary* yang baru bagi menggantikan tapak pelupusan yang telah penuh. Sebanyak 37 buah tapak pelupusan yang sedia ada sedang dinaiktarafkan, 17 buah tapak pelupusan yang terletak di kawasan sensitif sedang ditutup secara selamat dan pembinaan sembilan buah tapak pelupusan *sanitary* baru sedang dilaksanakan serta lima loji rawatan terminal sedang giat dibina dan dijangka siap pada awal tahun 2010 kecuali loji rawatan terminal yang akan dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2010.

■1250

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM624,624 juta telah dibelanjakan dalam tempoh 2006 dan 2009 bagi tujuan pengambilan tanah, menaik taraf tapak pelupusan, penutup selamat, membina baru tapak pelupusan sanitari dalam bidang loji rawatan termal bagi tujuan mengenai isu pelupusan sisa pepejal. Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan akan menetapkan dasar pengurusan sisa pepejal di samping menentukan perancangan strategik PSP, pihak kerajaan negeri dan PBT, masih kekal memainkan fungsi dan pertanggungjawaban sedia ada ke atas pentadbiran kerajaan tempatan kecuali pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, [Akta 672] dikuatkuasakan.

Yang Berhormat Putatan, mengemukakan persoalan berhubung dengan permohonan bagi pembinaan balai bomba di daerah Putatan, untuk makluman, satu cadangan pembinaan bagi sebuah balai bomba adalah berasaskan kepada kriteria seperti berikut:

(i) *indicator* risiko kebakaran di kawasan tersebut seperti wujud industri berbahaya, kilang, gudang dan sebagainya;

(ii) jumlah kepadatan penduduk;

(iii) kawasan-kawasan jagaan bagi sesebuah balai bomba;

(iv) keperluan sosiopolitik;

(v) faktor keadaan geografi; dan

(vi) keperluan strategik.

Sungguhpun demikian, kawasan Putatan pada masa ini mendapat perlindungan kebakaran dan perkhidmatan daripada tiga balai bomba yang

berhampiran iaitu, pertama, Balai Bomba dan Penyelamat Penampang yang terletak hanya lebih kurang 10 kilometer daripada daerah Putatan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kedua, Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Silam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada hubung kait dengan pembinaan balai bomba. Saya telah pun mengemukakan cadangan pada penggal yang lepas tentang pembinaan balai bomba baru untuk daerah Lahad Datu, oleh sebab usia balai bomba yang ada di daerah tersebut sudah melebihi daripada hampir menjangkau 20 tahun dan keadaan kejadian kebakaran di kawasan atau beberapa tempat di daerah Lahad Datu sangat kerap. Adakah pihak kementerian telah membuat keputusan untuk cadangan pembinaan balai bomba baru daerah Lahad Datu dan saya telah pun difahamkan bahawa jabatan yang berkaitan di daerah saya telah mengemukakan cadangan tersebut ke peringkat negeri dan ke peringkat Pusat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Kita akan mengambil tahu dan mengambil pertimbangan wajar atas permintaan Yang Berhormat dan akan dipertimbangkan. Seterusnya, Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu, Jalan Sembulan yang terletak lebih kurang 15 kilometer sahaja daripada Putatan dan ketiga, Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu, Jalan Likas yang terletak kurang daripada 20 kilometer daripada daerah Putatan.

Menurut rekod kementerian, tiada sebarang permohonan secara rasmi yang dikemukakan oleh pihak kementerian bagi pembinaan balai bomba di kawasan Putatan sama ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mahupun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Permohonan tersebut timbul dalam media cetak setelah berlakunya insiden kebakaran pada 25 Februari 2010 di Kampung Seri Pandan, Pitagas, Putatan kira-kira jam 8.57 pagi yang melibatkan 70 buah rumah hangus terbakar.

Menyedari keperluan pembinaan balai bomba di daerah Putatan, kementerian akan mengkaji secara terperinci keperluan sebenar berdasarkan kriteria yang ditetapkan terutama sekali daripada aspek pembangunan pesat yang akan berlaku di daerah ini. Walau bagaimanapun, penubuhan pasukan bomba sukarela adalah digalakkan.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Satu lagi, sebelum Timbalan Menteri menggulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan. Kenyataan Yang Berhormat soal tidak ada permohonan yang dibuat daripada Wakil Rakyat -Wakil Rakyat di kawasan Putatan itu tidak benar, tidak betul. Kami telah pun menulis surat beberapa kali, disenaraikan permohonan balai bomba di Putatan. Jadi saya mohon sekali lagi bagi pihak rakyat atau penduduk di Putatan ini. Ini desakan daripada penduduk Putatan ini bahawa keperluan itu memang ada sebab penduduk semakin bertambah.

Jadi apa yang berlaku pada bulan yang lalu, kebakaran itu, saya berada di kawasan itu dan saya lihat masalah yang dihadapi oleh bomba dari Penampang, Kota Kinabalu. Ini ada, saya tahu. Kita sedar bahawa ada bomba di Kota Kinabalu, ada bomba di Sembulan, ada bomba di *airport*, ada bomba di Penampang. Itu betul, tetapi masalah tekanan air memang ada masalah. Akan tetapi di daerah Putatan sudah wujud. Takkan kerajaan tidak melihat keperluan ini, satu daerah tidak ada balai bomba. Jadi ini permohonan dan desakan daripada penduduk Putatan. Saya harap kementerian dapat melihat ini secara positif...

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Sedikit.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Sedikit, Timbalan Menteri. Takut Timbalan Menteri duduk, tinggal 5 minit, Timbalan Menteri akan sentuh tentang projek terbengkalai tak? *So* kalau itu saya hendak tanya tentang projek terbengkalai. Sejak Akta 118 digubal, berapa ramai pembeli rumah yang telah dapat faedah di bawah kuasa Menteri dan berapa kali Menteri telah menggunakan kuasa dalam bentuk pencegahan untuk mengelak sesuatu projek daripada mengalami keadaan lewat, sakit tenat dan terbengkalai. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya jawab Putatan dahulu. Saya tidak tahu sebab mengikut rekod kita, mengikut rekod daripada bomba, tidak ada syor permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Bomba. Jadi kalau Yang Berhormat ada salinan surat, bagus juga supaya dapat memberikan satu petunjuk kepada Menteri dan saya bahawa perkara ini tidak betul. Kalau ada salinan surat itu, saya mintalah Yang Berhormat kemukakan surat kepada saya dan juga kepada Menteri dan kita akan perbetulkan.

Jadi memang keperluan di Putatan itu saya tahu. Saya pun orang Sabah, setiap minggu saya melalui Putatan, memang kawasan itu padat dengan pembangunan, kemajuan – tahniahlah kepada Ahli Yang Berhormat Putatan. Cuma saya ingin memberitahu di sini bahawa ketiga-tiga balai bomba ini masih ada kemampuan untuk menyelamatkan harta benda dan mereka ada masa atau waktu tertentu yang mereka boleh sampai kepada waktu berlakunya kebakaran.

Dalam pada itu, kriteria yang saya sebutkan tadi itu berasaskan kepada standard yang ada pada Jabatan Bomba yang mengatakan bahawa mereka masih boleh melakukan penyelamatan di kawasan pada masa yang tepat, di mana mereka diperuntukkan masa dalam satu-satu kebakaran daripada jarak balai bomba itu. Jadi itu untuk makluman Yang Berhormat. Memang saya bersetuju, saya juga mengaku bahawa kepadatan penduduk daerah ini dan telah pun menjadi *four district* sejak dua tahun yang lepas dan banyak lagi keperluan-keperluan di Putatan, bukan sahaja balai bomba, malahan mungkin membina urus setia dan sebagainya. Balai polis yang besar di Putatan perlu ada. Jadi bukan sekadar bomba sahaja. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dengan perkara yang sedemikian. *Insya-Allah* kita akan pertimbangkan.

Bagi soalan Ahli Yang Berhormat Ampang, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, ada lagi dua minit, saya ingat sudah selesai. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai saya di kementerian ini yang telah menyediakan jawapan yang tepat dan yang konkrit, yang saya rasa memberikan kepuasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Nampak tidak ramai yang bangun, ertinya bersetujulah dengan apa yang saya bawa dalam Dewan yang mulia ini... *[Ketawa]* Terima kasih kepada Yang Berhormat, kurang buat gangguan kepada saya. Lagipun saya sudah baca *Bismillaahir rahmaani rahiim... [Ketawa]*

Jadi akhirnya saya ucapkan tahniah juga kepada Ahli Yang Berhormat, empat orang yang Bebas sekarang ini, mudah-mudahan mereka akan terus memberikan satu sumbangan kepada Dewan yang mulia ini, kepada rakyat, kepada negara dan bangsa demi kesejahteraan negara Malaysia. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Menteri daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini berdiri sahaja, Yang Berhormat.

12.59 tgh.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Bismillaahi rahmaani rahiim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja. Kementerian amat menghargai segala pandangan, saranan, cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat serta mengambil perhatian serius terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Okey, sama-sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kena sambung.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kita jumpa lagi selepas *lunch* nanti, *insya-Allah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada pagi ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bermesyuarat semula pada jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung ucapan penggulungan saya, Yang Berhormat Batang Sadong telah memohon penjelasan mengenai peranan dan hala tuju kementerian dalam mencapai dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan. Berhubung dengan perkara ini, suka saya menjelaskan bahawa selain daripada penyediaan pelan tindakan, kementerian melaksanakan pendekatan *advocacy* bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam semua peringkat membuat keputusan, bukan sahaja di sektor awam tetapi juga di sektor swasta.

Di sektor swasta, pelaksanaannya *alhamdulillah* amat memberangsangkan, di mana pada masa ini 28% kaum wanita telah pun berada dalam kumpulan pengurusan tertinggi atau JUSA. Bagi sektor swasta pula, antara inisiatif *advocacy* yang dilaksanakan oleh kementerian ialah dengan mengadakan dengan izin, *engagement* dengan pihak-pihak yang mampu dan komited menggerakkan pelaksanaan sekurang-kurangnya 30% dasar iaitu bersama-sama dengan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pengerusi kepada 50 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia seperti anak-anak syarikat Petroleum Nasional Berhad, Perbadanan Nasional Berhad, FELDA Holdings, UDA Holdings dan Malaysia Airport Holdings Berhad dan dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *government-linked companies* dan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia melalui saranan sama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Yang Berhormat Rantau Panjang pula meminta supaya kaum wanita dalam sektor awam diberi peluang sama rata dengan kaum lelaki. Berhubung dengan perkara ini, saya suka menjelaskan bahawa kaum wanita di negara ini sentiasa diberi peluang yang saksama. Bukan sahaja dari segi peluang kenaikan pangkat tetapi juga peluang latihan dan kursus bagi meningkatkan kemajuan kerjaya oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 19 Februari 2010 terdapat seramai 547,900 orang atau 53% daripada keseluruhan 1,030,238 orang penjawat awam di negara ini adalah wanita. Peratusan wanita dalam kumpulan pengurusan tertinggi ialah 28%, kumpulan pengurusan dan profesional 63% dan kumpulan sokongan 50%.

Yang Berhormat dari Kuala Langat pula mencadangkan supaya kementerian bersama-sama agensi yang berkaitan meminda akta yang berkaitan bagi melanjutkan tempoh cuti bersalin kepada 90 hari...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kenyataan Yang

Berhormat Menteri itu secara total memberi mesej kepada pembangkang bahawa kerajaan dan kementerian memang peka dengan gender, lebih-lebih lagi keutamaan bagi kaum wanita. Jadi apakah Yang Berhormat ingin menyatakan bahawa memang inilah hakikatnya bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini memang bertanggungjawab untuk melihat suasana gender di kalangan wanita itu juga kita pertingkatkan dari semasa ke semasa... *[Tepuk]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di bawah Kerajaan Barisan Nasional memang tidak ada apa-apa diskriminasi di antara gender. Malah saya hendak maklumkan, bukan hanya kaum bapa yang telah mencapai kecemerlangan tetapi wanita juga. Ini kalau kita tengok ramai daripada Ahli-Ahli Parlimen wanita daripada pembangkang pun berpelajaran dan mendapat didikan yang begitu baik. Ada yang jadi doktor, Ph.D dan lain-lain. Semua ini sebenarnya adalah hasil perjuangan Kerajaan Barisan Nasional. Kalau tidak, mereka tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan yang begitu baik.

Saya rasa amat bangga dengan pencapaian semua wanita Malaysia. Akan tetapi pada zaman ini, apa yang menjadi cabaran kepada kita ialah untuk menentukan kaum wanita diberi tempat yang lebih. Peningkatan mesti ada daripada wanita di tempat-tempat buat keputusan dan untuk wanita mencari kecemerlangan dan menceburi di bidang-bidang yang sebelum ini tidak selalu diceburi oleh wanita...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penerangan sebentar tadi, terutama daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Kinabatangan dan juga saya kira mungkin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, negara-negara lain juga ramai *doctorate-doctorate* nya, doktor-doktornya, *engineer* nya daripada kalangan wanita yang dibangunkan oleh kerajaan negara masing-masing. Ini memang tanggungjawab kerajaan, Yang Berhormat Menteri. Bukannya kerana Kerajaan Barisan Nasional tetapi memang itu tanggungjawab kerajaan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Sebenarnya Yang Berhormat, itu tidak betul. Sebab apa, kalau kita pergi banyak negara termasuk negara maju di negara-negara lain, wanitanya mempunyai potensi dan bakat berkobar-kobar hendak memberi sumbangan tetapi mereka tidak diberi peluang. Saya boleh beri nama beberapa negara di seluruh dunia ini di mana wanita tidak ada tempat atau pentas di persada dunia. Tidak ada. Jangan sekali-kali bersikap bahawa perkara ini akan turun begitu sahaja. *No* dengan izin, *it is not true.* Kalau di Malaysia kalau kita ada di bawah kerajaan yang tidak prihatin tentang wanita, percayalah Yang Berhormat wanita tidak akan di benar keluar daripada rumah pun. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional prihatin...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Celah, celah sedikit.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Maka sebab itulah hari ini lebih daripada 60% daripada penuntut yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi adalah wanita. Saya hendak kata sekali lagi jangan ingat bahawa, *"Oh! Ini tugas tanggungjawab kerajaan maka ia kena menentukan wanita ada tempat."* Dengan izin, *it is not true*

at all. Tengoklah sahaja di banyak negara di dunia ini, di mana tahap pencapaian dan sumbangan wanita?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih. Laluan.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Saya minta maaf saya hendak...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tanya sedikitlah. Saya hendak sentuh sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Jawablah.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tidak beri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kita di sini bukan atas dasar 30% yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional. Kami di sini kerana...

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Minta maaf Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh bangun kemudian nanti Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya lanjutkan?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...Kita prihatin dengan wanita-wanita di Pakatan Rakyat maka kita ada ahli pembangkang wanita Pakatan Rakyat yang memenuhi 30% sedangkan Barisan Nasional tidak boleh buat lagi.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri punya jawapan *pathetic.*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi Yang Berhormat Menteri, jangan cakap Menteri bawa di sini. Itu satu tindakan *misleading* kepada Dewan ini kerana tidak benar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri tidak beri jalan lagi. Yang Berhormat boleh bangun kemudian nanti Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kenapa Menteri tidak hendak beri laluan? Menteri, relakslah Menteri.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Janganlah emosi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kinabatangan tidak payah, duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri, *your answer is pathetic* lah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada. Tidak ada dalam dunia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat. Semua duduklah Yang Berhormat. Ya, sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

■1440

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat daripada Kuala Langat pula mencadangkan supaya kementerian bersama-sama agensi yang berkaitan meminda akta yang berkaitan bagi melanjutkan tempoh cuti bersalin kepada 90 hari. Berkaitan perkara ini saya suka menjelaskan bahawa kementerian amat menyedari akan pentingnya kemudahan cuti bersalin kepada golongan wanita. Untuk menjaga kesihatan diri dan menggunakan masa berkualiti bersama bayi mereka. Kemudahan cuti bersalin adalah sebahagian daripada usaha mewujudkan suasana kerja yang mesra keluarga ke arah mencapai keseimbangan kerjaya dan keluarga.

Sungguhpun begitu lanjutan tempoh cuti bersalin dari 60 hari ke 90 hari juga mempunyai implikasi tertentu kepada banyak pihak. Sehubungan itu banyak aspek yang perlu diteliti dengan lebih lanjut dan mendalam. Sebelum cadangan perlanjutan cuti bersalin dikemukakan kepada kerajaan perkara-perkara seperti implikasi terhadap produktiviti negara yang melibatkan kedua sektor awam dan swasta kewangan dan perjawatan perlu diambil kira terlebih dahulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Mencelah Tuan Yang di-Pertua sedikit mengenai 90 hari.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Saya nanti bagi juga Yang Berhormat, *just* bagi saya habis sekarang ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: 90 hari ya.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Walaupun tempoh cuti bersalin 90 hari belum dilanjutkan, kerajaan melaksanakan inisiatif melanjutkan cuti menjaga anak untuk kakitangan wanita sektor awam daripada 90 hari kepada had maksimum lima tahun berkuat kuasa mulai 3 September 2007. Untuk perkhidmatan awam bapa diberi cuti isteri bersalin selama tujuh hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua yang ini beri laluan ya? *Alhamdulillah*. Mengenai cuti 90 hari ini kita hendak tahu juga kedudukan dari Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sedangkan *National Union of Bank Employees* (NUBE) hendak mengangkat 90 hari. Akan tetapi oleh kerana dasar yang ada dalam kerajaan sekarang tidak membenarkan tidak termasuk dalam perlembagaan, maka NUBE kena menunggu, menunggu jawapan ataupun langkah yang diambil oleh kerajaan barulah NUBE dapat menjalankan melaksanakan tuntutan ini kepada semua majikan-majikan perbankan.

Akan tetapi apa yang disebutkan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai perkara-perkara yang harus kita fikirkan tentang produktiviti dan sebagainya. Itu satu jawapan yang regresif. Selaku Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat sepatutnya kita sudah fikirkan sekiranya ramai wanita yang berkecimpung dalam dunia pekerjaan maka apakah sistem sokongan yang harus kita sediakan. Ini agar wanita boleh bekerja pada masa yang sama boleh menjaga keluarga mereka.

Jadi ini *should be* satu langkah progresif yang harus difikirkan. Bukan memikirkan bahawa kalau wanita bekerja dua bulan bercuti, 90 hari bercuti maka produktiviti itu jatuh. Itu tidak benar. Jadi ini yang harus kita fikirkan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berkongsi bersama dengan semua Ahli Yang Berhormat apa yang telah berlaku tentang isu cuti bersalin ini. Sebenarnya Yang Berhormat sebagai seorang wanita saya pun mahu cuti 90 hari ini menjadi kenyataan. Akan tetapi Yang Berhormat tiga tahun dahulu Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempelopori isu ini, di mana kita telah pun mengadakan bengkel-bengkel dengan pelbagai pihak. Ini termasuk dengan kumpulan-kumpulan NGO wanita, dengan izin *Malaysian Federation of Employers* dan semua serata masyarakat.

Apa yang terkejutnya Yang Berhormat saya dapati bahawa ramai juga NGO dan juga wanita yang tidak menyokong untuk kerajaan meningkatkan hari bersalin. Saya sendiri bila dengar dengan telinga saya sendiri ada wanita yang rasa tidak puas hati kita di kementerian memperjuangkan hendak menambahkan isu hari bersalin. Bila saya tanya pada mereka kenapa pula you sebagai seorang wanita *you* tidak mahu sokong ini? Mereka kata pada saya mereka takut nanti kalaulah dimandatorikan cuti bersalin ini mereka takut sebagai pekerja wanita, mereka tidak lagi menarik sebagai seorang pekerja...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: ...*Wait, let me finish first,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini kata mereka kepada saya. Dia kata kenapa dia kata, sebab apa kita bekerja kita hendak menyumbang dan kita boleh *handle* 60 hari yang ada. Ini pun ada pendapat daripada ramai daripada anggota masyarakat. Sebab mereka takut dengan izin, *they will be list out employment* dan majikan tidak mahu nanti hendak ambil wanita sebagai tenaga pekerja.

Akan tetapi bila kita jawab balik - saya sendiri kata, itu sebenarnya tidak benar sebab kita kementerian pun berpendapat bahawa masanya sudah tiba mesti ada pertukaran *mindset* semua pihak bukan hanya kerajaan. Perkhidmatan awam saya percaya kita minta ini mereka akan bagi tetapi yang saya bimbang sedikit adalah sektor swasta. Saya sendiri pun rasa bahawa mesti menyediakan persekitaran supaya ada dengan izin, *mindset change*. Di mana semua majikan mesti lihat situasi atau alam pekerjaan dengan kaca mata yang lain dengan izin, *there has to be more family, friendly workplace.*

Malangnya pada hari ini saya tengok bahawa tahap sikap yang ada tidak sampai ke situ. Jadi saya percaya bahawa dengan usaha sama kementerian, kerajaan - Ahli Yang Berhormat semua dalam masa terdekat kita bersama-sama boleh memperjuangkan. Ini supaya bukan hanya cuti bersalin tetapi misal kata macam tempat penyusuan untuk ibu dan lain-lain - taska, tadika, semua prasarana untuk persiapan supaya wanita boleh mudah bekerja dan menyumbang kepada negara akan menjadi kenyataan.

Saya mengaku bahawa pada masa ini saya sendiri pun tidak dengan izin, *I am not happy*. Saya tidak puas hati dengan keadaan yang ada pada hari ini. Akan tetapi ini menjadi satu cabaran kepada kita semua dan percaya kerajaan melalui kementerian kita di mana NGO wanita itu sendiri yang tidak mahu perkara ini berlaku. Kita mesti *convince them* dan membawa mereka bersama-sama dengan kita. *Insya-Allah* Yang Berhormat, yang 90 hari ataupun masa kita di kementerian dahulu - 84 hari kita hendak minta *extra* berminggu saya berdoa akan menjadi kenyataan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Hebat rupanya kerajaan yang ada ini. Wanita dalam negara kita hendak 60 hari kita bagi 90 hari. Ini pun dimanipulasikan oleh pihak-pihak sana.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Bukit Mertajam ini lagi. Ini kaki manipulasi. Begitu hebat kerajaan kita.

Yang Berhormat Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *This is my floor* lah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat 36(12). Ini memesongkan Dewan. Baru dengar, belum bagi - apa yang dia kata?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bukan tanya Yang Berhormat, saya tanya Yang Berhormat Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolong Tuan Yang di-Pertua, beritahu beliau bahawa beritahu Yang Berhormat dari Kinabatangan bahawa sekarang ia 60 hari sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat isu mana, memesongkan Dewan ataupun saya beritahu dia 60 hari?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia kata, sekarang kerajaan telah bagi 90 hari. Ini peraturanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini kerja Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini peraturan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tahu peraturan mesyuarat - *you were mixed up*. Sekarang ini Yang Berhormat suruh saya beritahu dia cuti 60 hari. Baik. Saya rasa Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(6) mungkin lebih sesuai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 36(12) merujuk seseorang memesongkan Dewan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini fakta memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa tidak bersesuaian Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Eh, sesuai! Memesong...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang pun tidak sesuai. Dia memanipulasi, sebab itulah - dia cakap sembarangan sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *This is not* fakta yang tidak betul. Yang Berhormat Kinabatangan, kalau tidak tahu janganlah hendak...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hujah saya belum habis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hendak ucap lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri bukan tanya Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kenapa emosi sangat?

Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Standing Order 36(6).*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya sudah putuskan Yang Berhormat.

Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Seorang Ahli: Itu apa dia itu...

Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Peraturan Mesyuarat 36(6) tadi mungkin Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak dengar Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa Yang Berhormat Bukit Mertajam kaki manipulasi. Tarik balik!... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(6) - ia berniat jahat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang dia kaki... Bukan sahaja Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Ampang pun memang raja manipulasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul atau tidak?

Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat pun kaki manipulasi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia guna nama Yang Berhormat Ampang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Tidak boleh macam ini Yang Berhormat, ya.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, buat keputusanlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya hendak buat keputusanlah. Duduklah, duduk. Peraturan Mesyuarat 36(6)... Peraturan Mesyuarat 36(12) tadi, Peraturan Mesyuarat 36(12) tidak sesuai. Peraturan Mesyuarat 36(6) adalah sangkaan jahat. Saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan, dia berseloroh, dia berjenaka. Tidak ada niat jahat Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya hati ini bersih. Tolonglah, saya tidak pernah ada niat jahat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua selalu cakap berselorohlah, dalam konteks lainlah. *You* kena...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak ada niat jahat Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *You have to stop* Yang Berhormat Kinabatangan *from saying on this…*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang sangkaan jahat...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kinabatangan kena duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Fikiran dia bercelaru...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kinabatangan duduk dahulu. Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *This is my floor not your floor. You sit down!*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *No, we are talking about standing order.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *What is standing order?*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Standing order* Yang Berhormat Kinabatangan. Sudah lama dalam Parlimen, tidak akan macam ini..

■1450

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa, apa *standing order*? Baca!

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duduk dahulu, duduk dahulu. Dengar saya cakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, baca, baca!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Kinabatangan duduk dahulu Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Peraturan Mesyuarat 36(6) tadi bersangka jahat kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Jadi dalam konteks berseloroh atau apa, ini tidak boleh dibiarkan kerana telah berlaku dengan sewenang-wenangnya. Jadi kita minta Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tapi 36(6) Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Perkataan, “kaki manipulasi”, terhadap Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bersetuju dengan saya Yang Berhormat Kinabatangan berseloroh. Jadi kalau kita pakai 36(6) dia mesti ada niat yang jahat. Jadi saya katakan bahawa saya tidak percaya Yang Berhormat Kinabatangan berniat jahat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua memang bijaksana... *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang tiada niat jahat langsung pun. Sebab hati saya bersih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini saya punya kawan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada lagi, duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* jangan campur, ini saya punya kawan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang selalu macam ini Yang Berhormat Kinabatangan! Berapa kali...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun lelaki.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 36(4) Tuan Yang di-Pertua. Mengapa *mike* saya tidak dipasang? Peraturan mesyuarat 36(4). Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memberi amaran pada Yang Berhormat Kinabatangan, tidak boleh bersikap kurang sopan. Kita sedang membahaskan isu-isu wanita. Separuh daripada populasi negara ini dan setiap kali perbahasan isu-isu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Kinabatangan tidak mengambilnya dengan serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan Yang Berhormat tidak boleh berkata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh cakap panjang-panjang. *What is your point of order*? Ini *you* berhujah!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah tidak boleh menerima Yang Berhormat Kinabatangan berkata...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa tahu saya tidak serius? Saya serius. *I am very serious*. Bukan macam pembangkang cakap kosong sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Membela Yang Berhormat Kinabatangan menyatakan dia berjenaka sahaja, berseloroh. Kita tidak boleh menerima Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order* mana, boleh berhujah. Ini bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Saya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya harap Tuan Yang di-Pertua bagi amaranlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah mengambil keputusan terhadap isu ini Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa seksyen pun saya sudah ambil keputusan dan saya ingin beritahu bahawa melambat-lambatkan prosedur mesyuarat juga melanggar peraturan mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa Yang Berhormat Kinabatangan tidak serius. Itu juga satu tuduhan. Sebab itu saya katakan, saya tidak lagi memanjangkan isu ini. Itu juga satu tuduhan yang tidak baik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua. Sebab Tuan Yang di-Pertua membela dia, mengatakan dia hanya berjenaka dan berseloroh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Tidak, I have to be practical* Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberi amaran kepada semua Ahli, terutama lelaki mengambil serius...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan sudah berkali-kali memalukan Dewan ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengambil serius apabila kita membincangkan isu wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau ada perlanggaran, perkataan berkali-kali. Kalau ada perlanggaran pada ketika itu harus dikemukakan isu bukannya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara semalam dibawa hari ini. Kita mesyuarat semalam, semalam habis. Hari ini kita bermesyuarat di sini. Yang Berhormat katakan berkali-kali, maknanya sudah dilakukan sebelum ini, tahun lalu, tahun sebelum.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dan peraturan mesyuarat tidak boleh buat macam itu. Peraturan mesyuarat harus, jika dia melanggar peraturan mesyuarat pada ketika itu harus dikemukakan. Kita tidak *side* dia berkali-kali. Itu juga tidak baik Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua masa itu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya putuskan, saya rasa tidak lagi...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ..Akan kata tidak berselorohlah, tidak seriuslah, hati dia murnilah, tidak berniat jahat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [silam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi *how*? Dalam budi bicara Tuan Yang di-Pertua, mesti juga ada satu *study* tentang trend. Trend sikap Ahli Parlimen dalam Dewan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Rekod beliau, rekod beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya kembali Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Alah, Yang Berhormat Bukit Mertajam emosi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Eh, sudahlah, duduk sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Saya rasa ada isu lebih penting yang harus dibincangkan dalam Dewan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan penting Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dianggap tidak penting, sikap Yang Berhormat begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri silakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sikap Yang Berhormat itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikap Yang Berhormat pun saya boleh usul 36(4)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apakah Dewan ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...sikap Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat! Melambatkan mesyuarat ini juga merupakan satu perlanggaran kepada Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, tapi ada orang yang melanggar lebih serius, tidak diambil tindakan.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: ...Dengan isu yang lebih serius.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ya betul Tuan Yang di-Pertua, melewat-lewatkan masa... *[Tepuk]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak sambung boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab apabila kami wanita menegur berkenaan sikap Ahli Barisan Nasional lelaki yang tidak peka gender, kurang sopan kita dipersalahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, saya tidak mempersalahkan Yang Berhormat. Kalau itu datang daripada pembangkang pun saya akan buat keputusan yang sama.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Memberi amaran kepada...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, memperkecil-kecilkan perkara seperti ini!

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dengar Tuan Yang di-Pertua lah. Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam saya minta Yang Berhormat keluar daripada Dewan... *[Tepuk]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Keluar, keluar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dengan apa, dengan perkara apa? Peraturan yang mana?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Keluar, keluar ikut arahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kerana Yang Berhormat berdegil dan tidak ikut arahan. Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Tak ada. Keluar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bentara, saya minta dia keluar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya belum bagi amaran lagi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Bentara, kasi keluar dia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kerana ini hendak saya keluar Dewan. Akan tetapi orang yang lebih teruk tidak payah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, tidak pun ada arahan... *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Keluar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat yang menggunakan perkataan yang lebih lucah, lebih apa ini, tidak pernah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, tadi pun tidak ada arahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hanya mereka *interject*. Pencelahan tidak bermaksud...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah katakan Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Benda itu *simple*, sudah buat keputusan tetapi keputusan saya tidak diterima oleh Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ialah, tetapi sampai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, perkara kecil sebab itu saya katakan perkara kecil. Saya sudah buat keputusan. Kenapa tidak boleh diendahkan keputusan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betul tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Saya dengar, ikut arahan. Bentara suruh dia keluar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, sila duduk Yang Berhormat Batu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua demi kebaikan maruah Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya serius Yang Berhormat, saya serius. Benda ini kecil.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Saya harap pertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah buat keputusan. Sekarang ini melibatkan bahawa keputusan saya tidak diterima oleh Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menuduh Ahli Parlimen bukan satu perkara yang kecil!... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *look at you. Look at that*. Tengok perangai begitu. Langsung tidak memberi hormat kepada *Chair*... *[Tepuk]* Ya, sila. Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nanti sebentar Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Bukit Mertajam keluar dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melaungkan perasaan tidak puas hati terhadap keputusan Tuan Yang di-Pertua tersebut! Menghalau, meminta Yang Berhormat Bukit Mertajam keluar. Apa yang kami bertiga bangkitkan adalah memohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Tuan Yang di-Pertua bertindak lebih adil sahaja. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bagi amaran kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mintalah kepada semua apabila kita bincang tentang isu wanita, keluarga dan masyarakat kita mesti mengambil sikap yang positif dan serius tentang ini, tidak kiralah sama ada...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya minta teh Tuan Yang di-Pertua, saya pun keluar juga.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: ...Saya rasa kedua-dua belah pihak kita mesti menghormati apabila perbincangan tentang isu wanita, keluarga dan masyarakat diperbincangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan sekali lagi tentang cuti bersalin ini. Dia ada dua pendapat. Ada kumpulan yang merasakan bahawa 60 hari mencukupi dan ada kumpulan termasuk wanita yang merasakan bahawa 60 hari tidak mencukupi tetapi secara prinsipnya Tuan Yang di-Pertua.

Di kementerian kami rasakan bahawa masanya sudah tiba untuk satu keputusan baru dibuat, untuk menentukan 60 hari ini dilebihkan sama ada 84 hari mahupun 90 hari. Kita di kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan supaya kita dapat memberi peluang kepada ibu-ibu bersama-sama dengan bayi yang lahir kerana kementerian berpendapat bahawa perlu ada tindakan yang tegas untuk menentukan tempat pekerjaan lebih mesra keluarga.

Tadi apabila saya katakan ada setengah NGO termasuk wanita yang merasakan 60 hari ini mencukupi saya dapati bahawa mereka tidak mewakili semua strata wanita kerana terutamanya wanita yang bekerja. Berada di bawah kumpulan sokongan yang tidak mampu ada pekerja di rumah, pembantu di rumah, keluarga tidak ada hendak membantu. Golongan inilah yang memerlukan perjuangan daripada kementerian dan kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka bersama-sama bayi dalam jangka masa yang lebih. 60 hari itu memang tidak mencukupi. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian kita akan menyambung semula perjuangan kami untuk menentukan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon komen Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Untuk menentukan prasarana dapat diwujudkan, yang lebih mesra keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Saya mahu berkongsi tentang apa yang dilakukan tahun lepas oleh negara Australia, pertama kali melaksanakan satu skim *clearly a reform*, skim cuti berbayar untuk ibu bapa.

■1500

Mereka melaksanakan skim ini setelah menubuhkan *Productivity Commission*, dengan izin. *Productivity Commission* ini membuat satu *public enquiry* dengan semua pihak, semua strata yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk menilai adakah ada sokongan bagi mendapatkan cuti berbayar dan sebagainya. Saya fikir, berbalik kepada nilai produktiviti, kalau semua rakyat Malaysia sedar ibu yang diberi ruang untuk bersama dengan anak-anak, saya sendiri seorang ibu muda, itulah nilai produktiviti, membesarkan masa depan negara. Apabila mereka faham bab itu*, insya-Allah* memang ini akan dipersetujui. Jadi adakah ruang dapat diberikan oleh pihak kementerian menubuhkan suruhanjaya atau *commission* sebegini untuk ke depan. Tidak cukup dengan pertemuan beberapa kumpulan. Saya fikir kena buat *public enquiry*. Saya mohon komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sebelum komen, saya boleh celah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya perbincangan ini, saya ingin ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada semua Ahli Parlimen yang telah menyertai perbincangan ini.

Apa pendirian yang kita ambil sama ada 60 hari atau 90 hari, saya percaya ini adalah dibahaskan dengan semangat ingin mempertingkatkan prestasi dan juga kebajikan wanita. Saya hanya ingin mengeluarkan kekesalan kalau ada Ahli-ahli Parlimen yang cuba celah untuk mendapatkan *point score*. Saya agak ini bukan semangat yang kita harus bincang dalam isu wanita ini kerana ini memang satu isu yang berkait dengan semua lapisan masyarakat dan juga yang membatasi perbezaan politik dan perbezaan parti. Saya haraplah Yang Berhormat Kinabatangan akan tidak mengambil kesempatan untuk mendapatkan *cheap political passivity* seperti tadi. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa isu ini adalah satu isu di mana kedua-dua kerajaan dan juga pembangkang kita mempunyai satu pendirian di mana masanya sudah tiba untuk semua pihak mengambil tindakan menentukan tempat kerja itu lebih mesra keluarga. Saya rasa tidak siapa yang mempertikaikannya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Cuma kita hendak tengok *instrument* bagaimana hendak menentukan apa jua kelulusan yang dibuat oleh pihak kerajaan, ia akan memberi - ia baik untuk semua sektor sama ada perkhidmatan awam ataupun swasta dan pekerja wanita itu sendiri. Saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa kalau kita tidak ada perubahan *mindset*...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta laluan, bolehkah?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Sekejap bolehkah, sekejap Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Okey.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Kalau kita tidak ada perubahan *mindset* majikan dan juga pekerja di mana masanya sudah tiba untuk kita mewujudkan persekitaran pekerjaan yang *more* seperti mana saya kata mesra keluarga, akan ada dengan izin, *female retreat from employment*. Wanita tidak akan bekerja kerana bukan semua mereka yang mampu hendak ada orang kerja di rumah. Gaji tidak cukup untuk hendak jaga anak-anak. Kalau kita tengok kosnya, Yang Berhormat, bila kita tengok dengan masalah sosial, ada kajian menyatakan bahawa masa seorang wanita itu mengandung dan melahir, *bonding* yang diadakan di antara ibu dan bapa dengan bayi itu adalah satu pelaburan yang teristimewa yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit.

Maka dengan itu, saya sendiri, kami di kementerian, kita berazam untuk memperjuangkan supaya bukan hanya cuti bersalin tetapi prasarana dan *facilities* lain seperti mana saya katakan tadi, tempat penyusuan, taska, tadika, *flexi hours* dan lain-lain menjadi kenyataan di Malaysia. Kalau tidak, percayalah ia akan ada dia punya pengaruhnya. Mungkin ia akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di negara kita ini. Jadi kami di kementerian ingin menjadi satu perjuangan dan saya harap bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersama-sama kamilah memperjuangkan supaya persekitaran, pekerjaan di Malaysia ini akan lebih mesra keluarga. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya rasa semua dalam Dewan ini 100% bersama dengan Yang Berhormat Menteri dalam ungkapan tadi. Jadi dalam semangat itu juga, saya ingin bertanya. Oleh kerana kita melihat,

dalam kita menggalakkan sektor swasta dan sektor kerajaan untuk mewujudkan prasarana penyusuan anak untuk merapatkan hubungan bayi dengan ibu dalam suasana bekerja, ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Dalam sektor kerajaan sendiri, berapa peratuskah bangunan-bangunan dan jabatan kerajaan, terutama di kementerian-kementerian di Kuala Lumpur khasnya, kerana ibu yang datang bekerja kalau mengikut amalan biasa datang pagi, balik malam, balik petang. Jadi hubungan dengan anak-anak begitu longgar. Jadi di Kuala Lumpur khasnya, berapa peratuskah bangunan-bangunan jabatan-jabatan kerajaan, yang mempunyai kemudahan penyusuan anak di masa bekerja, waktu bekerja. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka itu dengan saya pada masa sekarang. Namun kalau Yang Berhormat Menteri hendak, saya boleh buat secara bertulis. Namun saya boleh kata bahawa memang peratusannya terlalu kecil. Secara umumnya, saya tengok Malaysia walaupun kita bagus di dalam...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya minta maaf. Dasar ini diumumkan dalam Dewan ini semasa pembentangan bajet zaman Tun Dr. Mahathir lagi. Jadi kenapakah kita terlalu lewat? Tun Dr. Mahathir telah mengundurkan diri sejak beberapa tahun yang lalu. Jadi apakah sebabnya ini terlalu lambat walhal kita mempunyai bangunan-bangunan yang canggih dan cantik, besar-besar dan apakah sebabnya, Yang Berhormat? Minta penjelasan.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak kata tadi, kita hebat dalam pembangunan kita dalam pelbagai aspek tetapi penyediaan untuk prasarana untuk sesetengah kumpulan seperti untuk ibu-ibu dan juga misal kata untuk orang kurang upaya amat tidak memuaskan langsung. Walaupun kita sudah ada undang-undang, kita ada *by laws*, peraturan tetapi implementasinya betul-betul amat mengecewakan. Jadi saya mengucapkan terima kasih, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat boleh, di mana jua ada seperti kami di kementerian ya, kita selalu bercakap tentang perkara ini. Namun sehingga hari ini, kalau kita tengok prasarana untuk orang kurang upaya, untuk ibu-ibu. Memang tidak memuaskan. Amat mengecewakan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Saya harap bahawa dalam tahun-tahun akan datang bahawa isu seperti ini akan diambil berat oleh bukan hanya pihak berkuasa tempatan tetapi juga arkitek, *planners* dan lain-lain.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya ingin menyebut bahawa saya minta kalau boleh kementerian memimpin, memimpin perubahan minda ini. Pertama sekali, bila bercakap tentang pelaksanaan, kalaupun tempang, okey. Kita hendak pastikan bahawa rakyat menerima bukan sahaja cuti bersalin 90 hari tetapi memastikan skim cuti berbayar misalnya. Di negeri Selangor sudah dibuat. Maksudnya kalau memang kementerian benar-benar serius, saya pasti ia boleh dijalankan. Itu satu.

Saya ambil contoh. Di Parlimen sendiri pun. Saya minta supaya diadakan bilik untuk menyusu bukan untuk Ahli-ahli Parlimen sahaja. Semua kakitangan Parlimen yang banyak saya tengok juga mengandung. Malangnya, walaupun saya bersyukur di bilik air untuk Ahli-ahli Parlimen. Jadi maksudnya ada jurang besar antara pelan kita yang hebat-hebat dengan pelaksanaan. Kalau tengok Ahli Parlimen Kinabatangan, saya juga minta Yang Berhormat Menteri bagi sokongan kepada Ahli-ahli Parlimen wanita yang membawa isu-isu wanita. Jangan biar Ahli

Parlimen Kinabatangan dulu pun sudah menyatakan, mengeluarkan kata-kata yang sangat seksis, rasis dan sebagainya.

Jadi saya fikir di sinilah kepimpinan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu sangat-sangat dimahukan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, saya hendak minta kepada semua Ahli Parlimen sama ada daripada kerajaan mahupun daripada pembangkang supaya mengambil secara serius dan menghormati apabila saya ataupun sesiapa jua berbincang mahupun menggulung tentang isu-isu wanita, keluarga dan masyarakat. Saya juga memandang serius tentang isu-isu seperti ini. Saya rasa bahawa sebenarnya, sesiapa jualah yang apabila mereka tidak menghormati isu-isu sebegini, ia mencerminkan perwatakan individu itu sendiri.

■1510

Jadi biarlah kita tanya diri kita sendiri siapa dia yang menghormati wanita maka orang itu kepada saya yang mempunyai *dignity* yang berhemah. Saya hendak minta biarlah kita selain daripada mengikut peraturan saya hendak minta kepada semua Ahli Parlimen marilah kita menghitung diri sendiri bagaimana pencapaian kita apabila kita membahaskan isu-isu wanita, keluarga dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menyambung semula Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Rantau Panjang meminta kementerian menjelaskan strategi yang diambil untuk meningkat ekonomi wanita Malaysia. Sehubungan perkara ini saya ingin maklumkan bahawa kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif dan program melalui pendekatan multisektoral bersama agensi-agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, MARA, SMIDEC, PNB, Program Francais Wanita, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa dan lain-lain bagi menggalakkan wanita menceburi bidang pekerjaan.

Di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara inisiatif dan program serta aktiviti menjana pendapatan termasuklah Program Kepimpinan Wanita Nur Bestari, Peningkatan Kapasiti Wanita dengan NGO-NGO, Program Jejari Bestari, Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, Usahawan Tani, Agronita Inspirasi Kreatif dan Program *Home Managers*. Juga geran pelancaran kepada wanita miskin untuk membantu perniagaan secara kecil-kecilan, Program Peningkatan Kemahiran dan Pendapatan, bantuan untuk kesejahteraan emosi dan terkini melatih dan membangunkan 4,000 orang usahawan wanita menjelang akhir tahun 2012.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara mengenai isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh kementerian, kerajaan telah menyasarkan untuk mewujudkan seramai 4,000 lagi usahawan wanita menjelang akhir tahun 2012. Sebagai sebuah kementerian yang kumpulan sasar utamanya antara lain adalah wanita, kementerian tidak pernah mengabaikan aspek kebajikan ibu tunggal yang memerlukan bantuan kebajikan. Antara bantuan yang disediakan oleh kementerian adalah pertama, bantuan kanak-kanak. Bantuan pada kadar RM150 untuk setiap kanak-kanak sehingga maksimum RM450 sebulan untuk setiap keluarga bagi membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak ibu tunggal sehingga berusia 18 tahun. Pada tahun lalu 60,490 anak-anak ibu tunggal menerima bantuan kanak-kanak yang melibatkan peruntukan sebanyak RM62,760,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Boleh tidak saya habiskan ini dan saya akan beri peluang nanti. Golongan ibu tunggal miskin juga diberi bantuan am pada kadar RM80 sehingga maksimum RM350 sebulah sekeluarga bagi membantu menampung perbelanjaan harian mereka dan keluarga. Sejumlah RM28,403,00 bantuan telah disalurkan kepada 20,428 orang ibu tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Mengenai ibu tunggal Yang Berhormat Menteri. Kita tahu kerajaan mempunyai banyak program untuk membantu ibu tunggal, untuk membantu anak-anak ibu tunggal tetapi apa yang kita hendak lihat sekarang adalah impaknya. Kita hendak melihat apakah yang telah dilakukan ini yang betul-betul memanfaatkan ibu tunggal dan keluarganya.

Jadi adakah pihak kementerian mempunyai program ataupun analisis untuk melihat sejauh manakah program ini telah begitu berjaya membantu di mana saya boleh beri contoh di sini mungkin kita melihat okey ibu tunggal ini yang telah kita bantu dari segi program keusahawanan mungkin menjadi usahawan. Apakah kemajuan mereka dan apa yang telah berlaku kepada keluarga ini? Apakah peringkat kemajuan mereka supaya ia boleh dijadikan contoh. Kita juga hendak melihat dari segi datanya, berapa peratuskah kejayaan yang telah dicapai melalui program-program ini mengikut apa yang telah kita lakukan dari beberapa tahun yang lepas? Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Isu yang sama. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Sebelum saya bercakap saya ingin merakamkan rasa kesedihan dan kekecewaan saya atas kejadian yang telah berlaku sehingga menyebabkan salah seorang Ahli Parlimen kita diminta keluar daripada Dewan kita pada hari ini tanpa *withdrew respect* kepada Tuan Yang di-Pertua. Merakamkan sahaja.

Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan ibu tunggal. Sebenarnya ada lagi satu golongan dalam ibu tunggal iaitu ibu tinggal. Maknanya mereka ini masih ada suami dan tidak bercerai atau suami mereka tidak mati tetapi suami tidak berada dengan mereka misalnya isteri-isteri banduan terutama isteri-isteri tahanan ISA di mana mereka ini sering menjadi mangsa. Seperti mana yang kita tahu apa yang berlaku baru-baru ini, saya terlupa nama seorang kanak-kanak berumur tiga tahun yang dibelasah sehingga maut, sehingga mati oleh *boyfriend* kepada ibunya yang merupakan ibu tinggal kerana suami atau bapa budak ini duduk dalam penjara.

Jadi isu masyarakat seperti ini sudah banyak dan itu bukanlah satu kes yang pertama. Saya ingin bertanya adakah kementerian mempunyai satu polisi untuk membantu dan membela isteri-isteri banduan? Ini kerana mereka tidak bersalah, anak-anak mereka tidak bersalah tetapi yang bersalah bapanya ataupun suaminya. Jadi mereka ini perlukan pembelaan sebab biasanya masalah mereka ini bukan sahaja dari segi kekurangan kewangan dan sebagainya tetapi menghadapi tekanan emosi dan psikologi kepada masyarakat juga.

Keduanya adalah isu tahanan ISA di mana pelajar-pelajar luar negara telah ditangkap baru-baru ini. Mereka ini bukan rakyat Malaysia. Setelah ditangkap dan Menteri Dalam Negeri ada dalam sini *alhamdulillah*, ditangkap dan mereka tiba-tiba dilepaskan dan *deported*, dengan izin. Dihantar pulang ke negara mereka meninggalkan isteri dan anak-anaknya di sini. Siapa yang bertanggungjawab ke

atas mereka? Mereka ini tidak ada wang, tidak ada cukup *finance* untuk balik ke negara mereka. Mereka terlonta-lonta. Mereka datang ke sini dengan visa suami. Jadi siapa yang bertanggungjawab? Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri ataupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Adakah sepatutnya mereka ini memang dapat pembelaan kerana mereka ini tidak bersalah? Suami mereka pun ditangkap tanpa bicara. Jadi saya ingin bertanya apakah pendirian kementerian dalam isu ini? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya bagi menjawab Yang Berhormat Batang Sadong. Saya hendak maklumkan bahawa kita di kementerian sekarang kita akan ada satu peningkatan dengan cara kita membantu kumpulan sasar termasuklah ibu tunggal. Pertamanya, saya hendak rangkumkan kedua-dua ya. Kita akan beri perhatian sekarang bukan hanya kepada ibu tunggal tetapi wanita yang menjadi ketua isi rumah. Ini sebab seperti mana Yang Berhormat Titiwangsa kata kadangkala walaupun dia bukan ibu tunggal tetapi dia ketua isi rumah. Saya sudah meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat mengawasi kes-kes seperti itu sama ada dia banduan atau dalam keadaan lain yang memerlukan bantuan memang saya setuju dengan Yang Berhormat.

Kalau suami itu yang menjadi banduan dia masuk dalam jel kenapa pula isteri dan anak-anaknya yang mesti diseksa. Itu tidak adil. Jadi saya meminta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kita membuat kerja-kerja kebajikan, kita kena bantu kumpulan sasar. *Insya-Allah* saya dimaklumkan bahawa beberapa kes di mana suami menjadi banduan, kita sudah pun melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu mereka. Jadi kalau Yang Berhormat tahu ada kes-kes sama ada ISA atau mana-mana pun sila rujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tindakan akan diambil. Untuk...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta maaf. Ini akan jadi satu polisi, satu dasar kepada kementerian?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Itu sebagai arahan daripada Menteri bahawa kalau ada kes-kes seperti itu sebab apa kemiskinan dan juga kes-kes seperti ini kita tidak kira siapa jua yang merujuk. Kalau ada rujukan *insya-Allah* Jabatan Kebajikan Masyarakat akan turun ke padang secepat mungkin membantu. Saya sendiri pun rasa sebagai seorang wanita apabila saya dengar dan dapat tahu akan kes-kes seperti ini saya pun risau dan memang saya pun geram dan sakit hati kenapa seorang wanita itu dan anak-anak mesti menanggung risiko kerana perbuatan seorang suami yang tidak bertanggungjawab. Jadi *insya-Allah* Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membantu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Ada satu kes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu kes mengenai Puan Norizan Salleh yang mana kesnya telah dibawa ke SUHAKAM kerana beliau telah ditembak pihak polis dan sebagainya.

■1520

SUHAKAM membuat rujukan kes ini kepada Kementerian Wanita tetapi sampai sekarang kebajikan Norizan tidak lagi diambil tahu dan perkara-perkara yang dijanjikan untuk memberi *medical fees* yang dia dah belanjakan dan masih lagi tidak terjawab.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat, lepas ini Yang Berhormat mungkin boleh bagi *detail*, saya tengok KSU saya ada di sini, beliau

akan tentukan bahawa tindakan yang secepat mungkin diambil, Norizan Salleh namanya, *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya gelap sikit mungkin Yang Berhormat Menteri tidak nampak... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ucapkan tahniah kerana semalam kementerian Yang Berhormat dan Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri pun ada sini telah menampakkan satu semangat kerja yang *integrated*, saya ucapkan tahniah. Nampaknya segala perkara yang tidak dapat diselesaikan oleh agensi-agensi kerajaan yang menjurus kepada masalah kehidupan akan berlabuh di kementerian Yang Berhormat Menteri.

Jadi apakah rencana Yang Berhormat kerana saya nampak semua kementerian nanti kalau ada masalah terutamanya Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian yang lain ada sahaja masalah akan ke arah kementerian Yang Berhormat. Jadi adakah ini salah satu daripada NKRA kementerian Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, isu wanita, keluarga dan masyarakat sebenarnya merentasi kementerian. Jadi menjadi tugas dan tanggung jawab kami di kementerian bila ada isu-isu terutama yang kritikal seperti perdagangan manusia, wanita dan kanak-kanak maka apabila dimaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan secepat mungkin beliau dan semua di kementerian beliau telah mengambil tindakan mewujudkan pelan tindakan, dapat *feedback* daripada kami di kementerian dan kita di kementerian mendapat *feedback* daripada Ahli Parlimen, kita ajukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Inilah cara kita bekerja dan *insya-Allah* kami di kementerian ia menjadi satu cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam, Batang Sadong, Rantau Panjang dan Tenggara kerana menyentuh mengenai Dasar Keluarga Negara, tanggung jawab ibu bapa, peranan kementerian dalam membendung kes penderaan dan pembuangan bayi. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sedang memuktamadkan proses penggubalan Dasar Keluarga Negara untuk dibentangkan kepada kerajaan.

Dasar Keluarga Negara merupakan satu inisiatif kerajaan dalam membantu mencapai matlamat mengekalkan institusi keluarga, membangunkan keluarga yang sejahtera dan berdaya upaya bagi melahirkan generasi berkualiti dan berperilaku mulia yang akhirnya dapat mewujudkan kesejahteraan sosial.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan, terima kasih. Tadi Menteri menyebut mengenai kes-kes pembuangan bayi. Apakah pihak Kementerian Pembangunan Wanita akan lakukan sekarang ini apabila ada kes-kes mengandung luar nikah ini. Dalam undang-undang kita wanita yang membuang bayi itu yang akan diambil tindakan sedangkan *partner*nya ataupun lelaki yang menyebabkan dia mengandung itu terlepas begitu sahaja.

Jadi saya rasa kita juga perlu meminda dan melihat semula undang-undang kita yang berat sebelah yang meletakkan tanggung jawab hanya kepada wanita dan saya rasa saya boleh bersetuju kalau kementerian mengambil pendekatan yang

lebih lembut kepada - ataupun kerajaan kepada budak-budak ini. Saya panggil budak-budaklah kerana mereka ini pangkat anak-anak yang telah melakukan kesilapan dan mungkin kerana kesilapan ibu bapa sendiri. Saya ingat itu pun kita mesti ada pendekatan bila anak-anak yang bawah umur membuat kesalahan ataupun terjebak di dalam kesalahan, maka ibu bapa juga perlu bertanggungjawab.

Jadi sekarang ini kita ada satu lingkaran yang ganas di mana kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini sekiranya kita tidak melihatnya dalam satu *micro-view* nya. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Menteri saya hendak sambung sedikit sahaja daripada itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab sekarang ini kementerian sedang dalam penggubalan dasar program keluarga saya dengar tadi ya? Jadi saya ingin meminta supaya ia dimasukkan kalau boleh ke dalam kurikulum pelajaran sekolah ataupun universiti dan sebagainya iaitu di mana seperti kata Yang Berhormat Kota Raja apabila adanya seorang bayi dibuang, di situ yang bertanggungjawabnya adalah dua insan iaitu seorang lelaki dan juga seorang wanita. Pernah tidak kita agaknya sebagai ibu bapa, sebagai guru, sebagai ustaz, sebagai ulama, sebagai ketua-ketua agama menasihatkan kepada remaja-remaja lelaki misalnya, bahawa apabila dia telah baligh maka dia bertanggungjawab atas diri dia sendiri. Kalau dalam Islam kena jaga pandangan, tundukkan pandangan, jaga kemaluan dan kena ingatkan kepada dia.

Sebagai seorang doktor saya tidak malu menyebut benda ini bahawa setiap benih yang dia taburkan itu kalau sekiranya menjadi manusia, maka dia bertanggungjawab dunia dan akhirat. Jadi perkara ini kita kena sebutkan supaya remaja-remaja lelaki ini sedar bahawa dia boleh buat tidak tahu kepada teman wanita yang telah mengandung misalnya, tetapi apabila bayi itu dibuang dan disia-siakan maka dia sebenarnya bertanggungjawab di situ. Jadi maksudnya dalam kurikulum itu, mesti ada unsur-unsur seperti ini bukanlah sahaja kepada pihak wanita tetapi pihak kepada lelaki. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya - mungkin kita bila kita cakap tentang isu bayi ini, kita wanita ini tidak kira di mana sahaja, kita mempunyai perasaan yang sama. Saya hendak berkongsi pengalaman kami di kementerian, sebenarnya untuk isu pembuangan bayi ini, kita di kementerian, kita macam hendak tarik rambut daripada tepung.

Kita boleh hendak hentak betul-betul dan misal kata hendak tentukan kita tangkap ibu itu dan persoalannya apa akan jadi kepada beliau, mungkin kebanyakan daripada ibu ini muda. Soalannya adakah kita beri peluang kedua kepada remaja ini, dia sudah buat salah sudah, dihukum tetapi kalau dihukum adakah hukuman itu memberi peluang kedua untuk rehabilitasi, pertama. Keduanya pula, di mana bapa-bapa ghaib ini, saya tengok tiap-tiap kes tidak siapa pun tanya mana bapak ghaib itu? Mai kot mana anak yang wanita itu boleh melahirkan anak, betul tidak? Jadi saya tanya macam mana ini kalau ada isu seperti ini, wanita sahaja yang dipersalahkan.

Saya tidak kata wanita tidak salah tetapi saya hendak tanya mana dia bapak-bapak ghaib ini pun. Memang betul apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat kata, ini menjadi cabaran kepada kita semua. Saya harap keadaan akan bertambah baik dengan kerjasama yang ada. Yang Berhormat saya hendak baca dan hendak sambung sebab apa, banyak soalan yang ditanya itu ada di dalam jawapan saya. Saya hendak cakap sikit tentang perundangan yang ada, okeylah

kita bagi *chance* sekali kepada Yang Berhormat Padang Besar, selepas itu saya hendak sambung semula.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab berkaitan dengan keluarga ini, saya tidak tahu sama ada ini mampu kementerian Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan. Ini bidang syariah tapi yang berkaitan dengan kekeluargaan.

Kalau boleh saya hendak tanya Menteri kita ini, berjuang bersungguh-sungguh untuk moraliti dan sebagainya. Saya selalu baca dalam surat khabar apabila kes-kes syariah antara dua pasangan suami isteri, amat malu. Kadang-kadang disebut dalam akhbar dan pemberita memang menjual cerita untuk hendak dapat langganan. Jadi banyak cerita-cerita memalukan, (memang bukan *directly* ataupun secara terus tanggung jawab Kementerian Wanita) ia ada kaitan dengan wanita.

Bolehkah kita minta Mahkamah Syariah mendengar kes-kes ini dalam *camera* sebab ada *civil law,* boleh mendengar dalam kamera tanpa pemberita. Kes-kes dalaman keluarga ini sepatutnya biar hanya di dengar oleh hakim, terima kasih ini soalan saya.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kalau tanya saya secara peribadi, saya memang setuju, *in fact* kita di kementerian semasa kita hendak meminta penubuhan Mahkamah Keluarga, saya minta bahawa salah satu kaedahnya supaya kes-kes penceraian dibuat secara dengan izin, *in camera*.

Akan tetapi ada juga pandangan yang mengatakan bahawa mungkin dalam syariah, mereka hendak gunakan kes-kes ini sebagai pengajaran, supaya perkara ini tidak boleh berlaku. Itu dia alasan yang diberi tetapi bagi saya inilah satu *point* yang baik, mungkin saya akan bangkitkan kepada Menteri yang menjaga agama nanti Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Batang Sadong, Bukit Mertajam dan Tenggara meminta penjelasan tentang isu pembuangan bayi. Saya hendak maklumkan bahawa kementerian amat prihatin serta merasa bimbang terhadap kes-kes seperti ini.

■1530

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seksyen 31, Akta Kanak-kanak 2001, jelas menyebut bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi ibu bapa yang mengabaikan atau membuang anak. Mana-mana ibu bapa yang didapati bersalah boleh dihukum denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih sepuluh tahun atau kedua-duanya. Seksyen 33, Akta Kanak-kanak pula memperuntukkan bahawa mana-mana ibu bapa yang membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang berpatutan boleh dikenakan denda tidak lebih RM5,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Satu lagi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan ialah merangkumi kanun keseksaan. Di bawah seksyen 317, Kanun Keseksaan, ibu bapa yang didapati bersalah membuang kanak-kanak di bawah umur 20 tahun boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa undang-undang sedia ada agak mencukupi untuk menghukum pesalah laku yang berkaitan. Walau bagaimanapun kementerian percaya bahawa gejala ini akan lebih berkesan

dibendung menerusi kesedaran dan penglibatan anggota masyarakat di dalam komuniti mereka sendiri. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat? Ya, sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi ialah membuang bayi dan membuang anak. Akan tetapi sejak kebelakangan ini kes-kes membunuh sampai kena gonggong anjing dan sebagainya. Saya ingat hukuman yang ada membunuh itu hukuman bunuh patut dimasukkanlah ke dalam enakmen kekeluargaan kita ini supaya benar-benar menjadi pengajaran kepada mereka yang bersifat kebinatangan ini. Jadi kalau jelas bunuhlah, sebab dia membunuh nyawa. Kalau penjara sahaja dan denda sahaja saya rasa dia tidak menakutkan sangatlah. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju sangatlah dengan pendapat Yang Berhormat tadi itu. Saya percaya bahawa Yang Berhormat pun boleh membantu kita terutama dalam program-program *advocacy*. Seperti program *advocacy*, "Kami Prihatin" anjuran bersama *Utusan Malaysia*, Persatuan Karyawan, Astro dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya difahamkan bahawa ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan bersama-sama kami dalam program ini dan saya bagi pihak penganjur ingin mengucapkan terima kasihlah kepada semua. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan akta-akta hukuman ke atas mereka yang membuang anak. Akan tetapi saya ingin menyatakan pandangan saya sendiri. Saya tidak menggalakkan penggunaan akta tersebut. Oleh sebab itu bukan penyelesaiannya. Kita mesti memahami bukan mudah dan bukan senang untuk seseorang individu membuang anaknya. Mungkin ada sebab-sebab tertentu masyarakat yang enggan terima mereka. Lebih-lebih lagi mereka ini ialah melahirkan anak luar nikah takut atau risau akan memalukan keluarga mereka, tidak diterima oleh keluarga mereka.

Apa yang penting saya rasa ialah pendidikan. Kita perlu ada satu pendekatan di mana jika insiden ini berlaku mereka yang di bawah umur atau remaja melahirkan anak luar nikah. Mereka tahu ke mana mereka boleh meminta pertolongan. Ke mana mereka boleh diberi sokongan, diberi satu hala tuju kehidupan. Jadi kita juga pernah membaca remaja atau siswazah yang melahirkan anak di universiti. Disimpan dalam almari kalau tidak silap. Saya pernah tanya persoalan ini di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi biar kita tunjukkan sifat berperikemanusiaan kita dan mengambil pendekatan dan cuba memahami, mengapakah mereka terpaksa mengambil langkah sedemikian untuk membuang anak yang mereka kandung sembilan bulan itu. Saya pohon di mana sokongan diberi.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri tentang "Kami Prihatin" tadi, terima kasih. Saya ingin dirakamkanlah dalam Dewan ini. Bahawa kempen "Kami Prihatin" ini bukanlah maknanya daripada kementerian sahaja. Akan tetapi sebenarnya Lujnah

Kebajikan PAS Pusat telah pun adakan Kempen Kami Prihatin ini sejak 2006 yang lalu. Malah mempunyai logo yang lebih kurang sama sahaja Yang Berhormat Menteri iaitu 'hati'. Jadi saya ingin rakam di situ, yang mana di situ agaknya kita sama-samalah menggunakan dan saya harap tidak ada usaha-usaha dibuat untuk menghalang pihak-pihak lain menggunakan kempen yang sama. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bersyukur dan *Alhamdulillah* kerana sebenarnya rakyat Malaysia memang amat prihatin. Mana-mana jua kalau kita tengok NGO, orang perseorangan, orang politik atau aktivis sosial mereka semua mengambil tindakan untuk membuat program-program. Jadi sebagaimana Yang Berhormat Titiwangsa katakan tadi itu, mungkin betul dan seperti mana yang lain. Saya tengok logo ataupun simbol yang paling diminati oleh rakyat Malaysia bila kita buat kerja-kerja kebajikan ialah simbol hati itu. Jadi macam-macam dia punya penulisan dan caranya itu.

Akan tetapi kalau buat kerja-kerja kebajikan itu percayalah simbol yang digunakan adalah hati. Saya hendak mengalu-alukanlah semua pihak kerana ini adalah tanggungjawab bersama. Isu sosial seperti ini saya hendak menegaskan sekali lagi adalah tanggungjawab bersama. Bagi menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kita sebenarnya ada empat cara, di kementerian kita *identify* empat cara untuk menangani isu-isu sosial seperti ini.

Pertama advokasi, isu macam pembuang bayi dan lain-lain mesti ada advokasi. Di sinilah kita mengadakan *smart partnership* dengan semua pihak. Advokasi kedua, pencegahan. Pencegahan di sinilah undang-undang, peraturan dan polisi itu mustahak. Ketiga sokongan. Ada atau tidak ada sokongan daripada kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat. Keempat penyelidikan yang mesti dibuat sebab kita hendak tahu macam mana perkara ini berlaku dan bagaimana. Akan tetapi saya rasa bahawa kalau semua struktur rakyat Malaysia memainkan, menjalankan tugas dan tanggungjawab *insya-Allah* kita akan dapat menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong minta kementerian mengkaji data e-Kasih sebab mereka yang layak sahaja dapat bantuan. Berhubung dengan perkara ini saya ingin maklumkan Yang Berhormat bahawa data bank e-Kasih adalah di bawah bidang kuasa Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan sedang diguna pakai sebagai rujukan tunggal senarai keluarga miskin untuk pelbagai program-program pembasmian termasuk mereka yang memerlukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat daripada Jempol membangkitkan mengenai warga emas yang tinggal bersama keluarga mereka di FELDA tidak diberi bantuan kebajikan. Saya ingin maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, menyediakan skim bantuan yang bersesuaian kepada semua kumpulan sasar termasuklah warga emas yang layak tanpa mengambil kira kedudukan latar belakang ataupun kawasan tempat tinggal termasuk di kawasan FELDA. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini terdapat seramai 71 warga emas di kawasan FELDA daerah Jempol yang sedang menerima bantuan bulanan di bawah skim bantuan orang tua setiap bulan.

Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan bahawa kadar bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah tidak mencukupi kerana taraf hidup yang meningkat. Saya ingin maklumkan bahawa kementerian prihatin terhadap keperluan kumpulan sasarnya. Pelbagai skim bantuan kewangan diwujudkan dan disalurkan kepada kumpulan sasar yang memerlukan dengan tujuan penyaraan pendapatan bagi memenuhi keperluan asas kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat daripada Johor Bahru mencadangkan agar *subsidy short massage service* diberikan kepada golongan kurang upaya pendengaran. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, kami amat bersetuju dan *insya-Allah* kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu khususnya golongan orang kurang upaya pendengaran.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan berkenaan tuntutan nafkah *Law Reform (Marriage and Divorce) Act,* Undang-undang Keluarga Islam, perkara ini semua saya sedang menunggu jawapannya. Tuntutan nafkah. Di mana kalau dibenarkan Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Mungkin Yang Berhormat sebab dengan izin, *refer* tentang peruntukan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya RM15 juta...

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Di mana telah diberi hanya kepada ibu, isteri atau anak dalam proses penceraian di mana perintah nafkah tidak dapat dilaksanakan kepada mereka yang beragama Islam sahaja, mengapa tidak diberi kepada yang bukan Islam. Bila *Law Reform (Marriage and Divorce) Act* akan dipinda, Perkara 14, 15 Perlembagaan Persekutuan kesemua ini saya bangkitkan. Jadi saya sedang tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1540

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya hendak maklumkan tentang peruntukan RM15 juta itu. Sebenarnya ia dibuat di bawah Jabatan Kehakiman Syariah. Saya difahamkan bahawa peruntukkan itu diluluskan atas permintaan mereka yang pergi ke Mahkamah Syariah sendiri. Oleh sebab ada permohonan, maka kebenaran telah diberi dan saya hendak maklumkan bahawa di Kabinet baru-baru ini pun perkara ini telah pun diutarakan dan Kabinet telah pun meminta supaya kementerian-kementerian yang berkenaan yang memerlukan peruntukan yang sewajarnya supaya berunding dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan *insya-Allah* kita akan cari sebanyak mana peruntukan yang diperlukan dan saya akan ke Kabinet untuk mendapatkan kelulusan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan Yang Berhormat. Saya menyedari peruntukan ini dipohon oleh Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah. Pertanyaan yang saya timbulkan semasa... Maaf ya, benarkan saya terangkan sebab saya ada bangkitkan. Persoalannya yang saya timbulkan ialah mengapa boleh kerajaan ada dasar sedemikian yang bukan *inclusive* tetapi *exclusive*?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar saya habiskan dahulu. Maaf, Yang Berhormat Menteri. Saya tanya dengan baik sebab sudah lama juga ibu-ibu atau isteri atau anak yang memohon pelaksanaan perintah mahkamah mengalami masalah sehingga begitu lama tetapi kita tidak lihat tindakan diambil. Akan tetapi, dengan mengadakan peruntukan ini untuk ibu atau isteri dan anak-anak beragama Islam, saya sokong. Jadi, mengapa boleh ada dasar sedemikian?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya hendak jawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Menteri. Akhirnya, saya hendak tanya...

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Biar saya jawab dahulu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tanya lagi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri telah gagal menasihati Yang Amat Berhormat dalam perkara ini? Biar ada satu peruntukan untuk semua isteri atau anak tanpa mengira agama.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhir sekali Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri mewakili kaum wanita yang terdiri daripada separuh populasi di negara ini. Yang Berhormat Menteri, *Malaysian first or Malays first?... [Dewan riuh]* Itu sangat penting. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, *Malaysian first or Malays first* dalam perkara ini?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya minta maaflah. Saya tengok Yang Berhormat ini kalau soalannya - kalau dia tidak masuk, *corner* Islam tidak Islam, bukanlah namanya Ahli Parlimen itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Apa jua yang dia buat kalau tidak masuk isu agama dan bangsa, dia tidak puas hati nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* Yang Berhormat. Tunggu sebentar.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Saya hendak kata kepada Yang Berhormat, peruntukan yang diberi itu bukan polisi tetapi adalah atas permohonan. Akan tetapi Yang Berhormat memang suka kalau apa pun tanya, *"Oh! Kenapa orang Islam sahaja dapat, orang bukan Islam tidak dapat?"*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order, point of order..*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Siapa kata yang permohonan dibenarkan begitu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *point of order* Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Saya amat kecewa dengan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kinabatangan ada peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Yang Berhormat duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sampai penghujung jawapan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan mengelak Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, peraturan mesyuarat yang mana?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sini dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: P.M 36(6), di mana Yang Berhormat Batu Gajah ada mengeluarkan perkataan sangkaan jahat bahawa dia kata, "rakyat *first or Malay first"*. Ini tidak boleh. Ini sangkaan jahat seolah-olah kerajaan ada hasrat menganiaya bangsa-bangsa lain. Ini tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Tiada pelanggaran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Suruh dia tarik balik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya gunakan Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tidak wajarlah. Yang Berhormat tidak mendengar keseluruhan ucapan saya. Saya katakan saya menyokong peruntukan sedemikian. Selepas itu kita juga mendengar suara-suara yang meminta agar bantuan itu dihulurkan kepada isteri atau anak yang beragama bukan Islam yang mengalami masalah tuntutan nafkah di mahkamah sivil. Jadi, *take us as your partner* dalam perjuangan untuk wanita ini. Jadi apabila ada peruntukan RM15 juta untuk isteri dan anak beragama Islam, saya ada katakan saya sokong dan menyambut baik dalam ucapan saya. Saya juga berharap biarlah lain kali sebarang pendekatan diambil ia merangkumi semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Dewan *in point of order*, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, Yang Berhormat tadi kata saya sedemikian ya? Islam bukan Islam, bangsa, kaum. Jadi, saya rasa itu tidak wajar. Saya pohon Yang Berhormat tarik baliklah. Itu tidak wajar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya, *point of order*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta kerajaan jangan membahagi-bahagikan apabila membantu isteri atau anak-anak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab di kawasan saya, wanita bukan Islam pun saya jaga. Akan tetapi dia rasis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa yang saya bangkitkan meminta agar apabila...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di kawasan saya banyak pengundi bukan Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia rasis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa yang saya minta ialah agar membantu wanita biarlah membantu semua sebab ada juga isteri dan anak-anak bukan Islam mengalami masalah tuntutan nafkah. Jadi Yang Berhormat Menteri saya harap bersikap bertanggungjawab. Saya pohon tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Apabila beliau tidak mendengar ucapan keseluruhan saya dan memilih beberapa perkataan atau barisan daripada kata-kata saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya tidak mendengar apa Menteri katakan. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bersikap adillah kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Duduk. Saya tidak dengar apa yang diadukan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. *Which part of the sentence* yang dikatakan salah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta maaf Yang Berhormat Kinabatangan. Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya minta *ruling point of order* saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya katakan tidak ada pelanggaran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia cakap, "rakyat *first* atau *Malay first*".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan. Yang Berhormat duduk. Yang lain semua duduk. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab semua jawapan dengan elok. Saya hendak mengatakan bahawa saya sudah tamat ucapan penggulungan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, tidak ada pelanggaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order*, tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sebentar Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36(12) yang Yang Berhormat bangkitkan tidak berkaitan dan menteri tidak ada niat untuk...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(10) Tuan Yang di-Pertua bukan Peraturan Mesyuarat 36...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tahu Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 36(10)(c). Saya baca sekarang ini. Saya putuskan bahawa Menteri tidak ada niat untuk menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dalam kenyataannya. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Peraturan Mesyuarat 44. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada mengarahkan keluar Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak ada mengarahkan keluar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tidak ada keluar tetapi nampaknya Yang Berhormat Kinabatangan ada imuniti. Orang yang patut dihalau keluar adalah Yang Berhormat Kinabatangan. Mengapa dia ada imuniti?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan pertikaikan keputusan saya Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah orang yang patut dihalau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dari peristiwa tadi, adakah dia orang yang *special?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa, kita keluar samalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sepatutnya dia dihalau keluar lebih awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan duduk. Saya beri amaran kepada Yang Berhormat Kinabatangan untuk duduk. *The moment* dia tidak duduk lagi saya akan ambil tindakan. *Look at him*, dia duduk. *So, this is the different between* sebelah sini dan sebelah sini. Saya beri tempoh sampai satu ketika saya katakan duduk, cukup, hormat Speaker. Jikalau itu tidak diendahkan, saya akan perintah keluar. Yang Berhormat Kinabatangan saya minta duduk selepas itu dia duduk. *That is the different*. Habis Yang Berhormat Menteri? Baik.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, jangan *dispute* dengan keputusan saya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tidak, saya tidak *dispute* dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya rasa Tuan Yang di-Pertua jangan kata sebelah sini atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Saya merujuk kepada kes tadi Yang Berhormat. Cukup.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Hanya seorang sahaja di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan duduk. *The moment* dia tidak duduk tadi saya perintah keluar.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, tetapi *Member of Parliament* yang lain memang tidak pernah mengingkari arahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya merujuk kepada kes yang tadi Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

3.48 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2010 yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri. Sebelum saya menjawab sebarang pertanyaan secara spesifik izinkan saya memanjangkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau dan *insya-Allah* KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukkan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Batu Gajah telah menyentuh berkenaan dengan pencapaian NKRA untuk mengurangkan jenayah. Sebenarnya pihak PDRM telah mula berjaya mengurangkan jenayah indeks yang disasarkan sebanyak 5% untuk tiga tahun berturut-turut dan jenayah jalanan sebanyak 20% menjelang akhir tahun 2010.

■1550

Laporan statistik telah menunjukkan penurunan kadar jenayah indeks sebanyak 3.7% dan jenayah jalanan sebanyak 7.6% bagi suku tahun keempat iaitu bulan Oktober sehingga bulan Disember 2009 dibandingkan dengan suku tahun kedua – bulan April ke bulan Jun 2009. Berdasarkan prestasi tersebut adalah diyakini kadar tersebut akan terus berkurang bagi suku tahun pertama tahun 2010. Penurunan ini membuktikan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai kekurangan kadar jenayah dan *street crimes.* Di sini saya ada Model Ekonomi Baru mengenai matlamat kita yang mahu mencapai sepuluh tahun ke hadapan – tahun 2020. Apa visinya itu? Antara lainnya ialah, *benefits for the* rakyat dengan izin, "*Living and working in safe surroundings. Individuals, who were live, work, study and play in localities free from the fear of crime.*" Lagi sepuluh tahunlah baru *free from the fear of crime.*

Ini sepatutnya kekal sebagai tanggungjawab *core function* pihak polis, bahawa mempertahankan semua rakyat supaya mereka boleh bekerja, boleh hidup, boleh main dalam keadaan *free of crime.* Ini nampaknya tidak dan sekarang harap kurang *street crimes*. Kenapa untuk sepuluh tahun? Sepuluh tahun pihak berkuasa polis dan pihak kementerian dalam negeri gagal dalam satu fungsi yang begitu pokok untuk apa-apa kerajaan. Apa-apa kerajaan yang tidak boleh menunaikan fungsi yang pokok itu tidak ada hak terus memerintah. Kenapa? Bolehkah ini ditunaikan sebelum tahun 2020 – *to live, to work, to play free in the*

free of crime – New Economic Model 2020? Bukankah ini satu *a laughable objective*?

Beberapa Ahli: Hah!!

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat mengelirukan sasaran di bawah ekonomi baru dan juga di bawab NKRA. Di bawah NKRA yang telah kita sasarkan tidak perlu tunggu sampai sepuluh tahun. Kita telah pun meletakkan sasaran kita untuk mengurangkan jenayah secara keseluruhannya 5% tiap-tiap tahun untuk tiga tahun berturut-turut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Not worth it.* Dasar Ekonomi Baru tidak *worth it* lah…

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biarlah saya jawab dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *It is an imagination*. Adakah ini Dasar Ekonomi Baru omongan semalam sahaja? *Pipe dream, another pipe dream.*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Keduanya dalam konteks jenayah jalanan kita telah tetapkan penurunan 20% menjelang tahun ini di mana sasarannya begitu jelas. Dalam tempoh masa yang begitu singkat, dalam konteks di mana ini merupakan harapan rakyat, di mana *fear of crime* yang disebutkan. Kalau sekiranya jenayah-jenayah jalanan ini dilihat sebagai jenayah yang boleh mewujudkan rasa kebimbangan - *fear* kepada jenayah, ia akan membantu juga usaha kita untuk mengecapi apa yang telah ditetapkan di bawah Model Ekonomi Baru yang telah pun dibentangkan.

Yang penting sekarang ialah bagaimana NKRA yang telah kita gubal menjurus kepada jenayah-jenayah yang spesifik di kawasan-kawasan panas yang telah pun dikenal pasti di empat negeri. Ia merupakan kadar jenayah yang difokuskan yang disasarkan tadi merupakan perkara yang diberikan keutamaan dalam aspek menjadi satu kejayaan supaya rakyat yang merasakan – kalau percaya kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, takut, bimbang keluar dengan jenayah. Maka persepsi dan indeks penurunan daripada peringkat awalannya telah menunjukkan satu kejayaan. Ini bermakna bahawa kita di peringkat awal ini telah pun berada di atas landasan yang baik.

Penurunan ini membuktikan bahawa usaha-usaha memerangi jenayah yang telah dan sedang dilaksanakan sudah mula membuahkan hasil dan oleh itu adalah diyakini mengurangkan jenayah seperti ditetapkan akan di capai menjelang akhir tahun 2000. Aktiviti pencegahan akan di fokus kepada negara ataupun kawasan panas yang telah pun dikenal pasti dan KDN akan sentiasa terus memantau statistik secara harian melalui bilik-bilik gerakan yang telah pun diwujudkan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu pertemuan saya bersama dengan Pesuruhjaya SUHAKAM - Dato' Subramaniam, beliau ada mengeluarkan satu kenyataan bahawa 70% daripada kes yang diadu kepada SUHAKAM adalah mengenai polis. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Menteri hendak menjelaskan keadaan ini? Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta Yang Berhormat Menteri mengenai statistik. Saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong segala usaha menurunkan kadar jenayah. Yang Berhormat Menteri ada memberi peratusan penurunan jenayah jalanan dan jenayah indeks. Akan tetapi bagaimana menyukat persepsi orang ramai? Apakah ada dalam *short term* tertentu dua, tiga bulan dalam satu tempoh tertentu dan buat kaji selidik dengan pandangan orang ramai. Walaupun statistik itu turun tetapi pada pendapat saya tidak mencerminkan orang ramai terutamanya wanita lebih selamat. Itu perkara satu.

Kedua, Yang Berhormat Menteri ada mengatakan statistik dipantau secara harian. Mengapakah statistik itu tidak boleh disiarkan dalam laman web PDRM? Saya nampak statistik itu telah dikeluarkan, tiada statistik langsung. Kalau ada statistik tersebut kita boleh memantau bersama kalau keadaan jenayah buat masa ini dan bukan sehingga ada pengumuman dibuat oleh Yang Berhormat Menteri baru kita tahu - oh, statistik naik atau turun. Jenis jenayah juga ada maklumat dalam laman web PDRM, kita tidak tahu. Biar ada ketelusan kita boleh bersama-sama memainkan peranan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh sekali lagi Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sejauh manakah Yang Berhormat Menteri - pandangan Yang Berhormat Menteri tentang keberkesanan ataupun persepsi tentang polis ini dipengaruhi oleh gelagat-gelagat pembangkang di dalam negara kita yang kadang-kadang mengkritik pihak berkuasa terutamanya polis ini sampai ke satu tahap yang keterlaluan. Kalaupun ada masalah tertentu yang boleh dikritik itu kita boleh terima, tetapi nampak gayanya kritikan yang dibuat itu sampai kadang-kadang tidak masuk akal. Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri - adakah kritikan yang tidak berkesudahan dan keterlaluan ini juga mempengaruhi persepsi rakyat terhadap kerja-kerja baik dan nama baik Polis Diraja Malaysia? Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta tambah sekali.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab sekali boleh, Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lanjutan daripada komen provokasi daripada Yang Berhormat Kota Belud tadi. Saya memang hendak membangkitkan isu ini yang menimbulkan satu persepsi yang buruk terhadap polis.

Exactly a week ago, di Kuala Krai seorang pemuda 44 tahun, berkeluarga dan beranak ditahan di Balai Polis Kuala Krai kerana dituduh ataupun disyaki berjudi. Ditemui oleh saudara mara yang dipanggil pada jam lebih kurang pukul 9 ataupun 8.30. Satu jam kemudian diberitahu bahawa yang kena tahan ini telah mati di dalam lokap polis. Beliau seorang yang sihat, tidak ada kes apa-apa, bukan berpenyakit jantung tetapi mati di dalam lokap. Dibuat satu *postmortem* di Hospital Kuala Krai oleh pakar forensik yang mewakili kawasan pantai timur daripada

Kuantan dan dikatakan berpunca daripada jantung. Apabila didesak dikatakan memanglah ada luka-luka tetapi tidaklah sampai menyebabkan kematian.

Jadi timbul di kalangan penduduk bahawa berlakunya kematian bagi seorang yang sihat dalam satu lokap merupakan satu perkara yang besar, menimbulkan keraguan dan ketakutan. Rakyat hendak tahu apakah puncanya sebenar. Jadi, kalau perkara ini berterusan – dahulu Kugan dan yang lain, ini kes di tempat saya sendiri.

Pertamanya, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri menyedari kes ini dan apabila keluarga meminta kepada polis, maka polis pun menjawab adakah keluarga bersedia untuk mayat ini di *exhumed*, jadi tentulah keluarga menjadi panik bila satu jenazah yang telah dikebumikan hendak dikorek semula. Keluarga sudah mula bertanya, macam mana ini? Jadi, saya rasa ini yang menimbulkan persepsi-persepsi. Kalau tidak diperjelaskan bagaimana kita hendak menyalahkan masyarakat apatah lagi di sebelah sini sebagai punca kepada persepsi negatif ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sekali, Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa misi, tujuan polis ini diwujudkan untuk mengawal keselamatan semua rakyat sama ada rakyat di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak rakyat sokong kerajaan - yang tidak sokong, pokoknya semua.

■1600

Itu peranan polis keutamaannya. Akan tetapi mendengar hujah pembangkang Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kuala Krai menuduh seolah-olah apabila jenayah diturunkan, dia kata pula sekarang pula soal persepsi. Dulu dia kata jenayah, polis tidak ada kerja, polis rasuah dan sebagainya. Apabila kadar jenayah turun, dia kata persepsi rakyat. Saya mahu Yang Berhormat Menteri, apakah pula peranan selaku warganegara Malaysia sama ada di kerajaan atau pun di pembangkang bahawa persepsi itu, harus kita kerjasama yakin rakyat. Jangan pula menjadi batu api seperti Yang Berhormat Batu Gajah. Minta penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Memanglah isu persepsi boleh diwujudkan secara negatif atau secara positif dan memang tugas pembangkang ialah untuk mewujudkan persepsi yang negatif. Dalam hal yang sebegini rupa saya ingat lagi di dalam Dewan yang mulia ini semasa kita menggulung juga, isunya berhubung kait dengan indeks seperti Yang Berhormat Kinabatangan sebut. Apabila indeksnya menurun, isunya beralih daripada isu persepsi terhadap polis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Beruas duduk dulu Yang Berhormat, kalau Menteri masih bercakap duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya jawab, banyak ini. Ini bermakna bahawa apa Yang Berhormat Kota Belud sebut tadi, di mana persepsi yang diwujudkan ini ialah dengan harapan bahawa usaha mulia dan murni kita untuk memastikan bahawa jenayah dapat diturunkan bukan sahaja dalam konteks indeks kerana bila kita sebut prestasi diberikan keutamaan. Prestasi dan pencapaiannya tidak bersandarkan kepada apa yang berada di atas kertas tetapi apa yang dirasai oleh rakyat dan itu yang menjadi tanda tanyanya.

Sedikit sebanyak apa laporan yang kita terima, memang banyak *feedback,* maklum balas yang kita terima, usaha kita untuk menambah ahli anggota...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap, ahli anggota polis, *omnipresence.* Kehadiran fizikal pihak polis dan juga infrastruktur telah membuahkan hasil yang kita harap dapat berterusan. Di peringkat permulaan sememangnya ia memerlukan satu komitmen yang luar biasa. Oleh sebab itu apabila Yang Berhormat Bukit Mertajam... Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Batu Gajah bertanya mengenai indeks yang boleh kita keluarkan, memang kita boleh tetapi bilik-bilik operasi dari yang kita rangkaikan daripada pejabat Menteri kepada Bukit Aman sehingga ke peringkat IPK dan IPD boleh dirangkaikan sepenuhnya. Dalam konteks itu, saya rasa dalam masa beberapa bulan ini, apabila ianya telah pun dirangkaikan, indeks itu kita boleh siarkan dan kita boleh paparkan dalam *website* kita tanpa segan silu, tidak apa yang perlu yang kita sembunyikan.

Tuduhan-tuduhan, dakwaan-dakwaan yang berhubung kait dengan SUHAKAM terhadap polis, saya pun menerima laporannya, kita teliti dan saya bekerjasama rapat dengan SUHAKAM. Akan tetapi apa yang kita bincangkan hari ini ialah berhubung kait dengan jenayah, NKRA dan berhubung kait dengan indeks jenayah yang kita hendak turunkan. Dalam hal itu, daripada hendak mewujudkan persepsi, hendak mencemuh, hendak mencari dan menuding jari kepada pihak polis.

Yang Berhormat Kuala Krai, kes berkenaan saya tidak ada perinciannya tetapi hendak menuduh memang mudah tetapi dalam siasatan, banyak siasatan yang kita lakukan, bayak yang digembar-gemburkan. Sama ada ia di dalam internet atau sama ada dia cakap perbualan. Bila disiasat, jauh daripada apa yang telah pun dituduh atau persepsi yang cuba diwujudkan. Yang penting sekarang Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri..

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ialah bagaimana NKRA kita dapat kita kecapi dan kita jayakan dan NKRA itu berdasarkan kepada pencapaian yang dapat kita berikan keutamaan. Pencapaian itu bersandarkan kepada apa yang rakyat dapat rasai bukan apa yg berada di atas kertas. Setakat hari ini saya

agak puas hati, peringkat awalan ini, untuk apa yang kita lakukan ini dapat juga dirasai sebahagian besar rakyat di luar sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat Beruas dahulu. Yang Berhormat lain duduk Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Menteri, memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat. Ringkas...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kehadiran polis di kalangan orang ramai, ini memang kami alu-alukan. Polis turun padang memang kita alu-alukan untuk mengurangkan jenayah tetapi saya hendak Menteri memberi penjelasan bahawa daripada pengalaman saya dari dialog dengan pihak polis dan rakyat. Memang ramai yang telah mengeluarkan perasaan banyak laporan polis tidak lagi dibuat kerana mereka rasa polis langsung tidak berkesan. Di mana di Setiawan satu kes yang telah dilaporkan, setahun satu rumah dicerobohi dan dirompak lapan kali setahun hinggakan di Manjung, Telekom dan TNB kata kes mereka tidak boleh selesaikan isu kecurian kabel Telekom dan TNB. Ini kerana setiap kali disambungkan semula, ia dicuri dalam masa yang tersingkat. Jadi untuk mendapat keyakinan rakyat, saya rasa *intelligence* polis itu perlu untuk menyelesaikan kes-kes supaya rakyat boleh lebih berkeyakinan kepada polis dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Jadi untuk indeks penurunan ini, haruslah pihak kementerian dapat mematikan penurunan indeks ini adalah kerana orang tidak lapor lagi kepada polis kerana tidak ada keyakinan ataupun sememangnya berlakunya penurunan indeks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu... Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini mengalu-alukan kehadiran *Honorable* Eni F. H. Faleomavaega. Ahli Kongres, *The House of Representative United States of America... [Tepuk]* Diharap lawatan ini mengeratkan lagi perhubungan dua hala di antara Malaysia dan *United States*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, hendak dengar lain lagi?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri bagi. Ya terima kasih. Saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam dulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya berdiri terlebih awal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitu sebenarnya dalam soal ini apa yang tercatat di dalam kertas atau di atas kertas adalah persoalan yang kedua. Yang penting ialah sejauh mana, rakyat merasakan diri mereka selamat. Dalam persoalan ini saya

agak hairan apabila kes-kes yang dilaporkan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi. *Level of tolerance* kita ini, kesanggupan kita untuk bertolak ansur di dalam soal prestasi pihak polis agak membingungkan saya.

Kita ada seorang yang mati dalam tahanan polis dan perkara ini seolah-olah satu perkara yang dipandang ringan, ini sebenarnya satu kes yang sepatutnya bagi standard kita *zero tolerance*. Orang yang dalam tahanan polis adalah tempat yang paling selamat, sepatutnya. Kalau ada laporan yang menyatakan bahawa ada orang mati dalam tahanan, ianya sepatutnya merupakan satu perkara yang terus akan menyebabkan kerajaan bertindak dan menentukan bahawa memang tidak ada *foul play*. Pihak yang menahannya, yang menyimpannya mesti ditanya dan mesti membuktikan bahawa tidak ada *foul play.*

Kita tidak mahu melihat peristiwa yang seperti mana yang menimpa Ketua Pembangkang dulu, di mana pihak kerajaan dalam keadaan dalam masalah itu nyata depan mata tetapi hendak menafikannya. Ini sikap Ahli Parlimen BN lah... *[Dewan riuh]* Bila kita *complain*, ada masalah, ada kes, inilah pembangkang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak memberi persepsi negatif. Ini bukan soal persepsi...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Siasat dahulu...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini fakta dan bila kita mendengar ada orang mati dalam tahanan terus...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Siasat dahulu, siasat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Ianya sepatutnya menyebabkan satu respons yang serius daripada pihak kerajaan, ini saya tidak nampak lagi. Akan tetapi dalam soal turunnya anggota polis ke padang, memang ini satu tindakan yang kita alu-alukan. Ianya adalah apa yang kita telah minta dan telah kita tuntut daripada dulu lagi. Saya ucapkan terima kasih atas keterbukaan pihak kerajaan untuk melakukan seperti mana yang sepatutnya. Terima kasih.

■1610

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak beri Yang Berhormat Batu lagi Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ringkas sahaja.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Apabila jelas apa yang kita lakukan ini nampak hasilnya apabila turun ke bawah, tidak ada sekali pun dia hendak mengatakan bahawa ia merupakan satu kenyataan. Mengalu-alukan lebih daripada itu kata itu cadangan mereka dan itu merupakan apa yang telah pun disarankan sebelum ini.

Memang tidak nampak kalau sudah buta tidak mahu melihat perkara-perkara yang di depan batang hidung sendiri kerana pengecilan dan juga persepsi dan juga kepentingan, maka apa yang kita lakukan pun tidak akan mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, yang penting adalah rakyat, yang penting bagi setiap kes yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menuduh pihak

polis. Saya juga boleh memberikan bukti-bukti yang mana kes-kes tertentu yang mana rakyat sendiri telah tampil ke hadapan menyatakan bahawa mereka kagum dan mereka menyokong dan mereka bersetuju dan berterima kasih atas pengorbanan pihak PDRM. Hendak menyentuh pada satu atau dua kes tidak bermakna bahawa saya tidak mengambilnya sebagai satu perkara yang serius. Memang serius tetapi kita mempunyai saluran-saluran yang sedia ada. Bukan perkara baru kes-kes kematian dalam lokap dan sebagainya berlaku tetapi terus akan kita ambil tindakan mengikut saluran yang sedia ada...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai laporan polis yang disebutkan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebentar ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya menjawab dahulu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini berhubung kredibiliti polis sendiri. Mati dalam tahanan...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Isu kredibiliti polis dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebelum sudah lama sudah. Apa yang kita lakukan ini pun kalau pemikirannya sebegitu rupa...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Apa kita lakukan pun tidak akan berubah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ia bukan pemikiran. Ia fakta.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah kata sudah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kematian dalam tahanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kredibiliti tetapi kredibiliti ditunjukkan di sini pun susah payah hendak diterima juga.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jadi daripada segi fakta tadi. Saya kata saya tidak mempunyai fakta-fakta yang dibangkitkan oleh Kuala Krau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita akan lakukan apa yang sepatutnya mengikut saluran yang sedia ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebentar sahaja. Saya hendak menjawab Yang Berhormat Beruas dahulu.

Mengenai laporan polis yang dikatakan berkurangan itu, tidak benar. Daripada angka-angka dan maklumat dan laporan yang kita terima sebenarnya laporan-laporan polis telah pun bertambah. Ini menunjukkan bukan sahaja kemudahan pihak orang ramai untuk membuat laporan polis tetapi saya percaya bahawa ia juga bersandarkan pada keyakinan bahawa laporan polis itu akan diambil tindakan segera. Contohnya semalam dalam konteks yang mana balai-balai polis mungkin mengambil masa untuk dibela atau untuk dibaiki atau untuk dibina semula, maka di kawasan-kawasan panas yang telah pun dikenal pasti, kita telah pun mula *rollout* balai-balai bergerak. Di situ tidak perlu mereka pergi ke balai polis, balai polis yang akan pergi ke kawasan berkenaan untuk menerima laporan mereka.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya,Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Tadi kita sebut tentang isu persepsi. Saya anggap kita bukan kami yang *control* persepsi. Tidak ada. Hanya masyarakat ingin tahu dalam kes-kes ini sama ada siasatan ini adil atau tidak.

Kebanyakan kita lihat, kalau mengikut kata Menteri tadi ikut prosedur atau yang sedia ada. Prosedur yang sedia ada hanya terhad pada siasatan oleh pihak polis. Ini yang satu masalah yang tidak boleh diatasi, persepsi rakyat terhadap siasatan diri sendiri seperti kalau seseorang itu mati dalam lokap tetapi disiasat oleh polis. Ini yang menjadikan banyak kes ini apa juga keputusan siasatan ini tidak boleh meyakinkan masyarakat. *So,* itulah sebab saya ingin tahu apakah pendirian menteri sama ada untuk mengubah persepsi rakyat dengan mengadakan siasatan yang *independent*?

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada menteri. Pagi tadi kami telah bawa satu lagi kes tembakan polis terhadap seorang wanita yang tidak berdosa, tidak bersalah. Akan tetapi ditembak oleh polis. Saya harap siasatan yang adil dan juga tepat akan dilakukan secepat mungkin untuk meyakinkan masyarakat bahawa polis bersungguh-sungguh untuk mengambil tindakan kepada orang yang melakukan kesalahan yang tidak mengikut disiplin dan yang tidak profesional. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Boleh cakap sedikit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam hendak berdiri atau Ketua Pembangkang?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak pun boleh juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana jaminan Yang Berhormat Menteri dan menyambung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu. Keputusan Yang Berhormat Menteri menemui wanita Melayu yang ditembak, Segambut, kebetulannya ditembak dan berjanji untuk membuat penyiasatan awal segera. Itu memang dialu-alukan.

Saya minta dan pohon Yang Berhormat Menteri dalam kes ini memastikan dan memantau atau siasatan disegerakan dilakukan secara profesional supaya meredakan kebimbangan banyak pihak. Saya tidak mahu membangkitkan soal persepsi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya hendak jaminan daripada Yang Berhormat Menteri kerana apa yang dilakukan untuk memperbaiki prestasi dan tahap profesionalisme polis yang tidak kita nafikan kerana kadang-kadang teguran kita itu menjurus kepada prestasi beberapa orang dan tidak pernah kita nafikan bahawa negara memang terhutang budi kepada pasukan polis keseluruhannya.

Kita pertikai ialah apabila menyaksikan merosotnya tahap profesionalisme atau pun kalau tidak dikatakan meningkatkan kadar jenayah tetapi jenayah besar dan berat terus meningkat. Kegiatan dan perlakuan polis yang mana ketara sangat mirip *bias* politiknya. Tekanan kepada program-program pembangkang, cepat memukul, mendera, menangkap pembangkang, ini yang harus diperbaiki dan ini di bawah bidang kuasa dan pengaruh Menteri Dalam Negeri sendiri... *[Tepuk].*

Saya pernah sendiri hadapi beberapa kes ini. Apabila saya menegur Ketua Polis Daerah, dia selalu menyebut dengan sopan, *"Minta maaf Datuk Seri, kami diarahkan".* Jadi kalau saya kata undang-undang mana, peraturan mana dia semua ulang, *"Minta maaf Datuk Seri, arahan sebegitu. Mintalah kerjasama"*. Jadi, tentulah saya bekerjasama termasuk di Lembah Pantai, mikrofon dirampas walaupun tanah itu tanah persendirian, di bawah PKNS.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Akan tetapi, saya tidak mahu membangkitkan perkara itu. Saya cuma hendak jaminan daripada Yang Berhormat Menteri. Terkeluar daripada peraturan-peraturan dan jaminan prestasi. Boleh atau tidak sebagai Menteri, tokoh muda yang sekarang menonjol naik kebetulan saya kenal lama, boleh atau tidak memberi jaminan ada kesediaan membawa sesuatu perubahan, *reform* daripada cara pengendalian polis supaya profesionalisme, tahap mereka dan jaminan tahap jenayah diperbaiki dan keselamatan terkawal supaya kita dapat mengangkat semula.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Imej, prestasi dan anggapan, tuduhan negatif bagaimana pun tidak mungkin akan memberikan bekas atau tidak mudah memberi bekas kalau Yang Berhormat Menteri dapat memastikan ada perubahan yang ketara, *shift* daripada pendekatan yang ada kepada pendekatan yang baru yang lebih berani dan itu yang selalunya kita harapkan kepada tokoh-tokoh baru. Kalau sekadar hendak baiki yang lama sedikit begitu sahaja, tokoh lama pun tidak mengapa sudah. Itu yang saya minta daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat hendak beri lagi kepada dua atau tiga orang Yang Berhormat lagi? Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Pasir Salak sudah berdiri lama. Yang lain itu duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat- Wangsa Maju dan Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, beri kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Saya beri kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Seperti ini Yang Berhormat, nampak seperti Parlimen mengikut peraturan. Panggil sahaja nama, baru berdiri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1620

Bercakap soal peranan anak polis ini, saya pun ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri serta Ahli-ahli Parlimen sekalian. Mereka mempunyai tanggungjawab yang berat. Kita jangan mudah untuk memandang dari segi kaca mata kita sahaja, polis itu polis ini tetapi kita sebagai rakyat juga punyai peranan dan tanggungjawab untuk membantu polis menjaga keselamatan negara kita. Kalau kita mengadakan provokasi bagaimana kita hendak jangka polis bertindak.

Tunjuk perasaan dengan maki hamun polis, tidak ada permit, tidak ada permit itu tidak apa juga, boleh maaflah sikit, yang maki hamun ini, Anjing kerajaan, anjing upahan, gigit polis dan sebagainya, macam mana kita hendak minta polis bertindak supaya mereka senyum, apa yang telah Yang Berhormat Padang Serai tunjuk kepada ketua pula ini, ambil tindakan disiplin ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apalah Yang Berhormat, Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah saya harap kalau kita hendak melihat, kita mahu pihak polis bertindak secara baik mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang, kita juga perlu membantu mereka, saya tahu beberapa kes di mana pihak polis memanglah bertindak agak ketelanjuran sedikit *you know*, disebabkan mereka juga manusia, disebabkan provokasi daripada pihak kita. Saya pernah ditahan di bawah ISA.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Polis juga *handle* saya dalam ISA...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat, sudah panjang Yang Berhormat. Ini ucapan baru ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya mereka tidak pernah melakukan kezalimanlah, kekasaran lah, tidak ada pun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab kita tidak, tidak buat sesuatu yang *provocative* yang menghina...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tahan kena tahan polis juga dia ini... *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini, saya malaslah hendak cakap, siapa yang buat provokasi dan siapa yang kurang ajar, siapa yang menghina polis, tidak payahlah saya cakap itu, tidak payahlah. Saya cakap secara umumnya. Kalau cakap seorang-seorang ini malu, perangai ada yang tidak elok....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...antara kita, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri sudah berdiri bermakna yang lain tetap duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien: Biar saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Makna Yang Berhormat Menteri sudah cukup dengar, biar Yang Berhormat Menteri jawab

Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien: Biar saya jawab satu dua perkara ini yang dibangkitkan. Sememangnya usaha kita hendak meningkatkan profesionalisme pihak PDRM memang merupakan satu perkara yang kita letakkan sebagai keutamaan. Akan tetapi saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, di mana mereka yang menuding jari dan menilai prestasi pihak PDRM juga mesti bertanggungjawab dan beramanah.

Contohnya berhubung kait dengan kes yang dibawa kepada saya pagi tadi, Yang Berhormat Batu, di mana yang disebutkan di dalam dewan ini ialah berhubung kait dengan wanita yang ditembak tetapi tidak disebut bahawa wanita itu berada di dalam kereta yang telah pun dicuri. Tidak disebut bahawa kereta itu yang dicuri itu dilaporkan hilang, tidak disebut di dalam kereta suspek berkenaan kita menjumpai parang, kapak, nombor pendaftaran palsu, pisau, besi kuku kambing, pemutar skru, kikir cukur dan disyaki palsu dan tombol kunci yang telah pun diubahsuai.

Jadi bermakna bahawa dalam hendak membela seseorang yang perlu kita siasat, saya setuju tetapi fakta-fakta lain yang perlu diimbangi dan perlu dimaklumkan kepada orang ramai mestilah juga didedahkan supaya rakyat tidak melihat serong atau melihat kepada sesuatu situasi itu hanya dalam konteks apa yang diharapkan oleh pihak pembangkang.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan informasi yang telah didedahkan tadi, pertama sekali saya ingin sebut sekali lagi, dengan apa alasan pun, kita tidak boleh tembak seseorang yang tidak bersenjata dan tembakan itu terhadap seorang wanita selepas ditembak seperti yang telah wanita itu maklum kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap senanglah Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Selepas ditembak, beliau telah di...*[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Jangan, jangan kita tidak mahu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Suruh...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap baik-baik Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini *my floor*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Suruh orang tembak polis, baru polis tembak orang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap senanglah Yang Berhormat Batu. ..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Suruh orang tembak polis, baru polis tembak lah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tuduh apa-apa pun, saya hanya..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Suruh polis mati dulu baru boleh tembaklah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eleh.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Cuba bagi ruang saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya lah itu kan bukan sebelah sini, bukan saya yang jemput... *[Disampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan Yang Berhormat Batu pun kalau dia bertindak tidak mengikut peraturan, tidak ikut undang-undang-undang...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia sendiri pun tidak ikut undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, duduk Yang Berhormat

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kita harus *establish* kan satu prinsip dan arahan yang jelas, tidak boleh tembak seorang yang tidak bersenjata, bukan dalam keadaan *self-defence* bagi anggota polis dan perempuan itu juga diheret keluar dan ditendang selepas dicederakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tidak apalah yang itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...saya biar sahaja tetapi kedua *point* yang saya hendak bangkitkan ialah siasatan dan juga informasi ini datang dari siasatan polis. Ini lah *problem* yang kita hadapi, siasatan yang *independent* sudah ada, bila maklumat ini keluar, tidak boleh meyakinkan orang ramai bahawa ini adalah siasatan yang benar, itulah sebab saya berkali-kali kita mendesak supaya satu *enquiry* yang bebas yang bukan terdiri daripada anggota polis diadakan seperti IPCMC dan apa-apa pun suruhanjaya yang bebas, itu hanya satu-satu caranya yang kita mengatasi masalah persepsi ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat kes ini dalam *investigation* polis, saya dengar Yang Berhormat Permatang Pauh tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang cukup sudah menjadi satu panduan kepada kita. Saya ingat tidak payah bincang lagi soalan ini Yang Berhormat. Kalau tidak ia mengelirukan semua orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Polis selama ini telah bertindak dengan begitu baik, rakyat menerima kita aman. Perkara ini kalau hendak kita bahaskan sampai tengah malam tidak selesai..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, memang betul, saya bersetuju Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Saya mintalah soalan fakta, soal apa benda berlaku saya cukup mendengar pada Yang Berhormat Permatang Pauh dan begitu juga daripada Menteri, saya cukup – Biarkan di tangan polis dan buat penyelidikan, baru kita mengetahui apa fakta sebenar selepas itu, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta satu soalan, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih

kepada Menteri, saya amat tertariklah dengan jawapan Menteri mengenai dengan peranan polis dari PDRM di negara kita tetapi ada kes baru-baru ini di Kota Bharu, di mana seorang setiausaha sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Datuk Wan Hashim ditangkap di bawah seksyen 419, *Penal Code* dianggapkan *impersonating* Tuanku atas titah Tuanku untuk membuat satu *announcement* mengenai dengan pelantikan *regent* Yang Mulia Tengku Abdul Aziz sebagai Tengku Mahkota dan selepas beliau membuat *announcement*, beliau terus ditangkap dan ditahan, tiga, empat hari. Ini satu kes bukannya amat serius seorang pengganas, suspek pengganas ataupun seorang pembunuh, kenapakah beliau perlu ditahan tiga, empat hari?

Saya juga ada tulis surat kepada Ketua Polis Negara dan salinan kepada Yang Berhormat Menteri juga mengenai dengan kes ini di mana beliau dinafikan air dan makanan dan sebagainya. Ini bukan satu kes serius dan juga ini adalah satu kes yang amat senang untuk menyiasat. Kalaulah soalan yang *impersonation,* dengan izin, pihak polis boleh menghadap Tuanku, meminta tahu daripada Tuanku sama ada Tuanku ada buat titah sedemikian atau tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:...dan kenapa perlu tahan dahulu baru menyiasat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Dan saya juga difahamkan polis pun belum menghadap Tuanku lagi, ini adalah satu fakta yang dikata polis telah menyalahgunakan kuasa..

Seorang Ahli: Betul

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, itu yang penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya bukannya hendak campur tangan dalam masalah di sana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak baca sedikit Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:...masalah penggunaan kuasa oleh polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju duduk.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat .

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Belum lagi sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini panjang sangat Yang Berhormat, saya hendak baca peraturan sudah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak tunjuk peraturan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, dan juga mengenai dengan litograf artis terkenal itu Allahyarham Ibrahim Hussien juga. Kenapa ada tiruan lukisannya? Laporan telah dibuat bahawa Lembah Pantai *Police Report* 9155/2009 sehingga hari ini tidak tindakan diambil. Saya harap boleh buat jawapan di sini. Terima kasih Yang Berhormat.

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Menteri masih duduk. Saya hendak baca sedikit sahaja Yang Berhormat. Bagi panduan saya sendiri dan panduan Yang berhormat juga. Peraturan 35(4) panduan masa berbahas;

> *"Seorang ahli yang telah bercakap dalam sesuatu masalah itu boleh bercakap menerangkan apa perkara besar dalam ucapannya yang telah membabitkan kesamaran faham tetapi tidak boleh keluarkan perkara-perkara baru".*

Jadi, kebayakan perkara yang kita bangkit pada tengah hari ini, kebanyakannya baru Yang Berhormat. Jadi Menteri pun habis cerita. Kalau salah penerangan Menteri, dia terkena pula ada orang yang bangkit kata mengelirukan Dewan. Jadi, saya tidak mahu perkara ini berlaku. Jadi, mengelakkan perkara ini berlaku kita ikutkan peraturan. Kalau kita tidak mahu ikut peraturan ini, buatkan satu usul pindaan aturan ini dan buat macam pasar sahaja kita. Ini bukan Parlimen Malaysia lagi berpandukan peraturan. Kita hendak ikut peraturan, ikut undang-undang, dan hendak buat undang-undang tetapi kita semua *throw everything out into the dream*.

Jadi, Yang Berhormat Menteri perkara yang tidak ada dibangkit dalam pertuduhan perbahasaan dahulu tidak perlu bangkit. Selepas itu baru *discretion* hendak bangkit perkara baru.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu-isu spesifik kita sudah beri ruang panjang lebar untuk kita bincangkan sekurang-kurangnya dia memberikan gambaran, pendekatan dan apa yang kita hendak lakukan dalam konteks transformasi perubahan. Apa yang kita hendak lakukan dari segi profesionalisme pihak PDRM dan juga usaha kita hendak mengurangkan jenayah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kembali kepada NKRA tadi, kita akui bahawa di sebalik kejayaan awal yang telah pun kita nampak. Kita sedar masih terdapat kes-kes jenayah yang menimbulkan rasa takut di kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, pada masa ini tumpuan khusus diberikan untuk meningkatkan *omnipresents* iaitu kehadiran fizikal pihak-pihak berkuasa khususnya di kawasan-kawasan *hotspots* yang saya sebutkan tadi. Untuk tujuan ini, khidmat anggota pasukan sukarela seperti RELA dan JPAM turut digunakan di samping anggota-anggota polis biasa, pasukan gerakan am, dan polis bantuan.

Penggunaan balai polis bergerak dan motosikal untuk tugas-tugas rondaan juga telah dan sedang ditingkatkan. Sebanyak sepuluh buah balai polis bergerak tambahan telah pun diterima pada 4 Mac tahun ini dan telah mula beroperasi. Manakala sebanyak 80 lagi akan diterima dalam bulan Jun tahun ini juga. Bagi motosikal untuk tugas rondaan pula sebanyak 393 buah motosikal sedia ada telah pun diubahsuai dan digunakan untuk tugas rondaan di empat buah negeri yang wujudnya *hotspot-hotspots* berkenaan dan *roll out* kepada motosikal-motosikal baru akan mula kita lihat dan dapat rasai kehadiran pihak polis melalui rondaan motosikal ini selewat-lewatnya hujung bulan depan. Langkah-langkah telah juga diambil untuk menambahkan pemasangan CCTV serta mengintegrasikan CCTV sedia ada bagi tujuan mencegah jenayah.

Untuk menjayakan inisiatif ini, Mesyuarat Jawatankuasa peringkat Menteri telah juga diadakan bagi menyelaraskan pemasangan dan penggunaan CCTV di seluruh negara khususnya di empat negeri *hotspot* dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). DBKL juga merancang untuk memasang tambahan 100 unit CCTV lagi di sekitar Kuala Lumpur khususnya di kawasan *hotspot* sepanjang tahun ini. Selain daripada itu, sebanyak 496 unit CCTV akan dipasang oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) di kesemua negeri di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut 288 unit CCTV akan di pasang di tiga negeri *hotspot* iaitu Selangor -152 unit, Johor - 88 unit dan Pulau Pinang - 48 unit. Inisiatif *high profile policing* juga sedang giat dilaksanakan di mana pegawai-pegawai kanan polis adalah dikehendaki turun padang bertemu dengan orang ramai di kawasan masing-masing.

Objektif inisiatif ini adalah untuk meningkatkan keyakinan orang ramai akan kehadiran polis dalam masyarakat dan seterusnya mengurangkan kebimbangan mereka terhadap jenayah. Selain daripada inisiatif-inisiatif di atas, beberapa inisiatif lain yang melibatkan penyertaan anggota masyarakat juga telah dan sedang dilaksanakan. Ini termasuklah penglibatan ahli-ahli rukun tetangga dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan juga ahli-ahli rakan *cop* sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dalam memerangi jenayah.

Ini tumpuannya khusus kepada kehadiran dan *omnipresents*. Ini yang berhubung kait dengan *intelligent policing* yang disebutkan tadi dengan izin belum mula kita dapat umumkan tetapi perancangan awal dari segi asasnya khusus di kawasan-kawasan tertentu telah pun bermula dan sememangnya pendekatan yang telah pun kita kenal pasti dari segi program dan inisiatif tidak kurang daripada 52 inisiatif telah pun dikenal pasti. Apa yang kita umumkan merupakan inisiatif-inisiatif awalan dan itu kalau dapat melihat satu penurunan di peringkat awal ini. Saya lihat bahawa petanda-petanda bahawa apa yang telah pun kita umumkan akan menjadi satu kenyataan. *Insya-Allah.*

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Lipis pula, pihak PDRM telah melibatkan kesemua jabatannya di dalam 29 inisiatif yang digariskan di bawah NKRA bagi mengurangkan jenayah yang khusus kepada PDRM. Penglibatan mereka adalah dari peringkat pengarah sebagai *stakeholder* dan ke bawah sebagai *initiative owner* dengan izin. Pelaksanaan ini meliputi aktiviti-aktiviti seperti komuniti *policing,* operasi, dan juga kehadiran fizikal yang saya sebutkan tadi. Kementerian mengambil maklum bahawa ada di kalangan anggota polis yang terpaksa menggunakan motosikal sendiri untuk menjalankan tugas rondaan.

Dalam hal ini, anggota yang terlibat diberikan elaun gantian motosikal sebanyak RM120 sebulan. Berkenaan soal Yang Berhormat Lipis berhubung kait dengan sukarelawan dalam konteks NKRA mengurangkan jenayah adalah merujuk kepada ahli-ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) ialah anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan anggota-anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah rukun tetangga. Sukarelawan-sukarelawan ini terlibat secara langsung dalam inisiatif–inisiatif mengurangkan jenayah yang sedang dilaksanakan pada masa ini dan anggota-anggota RELA di JPAM yang terpilih akan dan telah pun menjalani latihan sebagai Sukarelawan Simpanan Polis (SP) yang diberikan tugas rondaan bersama dengan anggota polis di kawasan masing-masing.

Ahli SRS pula adalah terlibat dalam tugas-tugas rondaan dalam kawasan setempat sebagai aktiviti membantu pihak berkuasa khususnya polis menjaga keselamatan dalam kawasan kediaman dan perumahan mereka. Bermakna bahawa gandingan di antara pihak polis, pihak sukarelawan, dan juga orang ramai melalui rukun tetangga dan juga rakan *cop* telah pun kita laksanakan sebagai peringat awalan dan sebagai *roll out* dalam satu, dua bualan ini dan saya harap bahawa gerakan ini akan dapat menunjukkan satu kesan yang cukup positif. Pertamanya, dari segi indeks yang sebenarnya. Keduanya, dari segi persepsi orang ramai terhadap keselamatan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai pengganti kepada Ketua Polis Negara (KPN) yang akan bersara ada September ini. Prosedur pelantikan Ketua Polis Negara adalah berdasarkan kepada perkara 144 dan perkara 145 Perlembagaan Persekutuan yang mana jawatan KPN adalah jawatan yang ditetapkan sebagai jawatan khas. Pelantikan ke jawatan ini adalah tertakluk kepada perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas perakuan Suruhanjaya Pasukan Polis yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri.

■1640

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dato' Menteri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai prosedur pelantikan Ketua Polis Negara, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan bahawa beliau tahu siapa yang akan menggantikan Ketua Polis Negara dan empat daripada tujuh *division police*, Ketua Polis, dia pun tahu siapa akan mengetuai empat dari tujuh *division* sungguhpun ada lapan *division* dalam polis.

Yang pertama, bolehkah beliau memberitahu Dewan yang mulia ini nama-nama mereka dan kedua, kenapa IGP sekarang, Tan Sri Musa sendiri tidak tahu bahawa dia harus bersara pada bulan September, oleh kerana seminggu selepas Yang Berhormat Menteri kata bahawa beliau tahu siapa akan gantikan KPN, beliau dalam *interview* dengan *Mingguan Malaysia* sangat jelas bahawa dia tidak tahu, bukan sahaja tidak tahu bahawa ada *third force* yang campur tangan dalam urusan polis pergi belakang beliau, memberi arahan tanpa pengetahuan beliau. Adakah *third force* ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri?... *[Tepuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini masalah Ipoh Timur yang selalunya mendoakan dan mengharapkan orang dilaga-lagakan. Kelmarin hendak cuba lagakan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri. Minggu

lepas hendak cuba lagakan saya dengan IGP, dengan izin, *it's wasteful thinking.* Yang Berhormat boleh *wish* sehingga hari kiamat tetapi apa yang benar tetap benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak apalah, jawablah.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jawapan saya sebenarnya sangat mudah, di mana apa yang telah pun dilaporkan di dalam surat khabar *China Press* tidak benar dan apa yang cuba digembar-gemburkan oleh Yang Berhormat tidak benar. Apa yang Yang Berhormat mengharapkan bahawa kita dilaga-lagakan, kita berkelahi, tidak menjadi satu kenyataan. Dalam hal ini, penting untuk saya nyatakan nanti dalam hujah saya selepas ini berhubung kait dengan akhbar *China Press*, kita akan perjelaskan apa yang sebenarnya berlaku dan apa yang dinyatakan oleh pihak Tan Sri IGP pada ketika itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut peristiwa *China Press,* tetapi mengenai pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada semua akhbar selain daripada Yang Berhormat akan kata semua akhbar sudah buat laporan yang salah, bahawa dia tahu KPN akan berhenti, dia akan digantikan, bukan sahaja dia akan digantikan malah beliau tahu siapa akan menggantikannya dan juga empat daripada tujuh, semua ada lapan *division police*, ketua baru mereka siapa dan bukankah ini sangat aneh oleh kerana mengikut *Police Force Commission* yang bertanggungjawab untuk buat *recommendation* mengenai siapa akan menjadi KPN kepada Yang di-Pertuan Agong melalui Perdana Menteri. Adakah *Police Force Commission* sudah buat satu mesyuarat untuk menentukan siapa akan menjadi KPN yang baru. Kalau tidak, kenapa Yang Berhormat Menteri kata dia sudah tahu atau adakah laporan-laporan akhbar ini semua silap. Bukan mengenai *China Press*. Mengenai semua akhbar.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat daripada awal lagi hendak cuba mengeksploitasikan isu ini. Daripada peringkat awal di mana saya diramalkan untuk mengambil tindakan terhadap pengarang *China Press*, suruh dia letak jawatan dan digantung lesen *China Press* dan juga IGP dengan saya ada masalah dan sebagainya. Akan tetapi jawapannya mudah bahawa tahun ini memang fakta bahawa beberapa pegawai kanan PDRM akan bersara. Ianya merupakan fakta bahawa dalam pandangan dan pendirian dan hemah saya mengikut senioriti, saya pun boleh lihat siapa yang sesuai untuk diambil kira, tetapi tidak membelakangkan saluran yang sedia ada.

Itu yang kita sebutkan kepada *press,* tetapi Yang Berhormat pada ketika itu tidak bangkitkan isu sama ada saya tahu atau tidak tahu. Masa itu Yang Berhormat merasakan bahawa isu yang boleh dibangkitkan ialah untuk memutarbelitkan keadaan, melagakan saya dengan IGP, melagakan saya dengan *China Press* yang jelas tidak berjaya dan hari ini bertukar balik dengan isu yang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, itu hal berbeza, yang berasingan. Ini ada dalam *blog* saya boleh baca. Apa yang saya mahu tanya ialah saya mahu menjawab kepada Menteri mengenai konspirasi teori beliau, tetapi yang kata bahawa ada kekosongan akan wujud dan mengikut senioriti, adakah ini bererti bahawa semua pelantikan akan mengikut senioriti?... *[Disampuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan kedua... Ya, senioriti atau...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dia ini, Tuan Yang di-Pertua, membawa isu-isu untuk menyesuaikan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum habis, saya belum habis.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Menyesuaikan perbahasan kita mengikut selera dia. Jadi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Police Force Commission* sudah bermesyuarat dan apakah perakuan mengenai perkara ini?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya ingat Menteri boleh tidak jawab pun lah... *[Ketawa]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini *prerogative police commission* siapa hendak naik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tetapi kita mahu tahu keputusan ada dibuat atau tidak dibuat atau ini *prerogative* Menteri Dalam Negeri?

Beberapa Ahli: Tidak payah jawablah.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Puchong berkenaan campur tangan orang ketiga oleh Ketua Polis Negara. Isu ini ditimbulkan ekoran laporan berita oleh *China Press* kononnya Ketua Polis Negara akan meletak jawatan sebelum sambutan Hari Polis pada 25 Mac 2010. Mengikut makluman yang diperolehi oleh Ketua Polis Negara dan laporan berita yang dibuat oleh *China Press* adalah dari pihak-pihak yang ketiga yang tidak bertanggungjawab. Kementerian mendapati berita yang dilaporkan oleh *China Press* adalah tidak benar dan mereka telah memohon maaf kepada kementerian dan pihak polis masih menjalankan penyiasatan menyeluruh berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Tawau menyentuh tentang masalah kawad cam di balai polis. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, proses pengecaman saksi dibuat di dalam bilik khas yang dilengkapi dengan cermin satu hala bagi melindungi identiti saksi. Di dalam bilik khas berkenaan, pegawai polis bersama-sama saksi dapat melihat suspek yang berada di bilik sebelah, manakala suspek pula tidak dapat melihat saksi yang membuat pengecaman ke atas mereka.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan membangkitkan tentang isu pembakaran gereja dan surau. Ingin saya nyatakan bahawa tiada serangan ke atas masjid dan gereja, tetapi kejadian yang berlaku adalah perbuatan khianat menggunakan api. Terdapat 17 kejadian yang melibatkan gereja dan lima kejadian yang melibatkan surau. Kesemua kes tersebut disiasat di bawah seksyen 436, Kanun Keseksaan iaitu perbuatan khianat dengan api. Bagi kes melibatkan perbuatan khianat ke atas gereja sebanyak empat kes berjaya diselesaikan oleh polis di mana satu kes di Kuala Lumpur, perbuatan membakar gereja telah berjaya diselesaikan dalam masa yang cukup singkat.

Berhubung dengan kes membakar surau, seramai tiga orang telah dihadapkan di mahkamah dan bagi kes membakar gereja pula, seramai enam orang dihadapkan ke mahkamah, telah pun dihadapkan ke mahkamah. Kedua-dua kes tersebut masih dalam perbicaraan.

Untuk mengelakkan kejadian daripada berulang, pihak polis telah mengambil tindakan tegas. Antaranya ialah semua laporan polis yang dibuat, disiasat dengan terperinci. Suspek-suspek yang terlibat dan mempunyai cukup keterangan telah pun didakwa. Semua ibu pejabat polis daerah dan balai diarah membuat pemantauan yang rapi ke atas surau dan gereja di seluruh negara dan menempatkan anggota-anggota di kawasan yang berisiko tinggi berlakunya perbuatan khianat bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan, Menteri. Terima kasih. Saya berbalik kepada tajuk yang disentuh oleh Menteri tadi tentang penglibatan pasukan sukarelawan dalam rondaan polis khususnya RELA.

■1650

Dalam ucapan saya, saya ada timbulkan cadangan, adakah kerajaan sanggup menimbangkan pemberian subsidi petrol kepada pasukan RELA yang sudah sanggup mengorbankan masa menggunakan motosikal sendiri dan dengan secara proaktif membantu polis dalam perondaan khususnya di kawasan kediaman? Saya rasa cadangan ini perlu dipertimbangkan kerana kita memang kekurangan anggota polis dalam menjalankan tugas perondaan dan perondaan itu amat-amat diminta oleh penduduk-penduduk rakyat sekalian. Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sebenarnya, mereka yang terlibat pun mendapat elaun-elaun tertentu. Cuma dalam konteks rondaan, kita masih lagi pantau keberkesanannya dan impak penglibatan pihak RELA dan JPAM dalam gerakan kita. Peruntukan khusus telah pun diperuntukkan untuk kita jayakan NKRA yang juga bukan mengambil kira keperluan-keperluan mereka yang terlibat secara langsung tetapi lebih daripada itu.

Baru-baru ini pihak syarikat-syarikat keselamatan telah pun menandatangani satu perjanjian bersama-sama dengan pihak RELA untuk menyerapkan RELA secara sepenuh masa sebagai pegawai-pegawai keselamatan dalam syarikat-syarikat mereka supaya penggantungan terhadap pekerja warga asing dapat dikurangkan. Bermakna bahawa bila kita melibatkan gerakan-gerakan kesukarelawanan ini, kita tidak lihat hanya dalam konteks satu aspek sahaja.

Harapan saya ialah JPAM dan RELA mendapat imej baru, dapat transformasi dari segi hala tuju baru, dapat menyesuaikan diri dalam landskap baru ini dan ia dapat disesuaikan dengan agenda yang telah pun digubal dan telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berhubung kait dengan pembinaan sebuah negara bangsa melalui Gagasan 1Malaysia, GTP, *New Economic Model* dan peruntukan yang akan diumumkan untuk lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Pasir Salak. berhubung dengan isu yang sama Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan peranan RELA, tadi Yang Berhormat

Menteri ada sebut bahawa ada syarikat-syarikat keselamatan boleh mengambil RELA-RELA ini untuk bekerja sepenuh masa, kerja menjaga keselamatan.

Jadi kalau pihak swasta boleh mengambil mereka sepenuh masa, kenapa kerajaan tidak boleh mengambil mereka sepenuh masa untuk kerja-kerja menjaga keselamatan? Saya rasa jumlah RELA yang beratus-ratus ribu di seluruh negara ini dan kalau kita *deploy* tenaga yang beratus ribu ini, saya kira mereka boleh turun ke kampung-kampung, kawasan-kawasan taman perumahan di merata tempat untuk membanteras jenayah, kecurian, pecah rumah dan sebagainya. Lebih ramai boleh di *deployed* daripada menunggu untuk pengambilan tenaga pasukan polis dengan izin, *will take time, long time and many things that you have to do. But now, there are ready force about 3,000 - 4,000 people that can be employed immediately*. Saya rasa kerajaan boleh buat kalau ada *political will to do it. Thank you*, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah*, apa yang kita lakukan dengan RELA sekarang ini dalam konteks NKRA pun mengikut pendekatan awalan dan sekarang ini pun kita sudah meneliti dan memperincikan beberapa kekangan yang wujud dalam kita hendak serapkan RELA di dalam gerakan dan juga pasukan bertugas bersama-sama dengan PDRM.

Apabila kita wujudkan talian dengan pihak swasta, contohnya syarat-syarat dan juga pulangan kepada ahli anggota RELA ini, ia mungkin lebih lumayan. Keduanya lebih fleksibel dan ketiganya ia dapat membantu kita bukan sahaja melihat kerajaan mengambil inisiatif tetapi pihak swasta juga terlibat dalam agenda besar negara, dalam tanggungjawab korporat mereka kepada agenda pembinaan negara kita.

Ini adalah sebahagian daripada pendekatan kita dan masih lagi berada di peringkat awalan tetapi saya tengok kalau berjaya, ini mungkin merupakan satu pendekatan pemikiran di luar kotak kerana banyak negara yang cuba menggerakkan gerakan-gerakan sukarelawan ini tetapi tidak berjaya. Namun begitu kita telah pun ada pasukan, institusi dan juga agensi-agensi sukarelawan ini yang sedia ada, tetapi cuma hendak menyesuaikannya dengan keadaan semasa supaya dapat menarik lebih ramai orang ramai terlibat secara langsung khususnya kepada generasi muda.

Berkenaan isu cermin gelap seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kalabakan, kadar ketelusan cahaya pada cermin kenderaan telah ditetapkan oleh pihak JPJ. Sehubungan dengan ini, adalah menjadi kesalahan sekiranya pemandu menggelapkan cermin kenderaan melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh JPJ. Dalam hal ini, pihak polis terutamanya pasukan trafik bersama-sama pihak JPJ sentiasa membuat pemeriksaan tidak hanya di Sabah, malah di seluruh negara bagi memastikan kadar kegelapan cermin kenderaan adalah mematuhi had yang telah pun ditetapkan. Peraturan ini bukan sahaja dapat membantu pihak polis mengecam individu yang melakukan jenayah, malah ia juga dapat mengelakkan berlakunya kemalangan yang berpunca daripada pemandu yang tidak dapat melihat keadaan jalan raya dengan jelas.

Bagi mengatasi masalah kekurangan anggota polis sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, kerajaan telah melaksanakan pengambilan anggota polis baru seramai 10,000 orang bagi mencapai sasaran 60,000 anggota polis menjelang tahun 2012. Dari tahun 2006 hingga 2009, seramai 16,648 konstabel polis telah pun dilantik.

Yang Berhormat Bagan membangkitkan tentang laporan polis...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, jumlah kes yang paling efisien bagi seorang pegawai penyiasat jenayah adalah lima kes sebulan tetapi bukan seperti sekarang, 18 kes sebulan. Jadi saya rasa kualiti penyiasatan adalah lebih penting daripada kelajuan. Jadi, adakah keadaan ini akan diperbaiki dengan pertambahan 10,000 orang anggota polis? Minta penjelasan sedikit.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, tentang cermin gelap boleh tambah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di sini, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sejauh mana yang saya tahu, proses pengecaman jenayah yang berlaku di IPD Skudai dan Johor Bahru tidak ada pakai cermin gelap. Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan adakah proses pengecaman jenayah di semua balai polis ada menggunakan cermin gelap untuk melindungi saksi?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, memang ringkas Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat Bakri punya soalan Yang Berhormat. Dia ringkas. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tidak faham... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tetapi tidak faham. Yang Berhormat Bakri cuba... *[Ketawa]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya cakap semula, Yang Berhormat Menteri. Di sini saya hendak tanya ialah sejauh mana dari maklumat yang saya dapati, proses pengecaman jenayah yang berlaku di IPD Skudai dan Johor Bahru, tidak ada pakai cermin gelap. Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan adakah proses pengecaman jenayah di semua balai polis ada menggunakan cermin gelap untuk melindungi saksi di balai polis?

■1700

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Oh, cam... *[Ketawa]* Ya, tadi saya sudah jawab. Sebentar tadi saya sudah jawab berhubung kait dengan prosedur mengecam saksi. Yang jawapan tadi berhubung kait dengan cermin dan juga cermin kenderaan Yang Berhormat. Jadi saya pun tidak faham sebenarnya apa Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya... Yang elok sekali Yang Berhormat...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta dia soal - surat...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya, mungkin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ajukan soalan secara bertulis. Saya akan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Untuk mengelakkan daripada kekeliruan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Simpang Renggam, saya sedia maklum kekurangan pegawai-pegawai penyiasat yang perlu kita tambah dan sebenarnya ia tidak berkisar kepada pegawai-pegawai penyiasat

sahaja. Secara keseluruhan dalam konteks kita hendak tambah pegawai PDRM saya telah minta bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh ini tumpuan diberikan kepada aspek latihan dan juga keperluan PDRM di semua sektor-sektor tertentu.

Dalam hal ini, Pusat-pusat Latihan Polis (PULAPOL) akan ditambah. Pusat-pusat latihan yang perlu di naik taraf akan di naik taraf dan lebih penting lagi pelatih-pelatih yang akan diserapkan masuk mesti mempunyai pendedahan yang sewajarnya khusus untuk sektor dan bahagian-bahagian yang betul-betul memerlukan tambahan tenaga polis.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah. Boleh saya tanya berapa jumlah polis dan berapa jawatan yang ada dalam PDRM sekarang? Berbanding dengan tahun 2004 berapa ramai dan adakah pihak polis ataupun kementerian bersedia untuk menyerap anggota dari PGA masuk ke pencegahan jenayah?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Okey. Pihak PGA telah pun diserapkan dan di *deployed* dengan izin, untuk NKRA kita. Jumlah PGA yang telah pun kita minta membantu menjayakan NKRA kita - jumlahnya 1,100 PGA yang sekarang ini diserapkan. Jumlah keseluruhan pihak PDRM yang kita di *deployed* dan diberi tumpuan kepada NKRA jumlah keseluruhannya 33,623 dan RELA tadi 2,214 - 2,778 lagi sedang dalam latihan. Jadi angka-angkanya ada bersama dengan kita untuk memastikan bahawa apa yang kita umumkan ini bukan sahaja bersandarkan kepada persepsi masyarakat akan tetapi angka-angkanya merupakan perkara yang merupakan data tepat yang berada di dalam bilik operasi kita.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu soalan Tuan Yang di-Pertua, Kulim Bandar Baharu. Ini berkaitan dengan polis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, cuma satu soalan sahaja yang hendak saya tanyakan berkenaan dengan polis ini. Sama ada kementerian bercadang untuk menurut jejak langkah Kementerian Pertahanan untuk memansuhkan acara-acara polis dilakukan di Tugu Negara sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri semalam memansuhkan amalan upacara di Tugu Negara dan ditukarkan ke *venue* lain. Apakah Kementerian Dalam Negeri akan menurut jejak langkah yang sama? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan siasat Yang Berhormat akan tetapi setahu saya Hari Pahlawan itu diraikan bergilir, pihak tentera dan pihak polis. Jadi...

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Itu maksud saya. Maksud saya bila giliran polis, apakah polis mengikut...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya, saya akan siasat. Akan tetapi kalau itu...

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Sudah merupakan satu keputusan yang dibuat semalam...

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: ...Itu oleh Kementerian Pertahanan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *InsyaAllah.*

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: ...Sama ada polis akan mengikut atau tidak.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan *check.*

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung? Ini boleh kita balik ke isu keselamatan. Mangsa culik di Semporna, Sabah pada 8 Februari lalu, Polis Diraja Malaysia masih percaya mangsa Tsen Vui Chung dan Lai Wing Chau masih berada di Malaysia dan tidak diberitahu kedudukan siasatan. Ada ramai kata mangsa ada di Tawi-Tawi, *Philippine* juga.

Perusahaan rumpai laut jatuh mendadak kerana pekerja takut daripada 1,000 orang yang bekerja di sana kini hanya tinggal 50 orang sahaja. Boleh Yang Berhormat Menteri beritahu mana jaminan keselamatan di Sabah? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Tidak ada.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini telah dibangkitkan.

Seorang Ahli: Tidak ada jaminan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua tadi telah membuat *ruling*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, ini perkara sudah Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bahawa ia tidak dibangkitkan dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Seorang Ahli: Jawablah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mempunyai...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...Opsyen jawab atau tidak jawab pun...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tidak mahu jawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam isu yang sama. Saya hendak sambung Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Adakah boleh Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini semasa kita adakan Perjanjian Damai Hat Yai dengan Parti Komunis Malaya, kerajaan sudah bersetuju Tugu Negara tidak digunakan sebagai simbol Hari Pahlawan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak boleh hari ini kerana tidak dibangkitkan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya buat keputusan tidak perlu kita jawab.

Tuan Yang di-Pertua mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, kerajaan akan mempertimbangkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk menaik taraf ibu pejabat polis yang dikatakan sangat uzur. Walau bagaimanapun untuk keperluan anggota polis dan masyarakat setempat di Kinabatangan khususnya sebuah balai polis di Toga, Kinabatangan, Sabah telah dimasukkan dalam senarai projek-projek yang di pohon oleh Kementerian Dalam Negeri dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Pendang membangkitkan isu tentang perlaksanaan Projek IPD Pendang. Projek ini adalah di bawah peruntukan *Project Private Finance Initiative* dengan izin, PPFI. Projek ini sepatutnya di tender pada 27 November 2009 secara tender terbuka. Namun pihak kementerian telah bersetuju agar projek ditawarkan secara tender terhad. Surat permohonan bagi melaksanakan secara tender terhad tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 28 Oktober akan tetapi tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Justeru itu pihak JKR telah pun mengiklankan projek ini secara tender terbuka pada 28 Disember 2009. Tender ini telah pun ditutup pada 18 Januari 2010 dan kini pihak JKR di dalam peringkat penilaian tender.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat telah menyentuh berkenaan dengan kewujudan pekerja asing menggantikan pekerja tempatan. Pada masa ini adalah di sebabkan oleh permintaan daripada pihak majikan yang gagal mendapatkan khidmat tenaga kerja tempatan bekerja dalam sektor 3D dengan izin, *dangerous, dirty and difficult.* Pengisian jawatan ini walau bagaimanapun adalah bersifat sementara dan bukan untuk selama-lamanya. Kerajaan telah menetapkan tempoh maksimum pekerja asing untuk bekerja adalah sehingga lima tahun sahaja dan selepas itu pekerja asing tersebut perlu di hantar pulang.

Syarat kelulusan pengambilan pekerja asing juga mewajibkan majikan untuk mendapatkan sijil cop Malaysia dari Kementerian Sumber Manusia bagi membuktikan bahawa majikan mengiklankan kekosongan jawatan terlebih dahulu kepada pekerja tempatan terdahulu.

■1710

Berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuaran, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan operasi bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Berikutan keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2008 di mana program pendaftaran PATI di Sabah merupakan sebahagian dari operasi berkenaan. Di bawah program ini majikan diberi peluang untuk mendaftar pekerja asing mereka yang tidak sah tanpa dokumen perjalanan. Juga tanpa pas kerja yang sah, dengan membuat bayaran levi dan lain-lain untuk mendapatkan pas kerja yang akan menjadikan mereka sebagai pekerja sah.

Program ini telah dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pertama bermula 1 Ogos 2008 hingga 31 Oktober 2008. Fasa kedua bermula pada 27 Julai 2009 hingga 31 Oktober 2009. Sehingga 31 Oktober 2009, sejumlah 474,584 orang PATI telah pun didaftarkan di bawah program ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya memang tertarik pada jawapan mengenai pekerja asing yang masuk dengan sah dan dengan PATI. Saya berharap langkah-langkah yang diambil telah berkesan. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah bukan sahaja pekerja-pekerja asing yang sah. Bahkan juga kalau kita tengok di pasar-pasar kita, pasar malam dan sebagainya. Ini bukan kerana pekerja kita tidak ada tetapi mereka daripada Myanmar, Indonesia, Bangladesh dan sebagainya. Dia jadi penjaja. Mungkin kebanyakan itu PATI dan inilah masalah Yang Berhormat.

Saya berharap ini bukan sahaja di Malaysialah di seluruh banyak negara. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengadakan langkah-langkah yang berkesan. Mungkin boleh tolong dengan Senator di dalam Wilayah Persekutuan juga kerana itu ramai. Saya berharap masalah ini yang akan timbul daripada semasa ke semasa tidak akan diselesaikan dengan begitu sahaja. Mungkin kita boleh adakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengurangkannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak saya tanya Yang Berhormat. Lagi panjang kah?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak, tidak panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat memang isu ini merupakan satu isu yang cukup kompleks, yang melibatkan tidak kurang daripada lapan kementerian dan 15 agensi. Jumlah warga asing yang sah, kemudian tidak sah jumlahnya saya sudah maklumkan dahulu mungkin dua juta. Ini tidak termasuk mereka yang tidak sah yang perlu dipantau. Dalam hal ini kita telah mengambil inisiatif...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri minta celah boleh? Yang Berhormat yang tidak sah, berapa di dalam... Ada angka?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Angka yang tepat bersama daripada majikan, yang sedang kita wujudkan rangkaian yang sekarang ini merupakan di bawah naungan sekretariat warga asing. Dikendalikan oleh KDN dibawa ke Jabatan Kuasa Kabinet dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Semalam kita telah gubal satu tindakan nasional, Pelan Induk Tindakan Nasional untuk perdagangan orang. Juga ada hubung kait rapat dengan perjalanan yang merentasi sempadan yang berleluasa. Bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Keduanya kerjasama rapat dengan negara-negara jiran dan juga badan-badan NGO, *International Organization for Migration (IOM)* dan UNACR telah pun tampil ke hadapan untuk bekerjasama rapat dengan kita. Saya mengakui bahawa perkara ini bukan satu perkara yang mudah kerana kita perlu mengimbangi keperluan industri dan keperluan ekonomi negara. Akan tetapi pada masa yang sama jangan sampai menjejaskan keselamatan dan kedudukan rakyat kita sendiri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan peniaga-peniaga, warung-warung dan kawasan-kawasan tertentu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi. Kita buat siasatan dan siasatan awal kita menunjukkan bahawa mereka berada di sana di bawah selepas di sub lesen oleh warga kita sendiri. Jadi dalam sebegitu amat sukar...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan boleh?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap, sekejap biar saya jawab dahulu. Amat sukar untuk kita ambil tindakan serta-merta sebelum kita berjumpa dan membincangkan perkara ini dengan tuan punya pemegang lesen berkenaan. Sila Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan siasatan tadi saya begitu tertarik. Saya ingin bertanya kalau tidak ada jawapannya sekarang pun saya kira dapat jawapan bertulis pun tidak apa. Berkenaan dengan adakah satu siasatan ataupun bancian dibuat di kawasan Chow Kit, oleh Menteri Wilayah Persekutuan pun ada di sini. Di mana saya yakin Yang Berhormat Menteri pun tahu bagaimana Chow Kit ini, memang tidak ada langsung sudah "kemalaysiaannya' dekat situ. Hancur, sudah hapus dekat situ.

Jadi saya sangat risaulah sebagai Ahli Parlimen kerana mereka ini bukan pekerja. Kita tahu mereka bukan bekerja tetapi mereka menyewa gerai dan berniaga setiap hari. Jadi saya mahu tahu sama ada siasatan dan bancian ada dibuat? Apakah tindakan kalau boleh diberitahu kepada kitalah kalau bukan sekarang satu masa, tindakan yang akan dibuat sebab sudah lama sangat. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itulah salah satunya kawasan yang saya sebutkan tadi, yang kita pantau. Bila kita buat pemantauan yang melesenkan atau mengizinkan mereka berniaga di situ pemegang lesennya dari warganegara kita juga. Jadi isu ini perlu ditangani dengan cermat supaya tidak ada mana-mana pihak yang teraniaya. Akan tetapi saya setujulah ianya satu perkara yang serius dan seperti saya sebut tadi ia tidak berkisar kepada satu kementerian sahaja, satu agensi sahaja. Akan tetapi beberapa kementerian lain yang perlu bekerjasama.

Usaha awal kita hendak wujudkan Jawatankuasa Kabinet tadi, Jawatankuasa Kerja Rangkaian dengan kementerian-kementerian tertentu. Maklumat daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat pun boleh membantu kita menangani satu perkara yang saya cukup bimbang kalau tidak ditangani sekarang, dalam masa yang akan datang ianya akan jadi lebih serius lagi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah satu peraturan dibuat kepada majikan-majikan yang menggunakan tenaga pekerja asing ini? Supaya memberi keutamaan, terutama perkhidmatan yang melibatkan barisan hadapan seperti di kaunter-kaunter utama. Kita tengok di hotel-hotel sekarang ini pekerja asing menjadi penyambut tetamu di kaunter-kaunter check in.

Jadi sejauh mana peraturan dibuat supaya tempat-tempat penting ini diberi keutamaan kepada pekerja tempatan. Sebab kita tidak mahu nampak suasana seolah-olah dikuasai oleh pendatang asing dalam negara kita, dalam banyak perkhidmatan. Minta penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh Menteri laluan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itu kita buat keputusan di peringkat Jawatankuasa Kabinet tidak dibenarkan di barisan utama membenarkan warga dan pekerja asing. Akan tetapi alasan yang diberikan oleh majikan ialah tidak ada rakyat kita sendiri yang sanggup mengisi jawatan berkenaan. Akan tetapi sama ada ianya benar atau hanya alasan kita mesti siasat lebih lanjut.

■1720

Mungkin seperti saya sebut tadi sebelum ini kita tidak melibatkan majikan dalam usaha kita hendak menangani isu kebanjiran warga dan pekerja asing ini tetapi kali ini nampaknya ada kesungguhan dan persetujuan serta kesanggupan pihak swasta untuk bersama-sama dengan kita, dengan syarat kita berikan mereka sedikit ruang untuk proses pemutihan kalau tidak ianya saya rasa tidak akan selesai.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Mohon laluan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya senang dengar Yang Berhormat Menteri cukup tenang dalam memberikan jawapan dan respons terhadap perkara-perkara yang kita bangkitkan. Hal yang hendak saya bangkitkan berkaitan dengan permit kerja untuk rakyat asing ini.

Khabar terbaru yang saya difahamkan dan saya mohon pengesahan sama ada ini dalam makluman atau pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Saya merujuk kepada Paul Stadlen, Pengarah Urusan APCO Malaysia yang operasi pejabatnya di, The Gardens dekat Mid Valley City dan pasukan kerjanya yang difahamkan sama ada pertama, tidak mempunyai permit kerja yang sah ataupun kemungkinan yang kedua ialah mempunyai permit kerja yang telah tamat tempoh. Apakah perkara ini dalam makluman dan pengetahuan Yang Berhormat Menteri? Kalau ya apakah tindakan selanjutnya? Kalau tidak apakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menyiasat dan memberikan penjelasan terhadap perkara ini dalam Dewan yang mulia. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Memang saya sedia siasat tetapi yang menjadi tanda tanya daripada ratusan ribu yang tidak ada kenapa pilih seorang itu yang di dalam syarikat APCO? Akan tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat Machang saya akan teliti dan siasat jikalau dibangkitkan di peringkat di dalam Dewan ini. Sesungguhnya kita akan buat siasatan yang sepatutnya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Batu lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bezanya Yang Berhormat Menteri kalau majikan yang lain mengupah pendatang asing tanpa permit kita boleh ambil tindakan tetapi kalau kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang juga mengambil pekerja asing tanpa permit itu satu pelanggaran peraturan sendiri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebelum kita beri jawapan kepada siasatan dia sudah buat andaian... *[Ketawa]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri saya ada soalan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak ingatkan Yang Berhormat kita sudah satu jam setengah.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya itulah. Jadi saya hendak sentuh mengenai kewarganegaraan yang dibangkitkan beberapa Yang Berhormat. Yang lain saya boleh jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Puchong telah menyentuh mengenai permohonan status kewarganegaraan dan hal ehwal pendaftaran kelahiran. Kementerian Dalam Negeri hanya menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu permohonan-permohonan tersebut perlu melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci.

Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah yang drastik dalam usaha untuk memastikan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia diproses dan dikeluarkan keputusan dalam satu tempoh yang lebih sesuai dan praktikal kepada pemohon. Antara langkah drastik yang telah diambil ialah pertama, menubuhkan jawatankuasa, *task force* pada 2009 bagi menyelesaikan kesemua permohonan yang tertunggak dari tahun 1997 sehingga tahun 2006 berjumlah 32,927 yang melibatkan pertambahan pegawai dan kakitangan seramai 60 orang.

Keduanya, pegawai dan kakitangan juga diarahkan untuk membuat kerja lebih masa sehingga waktu malam dan hujung minggu bagi memastikan semua permohonan dapat diproses dan diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Ketiga, bermula dari permohonan yang diterima dari tahun 2009, Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan tempoh proses permohonan taraf kewarganegaraan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh permohonan lengkap diterima di Jabatan Pendaftaran Negara.

Proses mendaftar rakyat tanpa dokumen pengenalan diri di Sabah sedang giat dilaksanakan oleh Pasukan Khas Dokumen Pengenalan Diri ditubuhkan melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Sasaran yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ialah untuk menyelesaikan masalah rakyat tanpa dokumen pengenalan diri di negeri Sabah dan Sarawak sebelum berakhirnya tahun 2011. Walau bagaimanapun, kementerian menyedari dan mengambil kira setiap halangan dan kekangan untuk mencapai sasaran tersebut seperti faktor geografi, logistik, kewangan dan kerjasama pemimpin masyarakat setempat untuk membolehkan pasukan petugas sampai ke setiap tempat-tempat yang terpencil di seluruh negeri Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Serdang, jumlah MyKad yang belum dituntut bagi seluruh Malaysia sehingga 29 Mac 2010 adalah sebanyak 72,883 keping. Dari jumlah tersebut 7,719 adalah bagi negeri Sabah dan 468 darinya adalah bagi daerah Tawau.

Sebagai langkah untuk mengatasi MyKad yang tidak dituntut ini pihak Jabatan Pendaftaran Negara dengan kerjasama dan bantuan agensi-agensi di dalam Kementerian Dalam Negeri iaitu Polis Diraja Malaysia, Ikatan Dewan Rakyat dan Jabatan Pertahanan Awam telah melancarkan operasi Serahkan MyKad untuk menjejaki dan menyerahkan MyKad yang tidak dituntut kepada pemiliknya. Sejak dilancarkan pada 11 Januari 2010, sebanyak 332,314 MyKad yang tidak dituntut telah berjaya diserahkan kepada pemiliknya melalui agensi pelaksana dan pengambilan kad-kad siap oleh pemohon di pejabat JPN di seluruh negara setelah operasi ini mula diumumkan.

MyKad yang tidak dituntut selepas 24 bulan dari tarikh kad disiapkan bagi pemohon di Semenanjung Malaysia dan 36 bulan dari tarikh kad disiapkan bagi pemohon di Sabah dan Sarawak akan dilupuskan. Pelupusan tersebut perlu dilaksanakan adalah kerana MyKad merupakan dokumen keselamatan bagi mengelakkan penyalahgunaan sekiranya kad-kad tersebut terlepas kepada individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Individu yang tidak menuntut MyKad mereka yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan bayaran sebanyak RM20 semasa memohon gantian semula MyKad sekiranya MyKad mereka telah dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Tuaran membangkitkan isu kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia di mana ibunya bukan bertaraf warganegara Malaysia. Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan tetapi taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah ditentukan berdasarkan kepada taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapanya semasa kelahiran berlaku. Peruntukan ini dijelaskan di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama seksyen 1A Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan di mana sekurang-kurangnya ibu atau bapanya seorang warganegara Malaysia ataupun pemastautin tetap Malaysia.

Walau bagaimanapun bagi mereka yang tidak mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia secara automatik melalui kuat kuasa undang-undang, mereka boleh memohon taraf kewarganegaraan Malaysia mengikut kelayakan yang disyaratkan di bawah Perlembagaan Persekutuan seperti di bawah Perkara 15A, Perkara 15(1), Perkara 15(2), Perkara 16 dan Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung dengan isu kualiti MyKad yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau,

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kewarganegaraan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kerajaan telah mengeluarkan tender baru bagi pembekalan MyKad yang lebih berkualiti dan mempunyai ciri keselamatan yang lebih tinggi bagi mengelakkan kes-kes pemalsuan MyKad.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri beri peluang sedikit Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sekejap sedikit ya. Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri kualiti MyKad yang ada ini memang teruk, ini terbelah dua ni. Cuma satu hendak tanya sebab saya tengok di belakang MyKad ini ada logo *Touch'n Go*, ATM, *MEPS cash*. Sekali pandang ini berupa macam *misrepresentation* sebab tidak ada servis ini pun, tidak ada perkhidmatan ini. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri boleh tengok semula perkara ini. Ya, kalau tidak nanti disalah anggap. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya difahamkan ianya sebagai pemangkin atau *enabler,* dengan izin, dan ciri-ciri serta penambahbaikan kepada MyKad akan dilakukan pada masa ke semasa. Ianya merupakan kerjasama rapat dengan agensi-agensi yang berkuat kuasa tetapi dari segi *misrepresentation* itu saya ambil maklumlah hendak bertindak macam mana.

■1730

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja, boleh ya? Cumanya kalau boleh Yang Berhormat Menteri ini isu penting. Tadi kita cakap dari segi isu kecil tetapi isu penting kalau boleh Yang Berhormat Menteri secara dasarnya jangan sampai kita jadi macam *big brother* punya *government*. Maksudnya semua tergantung kepada satu cip itu. Elemen privasi seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan itu mungkin akan dapat dicabuli. Saya perhatikan itu sebagai isu dasar perlu dipertimbangkan walaupun mahu dijadikan *smart card* akhirnya. Saya rasa kita tidak mahu ada satu *big brother model of government*.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jauh sekali. Saya rasa itu - Hasrat kita ialah untuk memudahkan dan menyenangkan orang ramai tetapi dari segi fobia *big brother* tadi mungkin dari segi ciri-ciri keselamatan dan *firewall* yang boleh kita wujudkan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itu pun perlu diyakinkan kepada orang ramai tetapi oleh kerana perkara ini tidak pun dibangkitkan dalam perbahasan Tuan Yang di-Pertua, secara terperincinya saya akan jawab kepada Yang Berhormat Balik Pulau secara bertulis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, sudah hendak habiskah? Kalau sudah hendak habis saya hendak tanya satu soalan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudah hendak habis sudah sebab...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Satu soalan sahaja. Yang *last*.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Satu soalan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kewarganegaraan. Terima kasih...

Seorang Ahli: Teruskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masuk, masuklah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bangkitkan berkenaan Perkara 14(1)(b) – Kewarganegaraan Melalui Kuatkuasa Undang-undang. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi penerangan. Yang saya tekankan adalah anak warganegara wanita Malaysia yang lahir di luar Persekutuan. Dalam peruntukan ini hanya memberi kewarganegaraan kepada anak di mana bapanya adalah warganegara yang anak itu dilahirkan di luar negara bapanya adalah warganegara. Dia boleh dapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang tetapi ia tidak memperuntukkan kepada wanita. Kalau wanita Malaysia berkahwin dengan orang asing dan lahir anak di luar negara, anak itu tidak boleh mengikut kewarganegaraan, tidak diperuntukkan. Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian aspek ini.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya ambil perhatian. Kemungkinan ibu warganegara yang telah melahirkan anaknya di luar negara tidak mendaftarkan anak kelahirannya di kedutaan. Saya telah pun berdepan dengan beberapa kes sebegitu rupa di mana mereka tidak mengambil inisiatif peringkat awal dan menyulitkan pendaftaran kemudian tetapi saya ambil maklum daripada hal itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Last* sekali ya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Bangun]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan yang agak khusus di sini. Saya didatangi oleh agak ramai juga orang bukan Islam yang telah mengambil isterinya yang kedua tetapi dia tidak boleh daftar sebab dalam undang-undang kalau dia mendaftar perkahwinan yang kedua itu maka dia *punishable under the law* malah dikenakan hukuman penjara selama tujuh tahun.

Oleh demikian, mereka simpan "isteri-isteri" dan "anak-anak" yang lahir, *problem* yang ada ialah ada di antara mereka tidak mempunyai surat beranak kerana dia hendak pergi daftar, soalan pertama yang akan ditanya ialah bukti ibu bapa dan sebagainya. Jadi di tempat saya ramai khususnya mereka orang-orang India yang mempunyai masalah macam ini. Oleh yang demikian, anak-anak ini membesar tidak mempunyai surat beranak dan juga mungkin tidak akan ada IC dan jumlah ini makin hari makin besar. Ada tidak ruang bagaimana kita menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebenarnya itu satu soalan yang cukup penting malah pagi tadi saya telah bincangkan perkara ini dengan pihak pegawai kita dari segi undang-undang. Sebenarnya tidak ada ruang untuk kita beri pengecualian tetapi saya sudah minta mereka untuk mengkaji kerana peraturan digubal sebegitu rupa ialah untuk memastikan bahawa anak mereka memang betul merupakan mereka yang telah lahir di negara kita daripada ibu bapa yang salah seorangnya warganegara Malaysia. Mungkin dengan – saya sudah minta mereka kaji dengan menggunakan DNA untuk mengesahkan bahawa anak itu memang merupakan anak kepada ibu atau ayah yang merupakan

warganegara kita. Mungkin itu menjadi jalan penyelesaiannya. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah janji kepada Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya mohon.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sudah...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Setengah minit.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan daripada Kulim bandar Baru.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...yang...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu sahaja.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa] Yang* Berhormat Kulim, Kulim. *Last* ya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh beri saya satu lagi lepas ini?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sijil beranak tidak dijawab.

Seorang Ahli: Sijil beranak. Sijil beranak... *[Ketawa]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak pergi balik sebelum Yang Berhormat Menteri berhenti tadi berkenaan dengan pembantu rumah asing ini sebab saya ada bangkitkan dalam soalan lisan pada 29 Mac, aduan berkenaan dengan pengiklanan khidmat pembantu asing beragama Islam dari Indonesia yang diiklankan bersedia menyedia dan mengendalikan masakan daripada haiwan babi seperti yang dibuat oleh syarikat agensi pekerjaan Philimore Sdn. Bhd. dalam laman webnya www.philimo.com.

Yang saya terkejut jawapan yang diberi *"untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian memandang serius dakwaan terdapat agensi pekerjaan PRA di Malaysia yang mengiklankan khidmat PRA yang bersedia menyedia dan mengendalikan masakan berunsur babi. Sekiranya dakwaan tersebut benar, Jabatan Imigresen akan membatalkan pendaftaran pengambilan PRA oleh agensi pekerjaan berkenaan*." Saya terkejut jawapan ini kerana kalau pegawai itu buat kerja sedikit sahaja...

Seorang Ahli: Soalan!

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalau Yang Berhormat tengok *website* nya, sekarang saya tengah tengok *website* ini ada tiga tawaran pembantu rumah asing Sri Rahayu Ningseh, Rhati dan seorang lagi. Jelas di sini dinyatakan bahawa *working ability handling and cutting of pork – willing*. Dengan buka *website* tidak sampai dua minit dia dapat jawapan itu tetapi dia boleh cakap di sini sekiranya benar. Saya ingat pegawai ini tidak buat kerja kah. *Just by click website now* saya minta pegawai yang ada sekarang buka *website* itu www.philimo.com *very clear* di sini ditulis. Tiga pembantu asing *Muslim* Indonesia dikatakan ditawarkan bersedia mengendalikan masakan babi di Malaysia. Jadi bagaimana jawapan begini boleh diberi dalam keadaan fakta itu ada di sini. Jadi

saya minta kalau boleh... Pasal aduan ini sudah lama. Harap kementerian dapat ambil tindakan segera sebelum perkara ini menjadi lebih serius. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, bagi satu peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya siasat sendiri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Anak Johor, boleh?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya siasat sendiri pegawai ini.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, beri satu peluang.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, satu minit Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Masalah tulisan orang Cina, sijil...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah janji tadi satu jam tetapi sudah dua jam lebih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sangat penting ini Yang Berhormat Menteri yang soalan tadi yang saya bangkitkan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak apa. Kita boleh bincang di luar nanti. Ramai lagi Menteri yang hendak perlu jawab.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Satu minit sahaja sebab hendak dengar jawapan di sini.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah beri ruang sudah banyak kepada semua untuk tidak akan jadi kritikal. Dunia tidak akan kiamat, *insya-Allah* esok. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbahasan ini. Soalan-soalan dan isu-isu yang dibangkitkan, cadangan yang juga diutarakan yang tidak sempat saya sentuh dan jawab kita akan jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan Mesyuarat 36. Tadi Yang Berhormat Batu Gajah semasa dia ingin mencelah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pasir Salak telah menggunakan bahasa yang biadab terhadap Yang Berhormat Batu Gajah. Dia kata masuk, masuk... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kepala itu botak itu sebab dia fikir macam-macam.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Siapa? *You* tanya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua buat keputusan. Minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa maksud masuk, masuk itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan Mesyuarat 36(4) dia telah menggunakan bahasa biadab.

■1740

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta yang lain diam, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36(4). Menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan ataupun biadab. Saya tidak ada dalam Dewan ini tetapi saya minta Yang Berhormat Pasir Salak untuk...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Boleh, boleh baca *Hansard* esok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Beri penjelasan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Pasir Salak, mohon maaflah. Kita sedia maafkan kamu.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Pasir Salak, *be a man.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia, masalah Yang Berhormat Segambut kah? Kepala dia kotor... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kepala dia kotor. Jadi apa orang cakap.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Mulut, mulut dia lebih kotor.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tunjuk samseng. Samseng mana ini?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada di Dewan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Botak Chin punya samseng kah?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kita dengar dengan jelas Yang Berhormat Pasir Salak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mendengar, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya mendengar Yang Berhormat Pasir Salak. Penjelasan Yang Berhormat Pasir Salak, ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Akan tetapi dia jangan buat tuduhan. Jangan buat pertuduhan terhadap Yang Berhormat Segambut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Yang Berhormat Taiping pun hendak tunjuk samseng. Di Perak boleh tunjuk samsenglah... *[Dewan riuh]* Semalam di Dewan, di Perak tunjuk samseng, buat kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini buat kacau di Dewan Perak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, adakah Yang Berhormat menggunakan perkataan, "masuk, masuk!" seperti yang dituduh?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak. Mereka ini... *[Dewan riuh]* Dia sudah bercakap. Orang lain...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada kah atau tiada? Jawab saja... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Hendak bercakap. Orang lain belum masuk lagi bercakap, kawan-kawan cakap sini kata belum lagi dipanggil sudah dia hendak masuk. Saya kata, "masuk, masuklah". *What is wrong with that? [Dewan riuh]* Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.. *[Di sampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Nada dia lain, nada dia lain.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini apa ini, Yang Berhormat Ipoh Timur ini? Yang Berhormat Ipoh Timur ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Selalu berlaku. *Sexist reference* dan melanggar dan tidak menghormati wanita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sudahlah! Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak patut terus dibenarkan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah! *You talk to your son. Go and teach your son in Penang!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Go and teach* Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Histeria. Gila, gila!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't try to teach me.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, penjelasan tadi. Penjelasan Yang Berhormat Pasir Salak. Dia tidak berniat seperti yang dibayangkan Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, otak kotor!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kerana "masuk, masuk", pun perkataan Melayu. Mungkin dalam konteks yang lain tetapi bagi Yang Berhormat Pasir Salak, dia tidak berniat dalam konteks yang *sexist*, Yang Berhormat. Ya. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon satu keputusan yang adil. Yang Berhormat Pasir Salak, bagaimana dia mengeluarkan kata-kata itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa salah "masuk, masuk" itu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau dalam konteks apa, kita semua...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa yang "masuk" itu, saya pun tidak faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Dengar di sini. Kalau tidak, Yang Berhormat Segambut tidak akan bangkitkan peraturan mesyuarat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, apa yang "masuk, masuk" itu dalam fikiran Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Batu Gajah, hendak masuk apa ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah wajar dia mengeluarkan kata-kata yang demikian?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Memang jelas. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah ini betul Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, hendak berdebat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak berdebat ataupun hendak mendengar Yang Berhormat Batu Gajah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hendak mendengar Yang Berhormat Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini orang tidak boleh buat baik, ini.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, yang lain duduk, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya tanya dengan baik. Namun apakah dalam situasi itu membenarkan Yang Berhormat mengeluarkan, menggunakan perkataan yang sedemikian dalam konteks itu?

Seorang Ahli: Apa dia?... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain, yang lain diam, Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu persoalannya yang dibangkitkan. Saya dibaca. Itu persoalan yang dibangkitkan di sini, ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Menggunakan perkataan yang digunakan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *She is on the* peraturan mesyuarat. Duduk dahulu Yang Berhormat ya. Saya sudah minta penjelasan. Saya tidak ada di Dewan tadi dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pasir Salak sama ada dia bayangkan, berniat *sexist* dalam perkataan "masuk, masuk", yang digunakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... *[Disampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini pembangkang sudah banyak kali dia kenakan saya. Namun tidak berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya. Sebab itu saya kata saya menerima bahawa Yang Berhormat Pasir Salak tidak ada niat *sexist* menggunakan terhadap Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *They tried so many time to fixed me up, thank you.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa Yang Berhormat Pasir Salak bila dia sebut "masuk, masuk", dia kena buka mikrofon? Kenapa dia hendak pakai mikrofon?... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Sudah lebih jelas lagi. Lebih jelas lagi sekarang, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, keputusan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lebih jelas lagi sekarang, Yang Berhormat. Yang Berhormat, lebih jelas lagi sekarang. Penerangan daripada Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang

Berhormat Pasir Salak tidak menggunakan mikrofon, ia tidak termasuk dalam *Hansard. It will be pick-up by the Hansard...*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu saya katakan bahawa saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Pasir Salak untuk membuat penjelasan dan penjelasan bahawa dia tidak ada niat menggunakan perkataan itu dalam konteks yang *sexist* terhadap Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Mengapa dia *switch on microphone* apabila dia sebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *There's another issue. Different issue,* Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, kita pun tidak tahu apa yang di dalam otak Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tolong jangan buang masa lah. Tolong jangan buang masa!

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Jadi saya rasa perkara macam ini adalah tidak sensitif. Tidak adil untuk Parlimen kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh...*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dalam apa konteks dia mengeluarkan perkataan yang sedemikian.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ulanginya... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kita minta Yang Berhormat Pasir Salak minta maaf terhadap Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, kami wanita dalam Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: ...Kita sentiasa dengar perkataan yang macam itu. Saya rasa ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat Pasir Salak, duduklah Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Propaganda tidak habis-habislah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, duduk, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Propaganda tidak habis-habis.

5.45 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Diam, Yang Berhormat. Saya sudah katakan dia tidak berniat dalam konteks seperti yang dibayangkan Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbahasan Titah Diraja dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kedua Belas Dewan Rakyat 2010... *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, nanti dululah Yang Berhormat Menteri. Tunggulah. Belum selesai lagi... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskanlah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okey... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Ahli Yang Berhormat bagi Lenggong pada 25 Mac telah menyuarakan harapan beliau agar Kementerian Dalam Negeri bersama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melakukan sesuatu memulihkan imej di kawasan-kawasan negatif di Kuala Lumpur misalnya di Lorong Haji Taib. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lenggong, dalam usaha memastikan imej bandar raya Kuala Lumpur bersih daripada kegiatan negatif seperti yang dilaporkan berlaku di Lorong Haji Taib, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyertai operasi-operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, RELA, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Antidadah Kebangsaan, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

Agensi-agensi ini mengambil tindakan mengikut bidang kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Dalam hal aktiviti pelacuran, penangkapan akan dilakukan oleh polis terhadap pengurus, penjaga ataupun "bapa ayam". Pelacur warga asing pula akan diambil tindakan oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara kerana penyalahgunaan pasport bagi tujuan aktiviti tidak bermoral. Tindakan terhadap mereka yang beragama Islam pula akan diambil oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi menangani kegiatan pelacuran dan maksiat sentiasa dilakukan secara bersepadu. Ini bagi memberi keberkesanan kepada setiap operasi yang dilakukan. Dari tahun 2008 hinggalah 30 Mac 2010, sebanyak lima siri operasi bersepadu telah dijalankan di sekitar daerah seperti Pudu, Jalan Petaling, Brickfields dan Chow Kit iaitu Lorong Haji Taib.

Tuan Yang di-Pertua, Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 telah mengenal pasti...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, laluan sedikit.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Kawasan-kawasan usang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar saya habiskan. *Just* sedikit lagi.

Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2010 telah mengenal pasti kawasan-kawasan usang seperti Lorong Haji Taib untuk dipulihkan imejnya. Di samping itu, DBKL juga telah melakukan kerja-kerja penambahbaikan dan penceriaan seperti landskap serta menambahkan pencahayaan di lorong-lorong belakang di kawasan Chow Kit bagi membendung segala jenis kegiatan yang tidak bermoral.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ucapkan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri, Wilayah Persekutuanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, selepas itu Yang Berhormat boleh bangun nanti, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sabar, Yang Berhormat Segambut! Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tinggal di Kuala Lumpur.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ..pihak kementerian kerana ada usaha-usaha untuk memulihkan kawasan tersebut atau kawasan-kawasan lain. Cuma, mungkin rakyat mahu lihat ada perubahan yang begitu baik daripada apa yang ada sekarang. Barangkali menukar imej kawasan tersebut daripada kawasan-kawasan yang nampaknya kotor dan tidak bersih kepada suatu usaha yang lebih baik daripada yang ada sekarang. Ini kalau dapat

dilakukan, ia sebenarnya yang saya sebut dapat menarik dan membawa imej baik kepada negara dan kerajaan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Isu yang sama, Yang Berhormat Menteri. Isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila. Sila, Yang Berhormat.

■1750

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kenapa tiada langkah...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Diamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kenapa tiada langkah untuk memulihkan imej di kawasan Segambut Dalam dan Kampung Sungai Penchala dan Kampung Bukit Lanjan sebab tiga kawasan ini, orang tempatan di sana beritahu saya lebih 60% penduduk di sana semua adalah pendatang asing. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Lenggong dan juga Yang Berhormat daripada Segambut. Usaha-usaha untuk memperbaiki imej kawasan yang boleh dikatakan *hot spot* lah dari segi pelacuran ini memang telah dimasukkan dalam Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Sebab itu beberapa langkah yang telah dicadangkan adalah untuk mengubah landskap di kawasan-kawasan itu serta menambahkan pencahayaan di lorong-lorong berkenaan. Jadi, proses itu akan dibuat dan kita akan berbincang dengan *stakeholders* iaitu penjaja dan mereka yang duduk di sana, berniaga di sana supaya dapat persetujuan daripada semua pihak yang terlibat. Selain daripada itu ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Segambut berkenaan dengan warga asing, saya rasa tidak berkaitan iaitu di Segambut Dalam dan juga Segambut. Jadi, bermakna saya tidak perlu jawablah soalan itu. Silakan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tadi Yang Berhormat Menteri baru bercakap hendak pulihkan imej di Lorong Haji Taib sebab ada maksiat, ada pendatang asing. Sekarang Yang Berhormat Menteri pula bercakap soalan saya tidak berkaitan. Minta penjelasan... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Boleh jawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Pengkhususan jawapan ini adalah kepada kawasan-kawasan yang maksiat berkeliaran. Jadi, saya tahu bahawa kawasan Sungai Penchala, Segambut Dalam tidak ada unsur-unsur pelacuran yang jelas langsung. Ini adalah kawasan-kawasan yang baik dan saya sendiri pun datang dari kawasan sana.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri, dengar baik-baik.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, itulah Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan saya ialah isu pendatang asing, bukan maksiat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, saya rasa isu pendatang asing Yang Berhormat daripada Sembrong telah jawab tadi dengan panjang lebar. Jadi, saya rasa tidak perlu saya sentuh lagi berkenaan dengan itu.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Mengapa tadi Yang Berhormat Menteri sentuh isu pendatang asing di Lorong Haji Taib, di Chow Kit? ... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak rujuk kepada draf pelan yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri dan saya ingin minta beliau memberikan pertimbangan yang serius kerana dari segi tahap pembangunan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan ini, ada dua tumpuan.

Ternyata kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menumpukan taraf hidup, kemudahan yang lebih selesa di kawasan masyarakat yang berpendapatan tinggi. Masyarakat di kawasan sesak dan miskin yang termasuk di bawah Wilayah itu kurang diberi perhatian. Baik jalan, baik kemudahan, kebersihan, sampah sarap masih ada. Kalau Yang Berhormat pertikai, saya boleh berikan senarai kerana saya pun kebetulan duduk di Wilayah Persekutuan. Jadi, ada dua Wilayah Persekutuan macam dua Malaysia. Satu Malaysia untuk orang kaya dan satu lagi untuk orang yang miskin. Jadi, sepatutnya Yang Berhormat beri perhatian supaya kemudahan asas, kebersihan di kawasan penduduk yang berpendapatan rendah itu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Pihak kementerian tidak bersetuju bahawa kita telah mengasing-asingkan dua kategori warga Wilayah Persekutuan iaitu yang kaya dan yang miskin. Semua kawasan diberi tumpuan. Hanya di kawasan orang kaya mereka mampu untuk menanggung kebersihan, ada *gated community* dan lain-lain.

Untuk kawasan-kawasan yang berpendapatan rendah, memang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar baru-baru ini pun telah melancarkan kempen kebersihan dan penumpuannya adalah pada kawasan-kawasan berpendapatan rendah. Kita juga telah memberi KPI kepada mereka yang menjaga kebersihan ini khususnya Alam Flora supaya sasaran-sasaran tertentu dicapai dari segi kebersihan.

Dari segi kemudahan-kemudahan asas, pada masa kini pihak kerajaan telah berbelanja RM250 juta untuk menyelenggarakan flat-flat perumahan awam dan *flat* perumahan PPR khusus untuk mereka yang berpendapatan rendah. Jadi, saya rasa andaian bahawa kita tidak beri tumpuan kepada kawasan-kawasan orang tidak kaya tidak benar. Memang penumpuan sejak saya ambil alih kementerian, saya telah keluarkan 7P. Daripada 7P itu, saya rasa semua penumpuan adalah kepada kawasan orang miskin. Dan inilah tumpuan saya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Titiwangsa dahulu Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa dahulu. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Lorong Haji Taib tadi, kita memang sensitiflah sebab bangunan PAS pun di situ. Sebenarnya kita memang sudah buat banyak program juga untuk mendekati golongan-golongan terpinggir di situ.

Apa yang ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri di sini, baru-baru ini kita tahu ada satu operasi dibuat di Brickfields, di mana kalau tidak salah saya di Brickfields dipecahkan bilik-bilik kecil yang digunakan untuk kegiatan seks dan sebagainya. Apakah operasi sama tidak boleh dibuat di Lorong Haji Taib dan juga di tempat-tempat lain di mana berlakunya kegiatan hitam ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Lanjutan tadi. Saya mungkin agak boleh terima sedikit penjelasan mengenai Yang Berhormat Menteri telah beri penumpuan, belanja sudah besar. Akan tetapi, hakikatnya Yang Berhormat Menteri kita berbicara mengenai kualiti hidup.

Yang Berhormat Menteri pun tahu beban untuk mereka yang berpendapatan rendah untuk duduk di bandar. Yang Berhormat Menteri maklum di kawasan terdekat kita di Pantai Dalam, ramai teman di sana yang gajinya sedikit. Akan tetapi, apabila kita tengok pendapatan sudah rendah. Ya lah hendak buat macam mana. Sekarang ini harga hartanah semua tinggi. Dari segi tempat hendak *parking* kereta. Keselesaan itu akan memberi impak kepada kualiti hidup harian.

Jadi, isunya di sini kalau Yang Berhormat Menteri hari ini boleh bangun, dengan katakan kami telah beri penumpuan, RM200 juta sudah beri. Akan tetapi saya rasa, *I mean,* saya yakin bahawa kualiti hidup mereka di kawasan golongan berpendapatan rendah ini masih di tahap yang amat jauh berbanding dengan kawasan saya beri contoh kalau dekat Segambut Dalam. Berbeza kalau di kawasan Mont Kiara, berbeza di kawasan Sri Hartamas. Secara *detail* nya sebegitu.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong beri perhatian. Kalau yang tidak betul, kita yakan dan kita *improve*. Tidak ada masalah. Itu pada pandangan saya.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Titiwangsa dan juga Balik Pulau. Menyentuh berkenaan dengan operasi-operasi di tempat-tempat yang lain, memang baru-baru ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama dengan agensi-agensi kerajaan lain telah mengerakkan operasi di sana di mana banyak tempat yang tidak bermoral telah kami ambil tindakan. Operasi ini kita akan teruskan bukan hanya di Lorong Haji Taib tetapi di tempat-tempat yang lain.

Kedua, berkenaan dengan soal kawasan yang mundur seperti di Pantai Dalam, seperti Segambut Dalam berbanding dengan kawasan yang mewah seperti Bukit Pantai ataupun seperti Mont Kiara. Tempat-tempat yang mewah ini adalah dimajukan oleh swasta. Yang murah ini adalah mereka yang berpendapatan rendah. Akan tetapi memang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, penumpuannya adalah daripada kawasan-kawasan ini. Tiga hari yang lepas, saya sendiri pun turun di Segambut Dalam untuk

bersama dengan mereka di sana. Jadi, memang saya tahu bahawa kawasan-kawasan seperti ini memang perlu pembelaan dan memang pihak kerajaan akan beri penumpuan kepada kawasan-kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang pada 29 Mac telah membangkitkan isu mengapa kerajaan tidak berani membina terminal pengangkutan awam bandar yang bersepadu di Kuala Lumpur. Beliau mempertikaikan keputusan untuk membina terminal pengangkutan awam di tempat-tempat yang berasingan seperti Bandar Tasek Selatan untuk pengangkutan awam ke selatan. Jalan Duta untuk ke utara dan Gombak untuk ke Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal berani tidak berani sebenarnya tidak timbul. Sebanyak tiga buah terminal pengangkutan awam bersepadu telah pun dirancang dan sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan oleh Kementerian Pengangkutan. Lokasi ketiga-tiga terminal ini terletak di tapak strategik dan dapat mengatasi masalah penumpuan bas ekspres dalam pusat bandar seperti yang berlaku sekarang. Ketiga-tiga terminal itu adalah disepadukan dengan perkhidmatan rel dan dikhaskan untuk bas ekspres yang memberi perkhidmatan antara bandar di Malaysia.

■1800

Selepas penumpang turun dari bas ekspres yang mereka naiki, mereka kemudiannya boleh menggunakan perkhidmatan rail ataupun LRT ke pusat bandar. Melalui cara ini kesesakan jalan raya di tengah-tengah bandar dapat dikurangkan pada waktu sesak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tangga Batu telah menyatakan beliau telah menyaksikan sendiri sebuah lori Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membawa tujuh orang pekerja tanpa ada ciri-ciri keselamatan dalam cuaca hujan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peraturan kerja DBKL, lori mengangkut barang dan peralatan tidak boleh digunakan untuk mengangkut pekerja. sekiranya tiada pilihan lain atau terpaksa juga untuk menggunakan lori jenis ini, pegawai atau penyelia hendaklah mengarahkan para pekerja supaya duduk di atas lantai lori demi keselamatan mereka. Pihak kementerian dan DBKL tidak akan bertolak ansur dalam isu pelanggaran peraturan kerja, terutama sekali jika ia membabitkan keselamatan dan kesejahteraan para pekerja.

Jika Ahli Yang Berhormat Tangga batu boleh membekalkan nombor pendaftaran lori terbabit, pihak DBKL akan mengambil tindakan kepada pegawai atau penyelia dan pemandu yang terbabit. Namun demikian, pihak kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat bagi Tangga batu di atas keprihatinan beliau terhadap keselamatan para pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat Kinabatangan di dalam pencelahannya telah membangkitkan mengenai isu pengangkutan awam sebagai satu keperluan penduduk dalam sebuah bandar raya. Beliau berkata jalan di Kuala Lumpur penuh sesak seolah-olah tidak ada perancangan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, adalah menjadi azam Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mewujudkan pengangkutan awam kelas pertama di Kuala Lumpur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Perkara ini telah dinyatakan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 dalam draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Antara lain, Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 telah mencadangkan pembinaan sebanyak 12 laluan baru sistem LRT dari sekarang hinggalah tahun 2020 bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam daripada menggunakan kenderaan persendirian. Namun pembinaan laluan rel memakan belanja yang besar.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika melancarkan tren empat gerabak 1Malaysia semalam, berkata kerajaan akan lebih selektif dalam membina atau memperluaskan laluan LRT kerana kosnya yang sangat tinggi. Matlamat atau sasaran utama kerajaan ialah untuk meningkatkan peratusan orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam daripada 16% sekarang kepada 25% pada tahun 2012. Ke arah itu, beberapa tindakan telah diambil seperti menambah bilangan koc dan kapasiti penumpang KTM, Komuter dan LRT, tempat letak kereta *park and ride*, menambah bilangan bas Rapid KL dan laluan-laluan baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, sedikit mengenai pengangkutan awam. Saya pengguna pengangkutan awam. Laluannya Menteri maklum. Yang Berhormat Menteri, saya perlukan penjelasan Menteri sebab perancangan saya dengar tadi ada perancangan, 2012 dan sebagainya. Ini kita berbicara tahun 2010, masalah di depan. Saya beri contoh, pengalaman menunjukkan – saya tidak mahu jawapan ini kes terpinggir. Itu *expected answer.* Akan tetapi sering kali pengangkutan tidak ikut jadual. Itu satu.

Kedua, Menteri amat maklum tidak banyak golongan berpendapatan rendah ini yang tempat tinggalnya di dalam bandar sebab isu harga perumahan. Jadi kebanyakannya duduk jauh, kadang-kadang sampai ke Rawang, kalau Gombak ini sampai ke Batu lapan, jauh. Akan tetapi Menteri bayangkan kalau masalah yang saya katakan ini, jadual ada dasar tetapi pelaksanaan tidak dipantau. Saya beri contoh Ahli Parlimen, mungkin kita dari Pantai Dalam ke KL Sentral mahu ke Parlimen, tidak ada pengangkutan, betul Menteri?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Pada pandangan saya Menteri, sebelum merancang kepada 2012, perancangan yang sedia ada pun saya ingat kalau dipantau sebetulnya, saya rasa dengan mengurangkan beban, baru timbul kesejahteraan bandar. Sebab saya sendiri banyak menggunakan kenderaan awam seperti teksi dan bas dan rata-rata tidak mendapat kesejahteraan seperti yang diharapkan. Malah lebih pening kepala. Pergi kerja tunggu bas lambat, balik dah penat bas pun tidak ikut jadual. Saya ingat satu hari nanti Menteri kita perlu buat pemantauan yang lebih rapi untuk kesejahteraan warga bandar terutamanya golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai kelebihan seperti mempunyai kenderaan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Pasir Salak bangun itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada

kata tadi sudah hendak habis, bukan? Jadi sebelum dia habis itu, saya ada satu perkara hendak bangkitkan. Kalau tidak boleh jawab secara lisan pun, secara bertulis pun bolehlah.

Tadi bercakap soal pembangunan Kuala Lumpur, pelan pembangunan dengan pengangkutan dan sebagainya. Saya hendak tanya satu aspek pembangunan lagi iaitu dari segi pembangunan ekonomi, penyertaan bumiputera dalam ekonomi Kuala Lumpur ini. Saya tengok semua pasar raya, semua premis perdagangan, semua 99% bukan bumiputera. Kita tidak iri hati, kita ucap selamat maju jaya kepada mereka yang bukan bumiputera untuk meningkatkan lagi perniagaan mereka tetapi yang kita bumiputera ini bagaimana? Apa tindakan Menteri Wilayah Persekutuan dalam hal ini? Saya tengok tidak ada inisiatif langsung. Cuma yang sibuk, saya baca dalam surat khabar, soal lesen berniaga di Chow Kit, di Masjid India dan juga gerai-gerai di sana sini.

Soal perniagaan di peringkat yang lebih tinggi tidak ada langsung, tidak ada berita dalam surat khabar, tidak ada perancangan langsung. Ini mendukacitakanlah. Jadi dasar Model Ekonomi Baru akan diperkenalkan, kita hendak tahu bagaimana Menteri Wilayah Persekutuan ini memainkan peranan dalam hal ini? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung sedikit tidak?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Padang Serai.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya banyak dapat permohonan daripada masyarakat dalam bandar iaitu golongan miskin dalam bandar. Mereka ini boleh maju kalau sekiranya sebahagian yang berpotensi untuk berniaga ini diberikan ruang untuk berniaga. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menyediakan ruangan khas seperti tempat-tempat perniagaan kepada kumpulan rakyat miskin dalam bandar?

Keduanya Yang Berhormat, Kuala Lumpur ini kalau hujan cepat betul air naik, tetapi lambat ia keluar. Boleh Yang Berhormat siasat kenapa jadi macam itu dan buat perancangan untuk mengatasi masalah ini kerana inilah punca kesesakan yang amat dahsyat di Kuala Lumpur. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ada lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak jawab dahulu Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah lama tunggu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri hendak jawab dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bangun kemudian nanti Yang Berhormat. Dia hendak jawab dahulu, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Berkaitan, berkaitan. Ini berkaitan ini.

Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar saya jawab. Kalau banyak sangat nanti saya lupa hendak jawab. Jadi Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan jawapan saya dan saya akan sentuh soalan daripada Yang Berhormat tadi.

Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan juga telah menggariskan bidang tumpuan dalam merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dengan empat fokus utama. Antaranya, meningkatkan kualiti perjalanan menggunakan pengangkutan awam, bermula dari saat pengguna keluar dari rumah hinggalah tiba di destinasi terakhir.

■1810

Bagi menggalakkan lagi - yang ini mungkin sedikit sebanyak boleh menjawab soalan daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki, DBKL telah membina *walkway* ataupun laluan pejalan kaki ataupun dalam proses membina. *Insya-Allah* pada hujung tahun ini akan nampaklah *walkway* seperti yang ada di Hong Kong. Memandangkan faktor iklim panas di negara kita kerajaan juga merancang untuk membina laluan pejalan kaki berhawa dingin di lokasi-lokasi strategik di bandar raya.

Bagaimanapun, kejayaan usaha-usaha kerajaan ini ke arah membudayakan penggunaan sistem pengangkutan awam banyak bergantung kepada pengguna. Rakyat juga perlu menggunakan pengangkutan awam apabila mengunjungi pusat bandar. Dengan cara ini kesesakan jalan raya akan dikurangkan. Jadi soalan tadi daripada Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat daripada Jempol. Berkenaan dengan pengangkutan awam memang pihak kerajaan menerima hakikat pada masa ini pengangkutan awam di bandar raya khususnya di Kuala Lumpur perlu ditambahbaikkan. Akan tetapi usaha-usaha kerajaan dalam menambahbaikkan pengangkutan awam mengambil masa. Kita tidak boleh dapat buat dalam masa terdekat oleh sebab kesesakan itu sudah sedia ada.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi itu yang satu daripada NKRA utama yang ketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan dibantu oleh Menteri Pengangkutan. Jadi saya yakin apabila program-program seperti terminal siap, penambahan koc-koc siap dan beberapa usaha-usaha lain seperti *walkway* siap. Saya yakin isu kekurangan ataupun masalah pengangkutan awam walaupun tidak tercapai 100% tetapi akan ditambahbaikkan daripada 16% kepada 25%.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Akan tetapi yang penting juga pada rakyat adalah kita juga perlu menggalakkan rakyat menggunakan *public transport* ataupun pengangkutan awam dengan izin.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tadi Yang Berhormat Pasir Salak saya belum jawab lagi ini. Biar saya jawab sebab dia kawan lama saya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Pengangkutan awam dahulu. Sebelum dipindah ke tajuk yang lain. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Tahun demi tahun, penggal demi penggal kerajaan berjanji sejak tahun-tahun, tempoh-tempoh kebelakangan sejak kewujudan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan sebagainya tetapi sehingga sekarang prestasi pengangkutan awam masih tidak nampak ada dinaikkan. Apakah sebabnya dan pihak Menteri tidak perlu bercakap besar di sini. Saya ingin tanya misalnya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Guna bahasa baik-baik sedikit.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Satu projek yang dipanggil *Intelligent Transportation Information System* (*ITIS*) yang telah membelanjakan sekurang-kurangnya RM400 juta sejak permulaannya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sepuluh tahun yang lalu, masih tidak boleh berfungsi dengan sebaik-baiknya dan gagal memainkan satu peranan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Di dalam bandar raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Lagipun setiap tahun membebankan DBKL untuk membelanjakan sekurang-kurangnya RM30 juta hingga RM40 juta...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Yang Berhormat Menteri tadi hendak jawab soalan saya, kenapa dia pula *block*?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Untuk *maintain* sistem itu. Ini adalah satu bukti kegagalan pihak kerajaan dalam soal pengangkutan awam ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat sudah setuju hendak jawab soalan saya, dia ini *block.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti Yang Berhormat. Pendekkan dan ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi muka ini, tidak bagi *chance* pun untuk kita.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Inilah satu persoalan yang mesti dijawab dan pertanggungjawaban oleh kementerian.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *All opportunist!*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri sudah hendak jawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah lama tunggu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini bersangkut paut dengan pengangkutan, Yang Berhormat Menteri. Saya telah beberapa kali mengungkitkan hal ini di mana pemandu-pemandu teksi yang membawa penumpang-penumpang ke Puduraya, tempat *drop* untuk teksi itu tidak ada stesen teksi yang berhampiran dengan Puduraya. Sesiapa yang menaiki teksi mereka hanya boleh diturunkan depan Maybank ataupun depan Tung Shin Hospital di mana lebih daripada 100 meter jauhnya. Bayangkan Yang Berhormat Menteri apabila seorang wanita yang hamil, dia bawa dua beg bersama dua orang anak-anak, pemandu teksi tidak mahu turunkan dekat Puduraya kerana penguat kuasa bandar raya, JPJ dan pegawai-pegawai penguat kuasa ini semuanya menghalau teksi-teksi itu. Sekiranya teksi-teksi itu berhenti kerana tidak ada stesen teksi tempat memberhentikan teksi di situ mereka menghadapi masalah ini.

Saya telah ungkitkan beberapa kali. Saya tidak tahu ini Kementerian Wilayah Persekutuan ini berfungsi atau tidak. Saya mahu tahu kenapa sehingga sekarang tidak dekat dengan itu. Ini adalah satu kemudahan asas yang perlu untuk semua orang yang menggunakan pengangkutan tempatan di situ. Saya juga melihat bersebelahan dengan bangunan Puduraya ini...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Ada satu tempat yang besar yang dinaikkan *divider* nya tetapi JPJ sendiri menggunakan *divider* itu mereka *park* kereta penguat kuasa JPJ di situ dan menghalau pemandu-pemandu teksi. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Jabatan Pengangkutan Jalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Jabatan Pengangkutan Jalan, *this is under town planning, town planning* ini Yang Berhormat Menteri pun saya percaya arif mengetahui hal ini. Saya mohonlah selepas hampir satu tahun masalah ini ditimbulkan dalam Parlimen, saya harap *something will be done*. Mana-mana saya pergi memang saya dengar berbagai-bagai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Rungutan mengenai pemandu-pemandu teksi ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri ambil tindakan sedikitlah. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sudah rujuk sendiri beberapa kali tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sebelah kanan, saya selalu berdiri sebelah kanan dan cakap dia. Mungkin telinga kiri sahaja yang berfungsi... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan Serai dan juga...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Padang, Padang Serai.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Padang Serai dan juga Yang Berhormat daripada Cheras. Jadi saya rasa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, jangan lupa. Saya dahulu.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tidak lupa. *Last*, nanti.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini macam mana Yang Berhormat Menteri ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang lain tanya dahulu orang lain yang dia jawab.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya kata...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* bagi muka kepada mereka, kita ini macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya *settle* pengangkutan awam dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, that is wrong.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You want to answer…*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini selaras dengan peraturan mesyuarat, *you* ingat ini rumah *you* sendirikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Balik rumahlah! Balik rumah sendiri...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia, "*you, you!"?*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Diamlah!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri... *[Bercakap tanpa pembesar menggunakan suara]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okey, sudah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Saya rujuk peraturan mesyuarat... *[Bercakap tanpa pembesar menggunakan suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlulah Yang Berhormat. Saya melihat dan saya tegur. Bukankah saya kata,

"*Yang Berhormat, Yang Berhormat."* Saya minta dia duduk, saya *signal* dia. Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cara Yang Berhormat Menteri tadi salah. Saya ini Padang Serai, tanya Yang Berhormat Menteri... *[Bercakap tanpa pembesar menggunakan suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri bagi muka banyak-banyak ini! *[Bercakap tanpa pembesar menggunakan suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan Mesyuarat 36(5)...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik apa dia cakap. Yang Berhormat Pasir Salak tarik apa yang itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ada *standing order.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri beri teguran kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang ini minta tidak boleh gulung sampai habis. Inilah masalahnya tidak boleh *control.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan Mesyuarat 36(5)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, *Standing Order 36(5), point of order.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, tadi Yang Berhormat Pasir Salak sebut nama Yang Berhormat Bagan dan saya harap dengan cara yang kurang bersopan. Saya harap Yang Berhormat Pasir Salak memohon maaf dan tarik balik apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya rasa perkara remeh Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36(5), seorang Ahli-ahli tidak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan isu remeh. Yang Berhormat Pasir Salak sudah berulang kali buat, melakukan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak duduklah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak kamu punya muka lagi hodohlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Don't, don't, don't...*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: ET, muka ET.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bertenang. Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, minta maaf Yang Berhormat. Tidak perlulah memekik-mekik. Memekik-mekik dalam Dewan tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap putar-putar. Kaki putar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, ya. Ya teruskan Yang Berhormat Menteri.

■1820

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Pasir Salak dahulu lah. Jadi, berkenaan dengan ruang niaga khusus di kompleks-kompleks perniagaan yang mewah ini, saya memang menerima hakikat. Yang Berhormat Pasir Salak, saya memang menerima hakikat pada masa kini kurang penyertaan bumiputera dalam perniagaan-perniagaan yang mewah ini. Memang salah satu sebab utama adalah dari segi kos sebab semua yang mewah ini telah dimajukan oleh pihak swasta dan dari segi kos penyewaannya di luar kemampuan ramai bumiputera. Mungkin selepas ini pihak kementerian boleh bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan bagaimana hendak membantu bumiputera-bumiputera masuk ke dalam gedung-gedung yang mewah ini supaya ada nampak 1Malaysia di dalam tempat-tempat yang mewah ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri saya hendak mencelah sedikit. Ini sudah lama. Dasar Ekonomi Baru, selepas Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, dasar itu, dasar ini. Kedudukan dan statusnya macam itu sahaja. Pi mai pi mai orang kata tang tu juga.

Seorang Ahli: Jawab...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini soalan penting itu sebab jangan ganggu. Tidak mahu dengar ini, ekonomi kita. Tidak mahu dengar kah penyertaan bumiputera dalam ekonomi Kuala Lumpur. Tidak mahu dengar?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pasir Salak hendak sambung sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedar tidak Menteri, terdapat sebuah bangunan yang cukup indah di Jalan Tun Razak dekat dengan *public library,* sebuah bangunan, Kompleks Marinara milik Hajah Marina

Yusuf. Orang Melayu *hundred percent*, tetapi sudah hampir lapan tahun siap, tidak boleh masuk. Apakah Menteri dapat membantu, bangunan yang begitu cantik dan sudah siap, tetapi oleh sebab kemelut dalaman di antara Danaharta dengan Hajah Marina.

Apakah Menteri tidak boleh tolong orang Melayu yang ada kekuatan untuk meletakkan segala-galanya untuk membangunkan bangunan tetapi sampai sekarang tidak selesai? Apakah ini akan menyambut sahutan daripada Yang Berhormat Pasir Salak untuk melihat Melayu itu bangun di bandar raya? Terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, mana-mana perkara ataupun isu yang dibangkitkan ini boleh tidak dijawab dan juga dijawab secara bertulis.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat dari...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Sungai Petani...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Jadi, saya rasa ia luar daripada kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Akan tetapi berkenaan dengan bantuan *insya-Allah,* kalau isu bantuan dari segi kelulusan CF atau untuk mempercepatkan tempat-tempat itu untuk beroperasi itu kita boleh membantu. Jadi, saya rasa itu sahaja yang boleh saya jawab. Lain-lain itu saya rasa...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Komen daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi kita boleh ambil kira dalam pembinaan ataupun merangka *New Economic Model,* dengan izin, supaya ada *balance* ataupun keseimbangan dari segi tempat-tempat berniaga ini. Jadi, saya rasa itu ialah cara-cara yang pihak kerajaan akan buat. Selain daripada itu saya belum selesai lagi jawapan berkenaan pengangkutan awam tadi yang dibangkitkan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okeylah Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Titiwangsa. *Last*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Lembah Pantai lepas itu ya, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lembah Pantai, *last*.

Seorang Ahli: Ya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya menumpukan kepada LRT pengangkutan awam. Itu adalah soal yang dibangkit. Bukan Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak itu tidak bangkit pun dia salak... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan sentuh Yang Berhormat Pasir Salak lagi Yang Berhormat. *Straight to the point* Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, *straight* sahaja. Dia tidak bangkit pun dia salak... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah sentuh dia Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak sudah diam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kepong hendak apa ini*, what do you want, you tell me?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, what do you want you tell me?... [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong *straight to the point* Yang Berhormat Kepong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti kena kepong baru tahu... *[Ketawa] You* jangan main-main, nanti kita...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai LRT itu. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila LRT sekarang disiapkan pada lebih sepuluh tahun dan pihak kerajaan... Saya pun bingung, tidak mengambil tindakan untuk menambahkan rangkaian dan kita sudah terlewat lebih sepuluh tahun. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan di dalam keadaan kos yang begitu tinggi, apakah peruntukkan sekarang untuk menambahkan laluan kepada LRT sekarang ini. Bilakah laluan ini disiapkan supaya kita dapat menambah bilangan, tidak mengira yang berpendapatan rendah ataupun yang berpendapatan tinggi untuk masuk ke pusat bandar melalui pengangkutan awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri kerana memberi peluang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri polisi sekarang ini, di Kuala Lumpur di bawah DBKL yang saya lihat program-program DBKL sering kali sekarang ini dianjurkan bersama dengan UMNO bahagian ataupun dengan pergerakan Putera, Puteri ataupun Wanita.

Jadi, saya ingin bertanya apakah sebenarnya polisi Yang Berhormat Menteri, boleh membenarkan parti-parti politik menggunakan kemudahan DBKL? Sedangkan saya sendiri selaku Ahli Parlimen, kalau kiranya saya hendak buat program, memohon untuk menggunakan kemudahan seperti khemah dan sebagainya, saya tidak boleh secara langsung sebab jawapannya tidak boleh Yang Berhormat, ini politik. Sebagai Ahli Parlimen, saya bukan memohon menggunakan jawatan saya dalam PAS, tetapi UMNO boleh secara terus terang. Saya ada banyak di sini salinan-salinan akhbar di mana memberitakan program-program kerjasama antara UMNO dan DBKL termasuk JAWI pun ada ini.

Saya akan bacakan di sini sedikit. *"JAWI, khususnya Bahagian Pengurusan Dakwah dengan kerjasama DBKL, Yayasan Pendidikan Batu, Pergerakan UMNO bahagian Batu, PEMADAM dan Siswa Siswi Universiti Kuala Lumpur cawangan kampus telah mengadakan program gotong-royong..."* dan seterusnya. Di sini saya mahu satu penjelasan daripada pihak Menteri. Oleh sebab adalah satu dasar tidak tepat apabila wakil rakyat tidak boleh mohon secara langsung untuk mendapatkan kemudahan DBKL terpaksa menggunakan NGO. Akan tetapi UMNO dibenarkan untuk menggunakan kemudahan DBKL malah menganjurkan bersama-sama dengan DBKL dan juga JAWI. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Lembah Pantai. *Last*...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri ingat saya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang Pelan Draf Tempatan Kuala Lumpur 2020 dan semasa pembentangan sesi pendengaran daripada jawatankuasa. Saya sendiri bentang dan mengatakan bahawa kita Ahli Parlimen Pakatan Rakyat menolak sesetengah pelan termasuk juga Pusat MRT yang dicadangkan untuk membaiki sistem pengangkutan kerana daripada pengamatan kami dan juga penjelasan yang diberikan banyak pakar industri, dikatakan pusat-pusat MRT baru ini adalah tempat yang tidak strategik dan tidak mengambil kira sistem pengangkutan pusat pengangkutan sedia ada.

Jadi, saya mahu tanya Datuk Bandar sendiri menjanjikan supaya semua Ahli Parlimen Kuala Lumpur agar mendapat ruang dalam turut serta *focus group* tentang Draf Pelan Kuala Lumpur kerana banyak bangunan-bangunan yang tidak mengikuti garis panduan DBKL dan draf pelan sendiri. Jadi, saya minta bila diadakan *focus group* ini dan adakah Menteri akan menunaikan janji bahawa semua Ahli Parlimen akan dimasukkan dan diberi ruang untuk berbincang, memberi cadangan susulan dalam pelan draf tempatan. Mohon komen.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanya tadi daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Cheras, Yang Berhormat Jempol tadi juga saya belum jawab dan Yang Berhormat Kepong tadi. Jadi, saya hendak jawab soalan dari Yang Berhormat Jempol berkenaan dengan banjir kilat di Kuala Lumpur. Memang sekali-sekala walaupun sudah banyak kurang banjir kilat berlaku di Kuala Lumpur. Punca utamanya adalah bukan oleh sebab kerajaan tidak menjalankan langkah-langkah untuk mengurangkan banjir yang memang banyak berlaku pada masa-masa yang lepas. Akan tetapi, usaha-usaha seperti *Smart Tunnel* dan lain-lain ini, sekali-sekala di lain-lain tempat tertentu, oleh sebab pembuangan sampah yang tidak terkawal, tempat-tempat saluran air telah tersekat. Oleh sebab tulah banjir kilat berlaku, tetapi walau bagaimanapun pihak DBKL dan juga pihak JKR akan memantau keadaan-keadaan seperti ini supaya dapat dikurangkan.

■1830

Akan tetapi, secara keseluruhannya apa yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan dari segi pengurangan banjir dan dari segi pembaharuan sungai ataupun pembaikan sungai telah memberi kesan yang positif bagi mengurangkan banjir khususnya secara besar-besaran.

Kepada soalan oleh Yang Berhormat Cheras tadi berkenaan dengan ITIS , saya menafikan bahawa ITIS ini langsung tidak berfungsi. ITIS telah berfungsi dan telah memberi khidmat yang memuaskan kepada warga Kuala Lumpur. Pada masa akan datang ITIS juga akan disepadukan juga dengan CCTV yang dipunyai oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memainkan peranan menjaga keselamatan warga Wilayah Persekutuan khususnya. Jadi, saya rasa hanya ada beberapa kerosakan yang telah berlaku pada masa yang lepas dan perkara ini telah dibaiki dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan pemandu-pemandu teksi oleh Yang Berhormat Bagan Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Padang Serai.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Padang Serai. Telinga saya pun tidak berapa dengar daripada sebelah kiri. Sama juga, saya dan timbalan saya memang sama, kiri tidak berapa dengar, kanan sahaja dengar... *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Pasal saya memang rapat dengan timbalan saya. Berkenaan dengan pemandu teksi dekat Pudu Raya. Untuk makluman Yang Berhormat, Pudu Raya adalah diuruskan oleh pihak UDA dan UDA telah menyediakan tempat kalau tidak silap saya di tingkat satu atau dua untuk teksi-teksi datang menghantar *passenger* ataupun penumpang-penumpang. Akan tetapi oleh kerana keengganan pemandu-pemandu teksi dan mungkin juga keengganan penumpang supaya perkara ini senang mereka telah hantar ke tempat-tempat yang Yang Berhormat sebutkan tadi terlalu jauh daripada Pudu Raya itu sendiri. Akan tetapi tempat sudah disediakan. Yang Berhormat boleh ikut saya. Apabila saya turun *walkabout* dekat Pudu Raya saya akan tunjuk tempat di mana teksi itu ditempatkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya cuma hendak menjelaskan sedikit.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya teruskan jawapan**.**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Titiwangsa dan juga Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, saya pun apabila saya menaiki teksi, saya pun pergi ke situ.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya sudah beri jawapan. Itulah jawapan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, selepas satu tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Setiap teksi kena bayar RM2 untuk naik dan turun kerana ini membebankan teksi sebab mereka memang tidak mahu menggunakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana ada. Tidak ada teksi yang boleh untuk lalu di kawasan itu kena naik ke tingkat satu. Betul. Saya harap Yang Berhormat Menteri bagi sesuatu yang baik. Ini untuk rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Nanti ramai lagi tolak ini. Sebab itu di Wilayah Persekutuan sembilan Pakatan Rakyat punya, satu sahaja.

Seorang Ahli: Sepuluh.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sepuluh, ya? Sepuluh Pakatan Rakyat. Jadi Menteri kalau mahu sokongan rakyat pergi bersama-sama rakyat. Turun padang dan menentang rakyat bukan bekerja untuk rakyat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Titiwangsa tadi di mana parti politik seperti UMNO telah bekerjasama dengan program-program Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Itu tidak benar. Permohonan adalah dibuat atas nama NGO-NGO dan perkara ini telah dibuat oleh Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat juga. Kalau kata saya tidak bercakap benar boleh tanya Yang Berhormat Lembah Pantai. Beliau pernah buat program di *Bangsar Sports Centre* yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri berucap di sana.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, maknanya kelulusan telah diberi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Jadi kita tidak..

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Peraturan 36(12) menggunakan Dewan, menggunakan saya untuk menceritakan benda yang tidak benar.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Dan saya pun tahu...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sudah berkali-kali dia buat begini takkan tidak ambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa masalahnya Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jadi, Menteri kena bertanggungjawablah sikit. Janganlah gunakan alasan begini, tidak benar!

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Dia ada...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini *misleading*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat, baik. Apa masalahnya Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Dia bercakap mengelirukan Dewan tidak memberitahu tentang apa yang berlaku pada hari tersebut dan bukan kali pertama, kali kedua sekali lagi dalam sesi kali ini. Pada saya jelaskan dasar, yang kita soalkan jelas, penggunaan UMNO dengan kerjasama semua agensi kerajaan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Duduk dulu lah Menteri, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak ada kena mengena dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tadi saya sudah jawab.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Di Lembah Pantai juga Yang Berhormat Menteri menggunakan jawatan sebagai Ketua UMNO Lembah Pantai berkali-kali dalam semua program. Itu pun saya tidak bawakan, saya fikir elok bawa isu-isu lain. Akan tetapi kali ini nampak sangat Menteri mempolitikkan isu penggunaan dewan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Akan tetapi betulkah Yang Berhormat telah gunakan dewan itu?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, saya tidak - Tuan Yang di-Pertua, ini lagi usaha untuk menggunakan Dewan...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, betul bukan? Yang Berhormat gunakan dewan itu betul bukan, betul?... *[Dewan riuh]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Memang saya gunakan dewan tetapi saya terpaksa.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Betul, Yang Berhormat Permatang Pauh telah berucap, betul kan?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Semua Ahli Parlimen Kuala Lumpur bila hendak gunakan dewan terpaksa menggunakan nama NGO.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Ha, jadi, betullah bukan?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Itu hakikatnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya teruskan kepada...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Akan tetapi Menteri boleh guna *by virtue of being Minister.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kita juga Ahli Dewan Rakyat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya hendak teruskan jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sudah habis, Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua perlu minta Menteri jawab, apakah dasar kementerian? Cakap 1Malaysia, laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya sudah katakan tadi mana-mana perkara yang tidak dibahas semasa perbahasan awal itu boleh tidak dijawab dan boleh dijawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jawab secara bertulis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat satu penjelasan sama ada betul atau tidak ada arahan kepada semua dewan-dewan yang dimiliki oleh DBKL bahawa Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat dan juga parti-parti yang bukan daripada Barisan Nasional tidak boleh pakai dewan-dewan yang di miliki oleh...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tidak ada. Tidak dalam ada soalan

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betul atau tidak? Kalau tidak ada boleh jelaskan dalam Dewan ini bahawa tidak benar.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya jelaskan tadi bahawa Ahli Parlimen Lembah Pantai pun telah menggunakan dewan. Jadi, betullah itu.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12). Sekali lagi Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya ulang sekali lagi, Peraturan Mesyuarat 36(12), *"Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis"*. Yang Berhormat Menteri berkali-kali. Selepas sesi kali ini menyatakan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. *You are repeating yourself*, isu mana yang berkali-kali ini?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Isu tentang penggunaan dewan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik. *That's all*. Itu cukup, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tadi Yang Berhormat Menteri bertanya sama ada Yang Berhormat menggunakan dewan atau tidak. Jawapannya ada.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Dia menyatakan saya menggunakan, dapat dewan atas dasar saya Ahli Parlimen. Saya menjawab itu mengelirukan Dewan. Saya dapat kerana terpaksa menggunakan nama NGO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Kami, Ahli Parlimen akses kepada dewan pun tidak dapat. Sedangkan Menteri berkali-kali buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Dengan tidak malunya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar. *I want to make... [Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan mengganggu mesyuarat. Yang Berhormat Padang Serai, jangan sampai berkelakuan yang membolehkan Yang Berhormat dilihat sebagai mengganggu perjalanan mesyuarat... *[Tepuk]* Saya minta maaf, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin *point of order* yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu penyokong, dan pencadang, Yang Berhormat. Tidak perlu penyokong.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya bawa isu yang sama sebab Menteri tidak jawab. Menteri hanya gunakan satu contoh (*example*) yang sebenarnya tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat. Saya faham.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ada bukti sebagai Ahli Parlimen permohonan kita untuk menggunakan dewan pernah ditolak dan setiap kali ditolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa yang Menteri hujahkan tadi adalah mengelirukan kerana tidak tepat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kita mahu tahu kenapa Menteri mengelirukan dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya duduk tetapi saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong minta Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(12) merujuk seorang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dikatakan menyatakan mengelirukan. Saya rasa isu ini, Yang Berhormat fikir bagus-bagus. Isu ini hendak rujuk seorang Menteri kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, saya rasa tidak sampai ke tahap itu, Yang Berhormat. *It doesn't merit.* Tidak merit. Tidak boleh kita rujuk Menteri disebabkan oleh kekeliruan yang begini, Yang Berhormat. Tidak boleh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya berilah amaran *because d*ia buat berkali-kali. Bagi maklumat tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, Yang Berhormat. Cukuplah. Yang Berhormat Menteri, habiskanlah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Dia sudah ada di arus perdana takkan Parlimen juga hendak guna, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya sudah banyak bersabar sebelum ini, saya tidak pernah kutuk.

■1840

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, saya sudah cukup beri amaran kepada Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya tidak buat, apa yang boleh saya buat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat keluar sehingga selesai sidang Dewan ini.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat Menteri, kalau tiada isu lagi, habiskanlah Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Boleh, boleh. Saya akan habiskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat keluar sehingga habis sidang Dewan hari ini.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okey, saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bentara.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak payahlah Bentara Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri, habiskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak ada malu kah Menteri?... *[Dewan riuh]* Menteri tidak ada malu kah?... *[Disampuk]* Ahli Parlimen, malulah Menteri. *[Dewan riuh]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak habis jawapan tadi tetapi oleh kerana pihak-pihak belah sana telah melompat. Maksud saya permohonan-permohonan yang diluluskan tidak pernah dimohon oleh parti daripada UMNO ataupun MCA ataupun Gerakan. Mereka yang membuat program itu telah mohon atas NGO-NGO tertentu. Jadi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak tahu siapa di belakang NGO selepas itu menjelmanya UMNO kah, MCA kah, Gerakan kah, ini yang telah berlaku.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi apa yg telah berlaku saya beri contoh tadi kepada Yang Berhormat Lembah Pantai, beliau pun membuat cara yang sama, jadi apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu juga dibuat oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Jadi itu maksud saya... *[Tepuk]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, biar saya jawab tadi soalan Yang Berhormat Lembah Pantai berkenaan dengan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Di sini saya hendak minta polisi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Berkenaan dengan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Berkenaan dengan polisi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat ya.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat, saya belum sembahyang maghrib lagi, jadi kalau...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Eh, belum masuk maghrib lagi. Kami pun belum sembahyang maghrib lagi... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Yang saya akhirkan. *Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat yang lain diam ya... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mana, takkan hendak balik awal ni.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: *Sorry*, Asar.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Menteri agama, jaga Menteri ini, dia tidak tahu sudah Maghrib dengan Asar ni... *[Dewan riuh]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Asar... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Pakai... *[Disampuk]* APCO ini.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab soalan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Menteri hendak menjawab balik semula Yang Berhormat. Menteri hendak menjawab.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar saya jawab berkenaan dengan perancangan untuk panggil Ahli-ahli Parlimen dari Kuala Lumpur...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Untuk berbincang dengan draf pelan, itu adalah janji...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tambahan, cepat saya buat supaya dapat solat Asar nanti.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Asar. Asar, saya belum solat Asar.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tanya cepat ini. Terus...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Jadi, biar saya jawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri hendak menjawab dulu Yang Berhormat. Ya.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Kalau tidak *you* kata saya tidak jawab. Jadi berkenaan dengan janji Datuk Bandar. Saya tidak tahu Datuk Bandar telah janji tetapi saya tidak janji. Walau bagaimanapun saya akan bincang dengan Datuk Bandar jika beliau telah janji supaya beliau akan mengadakan perbincangan setelah draf pelan itu di..., pasal draf pelan itu saya sendiri belum dibentangkan kepada peringkat Menteri, jadi bukan hanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat di Kuala Lumpur tetapi saya sendiri pun belum dapat draf pelannya.

Jadi itulah sekarang dan saya akan berbincang dengan Datuk Bandar berkenaan dengan perkara itu. saya rasa itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua....

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Satu lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Saya ingin mengambil kesempatan di sini...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Penjelasan tentang... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Sudah Asar, Asar. Asar. Akhir sekali saya mengucapkan kepada semua ahli Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Penjelasan sedikit sahaja, takkan tidak boleh? Yang tunjuk ketuk tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri sudah habis menjawab Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Ha.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengar ayat yang terakhir. *[Dewan riuh]* Ayat yang terakhir ya.

Seorang Ahli: Atau topik yang terakhir?

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja... *[Disampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Hai, Subuh sudah masuk sudah ni. *[Ketawa]* Maghrib hendak habis sudah ini... *[Ketawa]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: ...Yang membabitkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, *insya-Allah* segala teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan kami jadikan panduan dan pedoman dalam usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Pergi sembahyang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Padang Renggas.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Maghrib sudah hendak habis sudah ini.

6.45ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil

bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran dan saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan Titah Diraja...*[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, sebelum Yang Berhormat masuk. Sebagai satu panduan kepada Dewan yang mulia ini, berapa orang Menteri yang akan jawab oleh kerana sudah lihat Yang Berhormat Menteri KPI nampaknya tidak ada di sini. Berapa Menteri akan jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, empat orang akan menggulung dan Yang Berhormat Senator, beliau tidak ada di sini. Dia berada di Pulau Pinang tetapi dia akan balik kalau sekiranya masa dia balik itu masih lagi kita tengah menggulung maka dia akan menggulung kalau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' T. Murugiah akan membuat penggulungan.

Yang Berhormat Permatang pauh mengatakan Titah Diraja terlalu murahan kerana memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri. Untuk makluman Yang Berhormat, Titah diraja ini diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan untuk makluman Yang Berhormat juga dalam Titah Diraja sebelum ini, Seri Paduka Baginda pernah memberi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada masa tersebut atau kepada tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara misalnya dalam titah tahun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Lee Chong Wei.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak memegang tampuk kepimpinan telah memperkenalkan antaranya Gagasan 1Malaysia, Model Ekonomi Baru serta Program Turun Padang, mendampingi rakyat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka. Oleh itu tidak timbul pujian murahan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan teladan yang baik sebagai pemimpin.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung dengan Program PERMATA pula, Titah Baginda menyentuh kejayaan program berkenaan dan tidak sesekali menyentuh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Batu menyentuh tentang penggunaan khidmat APCO untuk kempen dan Gagasan 1Malaysia serta mendakwa ia ada kaitan dengan Israel. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara berkaitan APCO ini telah berulang kali diajukan dan jawapannya telah pun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini. Penjelasan tersebut tidak wajar diputar belitkan dan kenyataan yang tidak benar mengenainya tidak harus diutarakan.

Menyentuh isu APCO ini saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai APCO adalah tidak benar belaka. Oleh itu pada hari ini saya tidak bercadang untuk terus membincang isu ini dengan panjang lebar memandangkan Yang Berhormat Permatang Pauh telah memperkatakan sesuatu yang tidak benar dan mengelirukan Dewan berkaitan isu APCO maka hal ini akan dibincang dalam usul

di bawah 27(3) yang akan dikemukakan untuk merujuk Yang Berhormat Permatang Pauh kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan nanti.

Berhubung pendedahan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan agenda melompat parti dan merampas Putrajaya *at all cost* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa apa yang didakwa oleh Ketua Pembangkang tentang APCO itu tidak benar, tidak benar, tidak benar, APCO itu tidak benar. Apa-apa yang berkaitan dengan APCO itu tidak benar. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah bermakna bahawa kerajaan tidak melantik APCO, itu satu? Keduanya, adakah kerajaan mengatakan bahawa APCO itu tidak terdapat lembaga penasihatnya yang merupakan bekas-bekas Menteri Israel, adakah ini dimaksudkan tidak benar?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, sedikit Menteri. Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang tidak benar bahawa 1Malaysia adalah dasar mengikut Yahudi 1Isreal, itu yang tidak benar. Jadi yang itu yang kita hendak bawa ke..., hendak rujuk ia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi Yang Berhormat boleh bersetuju mengatakan bahawa 1Malaysia itu ialah selepas daripada *1Israel.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak kata begitu, saya cuma hendak mengatakan bahawa yang kita tidak bersetuju ialah kerana dalam ucapan beliau, beliau mengaitkan iaitu bahawa 1Malaysia itu ilham daripada idea *1Israel*. Ini jelas menunjukkan di negara Malaysia yang mana ramai penduduknya itu adalah beragama Islam. Kaitan dengan program yang dilakukan oleh sebuah negara seperti Israel, itu adalah satu perkara yang amat sensitif.

Sebab itu kita tidak menerima apa yang telah dikatakan oleh beliau dan penjelasan pada hari Selasa yang lepas tidak langsung menunjukkan bukti-bukti yang kukuh bahawa ada satu perancangan di antara kita dan Israel sehinggakan program mereka itu hendak dilaksanakan di Malaysia, sebab itu kita tunggu masa perbahasan nanti, kita boleh bincang dengan lebih mendalam ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

■1850

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri sedikit Menteri. Yang Berhormat Menteri saya tidak mahu masuk di dalam aspek APCO kerana itu akan diperjelaskan. Akan tetapi cuma saya mahu Menteri jelaskan dasar kerajaan pada hari ini kerana satu ketika di bawah pimpinan yang lalu negara dikaitkan kononnya yang berpengaruh ialah tingkat empat, lepas itulah sekarang dikaitkan dengan kerajaan hari ini memerlukan perunding komunikasi

untuk memantapkan imej kerajaan. Saya melihat perkembangan ini untuk sebuah negara yang telah berkembang selama 50 tahun.

Pendekatan politik ala *outsourcing* ini Menteri, kerana pada pandangan saya Menteri sendiri baru ini saya ucapkan Menteri mampu pergi Washington melakukan dasar luar negara tanpa memerlukan bantuan perunding asing. Saya rasa suatu ketika apabila dikaitkan dengan tokoh-tokoh diplomat Tan Sri Zain Azrai sehingga hari ini dibanggakan, Tan Sri Kamil juga difahamkan antara yang hebat membantu negara ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Presiden UNESCO. Saya yakin ramai lagi tokoh-tokoh, pegawai-pegawai kerajaan yang saya rasa mungkin juga hebat.

Jadi saya rasa pada hari ini, adakah dasar kerajaan pada hari ini sehingga perlukan perunding komunikasi strategik untuk membantu negara di kala terutama sekali negara yang telah selama 50 tahun punya pengalaman dan saya rasa Menteri sendiri antara Menteri kanan yang berpengalaman mungkin boleh jelaskan kepada kita, adakah kita tidak mampu untuk membawa satu komunikasi yang ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: ...Strategik bagi membangkitkan imej tanpa APCO, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata benda APCO ini kita bincang pada waktu saya hendak bawa usul hendak rujuk dia ke Jawatankuasa nanti. Tidak perlu saya jawab sekarang. Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu sebut mengenai apa yang akan di bincang. Ini adalah mengenai APCO yang ada di *engage* untuk perkhidmatan menjualkan 1Malaysia, tidak ada kah firma-firma tempatan untuk perkhidmatan ini. Oleh kerana apa yang kita tahu mengenai *APCO Tactical Exco Worldwide*, adakah kerajaan sedia untuk timbang semula dan berhentikan perkhidmatan APCO.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ucapan yang sama macam Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Tunggu apabila kita bahas usul nanti.

Berhubung dengan pendedahan Yang Berhormat Bayan baru, berkaitan dengan...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya tertarik tadi Yang Berhormat mengatakan sensitif, *sensitivity* itu perlu dijaga yang ada kaitan di antara Malaysia, kalau boleh sebut pun tidak boleh dengan Israel ini.

Akan tetapi bagi saya Yang Berhormat, berdasarkan *track record* kerajaan sendiri. Kerajaan pernah ada hubungan dengan Israel ini sama ada cara *official* atau tidak *official*. Yang Berhormat Menteri Pertahanan jumpa Ehud Barak di Perancis, kemudian Malaysia pernah mengundang dengan rasmi pasukan kriket Israel ke Malaysia. Saya dan Yang Berhormat Pokok Sena sampai di heret ke Penjara Kajang... *[Ketawa]* Adakah ini menunjukkan bahawa benar-benar kerajaan sensitif tentang Israel ini? Jadi saya berharap Yang Berhormat konsisten dengan isu ini kalau betul-betul perkara ini melibatkan *sensitivity*, jadi biar konsisten, nampak konsisten. Jangan pukul 1 tengah hari mengatakan tidak boleh dan pukul 5 petang menunjukkan tidak konsisten.

Jadi atas isu-isu yang begini saya rasa negara telah ada rekod bahawa hubungan dengan Israel memang telah terjalin dan saya tidak pelik juga APCO yang datang ke mari juga ada kaitan dengan urusan yang sebegini. Jadi minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa Yang Berhormat Bagan Datok sudah jawab. Akan tetapi saya cuma hendak beritahu *two wrongs not make one right*. Jadi oleh kerana sensitif itulah Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Pokok Sena melompat kerana itulah kita tidak mahu bincang, kita merasa sensitif apabila perkara ini dibangkit. Jangan kita fikirkan kalau dulu ada berlaku kesilapan, maka itu boleh menghalalkan apa yang kita hendak buat sekarang. Jadi sebab itu, saya hendak kata kita bincang ini waktu - oleh kerana dia bangkit perkara yang sensitif, tetap sensitif walau Yang Berhormat kata di masa lepas ada peristiwa, tidak bermakna kurang sensitif sekarang. Jadi sebab itu saya menyatakan bahawa kita bincanglah, apa kita hendak takutkan. Waktu saya bentang usul nanti, diberi ruang untuk berbahas perkara yang sama. Lebih baik kita duduk bincang satu khusus pada itu sahaja kerana daripada kita habis masa di sini kerana terdapat perkara lain yang perlu saya jawab kan. Jadi saya ingat tidak mahu layan tentang hal itu lagi..

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Isu sensitif itu tadi itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Sehingga saya bawa usul. Pada ketika itu Yang Berhormat boleh bercakap apa-apa pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jelas itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi berhubung pendedahan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan agenda melompat parti dan merampas *Putrajaya at all cost,* dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, lompat parti lazimnya terjadi apabila rakyat berkenaan telah hilang keyakinan kepada pucuk pimpinan parti yang diwakili olehnya ataupun mencuri seperti yang dilakukan oleh ketua umum terhadap wakil rakyat Bota, Ahli Dewan Undangan Negeri. Dia berlaku dua macam itu, sama ada orang itu pergi kerana dia hilang kepercayaan ataupun kerana ada kecurian daripada pihak yang hendak mencuri.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya tahu Menteri hanya jadi juru cakap, tetapi saya hendak bezakan. Yang Berhormat boleh tanya dan saya minta Ahli Yang Berhormat Parit, bukan Parit, Bota jelaskan. Dia yang datang ke rumah saya, dia yang kata dia hilang keyakinan kepada kepimpinan UMNO dan kerajaan. Kita tidak upah dia, kita tidak ugut dia, kita tidak lompat kerana orang bagi berjuta-juta ringgit atau kontrak atau ugut sebab kes rasuah. Jadi saya minta Yang Berhormat jangan, bukan sahaja mengelirukan Dewan tetapi menggunakan sesuatu kenyataan yang biadab, saya mencuri.

Jangan gunakan *privilege* Menteri untuk meneruskan kata-kata yang biadab seperti itu. Mencuri maknanya kita pergi secara senyap ambil dia, dia datang ke rumah saya. Dia datang ke rumah saya dengan isteri dia dan dia berdepan dengan ribuan orang jelaskan tidak seperti mana orang yang lompat sahaja senyap, belum berani berdepan dengan rakyat dia sendiri. Belum ada yang lompat di sebelah sana, kita yang lompat, Yang Berhormat Parit dia datang, saya beritahu Yang Berhormat, *"Kalau betul ada pendirian, Yang Berhormat jelaskan sendiri kepada pengundi"*. Maka di depan lima, enam ribu orang dia jelaskan mengapa dia memilih untuk meninggalkan UMNO. Berbeza dengan orang yang

dapat habuan, janji atau terima ugutan, dia tidak berani berdepan dengan ratusan jangan katakan ribuan pengundi-pengundi di kawasan dia.

Jadi boleh guna, boleh kelirukan Dewan, boleh guna kuasa dengan rakus dan angkuh, boleh hukum sesiapa tetapi perlu ingat, kita bertanggungjawab dengan peraturan dan undang-undang, kalau tuduh kemukakan dengan bukti...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Menteri, saya hendak minta maaf, perbetulkan sedikit fakta itu sebab saya sendiri sudah balik Kulim sudah berjumpa dengan rakyat sana dan juga berkhutbah pun, *insya-Allah.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payah bagi penjelasan lah, Yang Berhormat bukan lompat tetapi kena buang... *[Ketawa]* Itu ada beza itu, dia tidak lompat, dia kena buang, jadi tidak perlu bagi penjelasan. Kemudian berkenaan dengan...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, saya agak *persuaded* juga hendak terima apa yang dia cakap akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Bota itu lari balik, patah balik. Jadi macam mana itu? Kalau dia masih kekal di sana, saya boleh terima,saya minta maaf lah tetapi apabila dia mari balik, makna ada sesuatu yang tidak betul, jadi ini keraguan yang ada pada saya. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat saya tarik baliklah, "curi" tidak patut. Saya pun..., ini abang saya ini. Saya tidak mahu dia emosi marah, umurpun sudah 63, jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik "curi", maknanya jangan orang kata..., jangan apa? Apa perkataan yang paling baik sekali Yang Berhormat, kalau boleh cadang...

■1850

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Seorang Ahli: Terima, terima!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Ha, okey, terima! Terima kasih banyak-banyak. Jadi dakwaan yang menyatakan Ahli Parlimen Barisan Nasional beramai-ramai ingin melompat parti adalah tidak benar, kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha untuk melaksanakan dasar-dasar memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan ia mendapat keyakinan penuh ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kerajaan telah dituduh dengan pelbagai tuduhan negatif oleh pembangkang, kononnya kerajaan merampas dan mencuri Ahli-ahli Parlimen pembangkang dengan menawarkan pelbagai janji seperti yang diinsinuasilah sebentar tadi dalam ucapan Yang Berhormat tetapi saya tidak tahu bila pula kita curi, sebab yang keluar ini semua jadi BEBAS tidak masuk Barisan Nasional pun. Jadi hendak kata Barisan Nasional curi tidak betul, kerana tidak ada satu yang keluar daripada parti Yang Berhormat yang masuk dalam Barisan Nasional *immediately*, tidak ada. Jadi tuduhan mengatakan kita memberikan imbuhan dan tawaran adalah tidak benarlah ya. Namun kerajaan tidak berpeluang...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Untuk menjelaskannya kepada...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf Menteri, boleh dapat penjelasan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kepada rakyat sehingga..

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Boleh dapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sehingga..., hai Yang Berhormat Shah Alam, tunggu, tunggu. Tidak apa saya akan memberi, sebab saya tidak pernah marah dengan Yang Berhormat Shah Alam, yang mengamalkan *selective disagreement… [Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya bagus, bagus terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, okey, saya habis dahulu saya bagi. Kerajaan tidak berpeluang untuk menjelaskannya kepada rakyat, sehingga ada yang terpengaruh dengan tuduhan-tuduhan tersebut, walau bagaimanapun sebenarnya apa yang dituduh oleh pembangkang nampaknya telah terbukti satu pembohongan belaka, dan semuanya adalah untuk menutup tembelang buruk mereka. Melalui pendedahan Yang Berhormat Bayan Baru dan beberapa Ahli Yang Berhormat lain termasuk oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak semalam yang keluar pada hari ini dalam surat khabar, akhirnya terbongkarlah agenda buruk pihak pembangkang. Rakyat sekarang telah tahu bahawa pembangkang telah melakukan pembohongan selama ini. Pihak mereka sendirilah yang mengamalkan usaha-usaha untuk mencuri Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sehingga terdapat rombongan pihak pembangkang ke Taiwan untuk berbuat demikian, dengan Yang Berhormat Batu pun terlibat ya, dengan Yang Berhormat Bukit Lanjang, Machang pergi.

Dengan pendedahan yang didedahkan, jelaslah tembelang pihak pembangkang yang gila kuasa dan pentingkan diri sendiri berbanding kepentingan rakyat. Mereka juga mengamalkan *double standard,* dengan izin, apa yang memberi peluang dan faedah kepada mereka dihalalkan sebaliknya apa sahaja yang kerajaan laksanakan untuk kebaikan rakyat dianggap oleh mereka sebagai tidak betul... *[Tepuk]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik terima kasih Menteri. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa sebenarnya yang membuat tuduhan berhubung dengan imbuhan yang diberikan itu bukan datangnya hanya daripada pihak kami, iaitu dari pihak Ahli Parlimen-ahli parlimen Pakatan Rakyat. Malahan ia dinyatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan sendiri dan ini merupakan satu pendedahan, tetapi tidak diberikan sensasi seperti mana pendedahan-pendedahan lain yang kononnyalah merupakan satu pendedahan hebat dan besar, termasuklah Menteri Besar Perak yang selepas dua tahun baru teringat bahawa dia pernah didatangi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sedangkan kalau ia merupakan satu kenyataan, semestinya dia akan sebut awal-awal lagi. Lalu ini semua merupakan satu, saya lihat rakyat dan saya yakin juga rakyat pun memahami bahawa ini merupakan satu skrip yang sedang direka, yang sedang dirancang untuk mengatakan bahawa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sandiwara.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Apa ini, mereka ini telah ditawarkan tawaran-tawaran yang tertentu dan sebagainya, untuk hendak bersama dengan kami. Akan tetapi Yang Berhormat Batu Pahat sendiri telah mengaku dalam televisyen bahawa dia pernah dihubungi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan dia tidak pernah ditawarkan apa-apa tawaran untuk bersama dengan Pakatan Rakyat, ia merupakan satu ajakan berdasarkan kepada prinsip perjuangan yang ingin dibawa oleh Pakatan Rakyat dan atas kesedaran bahawa kepimpinan yang ada di dalam UMNO Barisan Nasional sekarang ini tidak mampu untuk membawa perubahan.

Saya rasa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah dari segi faktanya bercanggah bukan sekadar dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Rakyat daripada Pakatan Rakyat, tetapi juga oleh apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri dan memang saya melaksanakan dasar *non selective disagreement*, apa sahaja yang tidak betul sama ada dari pihak BN ataupun daripada mana-mana pihak termasuklah BEBAS saya akan serang. Terima kasih*... [Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita...

Seorang Ahli: PAS tidak ada yang tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kita bahas ini... *[Dewan riuh]* Kita bahas ini keadaan semasa, jadi saya rujuk kepada apa yang dia bangkit sekarang. Saya tidak mengatakan bahawa pembangkang sahaja yang bangkit benda ini. Memang Yang Berhormat Kalabakan pun bangkit tetapi saya memerhati sekarang, Yang Berhormat Kalabakan tidak ada sini... *[Dewan riuh]* jadi sebab itu saya rujuk kepada apa yang dia cakap, itu satu.

Nombor dua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Yang Berhormat, Ketua Pembangkang ini ketua kami dahulu, ada juga perasaan kasih, sayang, segan. Kalau lebih awal hendak beli kami, kami tidak beritahu cerita. Sebab kita ada juga ihsan dan kita tidak mahu hendak ceritakan sebab kita ada ihsan, dia tidak pernah ada ketua parti Yang Berhormat pun, dia pernah jadi ketua kami, jadi ada sedikit ihsan. Apa benda yang dia sebut kepada saya, saya rasa sebagai kawan, tidak perlu saya hendak cerita kepada orang, sebab itu macam Menteri Besar Perak ya, pada ketika itu dia tidak mahu bercakap, tetapi apabila terpaksa dalam Dewan, dengan apa sarkas yang berlaku semalam itu, bermakna dia terpaksa mengeluarkan perkara yang sebenarnya. Jadi itu sebenarnya kalau Yang Berhormat tanya, mengapa dulu tidak cakap sekarang bercakap, benda itu dizahirkan kerana mungkin ada sesuatu yang telah berlaku, yang terpaksa dia akhirnya menzahirkan, tidak payahlah kita fahamkan ini ya... *[Ketawa]* Okey, *alright.* Saya sudah bagi peluang untuk bertanya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau beri laluan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Saya masuk, kalau tidak beri saya tidak masuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tanya lagi... *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Mana satu yang hendak, hendak saya masukkah, tidak masuk?... *[Dewan riuh]* Hendak masukkah tak nak masuk?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Beri laluan atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya lelaki, mana boleh masuk..

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Ini otak, otak yang tidak betullah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya dengar... *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Perkara macam ini..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Sebab.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh masuk tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini telah membuat *ruling* bahawa "masuk" ini tidak ada konotasi seksisme, tetapi dengan apa yang disebut oleh Menteri, *confirm* ada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yeh..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Ada unsur *sexist.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Sebab..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Menteri kata...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maksud saya lelaki, saya berani, itu sahaja, jadi tidak bangkit soal hendak masuk, tak hendak masuk waktu saya bahas, bukan saya takut.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hah sudah tukar konteksslah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Tapi saya ingat itu telah menunjukkan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini nampak sebelum ini, putar belit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, okey Yang Berhormat, okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, mintalah, mintalah bagi Yang Berhormat Batu dan Shah Alam...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi saya ringkas sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya biasanya *low-key* bila masuk Dewan Yang Berhormat, masuk duduk dahulu, lihat, dengar orang bercelaru macam-macamlah, jadi tidak ada macam Parlimen, macam masuk pasar okeylah itu tidak apa, tetapi saya duduk dahulu lihat, *relax* supaya *my blood pressure down*, memang *blood pressure* sedap. *My blood pressure* selalu orang kata 70-140.... *[Dewan riuh] My blood pressure* sebab *I maintain it well*, jadi sila Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak mahu pasal Yang Berhormat Shah Alam dia mencabar saya, saya tidak mahu bagi tahu yang saya takut kalau dia hendak masuk saya tidak beri...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak cabar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata, saya lelaki...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *That is not right,* saya tidak cabar. Saya minta izin...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Beri saya masuk atau tidak. Itu sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau sekalipun Yang Berhormat jawab, kalau Yang Berhormat kata saya minta, kalau saya tidak bagi masuk nanti Yang Berhormat akan berikan satu pandangan saya ini penakut, tidak berani hendak berbahas biar dia ada *point* yang baik, jadi saya hendak kata saya tidak takut saya lelaki. Jadi jangan silap interpretasi dalam hal ini. Tidak saya sebenarnya memang saya beri jalan cuma saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey terima kasih kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Yang Berhormat Menteri beri jalan, saya hendak sebut bahawa sekiranya Yang Berhormat benar-benar ada perasaan persahabatan oleh sebab sudah lama Yang Berhormat Ketua Pembangkang dahulu merupakan ketua kepada Yang Berhormat sendiri, maka jangan buat sindiran-sindiran itu. Kalau betul ada tawaran nyatakan ada tawaran dan berikan bukti, tapi jangan kata oh, kita oleh sebab kita hormat dia, maka kita ada benda yang dia cakap kita tidak akan sebut, ini bukan menunjukkan semangat persahabatan. Kerana ini hanya akan menimbulkan keraguan, kalau benar cakap benar, kalau tidak nyatakan apa yang sebenarnya, ya.

■1910

Saya mengambil petikan daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat. Oleh sebab, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri menyebut dan memberikan gambaran seolah-olah ada. Ini

merupakan satu tindakan yang tidak adil, lebih-lebih lagi apabila mengaku Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebagai kawan lama. *So,* saya dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tidak. Saya boleh janjilah, kalau Yang Berhormat tawar kepada saya, *immediately* saya beritahu ada sebab saya tidak hormat Yang Berhormat. Akan tetapi dengan dia, saya hormat dia. Jadi soal sama ada persahabatan ada atau tidak, tanya dialah, ya. Akan tetapi saya boleh beri jaminan, kalau Yang Berhormat yang tawar, benda ada, terus saya cakap sebab saya tidak hormat Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak akan tawar seperti mana Ketua Pembangkang pun tidak adakan tawar. Kita tidak mahu orang yang datang lompat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudahlah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Atas surat tawaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam, tidak boleh Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Minta silalah Yang Berhormat. Perlu seorang-seoranglah cakap.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada kenyataan Menteri Besar kerana Yang Berhormat Menteri kaitkan. Saya buat pelawaan ini terbuka, bukan rahsia. Saya kata memandangkan agenda yang ada pada Pakatan Rakyat, masa itu juga Parti Keadilan Rakyat, saya pohon kerjasama rakan-rakan termasuk bekas teman-teman saya dalam UMNO untuk bersama. Ini bukan rahsia. Saya buat pelawaan terbuka dan bukan umpamanya menyeludup dan janji wang dan... *[Dewan riuh]* Ini yang saya hendak sebut, ya... *[Dewan riuh]* Atau menghilangkan, ya... *[Dewan riuh]*

Dalam kes dua Wakil Rakyat EXCO Perak termasuk Yang Berhormat Bota, dia hilang sembilan hari dan ini saya hendak ulang di Parlimen Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Isteri salah seorang EXCO telefon saya, lapor suami dia tidak balik dan tidak dapat dihubungi melalui telefon atau SMS. Cuma sembilan hari kemudian, suaminya menjelma dalam kenyataan akhbar bersama Perdana Menteri, pada masa itu Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan. Jadi ini faktanya.

Mengenai Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak sekarang, saya tidak ada pertemuan dengan dia. Jadi gambaran seolah-olah ada rundingan panjang itu tidak benar. Jadi ini yang penting. Benar, ada dihubungi dan beliau juga ada menelefon, saya jawab telefon beberapa perkataan apa khabar apa semua. Saya tidak bincang hal-hal yang demikian dalam telefon. Akan tetapi apabila beliau bersedia di bicara melalui telefon, saya tidak umumkan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita ada sikap persahabatan, maka tidak perlu. Dia tidak tuntut jawatan dan wang daripada saya. Benar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat kita pun tidak memberikan satu jaminan tentang wang ringgit dan kedudukan berlebihan kepada dia. Akan tetapi kenyataan itu, kenyataan yang berlaku di antara Yang Berhormat

Menteri Besar Perak sekarang dengan beberapa tokoh lain tetapi tidak melibatkan saya.

Saya tidak mengadakan apa-apa perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak yang sedia ada. Itu kenyataannya. Apakah ada pelawaan? Memang benar. Yang Berhormat Menteri betul kalau dia kata memang ada pelawaan. Apakah saya ada telefon sekitar satu dua minit? Memang ada. Akan tetapi kalau ada satu panggilan telefon dengan bekas-bekas sahabat UMNO dua minit itu dianggap satu kesalahan besar, itu saya rasa aneh... *[Dewan riuh]* Akan tetapi yang nyata Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan ada perbezaan besar. Kita tidak ada kemampuan untuk memberi sogokan atau ugutan sepertimana kes... *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang berhormat dari UMNO boleh ketawa tetapi Yang Berhormat pun tahu ada yang bincang dan telefon. Akan tetapi itu bukan soalnya. Apa yang penting dan pada saya, persahabatan atau perbincangan yang kita anggap tertutup, kita hormati. Itu jangan ada langsung keraguan dalam perkara itu. Dalam politik ini ada *ethics* nya walaupun dengan musuh dan ini kita pertahankan sebab itu saya tidak pernah keluarkan. Saya respons kepada Menteri Besar Perak hanya setelah beliau sebut. Saya tidak sebut dahulu. Yang itu saya harap dapat dimengerti.

Apa yang penting, saya ulangi kes dua EXCO sebelum Yang Berhormat Bota. Itu setelah di dakwa di mahkamah. Dia datang dalam keadaan ketakutan kerana kata dia kepada saya, *"Dato' Seri tidak mengapa. Dato' Seri masuk penjara ada penyokong. Kami kalau masuk penjara macam mana?".* Jadi itu *circumstances,* dengan izin, di mana diheret ke rumah Perdana Menteri kemudian diminta lompat. Yang lain yang BEBAS, tanya mereka sekarang. Apa *circumstances* mereka?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mereka BEBAS, mereka bukan Barisan Nasional... *[Ketawa]* Jadi tidak berbangkit soal sogokan daripada kita atau apakah dan kita tidak pernah kacau pun.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Boleh jawab sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Saya fikir biar Menteri jawablah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ketua Pembangkang janganlah makan cili rasa pedas. Saya pun tidak kata Yang Berhormat, sebab yang pergi itu – sudah tentulah Yang Berhormat tidak buat. Yang buatnya *little-little Napoleon,* ya... *[Ketawa] [Tepuk]* Kalau angkat telefon berurusan dengan Ahli-ahli BN, bukan Yang Berhormat. Sudah tentu. Ini kerana yang pergi ke Taiwan itu *little Napoleon* yang pergi... *[Ketawa]* Bukan Yang Berhormat. Jadi saya tidak kata Yang Berhormat. Saya tidak pernah kata Yang berhormat yang buat. Ini kerja-kerja *little Napoleon* yang dikatakan wujud dalam PKR pada hari ini oleh mereka...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang telah mendedahkan dalam Dewan ini. Itu sahaja. Jadi saya... *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya fikir...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya fikir Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata persahabatan itu ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi ada Yang Berhormat Permatang Pauh sentuh kenapa kita keluar. Kita keluar hilang kepercayaan. Itu sebab kita keluar... *[Tepuk]* Atas pembohongan dan cerita-cerita dongeng. Saya hendak dengar apa yang diceritakan isu Raja dengan isu Agong dengan isu Pegawai Angkatan Tentera... *[Ketawa]* Jangan hendak tuduh kita ini ambil duit imbuhan, di mana itu? Kalau ada, buktilah? Jangan cakap sahaja... *[Dewan riuh]* Kita hilang kepercayaan sebab tidak tanduk Ketua Umum.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kalabakan kata.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Itu sahaja saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat, oleh sebab nama saya disebut, saya pohon kebenaran Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya akan beri...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Menjawab, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya akan beri Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian, Yang Berhormat Menteri boleh ulas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab dahulu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini kerana kita *one to one* lah. Bila tanya, seorang tanya. Jadi saya setuju dengan apa Yang Berhormat Bayan Baru sebut. Ini kerana bukan masuk BN pun dan kita tidak perlu pun. Oleh sebab kita ada 137 kerusi majoriti yang sedap walaupun tidak dua per tiga, kita tidak perlu pun hendak buat benda ini. Untuk apa? Melainkan kalau apa yang telah berlaku pada hari ini mereka keluar kerana hilang kepercayaan yang telah saya sebut sebentar tadi. Itu sahaja. Jadi saya rasa apa yang dilakukan oleh Ahli-ahli yang telah keluar dan masuk BEBAS itu saya percaya itu di atas hilang

kepercayaan kepada kepimpinan yang ada di sebelah sana. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri kerana beri laluan. Saya hendak sebut di sini, Yang Berhormat Bayan Baru tidak pernah pun bercakap bahasa Melayu Pulau Pinang pun sebelum ini dan tidak pernah pun membangkitkan isu ini sebagai satu perkara yang serius. Dalam Parlimen pun tidak pernah gunakan ruang untuk bercakap...

Seorang Ahli: Bisu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian, orang turunkan *draft,* dia sampaikan ucapan yang agak baik. Itu sahaja dan saya pun oleh kerana kenalan, hendak kata sahabat baik sejak tahun 1998 hingga tahun 2006, tidak pernah bertegur dan tidak pernah bersalam pun. Sekarang dia katakan sahabat baik. Itu pun saya tidak pertikai. Biasa macam itu. Kalau sahabat baik, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri masa saya dalam penjara masih lagi berani datang untuk perkahwinan anak saya... *[Ketawa]* Itu saya rasa lebih layak untuk menyatakan ada persahabatan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Bayan Baru hilang entah ke mana menjelma setelah nampak ada kemaraan Parti Keadilan pada masa itu. Akan tetapi tidak mengapa. Akan tetapi kalau soal istilah pembohongan daripada seorang yang mahu mencemar maruah begitu rupa, saya hendak jawab. Soal apakah kita ada jumlah? Pada 18 September 2008, saya setelah mendapat persetujuan pimpinan ketiga-tiga parti Pakatan Rakyat. Tuan Guru Hadi Awang Presiden PAS, Yang Berhormat Lim Kit Siang daripada DAP. Menulis kepada Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri tahu.

■1920

Apa dia usul dia? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri petisyen mengatakan persidangan khas Parlimen Malaysia bagi membincangkan usul bahawa Dewan yang mulia ini telah hilang kepercayaan terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan kerajaan pimpinan beliau. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat mustahil saya berani menulis surat begini kalau saya tidak ada jumlah dan perakuan daripada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kerana kalau ada pada masa itu mesyuarat seperti mana di minta mengikut peruntukan yang kita sebut Peraturan Mesyuarat 11(3) akan tetapi itu ditolak. Ada tiga proses. Pertama, minta pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditolak. Kedua, tulis kepada Tuan Yang di-Pertua ditolak dan ketiga pada 19 September hari berikut katalah kita tahu ditolak, saya tulis sebab itu bila diheret nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada masa itu Yang Berhormat Bayan Baru dia siapa? Dia tidak tahu apa berlaku di Kuala Lumpur ini. Dia hanya pemimpin kecil di Pulau Pinang, akan tetapi perasan. *[Dewan riuh]* Ya, ya... Saya berikan soalan ini kerana...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Siapa...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kerana...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dengar ini...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Aniaya kawan...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Bayan Baru kita *Napoleon* lah...

Beberapa Ahli: Duduklah! Duduklah!.. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Dia pun dahulu buka kedai roti.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Bayan Baru - badan besar akan tetapi hati kecil, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: ...Yang jemput kita masuk atas agenda pembohongan besar!

Seorang Ahli: Duduk! Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, duduk.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: ...Tidak guna Ketua Pembangkang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Biar saya selesaikan.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak, saya hendak jawab kalau dia kata... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, baik duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Orang yang sombong sahaja cakap begitu, saya tidak boleh terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dahulu. Kita mengikut giliran masing-masing Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Surat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 19 September. Surat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu diputuskan oleh pimpinan Pakatan Rakyat. Tidak diputuskan oleh ketua-ketua cabang, di hujung-hujung. Ini kerana mereka telah diberi mandat, setelah diberi mandat kita rujuk kepada Istana Negara memaklumkan surat dihantar. Apa dia surat dia? 19 September 2008 - Tuanku Mizan Zainal Abidin yang bersemayam dan sebagainya. Apa dia? *"Permohonan menghadap bagi memaklumkan sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat Malaysia mengikut Fasal 43 Perlembagaan Malaysia."*

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak kita edarkan surat ini. Kerana pada ketika itu kita kena jaga kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau jadi ikut saluran, kalau tidak jadi kita tidak. Kita hanya keluarkan surat ini dan itu... *[Dewan riuh]* Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat-Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Akan tetapi masalahnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak perlulah, Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya tidak nafikan benda itu tidak berlaku.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Akan tetapi saya hendak sebut di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat tahu dan saya tahu siapa yang beri perakuan, siapa yang tandatangan, saya ada. Saya boleh bagi laluan kalau Yang Berhormat Menteri bagi... *[Dewan riuh].*

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ha, mereka sudah takut, mereka sudah takut...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak perlu jerit! Saya boleh berdiri dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, dan tidak perlu jerit. Bolehkah saya dapat mandat tulis surat, kalau saya tidak berikan nama berkenaan kepada pimpinan parti - ketiga-tiga parti... Ya, termasuk yang hadir, akan tetapi apakah saya mahu dicabar namakan orang-orang itu?

Beberapa Ahli: Namakan! Namakan!

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jangan...

Beberapa Ahli: Namakan!

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang jerit itu yang tidak *sign* sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]* Namakan! Namakan!

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Akan tetapi yang penting...

Seorang Ahli: Namakan!

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Yang penting... Guna adab sedikit sebab saya tidak jerit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta tolong Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta tolonglah, sebab saya mahu dengar ini juga.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Selepas itu kita kena berani dengar, berani cakap Yang Berhormat, cakap Yang Berhormat. Macam itu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Macam Yang Berhormat Menterilah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Saya tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, akan tetapi yang lain itu kena belajar sedikit. Surat dia sebut apa? Surat kepada Kebawah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal 43, menyembahkan tentang kedudukan terkini majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah hilang kepercayaan kepada Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Itu surat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, jangan mengatakan kita permainkan isu ini kerana kita ikut jalur undang-undang dan kemudian dikatakan bahawa ini palsu. Saya sebut di sini dan gunakan ruang - saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua kerana beri ruang kerana saya lakukan ini. Maknanya setakat tanggungjawab menghormati peraturan undang-undang dan Perlembagaan. Apakah langkah?

Pertama, surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua, surat kepada Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, sewarkah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tiga-tiga kita lakukan. Ya, jadi soal macam Yang Berhormat Kota Belud hendak jerit oleh kerana beliau penyokong APCO yang setia.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi sebab itu...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Apa pandangan tentang ucapan ini?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Kemudian kita bincang...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebut nama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ringkas...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebut nama...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hendak habis. Saya hendak habis. Saya selesaikan akan tetapi saya, oleh kerana perkara ini dibangkitkan maka saya jelaskan. Jadi orang hendak pertikai pun tidak ada masalah. dalam politik ini. Akan tetapi jangan jerit tidak tentu arah dan jangan pertikai bahawa tiga-tiga. Cuma saya tidak bawa surat yang ditandatangani oleh kami bertiga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdullah pada masa itu.

Yang dua surat ini saya ada dan kalau – dan ini bukan lagi rahsia kerana kita telah umumkan dan kalau dikehendaki. Itu tahap yang kita lakukan. Soal saya hendak dikecam itu boleh kita - kerja saudara pun. Akan tetapi yang saya hendak sebut, ulang sekali lagi hendak mengatakan kita tidak ada jumlah itu tidak benar. Mustahil saya mengambil risiko itu... *[Dewan riuh]*

Saudara pilih hendak pertahankan APCO sila? Terima kasih... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri harap kita boleh pindah ke perkara yang lain Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kena jawab! Kena jawab! Kerana perkara yang dibangkit kena jawab... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat , baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selepas ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selepas saya jawab saya *move on* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya untuk membuat satu penilaian terhadap seseorang sama ada dia merupakan pembela kepada Melayu Pulau Pinang ataupun tidak, berdasarkan kerana tidak berucap dalam Dewan itu satu penilaian tidak betullah.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kerana yang membela di luar yang tidak dapat jadi wakil rakyat. Kalau yang 'dok' bercakap sini pun hanya setakat bercakap, akan tetapi balik ke Pulau Pinang tidak buat kerja pun tidak guna.

Beberapa Ahli: Sudahlah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya percaya Yang Berhormat daripada Bayan Baru banyak buat kerja...

Seorang Ahli: Betul! *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Di dalam negeri Pulau Pinang... *[Dewan riuh]* Jadi kalau kurang bercakap, bukan tidak bercakap, kalau tidak bercakap tidak bermaksud... *[Dewan riuh]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...Tidak memaksa...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Bahawa tidak membela orang Melayu Pulau Pinang. Nombor dua Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sungguhpun dia tidak... Barisan Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kerana Yang Berhormat Bayan Baru keluar sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak mengapa Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini *floor* saya dan Yang Berhormat Permatang Pauh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tadi saya sudah sebut kita kena dengar sekali sekala.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Tidak boleh duduk ikut dia bertanya. Hanya saya sahaja boleh. Oleh kerana itulah saya menjawab bagi pihak dia, ya. Kerana itulah saya menjawab bagi pihak dia. Nombor dua Yang Berhormat berkenaan dengan mahu memanggil, hantar surat memanggil untuk mengadakan sidang khas kerana undi tidak percaya. Saya rasa susah hendak percaya juga...

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Pada apa Yang Berhormat bangkit. Kerana pada ketika itu Yang Berhormat ada 82, sebelah sini ada 140. Pergi ikut mana sekali pun, di mana undi yang tidak boleh tidak percaya boleh menang, kalau dia cuma ada 82? Ya, 82. Ini bermakna terpaksa ambillah daripada Barisan Nasional. Saya tidak mahu sebut perkataan curi. Maknanya kalau dia ada 82 hendak menunjukkan bahawa dia hendak bincang undi tidak percaya kepada Perdana Menteri mesti dia ambil 20 daripada sini untuk jadi 112, okey.

Jadi saya diajar oleh Yang Berhormat Beruas, dia cerdik. Sebelum dia hendak ambil kerajaan di negeri Perak dia ambil tandatangan semua sudah. Tandatangan daripada tiga-tiga parti ini. Semua tandatangan setuju iaitu bahawa mereka bentuk kerajaan.

■1930

Jadi bila Tuanku tengok betul-betul, mereka dapat lebih daripada majoriti Jadi Tuanku Sultan Perak tidak ada ruang hendak tolak. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat belajar daripada Yang Berhormat Beruas itu, patutnya kena bawa juga tandatangan 20 orang lagi itu... *[Dewan riuh]* Yang dikatakan 30. Maka dengan tandatangan surat pengakuan tadi, saya tidak minat tentang 82 itu. Yang 82 itu memang sudah sokong dia, yang tandatangan daripada Marang, yang tandatangan daripada Ipoh Timur, itu saya tidak minat sebab mereka sudah memang sokong, 82. Kita hendak tandatangan yang 30 itu, mana dia?... *[Dewan riuh]* Yang 30 itu... *[Dewan riuh]* Jadi kalau yang 30 itu, saya percaya Yang Berhormat, kalau yang 30 itu sudah tandatangan pengakuan, saya rasa kalau Ketua Pembangkang dapat 30 itu, dia tunjuk terus kepada Agong, itu sahaja... *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab tidak ada, sebab tidak ada. Sebab itulah, jadi saya ingat dalam hal ini, iaitu apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, saya difahamkan telah pun diambil serius oleh pihak polis dan kita serahkan kepada polis untuk membuat penyiasatan.

Kalau sekiranya ada yang boleh dikaitkan dengan apa-apa kesalahan, saya percaya pihak Peguam Negara akan mengambil keputusan untuk mendakwa Ketua Pembangkanglah, kalau ada. Kalau tidak ada, tidak adalah. Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, yang sudah tidur... *[Ketawa]*

Berhubung dakwaan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa Titah Diraja telah disalah gunakan oleh kerajaan dan berat sebelah. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar sama sekali dakwaan Yang Berhormat tersebut. Sebenarnya jika Yang Berhormat membaca keseluruhan Titah Diraja berkenaan, ia menjelaskan apa yang telah kerajaan rancang dan juga yang telah dilaksanakan untuk kepentingan masa hadapan rakyat dan negara. Itu adalah normal dan sepatutnya begitu. Tidak ada sepatah perkataan pun di dalam Titah Diraja berkenaan yang memperkecilkan pihak-pihak tertentu seperti dakwaan Yang Berhormat. Sebaliknya Seri Paduka Baginda menyeru semua pihak bersatu dan bekerjasama merentas batas kaum, agama, ideologi dan politik demi negara tercinta.

Yang Berhormat Ipoh Timur seterusnya ingin mengetahui sama ada kerajaan serius terhadap gagasan 1Malaysia dan mendakwa kerajaan telah hilang kawalan dalam kempen mengenainya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa serius dalam melaksanakan Gagasan 1Malaysia. Sebenarnya pelbagai usaha telah dijalankan tanpa henti bagi menjayakan dan ia disokong oleh semua kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta.

Kejadian-kejadian yang berlaku seperti Yang Berhormat maksudkan itu adalah tidak bersifat terpencil dan telah ditandatangani dengan baik. Malah saya percaya parti Yang Berhormat pun sokong 1Malaysia. Cuma hendak tukar nama *middle* Malaysia sahaja. Itu cuma *term* sahaja, tetapi saya tahu Yang Berhormat memang sokong kuat gagasan 1Malaysia ini. Ya, silakan Yang Berhormat Ipoh timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih. Sungguhpun Yang Berhormat kata bahawa semua kementerian adalah menyokong Gagasan 1Malaysia, tetapi nampaknya mengikut apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak menyokong sepenuhnya Gagasan 1Malaysia... *[Dewan riuh]* Ini kita boleh baca maksud 1Malaysia, ialah dalam 1Malaysia, *Government Transformation Program, the roadmap,* dengan izin.

Apa yang disebut di sini dengan izin, "*The goal of 1Malaysia is to make Malaysia more vibrant, more productive and more competitive and ultimately a greater nation. A nation where it is hope, every Malaysian perceives himself or herself as Malaysian first, and by race, religion, geographical region or socio-economic background second and where the principles of 1Malaysia embedded into the economic, political and social fabric of society*."

Semalam Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata bahawa "*his Malay first, Malaysian second."… [Tepuk]* Bukankah ini bercanggah dengan apa yang tertulis di dalam *1Malaysia Government Transformation Program Roadmap?* Adakah ini diluluskan, dibaca oleh semua Ahli-ahli Parlimen, khasnya anggota Kabinet. Adakah semua anggota setuju dan kalau tidak setuju bagaimana ini boleh dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai satu dokumen Kerajaan Barisan Nasional? Kalau adalah dipersetujui, bukankah apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri adalah melanggar 1Malaysia yang menunjukkan dia tidak ada DNA 1Malaysia?

Adakah Yang Berhormat Menteri dan semua Menteri adalah DNA 1Malaysia yang disifatkan, ditafsirkan oleh *1Malaysia Government Transformation Program Roadmap* ini bahawa apa kita mahu ialah *Malaysian first* dan kaum kita sama ada orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban yang kedua. Saya sudah isytiharkan saya, *I am a Chinese. I am a Malaysian first, a Chinese second*. Adakah setiap anggota Ahli Kabinet *Minister* rela berbuat begitu atau ini semua untuk mengelirukan rakyat sahaja?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Gagasan 1Malaysia ini, ia berpaksikan kepada Perlembagaan. Kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan, kalau perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Yang pertama sekali Yang Berhormat kena serang ialah Perlembagaan Malaysia. Bagaimana kita bercakap tentang 1Malaysia, tetapi di dalam Perlembagaan Malaysia ada sebut Melayu sahaja? Jadi, pertama sekali perlu pindalah Perlembagaan itu, kalau Yang Berhormat tidak bersetuju kerana ada definisi Melayu di dalam Perlembagaan.

Jadi bermakna apa juga yang kita buat di dalam Gagasan 1Malaysia tidak boleh membelakangkan apa yang telah dijamin di dalam Perlembagaan. Jadi sebab itu, kita ini Gagasan 1Malaysia tidak boleh lakukan sesuatu yang boleh bercanggah dengan kehendak Perlembagaan. Akan tetapi kalau rakan-rakan Yang Berhormat, Melayu yang lain di sebelah pembangkang sana merasakan perlu kita pinda Perlembagaan, buang perkataan "Melayu", buatlah runding, runding dan bawalah usul supaya kita pinda Perlembagaan... *[Dewan riuh]* Jadi apa yang saya hendak sebutkan di sini, iaitu bahawa 1Malaysia dilaksanakan dengan mengambil kira *constraint* yang wujud di dalam Perlembagaan yang ada di dalam negara kita. Itu tidak boleh kita ketepikan kerana kalau tidak, ia akan merupakan *anti constitution, against constitution*.

Jadi sebab itu Yang Berhormat, dalam kita ada 1Malaysia, kita juga tidak boleh ketepikan jaminan yang telah kita beri kepada warga Malaysia kita. Apakah 1Malaysia boleh bermaksud kita tutup sekolah Cina? Saya tidak bersetuju sebab ini telah pun dijamin, 1Malaysia tidak boleh menjejaskan apa-apa juga hak yang telah kita ada, wujud dan diberikan kepada kita. Jadi soal Yang Berhormat kata kalau buat Gagasan 1Malaysia maknanya semua kena menampakkan 1Malaysia. Tidak bolehlah Yang Berhormat, sebab kita ada Perlembagaan.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, *you* beri ruang kepada bos ke *you* bos?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, Terima kasih. Yang pertama, Yang Berhormat Menteri kata sekarang bahawa 1Malaysia ialah menentang Perlembagaan? *Anti Federal Constitution*? Adakah ini bermakna... Yang kedua, mana Perlembagaan menunjukkan bahawa 1Malaysia menentang semangat dan juga *letter of intent the Federal Constitution*. Sebenarnya sungguhpun ada definisi siapa orang Melayu dalam *Federal Constitution*, tidak bererti bahawa asas Perlembagaan bertajuk atas ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu.

Adakah *Federal Constitution* berasaskan kepada ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu? 1Malaysia pun tidak menentang dengan Perlembagaan Malaysia. Mana yang mengatakan bahawa 1Malaysia bertentangan dengan *Federal Constitution* dan 1Malaysia tidak bererti bahawa

sekolah-sekolah Cina ditutup, sekolah-sekolah Tamil ditutup, tidak. 1Malaysia bukan bererti bahawa kita bukan orang Melayu, orang Cina, orang Tionghoa, orang Kadazan, orang Iban.

Apa yang dimaksudkan ialah *we are Malaysian first and Malays, Indians, Chinese, Kadazans and Iban second*. Tidak bererti bahawa kita memansuhkan identiti kaum kita. Mesti dan tentu akan kekal tetapi kita sudah bersetuju bahawa kita *Malaysian first*. Itu pun asas *Federal Constitution.* Mana *Federal Constitution* kata bahawa kita bukan *Malaysian first*?

■1940

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak kata di sini kalau di dalam Perlembagaan, ada jelas tidak menyebut tentang Melayu kah apa kah, itu agak mudah untuk kita membuat sesuatu yang berunsur 1Malaysia, tetapi masalahnya ialah dikotomi ini memang wujud di dalam Perlembagaan iaitu Melayu, *native* Sabah, Sarawak, Orang Asli, dia sebut. Jadi hakikatnya apa juga yang kita buat untuk 1Malaysia, ianya tidak boleh bertentangan dengan peruntukan yang telah wujud dalam Perlembagaan. Itu sahaja. Yang mana dia tidak menghalang, kita buat sahajalah. Untuk hendak mengatakan bahawa tidak boleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, janganlah Yang Berhormat. Tidak payahlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia? Jadi maksud saya di sini iaitu walau apa sekali pun, sesuatu perkara itu tidak boleh dilakukan kalau dia menafikan apa yang wujud dalam Perlembagaan. Di dalam Perlembagaan masih lagi wujud tentang hak istimewa orang Melayu. Jadi sudah tentulah dalam perkara-perkara tertentu, kalau ada sebut tentang keutamaan, *civil service* sebagai contoh, setiap empat bumiputera, satu bukan bumiputera, itu disebut sebagai contoh. Jadi kita tidak bolehlah atas nama 1Malaysia kita kena buat kalau lima, dua setengah, dua setengah kerana itu tidak dibenarkan oleh Perlembagaan. Jadi itu sahaja saya sebut. Kalau ada Perlembagaan tidak menghalang, saya ingat *go ahead, no problem*. Kita masing-masing mesti mahu menghormati hak-hak kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh, penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ingat banyak perancangan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, akhir, akhir, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak mahu akhir, akhir. Kita pergi ke isu lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cukup?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Isu lain Yang Berhormat boleh bangkit lagi ya. Boleh bangkit lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa lari kerana ini mustahak. Inilah apa yang menjadi asas dasar kerajaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey, saya benarkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baik. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa peruntukan-peruntukan ada semacam Perkara 152, *Malay Special*

Rights dan semua ada, tetapi ini tidak bererti bahawa Perlembagaan Malaysia tidak menerima bahawa inilah satu negara Malaysia dan sebab itu Perdana Menteri boleh daripada apa-apa kaum. Sungguhpun realiti itu lain, tetapi adakah Yang Berhormat setuju dengan penjelasan tadi bahawa apa yang tertulis dalam buku ini, *'1Malaysia: Government Transformation Program*" bahawa satu perkara yang tidak benar, yang *mislead* rakyat oleh kerana ini tidak dalam pendapat Kerajaan Barisan Nasional selaras dengan Perlembagaan.

Kalau begitu, bukankah ini satu *misleading document. 1Malaysia misleading slogan.* Kalau tidak, bererti bahawa, "...*and ultimately a greater nation: a nation where, it is hoped, every Malaysian perceives himself or herself as Malaysian first, and by race, religion, geographical region or socio-economic background second...*" Bila kita 53 tahun menjadi merdeka, bila kita akan menjadi 1Malaysia yang tulen, yang jitu dan bukan yang bohong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak bohong. Yang mengelirukan, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak kali bercakap mengatakan bahawa Gagasan 1Malaysia ini berpaksikan kepada apa yang ada dalam Perlembagaan. Itu sahaja kerana tidak mungkin kita boleh buat sesuatu yang tidak dibenarkan oleh Perlembagaan. Jadi, Gagasan 1Malaysia ini di mana yang kita boleh, kita mesti buat, *ultimately*. Bukanlah hari ini buat, esok..., *ultimately* ini mungkin makan masa 100 tahun, 200 tahun tetapi sudah tentulah banyak perkara yang ada di dalam, yang telah menjadi amalan kita yang akan merupakan hambatan kepada kita untuk menjadikan 1Malaysia.

Kalau orang bangkitkan, sebagai satu contoh, yang saya tidak setuju. Tutup sekolah Cina sebab kalau hendak 1Malaysia, satu aliran sahaja. Itu juga sebagai satu hujah yang kuat kerana selagi ada sekolah itu, selagi itulah kita diasing-asingkan daripada kecil sampai besar, macam mana kita hendak bersatu. Macam mana hendak fikir 1Malaysia? Akan tetapi kita tidak boleh itu sebab ini jaminan kita. Masyarakat Cina, masyarakat India mahu supaya mereka dan anak-anak mereka diberikan pendidikan *basic* dalam bahasa ibunda dia, kita hormati.

Jadi inilah perkara-perkara yang saya katakan merupakan *our challenge*. Dalam keadaan begitu, kita hendak kejar 1Malaysia tetapi dalam keadaan yang mana kita menjamin hak masing-masing. Jadi Yang Berhormat kena faham. Yang Berhormat tidak pergi sekolah Tamil, sekolah Inggeris, saya tahu. Jadi sebab itu mungkin tidak ada sentimen kuat sekolah Tamil, tetapi saya ada. Saya rasa bahasa ibunda ini mesti diberikan. Itu jangan dipertikaikan, tetapi ada orang pertikaikan, mengatakan tidak mungkin kita capai 1Malaysia kalau daripada kecil kita sudah diasing-asingkan mengikut aliran-aliran Cina, kebangsaan dan juga aliran Tamil. Jadi ini kita kena hormati.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh beri jalan?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Soalan, soalan pendek, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pendek sahaja.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sebab...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya dari sekolah Cina.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Perverse logic*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalahnya sekolah Cina kita benarkan. Tidak menjadi isulah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Pendek sahaja.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Pendek sahaja, pendek sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak menjadi isu. Okey. Saya tidak kata itu. Saya tidak bersetuju. Saya tidak setuju. Saya bukan...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Akan tetapi tadi Yang Berhormat Menteri kata ini diasing-asingkan tidak betul...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Kerana semua sukatan pelajarannya ikut kementerian. Guru pun dilatih oleh kementerian. Cuma lingua franca bahasa sahaja tidak sama. Jangan pula nanti dipesongkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat, menjawab saya dari sudut pandangan sukatan pelajaran. Saya bercakap dari segi fizikal budak-budak itu. Itu yang saya sebut. Yang di sekolah Cina, semua sekolah Cina. Yang sekolah Tamil, semua sekolah Tamil.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dato' Menteri boleh membantu? Saya bagi statistik. Setakat ini 75,000 anak Melayu belajar di sekolah Cina, mana fizikal diasingkan? Ini tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah itu. Baguslah itu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kerana kita percaya semuanya adalah termasuk dalam Sistem Pendidikan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Telah pun diiktiraf oleh Akta Pendidikan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata asing-asingkan...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jangan pula tuduh bahawa sekolah Cina kah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tuduh.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...sekolah Tamil kah memecahkan perpaduan masyarakat. Itu tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tengok. Sebut sekolah Cina sahaja, yang bangun siapa, Cina. Apa maknanya? Kita hendak beritahu ini pun, hendak sebut 1Malaysia, bila sedar kita 1Malaysia. Bila sentuh sahaja, Cina yang bangun pertahankan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, mana 1Malaysia?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dato' Menteri, Dato' Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You're running away*. Tidak jawab soalan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya belajar Kesusasteraan Melayu juga.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu Gagasan 1Malaysia ini permulaan. Perjalanannya jauh. Jadi sudah tentu ada perkara-perkara yang sensitif kepada orang Melayu mesti kita layani. Begitu juga ada perkara yang sensitif kepada orang India, mesti kita layani. Begitu juga ada perkara sensitif kepada orang Cina, mesti kita layani. Ini jelas ditunjuk. Yang bangun ini pun, sebut sekolah Cina, yang bangun semua Cina. Jadi maknanya hati itu...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya tidak bangkit sekolah Cina.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini satu perkara yang bukan mudah untuk kita hendak kita selesaikan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, beranikah Yang Berhormat menyahut cabaran Ipoh Timur, *we are Malaysian first, Chinese second*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya, ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Setuju tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya, ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya bukan orang Cina, saya anak Tionghoa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Keturunan Tionghoa anak Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya mengaku...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya panggil Yang Berhormat duduk bukan Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak gunalah 1Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak kata, realitinya, *this is something which we have to overcome, all right*, dengan izin. *We have to overcome*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Kerana parti politik perkauman, kita mansuhkan. Mara ke depan... *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana Ahli Parlimen Melayu DAP? Mana? Tidak ada... *[Disampuk]* Tidaklah. Hendak kata dia hendak kira *represent all*...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, we represent all*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mewakili semua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: DAP bukan wakil India dengan Cina sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita *represent* semua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 1Malaysia ini *represent* Cina, India, Melayu... *[Disampuk]* Mana Melayu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mewakili semua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Mana ada Ahli Parlimen Cina dalam UMNO. UMNO mewakili semua, mana ada?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab kita Barisan Nasional.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Ketawa]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kita Pakatan Rakyat ada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baru-baru ini bertanding, mana lambangnya?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Taiping.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* parti roket.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Taiping, kalau tidak hendak dengar saya cakap lagi... Seorang, seorang bercakap, Yang Berhormat... *[Ketawa]* Jangan ketawa dalam Dewan saya, Yang Berhormat.

■1950

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak pernah marah dalam Dewan ini. Kalau Yang Berhormat berperangai macam ini, balik Perak sahajalah... *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tidak boleh, Yang Berhormat Menteri yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya tengok dalam surat khabar Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Surat khabar sebab itu ... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nombor satu duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau tidak jangan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *You cannot simply accuse* Perak tidak baik .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk. Duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon supaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya mahu Yang Berhormat duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua tarik balik, balik ke Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya warganegara Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, okey Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu tidak patut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Okay, no need to raise a voice.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu. *I raise my voice because I don't like what I saw.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, dia akan diberi kebenaran untuk dia menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk dahulu. Okey, tidak payah balik Perak. Duduk di sana sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Pasir Mas minta supaya disiasat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri, boleh *please* beri satu soalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pengedaran risalah secara berleluasa ...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri boleh beri satu soalan. Tadi saya ada – Saya tidak bangkitkan isu sekolah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bahawa kononnya bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh dianiaya dalam perbicaraan kali kedua ..

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri tidak beri ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai *contempt of court* dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan penyebaran risalah-risalah yang bertajuk *"Fitnah Dahsyat Berulang Kembali"*. Suatu siasatan sedang dijalankan oleh pihak polis di bawah subseksyen 11(2) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1998, yang diperuntukkan bahawa tiada orang boleh antara lain menerbitkan, menjual atau mengedarkan apa-apa hasil penerbitan yang tidak mempunyai nama dan alamat pencetak serta penerbit.

Untuk makluman Yang Berhormat, seterusnya isi kandungan risalah-risalah ini telah dibangkitkan di mahkamah dalam permohonan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk mengetepikan pertuduhan yang dihadapinya. Memandangkan perkara ini telah mendapat liputan akhbar berikutan hujahan dalam mahkamah yang menyentuh perkara-perkara yang dirujuk dalam risalah-risalah ini, maka ia tidak lagi boleh dianggap *sub judice* dengan izin dan seterusnya sebagai menghina mahkamah.

Yang Berhormat Kuala Krau menyarankan supaya kerajaan mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen rakyat Malaysia yang dikatakan menyokong campur tangan 50 Ahli Parlimen Australia yang memohon kerajaan supaya menggugurkan kes liwat yang membabitkan Yang Berhormat Permatang Pauh. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara telah mengkaji perkara ini dan mendapati tindakan mengemukakan surat bantahan oleh Ahli-ahli Parlimen Australia tidak boleh dikatakan sebagai campur tangan negara asing dalam hal ehwal Malaysia.

Ini adalah disebabkan bantahan itu merupakan suatu tindakan persendirian. Segolongan orang yang tidak berkaitan serta tidak diarahkan oleh Kerajaan Australia. Selain itu, surat bantahan yang dikemukakan itu juga tidak mempertikaikan hak kedaulatan Malaysia. *Sovereignty right,* dengan izin, untuk menjadikan apa-apa perbuatan suatu kegiatan jenayah di bawah undang-undang Malaysia.

Oleh itu, dari segi undang-undang tindakan bantahan itu tidak boleh dianggap sebagai campur tangan sebuah negara asing dalam hal ehwal atau terhadap hak kedaulatan Malaysia. Memandangkan tidak berlakunya campur tangan negara asing dalam hal ehwal atau hak kedaulatan Malaysia, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap Ahli Parlimen atau rakyat Malaysia yang dikatakan telah menyokong campur tangan Ahli-ahli Parlimen Australia tersebut. Apa-apa tindakan yang hendak diambil berhubung perkara ini hendaklah berdasarkan lunas undang-undang negara yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur membangkitkan tentang janji peguam negara untuk mendakwa semua pihak yang terlibat dalam skandal PKFZ dan seterusnya ingin mengetahui bilakah "ikan yu" yang terlibat juga didakwa. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil daripada siasatan yang menyeluruh dan setelah fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang cukup diperoleh, maka individu-individu yang berikut telah dipertuduhkan di mahkamah iaitu :

(i) Phang Ooi Choo @ Phang Ai Tui telah dipertuduh di Mahkamah seksyen 3, Klang dengan tiga pertuduhan di

bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan pada 10 Disember 2009;

(ii) Stephen bin Abok dan Bernard Tan Seng Swee telah dipertuduh di Mahkamah seksyen 3 Klang dengan dua pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan pada 10 Disember 2009;

(iii) Bernand Tan Seng Swee telah dipertuduh di Mahkamah seksyen 3 Klang dengan 24 pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan pada 10 Disember 2009; dan

(iv) Laww Jenn Dong telah dipertuduh di Mahkamah seksyen 3 Klang dengan 24 pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan pada 14 Disember 2009.

Siasatan masih lagi diteruskan oleh Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkenaan dengan PKFZ Ini. Yang bersalah akan tetap dibawa ke muka pengadilan. Oleh itu, saya berharap agar Yang Berhormat bersabar sehingga siasatan diselesaikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain daripada pegawai, suruhanjaya, dan pendakwa raya.

Berhubung dakwaan bahawa mereka yang dituduh merupakan ikan-ikan bilis sahaja. Saya ingin menegaskan bahawa amaun yang terlibat dalam pertuduhan jenayah, pecah amanah ke atas bekas pengurus besar PKFZ umpamanya membabitkan lebih suku bilion ringgit dan jumlah tersebut tidak akan mampu dimakan oleh ikan bilis, atau ikan yu bahkan juga oleh sekumpulan ikan jerung.

Jika kes melibatkan mendiang bekas pengarah urusan PERWAJA yang berjumlah lebih RM76 juta pada suatu ketika dahulu telah dianggap cukup besar atau jerung, namun pertuduhan ke atas bekas pengurus besar PKFZ ini adalah tiga kali lebih besar daripada itu. Saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat sekiranya tindakan yang dikenakan ke atas mereka ini tidak dianggap sebagai ikan jerung, sebaliknya sebagai *super* jerung atau mega jerung.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa ada jerung besar yang belum disabit dan sebenarnya SPRM pun ada sebut bahawa adalah mungkin sama ada ikan yu yang sebenar akan disabit dan dibawa ke mahkamah. Sampai saat sekarang tiada apa-apa perkembangan. Bukankah benar bahawa tidak cukup bahawa ikan bilis atau suku ikan yu sahaja disabitkan dan dibawa ke mahkamah walhal ikan yu yang besar sekarang masih bebas.

Kenapa sampai sekarang sungguhpun pada masa itu ada disebut oleh Peguam Negara bahawa ada kemungkinan bahawa ikan yu akan dibawa ke mahkamah, kenapa sampai sekarang siasatan belum habis? Adakah ini oleh

kerana sebab-sebab politik dan adakah satu perlindungan diberi supaya ada satu *cover up* Port Klang Free Zone *scandal* terbesar sekali.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik balik lah. Saya tidak kata iaitu saya bersetuju dengan dia bahawa ada ikan jerung yang terlibat. Saya kata siasatan mesti dibuat sekalipun kalau ada ikan jerung. Itu bezanya. Saya tidak bersetuju mengatakan bahawa ada ikan jerung. Saya kata kalau sekali pun ada ikan jerung, saya setuju ianya disiasat. Itu ada dua perbezaan di situ. Faham bahasa Malaysia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak? Nanti, belum lagi. Macam hendak berdiri sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, nanti. Saya tahu Yang Berhormat perlu *exercise*. Tunggu sekejap. Biar saya jawab dahulu. Kedua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut, siasatan biarlah lambat. Bahasa Malaysia kata biar lambat, asal selamat. Kerja yang dibuat terburu-buru akhirnya akan melibatkan orang yang kita fikir dia bersalah kerana terburu-buru mungkin akan menyebabkan kita akan kalah dalam kes kita.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat belum lagi pihak SPRM atau pun pihak Peguam Negara mengatakan itu bahawa siasatan semua sudah habis. Belum lagi.

■2000

Kita perlu siasat dan dalam zaman sekarang Yang Berhormat dengan dokumen-dokumen yang banyak, yang perlu kita geledah dan kita baca sudah tentu akan makan masa sedikit. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat bersabar. Berulang kali saya sebut Yang Berhormat walaupun saya tahu sudah senior mungkin tidak sabar tetapi sabarlah sebab kita perlu menunggu habis siasatan dibuat oleh kedua-dua agensi ini. Saya sebut sebentar tadi bahawa di bawah seksyen 29(4) dalam kita tengah menyiasat kita tidak boleh menzahirkan. Saya tidak boleh hendak kata Yang Berhormat Ipoh Timur, *I think 50% okay already that fellow* kena. Tidak boleh! Ini adalah merupakan kesalahan kalau dizahirkan kepada orang yang tidak berkenaan tentang *progress* penyiasatan kes berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, soalannya ialah kenapa ikan-ikan yu yang besar sampai sekarang tidak bersabit? Sebelum ikan-ikan yu bersabit Menteri Pengangkutan sudah jatuh, kalah dalam *election* MCA dan ini tidak boleh dinafikan satu sebab kenapa selain daripada sebab-sebab yang lain, kenapa bekas Presiden MCA digulingkan? Oleh kerana ada anasir-anasir atau unsur-unsur yang terlibat dan saya mahu bertanya yang lebih spesifik iaitu kenapa sampai sekarang bekas Menteri Pengangkutan tidak disabit dan dibawa ke mahkamah dalam perkara ini? Mereka semua adalah orang yang *middling* orang dan mereka sepatutnya bertanggungjawab kenapa bekas Menteri Pengangkutan tidak disabit di mahkamah?

Kalau hendak nama ialah Chan Kong Choy.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ini janganlah, jangan. Ini *kangaroo court* ini. Berdasarkan kepada persepsi terus hukum orang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh beri penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Persepsi terus hukum. Tidak bolehlah begitu. *Court system* kita tidak berjalan demikian melainkan jika dalam Jawatankuasa Disiplin DAP mungkin begitulah bukan. Dalam mahkamah ini tidak begitu. Tentang siasatan pun itu saya nyatakan sebentar tadi siasatan masih dijalankan. Kes-kes lain adalah kompleks dan ambil masa. Sebagai contoh *even* kes Perwaja umpamanya mengambil masa sembilan tahun untuk di lengkap, bukan mudah. Jadi saya beritahu saya boleh cakap begini sahaja. Siasatan masih dijalankan. Hasilnya belum dapat saya kemukakan. Hasilnya boleh dikemukakan sekiranya cukup bukti untuk membuat pendakwaan di mahkamah. Pada ketika itu semua orang akan tahu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebelum itu kita tidak boleh beritahu. Ya, *can I move on*?

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sini Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terakhir adakah apa-apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi sudah terakhir. Banyak kali terakhir.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terakhir untuk perkara ini. Soalan saya adakah kita mahu tunggu sehingga jatuh kerajaan Barisan Nasional barulah ada *result... [Dewan riuh].* Ada *result* dalam siasatan perkara ini. Atau ini satu *prediction* di mana kerajaan Barisan Nasional mahu memihak, menjaga dan melindungi mereka yang sebenar terlibat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tiada jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat kata hendak tunggu jatuh Barisan Nasional baru dapat diselesaikan saya ingat kalau jatuh kerajaan Barisan Nasional bukan yang itu sahaja boleh selesai, yang kes-kes DAP terlibat dengan SPRM pun boleh selesai juga. Banyak boleh selesai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya boleh selesailah. Maknanya saya kata kalau Yang Berhormat kata kalau kerajaan Barisan Nasional runtuh baru selesai, mungkinlah. Bukan sahaja kalau BN jatuh itu sahaja boleh selesai, banyak kes-kes yang terlibat dengan DAP pun boleh selesai juga. Seperti di Selangor semua *settle*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak ada apa-apa kes. DAP tidak ada apa-apa kes terlibat dengan SPRM.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada? Wakil rakyat ada. *You have to check*. Pasir, pasir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak kes disiasat. Itu baru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh ambil tindakan kita tidak kisah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu baru siasat dia orang sudah hendak *blocked*. Macam-macam! Baru siasat sahaja Yang Berhormat. Kita ini siasatlah macam mana tetapi kita diam sebab kita menghormati kerja SPRM tetapi dia tidak boleh. Kalau siasat orang dia sahaja terus itu tidak betul, ini tidak betul. Beri *chance* lah Yang Berhormat SPRM buat siasatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu tuduhan liar. Itu kes apa? Ini serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana kes? Sehinggakan menggesa *undue pressure* kepada pegawai kita. Bawa ke mahkamah. Jangan siasat selepas waktu bekerja, macam-macam. Ini semua *pressure* tetapi tidak apa Yang Berhormat. Kita pergi kepada..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini semua salah guna kuasa. SPRM boleh menjadi boneka atau alat Barisan Nasional. Itulah masalahnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dahulu Yang Berhormat kata saya boneka SPRM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur tolonglah ikut peraturan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini cakap mulut macam *fog* macam ular. Sekarang dia kata SPRM boneka Barisan Nasional. Dahulu dia kata saya boneka SPRM, yang mana satu ini? Cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dua-dualah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kena dapat pertolongan dari PKR baru boleh jawab? Okey Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Shah Alam – sudah balik dah dan Yang Berhormat Bukit Gantang, pun sudah balik, mendakwa Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan badan kehakiman tidak berkesan, tidak bebas dan tidak profesional serta gagal melaksanakan tugas dengan adil dan saksama.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri. Satu soalan. Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Oleh sebab tidak jawab apa yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini yang serius. Saya telah bangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai dengan setiausaha politik yang disiasat oleh SPRM ataupun telah ditangkap dengan wang tunai berjuta-juta ringgit di Pulau Pinang dan juga memiliki beberapa buah kondominium mewah di Pulau Pinang. Beliau adalah setiausaha politik kepada Yang Berhormat Menteri dari Tasik Gelugor.

Sehingga ke hari ini dapat dijamin dan belum dituduh di mahkamah. Saya minta penjelasan bahawa kenapakah menggunakan masa yang panjang begini? Beliau telah meletakkan jawatan, itu amat jelas dan kenapakah tidak dituduh?

Keduanya sama ada SPRM telah menjalankan satu siasatan terhadap bos beliau? Itu setiausaha politik yang ditahan oleh SPRM. Itu yang penting kerana kalaulah seorang setiausaha yang ditahan dan ditangkap dengan jumlah wang yang banyak begitu sekurang-kurangnya SPRM buat siasatan terhadap bosnya. Sila beri satu penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siasatan sedang berjalan dan saya percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu lagi Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dituduh atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan dituduh atau tidak? Kenapa lambat begitu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana boleh begitu. Kena siasat dahulu. Yang Berhormat peguam juga bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju. Belum habis bercakap Yang Berhormat. Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu sudah..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siasat dahulu. Buat penyiasatan. IP. Buat *investigation paper* dahulu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Faham?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia telah ditahan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat Wangsa Maju. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bila hendak dituduh di mahkamah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita kena siasat dahulu. Jawapan saya pertama, dalam siasatan. Soalan Yang Berhormat yang kedua itu saya rasa orang berkenaan telah pun dipanggil untuk *record statement*. Jadi sabarlah, janganlah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bosnya? Bos dia sudah ditahan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab tadi. Saya kata dipanggil untuk *record statement*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pekak ini kenapa?... *[Ketawa]* Saya suara sudah serak.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tanya sedikit pun tidak boleh? Sensitif begitu kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak. Tanya boleh. Saya sudah jawab tetapi tidak dengar.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi kenapa melenting Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya tidak melenting.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hendak jaga kawan kah?... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak melenting. Sebab apa, tanya saya sudah jawab tetapi tanya lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi tengok Yang Berhormat Menteri melenting.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh sebab itu saya tanya pekak kah?... *[Ketawa]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Melenting... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita jumpa sekejap lagi pukul 10... *[Ketawa]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jumpa di mana?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di luar Dewan... *[Ketawa]* Untuk makluman mengatakan badan ini tidak berkesan, tidak bebas, tidak profesional serta gagal melaksanakan tugas dengan adil dan saksama.

■2010

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pula dikatakan menjadi alat politik UMNO dan Barisan Nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan ini adalah tidak benar dan jelas menafikan sumbangan agensi-agensi berkenaan dalam menunaikan tanggungjawab mereka sedangkan sumbangan agensi-agensi berkenaan selama ini seharusnya diberikan pengiktirafan yang tinggi, misalnya PDRM telah berjaya memastikan ketenteraman dan keselamatan rakyat Malaysia, terpelihara selain sentiasa berusaha memperbaiki lagi perkhidmatannya. Institusi kehakiman yang tidak pernah sama sekali dicampuri eksekutif juga telah menjalankan tanggungjawab dengan baik. Begitu juga Jabatan Peguam Negara telah banyak menyumbang dan memastikan kepentingan negara terpelihara sama ada di peringkat tempatan mahupun global.

Kerajaan berpendapatan jelas sekali kenyataan Yang Berhormat tersebut dibuat apabila terdapat keputusan yang tidak menyebelahi politik parti pembangkang. Lalu semua sumbangan agensi-agensi berkenaan dinafikan. Kenyataan yang lebih profesional harus diberikan dengan mengambil kira kepentingan masyarakat umum bukan individu tertentu sahaja.

Berhubung tuduhan SPRM menjadi alat politik pula, untuk makluman Yang Berhormat SPRM adalah sebuah agensi yang bebas dalam menjalankan siasatan tanpa mengira latar belakang, ideologi politik, bangsa, agama dan sebagainya. Siasatan SPRM dibuat tanpa dipengaruhi atau menerima arahan mana-mana pihak. Setiap maklumat yang diterima dan mempunyai asas perlakuan rasuah akan disiasat dengan adil, telus dan profesional. Rekod menunjukkan bahawa sejak 1 Januari 2009 sehingga 28 Februari 2010 sejumlah 25 tangkapan telah dibuat terhadap ahli-ahli politik. Dari jumlah tersebut 15 orang telah dituduh di mahkamah yang melibatkan 13 orang dari parti Barisan Nasional.

Seorang dari DAP dan seorang daripada PKR. Untuk rekod juga daripada 13 orang Ahli Barisan Nasional yang dituduh itu 12 orang daripadanya adalah daripada parti UMNO.

Statistik ini menunjukkan bahawa SPRM bukanlah alat mana-mana parti politik sebaliknya SPRM bebas menyiasat sesiapa sahaja yang terlibat dalam perlakuan rasuah. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab secara undang-undang ke atas SPRM saya amat yakin dengan profesionalisme pegawai-pegawai SPRM dalam menjalankan siasatan *without fear or favour,* dengan izin...

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tanpa mengambil kira kedudukan atau parti mana yang dianggotai oleh mereka. Saya berharap sangat Yang Berhormat Ipoh Timur agar berhati-hati apabila membuat sebarang dakwaan dan tidak sekali-kali membuat kenyataan membuta tuli berdasarkan sentimen kepartian masing-masing.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya masih ingat lagi semasa penggulungan Titah Diraja 2007 BPR ketika itu dituduh oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai SPRM memperalatkan saya. Namun pada perbahasan ini pula SPRM dituduh menjadi alat kepada parti UMNO dan kerajaan yang saya anggotai pada hari ini. Jika dibuat perbandingan wujud kenyataan-kenyataan yang tidak konsisten dalam perkara ini mungkin disebabkan Yang Berhormat lupa. Sudah lupa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okeylah apa pun. Okey, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa saya rela menjadi alat kepada SPRM kerana ini menunjukkan bahawa saya atau kerajaan tidak menguasai SPRM, tetapi pada masa yang sama saya akan memastikan SPRM tidak akan menjadi alat kepada mana-mana individu dan parti politik. Kita bagi kepada Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Kepong baru masuk hendak daftar elaunkah? Yang itu lama itu... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Beruas]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Beruas, Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri kata SPRM akan bertindak secara bebas. Ini memang satu kenyataan yang amat saya alu-alukan, tetapi hendak tanya kenapa sudah sangat banyak laporan polis atau laporan SPRM yang telah dibuat oleh kami di negeri Perak langsung tidak mendengar apa-apa berita termasuk laporan-laporan bahawa ada orang yang datang hendak beli ADUN-ADUN kita. Sangat banyak dan saya sudah *supply* semua *information. Nothing came out. So, how do I have trust SPRM?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu saya akan tanya SPRM kerana Yang Berhormat Beruas bangkit dalam Dewan mahu tahu apa telah berlaku.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat panelkan? Hendak tanya apa lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak kena-mengena panel sekarang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, tidak kena-mengena. Okey, okey.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang menarik perhatian saya ialah 15 kes yang disebutkan itu dan Yang Berhormat Menteri cuba hendak memastikan bahawa orang tidak ada persepsi, bahawa ini memihak kepada sesiapapun tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan daripada 15 orang ini jumlah wang yang terlibat. Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa bilion yang terlibat kalau kita bandingkan dengan PKFZ misalnya. Berapa bilion yang terlibat dengan 15 orang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, kalau kes ini masih dalam mahkamah, saya minta Yang Berhormat Menteri jangan jawablah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seksyen 29 tadi dalam siasatan kita tidak boleh beritahulah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri *one question*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey. Yang Berhormat Teluk Intan?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih. Ya, Telok Intan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Mengenai badan kehakiman yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya ada bangkit kes mengenai Boonsom Boonyanit di Dewan ini dahulu dan baru-baru ini kita dengar Mahkamah Persekutuan telah mengatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan dahulu adalah salah mengikut kanun tanah negara.

Jadi adakah pihak Yang Berhormat Menteri cadang untuk memberi pampasan kepada keluarga Boonsom Boonyanit di mana kes sekarang telah berpihak kepada mereka? *The Federal Court reverses the decision of the previous Federal Court. So, will the family get compensation?* Kalau tidak bolehkah kita cadang untuk satu pampasan diberi kepada anak Boonsom Boonyanit yang hilang dua bidang tanah di Pulau Pinang itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kira yang buat keputusan itu ialah mahkamah yang bebas. Jadi tidak ada sebab mengapa pula kerajaan eksekutif perlu bayar *compensation* berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh mahkamah. Saya tidak tahulah. Mahkamah saya tidak tahu, tetapi dari segi kerajaan kita tidak akan buatlah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seratus muka surat, baru 12.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya cadangkan supaya yang saya tidak terjawab itu kita ada tiga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, ada tiga lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Lagi akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat.

8.18 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Izinkan saya...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya telah membangkitkan isu royalti cuma saya hendak pastikan sama ada JPM jawabkah ataupun kewangan jawab. Itu sahaja. Kalau JPM jawab bertulis pun tak apa. Kalau kewangan jawab, jadi siapa jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta maaf. Pihak kerajaan kita telah memutuskan bahawa isu royalti ini hendak diputuskan oleh mahkamah lebih baik kerana Dewan Undangan Negeri Kelantan pun telah memutuskan supaya usul dikeluarkan untuk bawa kes ini ke mahkamah. Jadi kita tunggu kepada mahkamah untuk selesaikan perkara ini. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada kesempatan ini saya ingin menjelaskan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Unit Kerjasama Awam Swasta.

Pada 17 Mac Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyatakan bahawa kerajaan masih belum dapat menangani kemiskinan tegar di Malaysia kerana menurut laporan kadar kemiskinan tegar adalah tinggi di kalangan bumiputera iaitu melebihi 5%. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan tegar bagi bumiputera pada tahun 2008 adalah hanya 1.1% berbanding 1.9% pada tahun 2004. Kadar kemiskinan bukan kadar kemiskinan tegar, tetapi kadar kemiskinannya melebihi 5%, tetapi ini pun telah berkurangan berbanding dengan tahun 2004 iaitu 8.3%. Yang Berhormat Permatang Pauh juga telah mendakwa jurang pendapatan semakin melebar dan tidak bersandarkan *Gini coefficient*.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *coefficient Gini* yang digunakan untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan telah berkurangan daripada 0.462 pada tahun 2004 kepada 0.39 pada tahun 2008...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita dengar ada cadangan oleh kerajaan dalam membasmi kemiskinan. Nampaknya semua kementerian ada terlibat dalam mengatasi masalah ini. Antaranya yang memberi bahan-bahan pampasan dan sebagainya. Ada cadangan bahawa semua ini dibawa ke satu kementerian supaya lebih efisien. Jangan kita ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan pelbagai kementerian. Jadi apakah usaha dibuat dan adakah dasar ini akan diimplementasikan oleh kerajaan?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, ada satu cadangan supaya kita mewujudkan satu kaedah yang lebih berkesan dalam perjuangan kita untuk menghapuskan kemiskinan khasnya kemiskinan tegar. Ada satu cadangan untuk memberi tugas ini kepada ICU untuk menguruskan rancangan-rancangan. Setakat ini, belum diluluskan tetapi memang ada cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Siput, kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan bagi meningkatkan pendapatan keluarga Melayu tetapi juga kepada semua isi rumah yang memerlukan bantuan berasaskan kepada keperluan atau dengan izin, *need based.* Memandangkan kemiskinan dan kemiskinan tegar bukan lagi menjadi isu utama pembangunan sosioekonomi negara, kerajaan akan memperluaskan fokus kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di kalangan rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan 40% terendah.

Pelbagai program akan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan golongan tersebut untuk bergiat aktif dalam aktiviti keusahawanan serta mendapat pekerjaan dengan upah yang lebih tinggi. Ahli Yang Berhormat Pasir Salak juga menyarankan agar kerajaan memastikan usaha-usaha membantu bumiputera yang masih ketinggalan berjalan lancar. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk terus membantu bumiputera yang masih ketinggalan dan memerlukan bantuan bagi memastikan manfaat pertumbuhan dan pembangunan negara dapat dinikmati dan dikongsi secara adil dan saksama oleh semua rakyat Malaysia.

Langkah utama yang akan diambil oleh kerajaan dalam membantu golongan tersebut adalah melalui program-program peningkatan kapasiti dan pembangunan modal insan selaras dengan persekitaran pasaran dan ekonomi yang begitu kompetitif dan mencabar.

Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan isu mengenai sasaran pemilikan ekuiti oleh kaum India. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara sasaran pembangunan sosioekonomi yang masih belum dicapai adalah untuk memastikan pemilikan ekuiti kaum India sebanyak 3%. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi

memperkukuhkan keupayaan usahawan yang berpotensi, termasuk dalam masyarakat India.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan pelbagai program bagi masyarakat India termasuk latihan dan keusahawanan serta skim saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia dan Amanah Saham 1Malaysia. Sebanyak 499.5 juta unit tambahan ASM telah diperuntukkan kepada masyarakat India. Tawaran pelaburan juga turut diperluaskan melalui ASW 2020. Sebanyak dua bilion unit tambahan telah dibuka untuk langganan tertakluk kepada peruntukkan 49% kepada masyarakat bukan bumiputera.

Di samping itu, sebanyak 1.5 bilion unit Amanah Saham 1Malaysia diperuntukkan khusus kepada masyarakat India sehingga 30 Mac 2010. Hanya 363 juta unit sahaja yang telah dilanggan. Masyarakat India masih berpeluang untuk menambah pemilikan saham sebanyak 1.137 bilion unit.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tanya dengan khusus. Sasaran kerajaan adalah pada tahun 2010 iaitu tahun ini, ekuiti masyarakat India akan ditingkatkan sekurang-kurangnya 3%. Itu sasaran utama. Namun, nampaknya *goal post* itu telah tertukar dari tahun 2010 ke tahun 2020. Soalan saya yang pertama yang saya telah membangkitkan adalah apakah sebab ia tidak dapat dicapai pada masa sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan sendiri dan sasaran pertama adalah 1.5% tetapi sekarang sudah menjadi 1.2%? *Instead of going up but it is come down* dan *instead of going to the ultimate* 3% pun tidak boleh capai dan semua yang disasarkan oleh kerajaan, semua ini retorik sahaja. *Nothing effectively has going down to the people.* Macam mana mengatasi masalah ini?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan telah memperuntukkan 1.5 bilion unit Amanah Saham 1Malaysia khusus untuk masyarakat India tetapi hanya 363 juta unit sahaja yang telah dilanggan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat dapat membantu masyarakat India untuk membeli yang *balance...*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta jalan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...yang baki yang ada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh, boleh.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...yang telah diperuntukkan oleh kerajaan sebanyak 1.137 bilion unit yang masih ada, masih wujud, masih boleh dibeli.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, kita perlu fikir...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Bahawa masyarakat India bukan dia enggan beli. *If they do not have a money, how can they buy?* Itulah masalahnya. Jadi itu perkara yang mustahil yang tidak dapat diatasi. Kalau kita kata kita memberi mereka peluang dan sebagainya, apa peluang kalau dalam poket tidak ada wang? Jadi *can – there must be some realistic* program untuk menolong mereka. Bukan sahaja.. Itu saya kata, nampaknya ada program retoriklah. *It is just saying.* Untuk mengayakan, *you* tidak boleh jadi kata you beli *share* ini, baru you boleh jadi kaya. Kalau masyarakat itu tidak ada wang, itu

masalahnya. Saya tahu, saya ada kata, saya ada bincang dengan Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri yang duduk di sebelah sana. Mereka tahu *the real issue, the Indian hardcore issue.* Namun *this is not being interest* dengan seriuslah.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya akan balik kepada soalan ini selepas beberapa isu lain sebab kita harus lihat kepada perkara ini secara mikro. Bukan sahaja kaum India yang tidak mempunyai ruang untuk menambah tetapi kaum-kaum lain juga menghadapi cabaran dan halangan yang sama. Saya akan berbalik kepada isu itu nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tuaran, Ipoh Timur dan Kuala Selangor menimbulkan isu pembangunan sosioekonomi bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini sama juga. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun tahap pembangunan sosioekonomi bagi bumiputera di Sabah dan Sarawak masih rendah berbanding Semenanjung, namun tahap sosioekonomi bumiputera di Sabah dan Sarawak telah meningkat dengan ketara. Misalnya dari segi pendapatan. Pendapatan purata bulanan isi rumah bumiputera di Sabah telah meningkat pada kadar 9.6% setahun daripada RM2,061 pada tahun 2004 kepada RM2,968 pada tahun 2008.

Di Sarawak pula, ia telah meningkat sebanyak 9.5% setahun daripada RM2,112 kepada RM3,036 dalam tempoh yang sama. Kadar peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan purata peningkatan pendapatan sebanyak 5.2% setahun bagi isi rumah bumiputera di Semenanjung. Selain daripada peningkatan pendapatan yang berterusan, kadar kemiskinan di kalangan bumiputera di Sabah juga telah berkurangan daripada 27.9% pada tahun 2004 kepada 18.3% pada tahun 2008. Manakala kadar kemiskinan di kalangan bumiputera di Sarawak pula berkurang daripada 9.8% kepada 3.4%.

■2030

Kemajuan ini dicapai hasil komitmen kerajaan yang berterusan melaksanakan program pembangunan sosioekonomi di negeri Sabah dan Sarawak. Antara program yang dilaksanakan termasuklah penyediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, penyediaan kemudahan pendidikan rendah, menengah, tinggi dan lain-lain. Pelaksanaan program di bawah inisiatif Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan bagi Sabah dan Sarawak serta akan membuka peluang yang lebih besar kepada semua rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Salak menyarankan penggunaan kaedah PFI bagi membiayai projek-projek kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, kerajaan telah pun menggunakan kaedah *private finance initiative* atau *public private partnership* dengan izin, dalam melaksanakan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan selain kaedah perolehan biasa melalui peruntukan pembangunan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya juga merujuk kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Saranan Yang Berhormat Ipoh Timur berhubung dengan cadangan Bank Dunia supaya kerajaan menggunakan Model Ekonomi Baru tiga tahun dahulu dan mengapa kita tidak menerima cadangan Bank Dunia pada masa itu. Seperti kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta jalan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya habiskan dahulu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Cadangan yang dibuat oleh pihak lain seperti Bank Dunia, IMF, negara-negara barat kita harus teliti dahulu sebab kita tahu pada tahun 1997 - Bank Dunia, IMF, negara-negara barat juga membuat cadangan. Bermacam-macam cadangan untuk kita memulihkan ekonomi, untuk kita bangkit, keluar daripada kemelut krisis ekonomi yang begitu dahsyat.

Kalau kita terima pada masa itu seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat - kalau kita terima cadangan *World Bank* dan IMF, kita hari ini tidak duduk selesa berbincang dengan kemakmuran negara, masa depan negara, visi negara, misi negara. Kita akan menjadi sebuah negara yang *bankrupt,* sebuah negara yang telah menyerahkan maruah bangsa kepada IMF dan *World Bank.*

Oleh kerana itulah, kita tidak menerima cadangan *New Economic Model* dari *World Bank* dan kita mewujudkan Model Ekonomi Baru kita mengikut logik ekonomi kita, mengikut perubahan dalam persekitaran kita dan berasaskan kepada keperluan rakyat kita. Model yang diwujudkan dan juga tindakan yang akan kita ambil dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dapat kita gunakan untuk menghadapi cabaran-cabaran baru dan cabaran-cabaran yang akan sentiasa wujud dalam masyarakat kita.

Kita tahu bahawa sejak tahun 1957 kita telah mentransformasikan negara kita dari sebuah negara yang daif dan miskin dan bergantung hanya kepada getah dan bijih timah untuk menjadi sebuah negara yang boleh dianggap moden di mana ekonomi telah dipelbagaikan. Banyak pemimpin-pemimpin kita sejak dahulu dan ada juga ada di Dewan yang mulia ini telah memainkan peranan dalam transformasi ini. Kita tahu bahawa dalam tahun 1957 apabila kita mencapai kemerdekaan, kadar kemiskinan kita melebihi 60%.

Bagi orang Melayu pada tahun 1957 di Malaya pada masa itu, kadar kemiskinan adalah 75% iaitu tiga dari empat keluarga yang hidup pada tarikh keramat 1957 hidup di bawah garis kemiskinan hidup sebagai keluarga miskin. Akan tetapi, dalam tempoh yang tidak sampai 52 tahun setelah kita mencapai kemerdekaan. Sebelum itu kita dijajah oleh pelbagai bangsa pada satu peringkat yang begitu lama - 446 tahun kita dijajah oleh Feringhi, oleh Belanda, oleh Inggeris, oleh Jepun dan Inggeris kembali. Akan tetapi, dalam tempoh yang singkat - 52 tahun kepimpinan negara telah berjaya dalam mentransformasikan negara dari sebuah negara yang daif dan miskin untuk menjadi sebuah negara yang moden. Akan tetapi itu bukan matlamat akhir kita. Matlamat akhir kita adalah untuk menjadi sebuah negara yang maju tetapi bukan sebuah negara maju berasaskan kepada acuan negara-negara maju tetapi sebuah negara maju yang berasaskan kepada acuan kita sendiri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Untuk itu, kita akan mengambil langkah-langkah melalui *New Economic Model* melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk kita melakukan perubahan. Ini termasuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi untuk memastikan bahawa rakyat kita dari semua keturunan dapat memperoleh pendapatan yang tinggi supaya pembelian ekuiti itu tidak lagi menjadi satu halangan. Jadi, kita kena cari cara-cara untuk memastikan bahawa penduduk Malaysia, rakyat negara kita mendapat peluang untuk mendapat pendapatan yang tinggi. Kalau ada pendapatan yang tinggi boleh beli rumah yang selesa, boleh beli syer ekuiti yang RM1.1 bilion itu - yang tinggal, tidak beli hari ini boleh dibeli.

Jadi, kita juga melihat kepada sistem pendidikan kita. Kita juga akan melakukan perubahan untuk memastikan bahawa sistem vokasional yang telah begitu berjaya dalam negara Jerman misalannya dapat juga digunakan di sini di mana kita juga mewujudkan satu saluran baru, satu *route* baru untuk anak-anak kita yang tidak begitu berminat untuk belajar di universiti dalam bidang-bidang akademik untuk mendapat *master skill* dengan izin... Sekejap, sekejap, habiskan dahulu. Melalui sistem vokasional dan sistem *training* dan juga melalui produktiviti, *innovation* dan kreativiti dan juga melihat kepada sistem perdagangan kita dan lain-lain. Kita menjurus kepada satu kaedah untuk memastikan bahawa kita dapat mewujudkan satu sistem di mana rakyat kita akan mendapat pendapatan yang tinggi untuk memiliki harta-harta yang disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana mengambil tindakan bagi memastikan bahawa negara dan rakyat kita bukan sahaja mencapai *political independence* tetapi juga *economic independence.*

Walau bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah kemungkinan penjajahan semula berlaku ke dalam negara kita ini dalam bentuk ekonomi sekiranya kita mengikut apa yang IMF *route* beri kita untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara kita ini.

■2040

Apa bezanya IMF formula dengan FDI daripada pelabur-pelabur asing dalam negara kita ini. Adakah kemungkinan juga *globalization,* dunia tanpa sempadan dan pengaliran FDI yang begitu banyak dalam negara kita ini selain menguntungkan negara, mungkin akan mewujudkan satu suasana di mana rakyat Malaysia akan dijajah dari segi ekonomi. Saya bawa perkara ini kerana mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir menyebut kita kena berhati-hati juga dengan proses globalisasi yang berlaku sekarang ini, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Memang itu satu isu yang begitu penting dalam dunia sekarang yang begitu moden dan bila kita menghadapi isu *globalization*, kita harus berjaga-jaga juga supaya kita tidak dijajah semula dan dari segi ekonomi. Akan tetapi kita tahu, kita ada pengalaman dan pemimpin kita ada pengalaman untuk memastikan bahawa kita dapat faedah dari *globalization*. Kita dapat menarik pelabur-pelabur dari luar negara yang mempunyai teknologi dan pada masa yang sama kita memastikan bahawa formula yang kita laksanakan adalah *win-win* formula dan kita tidak menyerahkan negara kita, sumber asli kita kepada pihak lain.

Saya masih ingat semasa tahun 1997 bila... datang, dia beritahu kita, cadangan kita ialah supaya kadar bunga, kadar faedah yang sudah pun tinggi dinaikkan lagi dan ekonomi di menguncupkan. Kerajaan jangan mengeluarkan peruntukan dan mengurangkan perbelanjaan, Bank Negara menguncupkan *monetary* dan kita lihat bahawa cadangan-cadangan seperti ini ialah untuk menghancurkan negara dan kemudian untuk pihak lain mengambil alih kuasa secara tidak langsung...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Akan tetapi, berasaskan kepada kebijaksanaan kepimpinan negara kita sejak tahun 1957 sehingga sekarang dan juga Menteri-menteri yang terlibat dalam Kementerian Kewangan, EPU dan Menteri-Menteri lain, kita dapat mengelakkan keadaan itu. Dalam masa kini ini pun, dalam membentuk *New Economic Model,* dalam mewujudkan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan kemudian Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita akan memastikan bahawa sebarang *liberalization,* dengan izin, yang dilakukan oleh negara kita adalah berasaskan kepada kepentingan negara dan memastikan *win-win* formula dengan izin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dahulu Yang Berhormat, dah lama bangun.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Pertamanya ialah mengenai PPP dan PFI yang dibentangkan tadi. Saya memang sepatutnya sokong kadar dasar PPP dan PFI sebab sepatutnya ekonomi kita dikembangkan dan dipertingkatkan dari segi *private sector*. Akan tetapi cara kerajaan buat masa ini menjalankan PPP dan PFI nampaknya ada kekurangan.

Kita nampak walaupun dalam NEM yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa ini mementingkan *competition,* daya persaingan dan juga ketelusan tetapi kontrak PPP yang telah pun ditawarkan sebelum ini dan pada masa ini juga nampaknya ditawarkan juga dengan cara tanpa persaingan. Tanpa tender terbuka, tanpa kertas cadangan yang diminta daripada *private sector* dan juga tanpa ketelusan. Misalnya hujung tahun lalu, projek *MATRADE Exhibition Center* yang terbesar di Malaysia, RM628 juta ditawarkan secara terus kepada NAZA TTDI dan kita pun tahu kenapa NAZA TTDI diberikan kontrak tersebut. Apa yang terdapat daripada Menteri, dia kata sebab NAZA yang berikan cadangan dahulu.

Saya rasa ini bukan merupakan satu cara PPP dan PFI yang baik dan juga satu projek yang baru yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Projek di mana 3000 ekar tanah di Sungai Buloh akan dibangunkan oleh satu *join venture* di antara kerajaan dan EPF. Kita diberitahu ianya akan ditawarkan kepada pihak MRCB dan kita pun hendak tahun apakah basis MRCB ditawarkan projek yang begitu besar ini dan kenapa tidak ada satu open tender dijalankan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ya, untuk mengendalikan satu projek yang begitu penting seperti ini. Keduanya, sebentarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri, seperti Yang Berhormat Pasir Salak, saya juga hendak mengucapkan terima kasih, penghargaan, tahniah, syabas yang setinggi-tingginya kepada kepimpinan UMNO, Barisan Nasional. Kerajaan yang begitu hebat membawa negara yang asalnya begitu miskin, daif dan mundur.

Ucapan Tan Sri ini sepatutnya dibukukan agar rakyat kita ini sedar untuk mengenang budi pemimpin-pemimpinnya macam Tan Sri kata di dalam Dewan ini, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Padang Besar, itu sebahagianlah. Kalau waktu dicadangkan, negara kita gawat, akhir tahun 90-an itu, ambil IMF macam Tan Sri kata kerana ia juga dicadangkan oleh salah satu orang pemimpin yang hari ini sudah tidak ada dalam kerajaan. Jahanam kita, ini rekod yang harus rakyat faham supaya rakyat sentiasa terus memberikan sokongan termasuk Yang Berhormat Gua Musang.

Ini pemimpin dululah yang Tan Sri baca sejarah ini tadi. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi sedarlah rakyat negara ini, saya tertarik ucapan Tan Sri tadi. Kita sebenarnya berdepan dengan jenaka bangsawan pembangkang Tan Sri, rakyat tidak akan ke mana-mana dengan jenaka, pembohongan, fitnah yang dibuat oleh pembangkang. Rakyat harus berpegang dengan fikiran yang sejernih-jernihnya, siapa sebenarnya yang membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Itu isu Yang Berhormat Sri Gading...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Satu tambahan lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan ucapan tentang tindakan yang diambil untuk 10 tahun yang lepas sampai sekarang. Akan tetapi dalam masa sepuluh tahun ini, *Gini coefficient* kita sudah ditambah. Maknanya jurang perbezaan di antara yang miskin dan yang kaya telah bertambah juga kesan tindakan ini telah mengadakan dengan izin*, rent-seeking behavior*. Ini dilaporkan oleh Morgan Stanley. Bukan ini kesan-kesan daripada tindakan yang telah diambil dalam sepuluh tahun ini.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, isu berhubung dengan PFI, PPP yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi. Apa yang kita maksudkan dalam konsep PPP atau PFI, satu dari kaedah yang akan digunakan ialah untuk memberi peluang kepada pihak swasta untuk membangunkan projek-projek yang biasanya dibangunkan oleh kerajaan.

■2050

Misalan universiti boleh dibangunkan oleh kerajaan, boleh diwujudkan oleh kerajaan dengan perbelanjaan dari bajet. Akan tetapi kita lihat dalam banyak hal pihak swasta dapat membina universiti dengan kos yang lebih murah. Jadi kita menggunakan satu kaedah di mana pihak swasta akan membina universiti dan

menguruskan universiti dan konsep PFI ialah kita memberi jaminan kepada pihak swasta bahawa kita akan menghantar juga murid-murid dengan *scholarship* kerajaan untuk belajar di universiti dengan izin, *overtake some of the services*. Ini adalah antara konsep PFI dan kita yakin kita akan dapat menguruskan ini dengan satu kaedah yang *transparent.*

Berhubung dengan isu Yang Berhormat Sri Gading, ini bukan..

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Nanti saya jawab dahulu. Ini berhubung dengan isu yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Sri Gading, tahun 1997 dan 1998 sebenarnya adalah satu titik yang bersejarah dalam negara kita. Sebab kita lihat di sekeliling kita negara-negara Korea, negara Indonesia, negara Thailand terpaksa menyerahkan kedaulatan negara dan maruah bangsa mereka kepada IMF, kepada World Bank untuk mendapat sedikit wang untuk memulihkan ekonomi. Hanya kita sahaja dalam begitu banyak negara, hanya negara Malaysia satu-satu negara yang beritahu "IMF dan *World Bank go to hell".* Kita tidak mahu duit IMF, kita tidak mahu duit *World Bank*... *[Tepuk]* Kita ada kemampuan dan kita ada keberanian dan kita ada kemampuan untuk berfikir di luar kotak*, think out of the box,* dengan izin.

Kemampuan ini, keberanian ini datang dari mana? Datang dari pengalaman kita bukan sebab bukan tahun 1997 kali pertama kita menghadapi cabaran dan mengatasi cabaran. Sebenarnya 13 tahun selepas merdeka kita sudah menghadapi cabaran. Bulan Mei 1969, hanya 13 tahun selepas kelahiran negara Malaysia kita sudah menghadapi satu cabaran yang begitu getir. Sebenarnya kita menjadi matang dalam usia yang begitu muda. 13 tahun kita sudah menjadi matang. Kita lihat bahawa pemikiran kita begitu berani, begitu logik dari segi ekonomi sebelum...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta laluan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya habiskan sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Okey.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sebelum tahun 1969, dasar ekonomi yang kita amalkan ialah *Laissez-faire* iaitu dasar ekonomi yang diamalkan juga oleh penjajah. Mengikut sistem *Laissez-faire* kita hanya memberi penumpuan kepada pertumbuhan ekonomi dengan anggapan bahawa dengan pertumbuhan ekonomi pengagihan akan berlaku secara automatik dan semua kumpulan, semua etnik semua lapisan akan dapat menikmati sebahagian dari kemakmuran negara yang dijana. Akan tetapi kita lihat, kita tahu bahawa ini tidak berlaku dan dalam tahun 1970 kita mewujudkan satu polisi yang lain, *New Economic Policy,* dengan izin. Dasar ekonomi Baru yang memberi tumpuan kepada dua aspek, pertumbuhan dengan pengagihan. Pada masa itu dan pada masa ini pun banyak negara lain, dasar ini difikirkan tidak baik.

Di banyak negara pemikiran fesyen adalah untuk memberi tumpuan kepada pertumbuhan sahaja. Akan tetapi kita berani, kita fikir di luar kotak dan kita mewujudkan satu polisi dan tidak diwujudkan di banyak negara. Kita lihat sejak tahun 1970, dalam tempoh 40 tahun melalui dasar yang memberi fokus dan tumpuan kepada kadar pertumbuhan dan juga pengagihan, *growth with the equity* telah berjaya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri, oleh kerana ramai sebelah sini orang baru, Ahli Parlimen baru. Ramai daripada parti orang muda-muda sebelah sini, mereka tidak tahu apa yang berlaku dalam tahun 1998. Dalam Dewan ini pada masa itu George Soros mengatakan ilmu ekonomi yang dimiliki oleh Dr. Mahathir boleh ditulis di belakang sekeping setem yang kecil. Itu menghinakan kita. Dalam Dewan ini ada dua orang, malam ini mereka ada Yang Berhormat Ipoh Timur dengan Yang Berhormat Kepong. Bawa keluar dengan risalah *condemn* segala apa yang kita hendak buat. Akan tetapi kita telah berjaya dan George Soros pun mengaku kita betul. *World Bank* pun mengikut kita betul... *[Tepuk]* Terima kasih.

Jadi *World Bank* pun mengaku kita betul dan hari ini mereka pula meniru model kita. Pembangkang dari dahulu kita buat *Penang Bridge,* mereka kata itu semua tidak betul. Buat *Highway North-South* pun tidak betul. Buat KLIA pun tidak betul, buat Proton pun tidak betul, semua tidak betul. Akan tetapi akhirnya kita nampak berjaya dan yang tidak berjaya pun sedikit sangat (Perwaja memang antara yang gagal) tetapi yang lain banyak berjaya. Akan tetapi hari ini mereka diam langsung tidak bertegur. Jadi saya hendak tanya pendapat apa boleh menilai ilmu yang ada pada mereka yang sebelah kanan ini. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh sambung Yang Berhormat. Saya hendak sambung sedikit tentang penjelasan yang diberikan tentang PPP tadi yang soalan saya bukannya tentang PPP, apa itu PPP. Soalan saya adalah kenapa bila kita menswastakan apa-apa projek penswastaan ini tidak dijalankan secara terbuka dan secara *competitive*, kenapa tidak *competitive*? Kenapa kontrak ini diberi terus kepada sesebuah syarikat yang tertentu sahaja? Itu soalan saya.

Saya setuju bahawa jika dibuat oleh pihak swasta memang ada penjimatan yang boleh didapati oleh kerajaan dan kerja-kerja dibuat dengan lebih baik. Akan tetapi kalau penawaran kontrak ini tidak dijalankan secara *competitive* akan terjadi kes di mana kerja-kerja yang dijalankan tidak akan mencapai penjimatan dan matlamat yang diminta oleh kerajaan sebab ini tidak ada ketelusan, banyak *ransacking issue* yang ada di dalam seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah sedikit sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Bersekali Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: PPP.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya jawab dahulu nanti...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Saya hendak tambah sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu. Di sini saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, mungkin dalam soal PPP ini yang penting bukan cara bagaimana projek itu diluluskan oleh kerajaan. Akan tetapi terma-terma yang ada pada PPP tersebut. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi ialah bahawa setiap

projek di bawah PPP ini perlu ada *competitive tender* dan sebagainya. Akan tetapi kalau satu aspek daripada projek ini adalah penjanaan idea tersebut *regeneration of idea,* dengan izin, sudah tentunya syarikat tersebut perlu diberikan keutamaan.

Sekiranya terma tersebut itu semua mengikut apa yang ditetapkan oleh kerajaan dari segi risiko modal, *the risk of capital,* tidak ada pada kerajaan tetapi ada pada syarikat dan juga untuk kerajaan segala projek adalah *net present value neutral* ataupun positif. Sudah tentunya tidak ada masalah. Jadi pandangan saya yang saya pohon daripada Yang Berhormat Menteri sudah tentunya dalam soal PPP ini yang penting bukan sahaja cara bagaimana di award projek tersebut tetapi terma PPP itu jaga kedudukan kerajaan. Sekiranya jaga kedudukan kerajaan saya percaya tidak akan ada masalah sekiranya diberi kepada syarikat yang *originate idea* tersebut. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Isu tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Besar saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita juga bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana nampaknya Yang Berhormat Ipoh Barat sudah insaf sekarang... *[Ketawa]* Tentang apa pendapat beliau pada masa itu..

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sudah kita tahu bahawa tidak terkena dan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Satu dunia sudah mengakui bahawa - Saya habiskan sedikit sahaja. Satu dunia sudah mengakui bahawa apa yang kita buat tahun 1997 adalah betul dan bukan sahaja itu.

■2100

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008 apabila Amerika Syarikat dan Eropah dilanda oleh satu krisis yang begitu getir dan sengit. Apa mereka buat? Mereka melakukan apa yang kita lakukan 10 tahun sebelum, mereka dengan izin menjadi *copycat*. Akan tetapi, mereka tidak akan mengakui semua ini dan sahabat-sahabat di sebelah sana pun tidak akan mengakui.

Akan tetapi, tidak mengapa, ini satu fakta yang telah diakui oleh seluruh dunia. Berhubung dengan isu *Gini coefficient* yang selalu disebut oleh pihak Pakatan Rakyat, ini tidak benar. Sebenarnya, *G*ini *coefficient* pada tahun 1999 adalah 0.542. Tahun 2008 – 0.439 iaitu berkurangan lebih rendah berbanding dengan tahun1999. Di sini ada rekod. Saya tidak tahu di mana pihak Pembangkang dapat rekod maklumat tentang peningkatan dalam Gini coefficient, tidak! Gini coefficient turun dari 0.542 kepada 0.439. Itu satu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Kepong bangun.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Hendak habiskan dahulu kalau tidak banyak isu yang kalut. Saya habiskan dahulu. Isu berhubung dengan tender dan

rundingan terus yang penting. – Memang kita akan membuat kebanyakan melalui tender. Akan tetapi yang penting seperti Yang Berhormat Rembau sebut tadi ialah terma-terma. Adakah terma-terma itu munasabah, memberi keuntungan kepada negara dan kalau ada sebuah syarikat yang membawa satu idea yang *nobble* dan baru juga satu syarikat tempatan yang mempunyai kemampuan lebih-lebih syarikat bumiputera yang menjadi kemampuan, mungkin kita elok juga kalau kita memberi peluang.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Akan tetapi satu bangunan besar itu tidak lagi merupakan satu projek yang *special...*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Okey, untuk perhatian...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:...dan kita *expect* bangunan itu biasa sahaja, sesiapa pun boleh bina bangunan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah mencelah panjang lebar Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Okey, tadi Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin membangkitkan isu – Tidak salah kita mahu mendabik dada menyatakan kejayaan negara tetapi saya fikir perlu diletakkan di dalam konteks yang sebenar. Saya ingin sebut tentang penggunaan *capital controls* dan saya fikir banyak isu-isu Yang Berhormat Menteri tidak *address*.

Pertama, memang sudah digunakan kaedah ini pada tahun 1994 dan kalau kita lihat puji-pujian yang diberikan kepada ahli ekonomi sekalipun, semasa penggunaan *selective capital controls* pada tahun 1997, kita lakukan – Keputusan Kabinet melakukan 14 bulan selepas *the first attempt of capital flight* dengan izin. Maksudnya, memang banyak sudah wang keluar dari negara dan tindakan itu dilihat sebagai tergesa-gesa.

Jadi, saya fikir elok kita lebih rasional, hendak tengok pada kejayaan Malaysia jangan sampai kita gunakan, canang-canangkan untuk menunjukkan betapa hebatnya Malaysia tanpa meneliti ada kelemahan-kelemahan yang nyata. Ini penting. *[Tepuk]*

Saya berkali-kali dengar Yang Berhormat Menteri. Saya fikir Yang Berhormat Menteri lebih matang daripada ini boleh mengakui ada kelemahan dan ada perkara yang boleh diperbaik pulih. Kita punyai dana simpanan yang besar. Hendak bandingkan dengan Indonesia dengan Korea Selatan. Okey, kita memang jauh lebih baik pada waktu itu tidak perlu *beg of mercy* dari *IMF* dengan izin. Akan tetapi, *those were the days*, betul cakap Yang Berhormat Segambut kerana sekarang ini ternyata Vietnam dan negara-negara lain di Asia Tenggara mendahului kita.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak, kita melihat kepada kejayaan perlu ada sedikit kesediaan untuk meneliti kelemahan, itu satu, dan saya ingin bawakan sebelum ini pun apabila kita katakan, pihak pembangkang cakap perlu ada unjuran terbaru sebelum pembentangan oleh EPU dan kementerian. Ditolak, sehinggakan ke saat

akhir. Peratusan *forecast* GDP itu dicanang-canang boleh dicapai oleh negara. Ini memberi kerisauan kepada bukan sahaja *investors* tetapi di dalam negara kerana kita perlu berpandukan fakta sebenar.

Saya ingin bertanya setelah sekarang bercelaru sedikit saya tengok dasar. GST dilengah-lengahkan, okey tetapi apakah pendirian kerajaan berkisar tentang *anti-profiteering act* kerana saya nampak GST memang akan dilaksanakan kalau tengok pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isu *restructuring of subsidy* dikatakan sebelum ini tetapi dibuat *u-turn*? Jadi, kita perlu berlapang dada Yang Berhormat Menteri dan saya fikir cukuplah hendak cakap berkali-kali betapa hebatnya negara kita dan sekarang ini sudah tidak hebat pun. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih, saya memang bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi jawapannya?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, panjang lagi jawapan?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya memang setuju 100% dengan Yang Berhormat Pantai Dalam bahawa yang penting bukan kejayaan kita...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Lembah Pantai. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Lembah Pantai. Bukan Pantai Dalam, Lembah Pantai – yang penting bukan kejayaan kita, memang kita berjaya dan kita mengakui kita berjaya dan kita beri kesyukuran kepada Allah S.W.T tetapi yang penting kita perlu lihat 50 tahun ke hadapan dan memang sudah kita lihat bahawa model ekonomi yang kita gunakan untuk mentransformasikan negara dalam tempoh 50 tahun itu kita harus berubah. Sudah nampak kelemahan-kelemahan yang timbul dan apa yang lebih penting negara-negara yang pada masa dahulu dianggap sebagai bukan negara-negara yang dapat memberi persaingan atau tidak merupakan negara yang kompetitif sudah pun wujud. China pada tahun itu belum wujud sebagai negara yang kompetitif. India belum wujud sebagai negara yang kompetitif. Vietnam, Amerika Latin belum wujud.

Kita lihat hari ini bahawa satu kelebihan kita pada masa dahulu iaitu untuk menawarkan kepada pelabur-pelabur luar negara selain daripada satu rejim yang mesra pelaburan dan lain-lain – Satu kelebihan kita pada masa itu ialah dapat menawarkan satu rejim ekonomi yang berasaskan kepada gaji yang rendah. Itu satu kelebihan dahulu dan ini tidak lagi menjadi satu kelebihan pada masa ini sebab negara-negara lain. China umpamanya, India, Vietnam dan negara-negara lain dapat menawarkan gaji yang lebih rendah kepada pelabur dan pelabur dengan izin *spoilt for choice*.

Jadi, oleh sebab itulah kita telah mewujudkan satu model ekonomi baru kerana kita sudah nampak model lama kita sudah ada kelemahan. Kita bersetuju bahawa kita harus berubah kerana kalau kita tidak berubah kita tidak meningkatkan negara kita kepada satu model yang baru dan kita akan mundur

serta menjadi negara yang tidak dapat melaksanakan matlamat dan tujuan kita menjadi sebuah negara maju. Jadi, oleh sebab kita mula melihat kelemahan kita dan kita fikir, kita fikir di luar kotak. Kita mewujudkan satu model ekonomi baru yang akan menjadi asas kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan fikiran baru dan *new reforms* yang berasaskan kepada *globalization* dan *the new economic reality* dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Pertama, saya akui bahawa pada 1997 krisis ekonomi *sublime*. Kita di Malaysia adalah di dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi. Ini memang satu hakikat. Walau bagaimanapun saya hendak bangkitkan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Padang Besar yang merupakan 'padang yang kecil'. 'Bila aku nampak olah, kelibat mu sudah ku tahu'. *[Ketawa]*

Kedua, berkenaan dengan *North-South Highway. North-South Highway* pada tahun 1986, kita menentang kerana UM mengambil alih.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

■2110

Akhir sekali kerajaan *bailout.* Sekarang North-South Highway dimiliki oleh Kerajaan Malaysia, *government linked company* (GLC) sekarang. Itu menunjukkan apa yang kita buat pada 1986 sebelum kita dimasukkan ke 'Universiti Kemunting' ada benarnya. Ini kerana akhirnya Yang Berhormat Gua Musang boleh tahu, akhirnya satu *bailout.*

Kedua, saya nampak dua hari yang lepas saya dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan teliti apa yang disebutkan sebagai New Economic Model (NEM) itu. Saya tertarik kepada NEM. Ini kerana salah satu yang dia sebutkan itu dia hendak hapuskan *rent-seeking and patronage system* dan hendak menjadikan ekonomi kita lebih *transparent* – ketelusan. Itu saya setuju. Bagaimana dia hendak buat saya tidak tahu. Ini bermakna apa yang kita sebutkan pada 1970-an mengenai dasar ekonomi kita hendakkan *merit and need*. Sekarang Yang Amat Berhormat kata kita mahu *merit* dan *need* termasuk Petronas sekarang walaupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Penjelasanlah itu mengenai Petronas banyak GLC. Petronas buat pelaburan banyak di seluruh dunia. Di Malaysia, walaupun di bayar cukai dan sebagainya tetapi kurang. Apa sebab? Petronas, GLC kita berminat dengan pelaburan di seberang laut tetapi di dalam negara sendiri kurang berminat, apa sebabnya?

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan sedikit sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Eh! Potong pula? *[Ketawa]*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri sebut Model Ekonomi Baru. Nampaknya ini dasar yang terpenting dalam 40 tahun sejak DEB dilancarkan. Soalan saya, kenapa dokumen-dokumen atau laporan-laporan tidak dibentangkan di Parlimen? Soalan kedua, kenapa ia tidak dibahaskan di Parlimen? Saya cadangkan kepada kerajaan janganlah bangga dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingat Rancangan Malaysia

Kesepuluh disediakan oleh EPU dan New Economic Model disediakan oleh NEAC, kedua-duanya agensi yang berbeza dan kedua-duanya penting. Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh Parlimen hanya diberikan enam hari untuk di bahas. Jadi, saya minta kalau boleh saya cadangkan kepada kerajaan buat sesi asing ataupun bentangkan Model Ekonomi Baru dalam Parlimen sesi ini. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya jawab dulu, nanti. Yang Berhormat Kepong membangkitkan isu berhubung dengan North-South Highway. Sebenarnya Yang Berhormat, antara keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan yang boleh dianggap sebagai satu keputusan yang bijaksana ialah untuk membina North-South Highway sebab dengan pembinaan North-South Highway begitu banyak *corridor of income, corridor of wealth* telah wujud. Kita semua tahu bahawa negara telah dapat begitu banyak manfaat dari North-South Highway.

Berhubung dengan isu Petronas, saya terkejut juga Yang Berhormat Kepong sebab mengkritik Petronas. Ini kerana dalam perbahasan yang lalu Yang Berhormat Permatang Pauh memuji Petronas dengan begitu hebat dan mengkritik kerajaan kerana menggugurkan Tan Sri Mohd Hassan Marican. Sebenarnya Tan Sri Mohad Hassan Marican tidak digugurkan. Kontrak beliau tamat pada 10 Februari dan beliau telah menjawat jawatan sejak tahun 1995.

Kita tahu seperti kata pepatah Melayu “patah tumbuh hilang berganti” dan tidak semestinya yang tumbuh itu kurang baik, kurang efektif berbanding dengan yang patah atau yang hilang. Memang dipersetujui bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Hassan Marican telah menyumbangkan begitu banyak kepada negara, telah membawa Petronas daripada sebuah syarikat domestik menjadi sebuah syarikat internasional dengan masuk dalam *Fortune 500* dan lain-lain, dan memang kita mengakui. Akan tetapi Datuk Shamsul Azhar juga seorang korporat yang terkemuka yang telah membawa banyak kejayaan dan pencapaian kepada MISC.

Jadi, Petronas telah memainkan peranan yang penting dengan melabur di melebihi 32 buah negara dan hasil Petronas pada masa ini lebih daripada 50% datangnya daripada luar negara. Ini satu kebanggaan kita. Di domestik juga Petronas telah dan akan memainkan peranan yang penting.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Pulai,Yang Berhormat Menteri. Di sini. [*Mengangkat tangan*] Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dan ingin mendapatkan beberapa penjelasan. Pertama sekali adakah perancangan yang dibuat oleh kerajaan secara jangka panjang telah berjaya. Maknanya pada tahun 1969 dulu kita buat Dasar Ekonomi Baru, ia dapat melahirkan satu golongan pendapatan menengah yang begitu besar di Malaysia dan juga menimbulkan satu keadaan ekonomi yang lebih stabil. Tidak seperti negara lain yang beza jurang antara orang kaya dengan orang miskinnya begitu besar. Negara yang maju seperti Hong Kong pun ada perbezaan begitu besar, jurang antara pendapatan rakyat.

Kedua, saya amat tertarik dengan cara kerajaan membuat dasar secara keseluruhan, bukan sahaja untuk melihat perkara-perkara kecil. Pembangkang ini saya tengok dia lihat kepada perkara-perkara kecil, dia fokus kepada perkara-perkara kecil tetapi dia lupa kepada perkara besar yang dia buat.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Ya lah, betul. Tidak semua perancangan dapat dilaksanakan dengan tepat. Ada juga tetapi tengok secara keseluruhan. Dasar Malaysia sekarang ini, dengan NEM ini, ia bertujuan untuk meningkatkan lagi ekonomi kita supaya rakyat kita daripada *middle class* boleh naik ke satu tahap pendapatan yang lebih tinggi untuk memberikan lebih kestabilan kepada ekonomi negara.

Ketiga, Yang Berhormat Menteri datang daripada Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Pulau Pinang berjaya memberikan satu rancangan ekonomi yang telah mendapat hasil? Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya jawab dulu Yang Berhormat Bukit Bendera tadi. Yang Berhormat, Model Ekonomi Baru seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Bukit Bendera adalah sebuah dokumen yang disediakan bukan oleh kerajaan, oleh NEAC dan diserahkan kepada kerajaan. Jadi, tidak ada *locus standi* untuk kerajaan membentangkan laporan itu ke dalam Dewan Rakyat sebab itu adalah satu cadangan daripada NEAC kepada kerajaan dan kerajaan menerima, dan dalam banyak hal mungkin bersetuju juga dengan gagasan dan cadangan laporan itu.

Akan tetapi kerajaan ingin mendapat pendapat dan komen daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Parlimen, NGO dan rakyat biasa tentang laporan itu supaya membolehkan kita membuat keputusan tentang cadangan mana kita terima, cadangan mana kita bawa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk dilaksanakan, rancangan mana kita masuk dalam bajet. Jadi, dengan izin, *this is a process of getting feedback from stakeholders.*

Jadi, laporan itu bukan satu laporan kerajaan, bukan seperti Rancangan Malaysia Kesepuluh yang kita bawa ke Parlimen. Ini bukan laporan kerajaan. Itu satu perbezaan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Biar saya habis dahulu. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Memang benar kita dari tahun 1957 hingga 1959 polisi kita adalah *laissez-faire* tahun 1970 sehingga sekarang polisi kita adalah *the* New Economic Policy – Dasar Ekonomi Baru yang berasaskan kepada pertumbuhan dan pengagihan. Antara isu dan matlamat kita ialah untuk menghapuskan kemiskinan dan kita hampir – bukan secara mutlak tetapi kita hampir berjaya dalam menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.

■2120

Juga kita telah melahirkan profesional daripada semua golongan Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban yang tidak wujud pada tahun 1970, kita telah melahirkan dan kita telah mengembangkan ekonomi kita. Kadar pertumbuhan ekonomi kita pada 52 tahun adalah 6.2%, purata. Setiap tahun purata 6.2%.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, memang kita bangga dengan kejayaan kita, tetapi sudah kena pada tempat dan masanya untuk kita fikir tentang ekonomi dunia yang baru. Kita harus mewujudkan satu sistem yang baru. Kita juga - sebab kita sudah hampir berjaya dalam perjuangan kita untuk menghapuskan kemiskinan, kita sudah mula lihat kepada satu golongan yang lain. Iaitu golongan

yang terendah, 40% yang terendah. Kita ingin memastikan bahawa golongan 40% yang terendah itu diberi pengetahuan, latihan dan diberi peluang-peluang dan ruang-ruang untuk mereka juga ditingkatkan pendapatan mereka supaya dapat hidup lebih selesa dan juga yang penting dapat menyumbang kepada kemakmuran negara.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya nampak kesungguhan Menteri, Yang Berhormat Tasik Gelugor, masalah sama seperti Balik Pulau.

Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya mahu Yang Berhormat Menteri jelaskan di Dewan yang mulia ini dalam menjelaskan bahawa isu lokus tadi, NEC. Ini bukan daripada EPU. Akan tetapi, Menteri pun tahu bahawa sesuatu dasar itu yang akhirnya sekali akan sampai ke ruang masyarakat, kadang-kadang berjaya atau tidak, kadang-kadang disebabkan elemen-elemen kepimpinan, komunikasi dan sebagainya.

Saya mencadangkan kepada Menteri, cuba bayangkan kalau pendekatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera kita bahaskan di sini kerana dikatakan tadi mahu mengambil pandangan *stakeholders* ataupun orang berkepentingan. Saya rasa Parlimen merupakan satu *indicator* ataupun petunjuk yang kuat untuk menunjukkan ia mewakili satu *stakeholders* walaupun ada *stakeholders* yang lain, satu.

Kedua, ketika mana *New Economic Model* diuar-uarkan, kita melihat satu reaksi yang saya rasa bukan sahaja daripada pembangkang malah daripada PERKASA baru-baru ini dengan keras dan isunya merujuk kepada isu Perlembagaan Perkara 153. Itu yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, okey. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini perkara baru dan isu baru.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, sedikit. Jadi, Menteri saya di sini sebenarnya kalau tidak boleh mencadangkan mungkin saya merayu bagi pihak kepentingan rakyat. Pendekatan itu pada peringkat ini apakah salah kita sama-sama bawa ke Dewan, membahaskan. Mungkin Menteri mempunyai peluang untuk menjelaskan lebih lagi kerana kalau hendak dikatakan paradigma dan sebagainya, saya lihat banyak lagi yang masih terperangkap dengan paradigma lama kerana mendengar apa cerita-cerita Menteri tadi. Itu satu perkara yang saya rasa susah untuk disangkal.

Akan tetapi kalau pendekatannya tidak betul, saya khuatir, *we are not doing justice to the subject matter. And I am giving you the benefit of doubt and persuading you to come to this* Dewan. *Thank you very much.*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri boleh sambung sedikit? Saya memang keliru, apakah hubungan antara NEAC dengan kerajaan?

Seorang Ahli: Hubungan sulit.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari sebelum ini, saya berada di *Conference Invest* Malaysia. Saya dengar, adakah ucapan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri itu adalah ucapan dasar? Adakah *New Economic Model,* dasar kerajaan atau pun ia hanya satu *report* yang *private consultant*? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Laporan dasar ekonomi, laporan *New Economic Model* (NEM) itu adalah satu laporan yang dikeluarkan oleh satu pasukan yang dilantik oleh kerajaan untuk mengkaji tentang langkah-langkah, kaedah-kaedah, mekanisme-mekanisme dan rangka-rangka baru yang harus kita wujudkan untuk perjalanan kita mencapai Wawasan 2020.

Jadi, buku atau laporan itu diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merujuk pada buku itu dalam ucapan beliau, dalam banyak perkara kita memang setuju. Akan tetapi yang penting dokumen itu kini telah menjadi satu dokumen untuk kita mendapat *feedback* dan untuk kita memberi penjelasan dari pihak NGO yang lain yang mungkin ada cadangan-cadangan yang lebih baik. Mungkin juga ada komen-komen tentang perkara-perkara tertentu.

Kita harus memberikan penerangan dan juga mungkin menerima cadangan dan kritikan yang elok yang sepatutnya diterima. Jadi, buku itu bukan seperti Rancangan Malaysia Kesepuluh, satu rancangan kerajaan untuk dibentangkan di Parlimen. Itu perkara yang saya ingin sebut.

Saya juga ingin menarik pada...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, kalau dibenarkan - dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja. *Last point.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Demi kepentingan. Saya khuatir Yang Berhormat Menteri kalau pendekatan itu ia tidak akan jadi satu dasar yang tidak ada *force of law*. Jadi, hendak esok buat, tidak buat pun tidak mengapa, kita hendak benda itu jadi satu *force of law* yang kuat kalau dasar yang baguslah.

Jadi , bagaimana Yang Berhormat Menteri sebab itu penting juga bukan sahaja *legitimacy, force of law* nya perlu ada dan akhirnya sekali .ke Parlimen – ia ada elemen - kita adalah *law making* di sini kita boleh bantu kerajaan. Kalau idea itu baik kita bahaskan di sini. Saya khuatir.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Memang Yang Berhormat Balik Pulau ia tidak ada *force of law,* sebab ia adalah satu *philosophy,* satu cadangan, tidak perlu *force of law.* Cadangan, falsafah, prinsip dan pemikiran yang wujud dalam laporan itu akan diterjemahkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dalam bajet dan lain-lain tindakan kerajaan yang akan dibawa ke Parlimen dan yang akan mempunyai *force of law.* Jadi ini akan diterjemahkan.

Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Walaupun isu yang telah dibangkitkan tidak dirangkumi dalam jawapan penggulungan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara tersebut

telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dijemput seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

9.28 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahir rahmaanir rahiim. Assalamualaikum warahmatulallaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krau meminta penjelasan berapakah jumlah Sekolah Menengah Agama Rakyat ataupun ringkasnya SMAR dan Sekolah Menengah Agama Negeri atau ringkasnya SMAN yang tidak didaftarkan serta halangan yang menyebabkan sesetengah sekolah ini tidak berminat untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan atau ringkasnya SABK?

Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang tidak berdaftar adalah seperti berikut:

(i) Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) terdapat sebanyak 66 buah sekolah ataupun mewakili 52.4% tidak berdaftar dengan SABK. Jumlah SMAN adalah 126 buah sekolah; dan

(ii) Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) terdapat sebanyak 100 buah sekolah yang mewakili 46.5% yang tidak berdaftar dengan SABK. Jumlah SMAR ialah sebanyak 177 buah sekolah;

Antara halangan-halangan yang menyebabkan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) tidak berminat berdaftar di bawah Program SABK adalah sebagaimana berikut:

■2130

(i) Tidak memenuhi syarat untuk didaftarkan;

(ii) kebimbangan terhadap Kurikulum Azhari tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya;

(iii) kebimbangan kehilangan hak pengurusan dan pentadbiran sekolah yang telah ditadbir secara warisan turun-temurun;

(iv) terdapat sekolah-sekolah yang tidak didaftar ini tidak mempunyai kedudukan kewangan yang baik; dan

(v) terdapat pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak sekolah supaya bantuan per kapita diberikan semula tanpa perlu mendaftar di bawah program SABK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan telah menyarankan agar kerajaan menyelaraskan bayaran untuk kursus perkahwinan agar ia tidak membebankan pasangan Islam yang hendak berkahwin. Dimaklumkan bahawa kadar bayaran Kursus Pra Perkahwinan yang telah ditetapkan dan diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) adalah sebanyak RM80 seorang.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selalu tidak memakai songkok tetapi pada hari ini hendak menjawab, memakai songkok. Nampak segak. *[Ketawa]* Orang Kedah sebut '*kopiah'*.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa antara jumlah yang tidak mendaftar di bawah SABK ini antaranya adalah kerana tidak memenuhi syarat. Jadi saya hendak tahu apakah yang dikatakan tidak memenuhi syarat untuk berdaftar di bawah SABK?

Kedua, kebimbangan pihak sekolah, takut akan pelaksanaan Kurikulum Azhari. Jadi, saya hendak mendapatkan kepastian. Apakah SABK telah dapat memberikan jaminan bahawa soal Kurikulum Azhari ini akan terus diterima pakai jika mereka bersedia untuk berdaftar di bawah SABK?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena kerana berminat untuk bertanya soalan dan juga soal *'kopiah'.* Yang Berhormat Pokok Sena, pagi tadi saya menghadap Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Yang di-Pertuan Agong. Jadi menjadi tradisi Melayu untuk masuk ke istana dengan memakai songkok. *[Tepuk]* Oleh kerana daripada pagi tadi ini saya hendak membuang songkok, songkok ini satu benda yang tidak patut ditinggalkan, *'ikut dan'* dalam kantin kah. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena, sebab itu saya terus pakai. Saya rasa tidak salah untuk saya memakai saya songkok.

Yang Berhormat Pokok Sena, berkenaan dengan syarat-syarat juga keperluan untuk sekolah agama untuk didaftarkan di bawah SABK bukan hanya sekadar sekolah agama termasuk tahfiz.

Syaratnya yang pertama ialah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri. Sebelum didaftarkan dengan kerajaan di bawah SABK, ia terlebih dahulu berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri.

Keduanya ialah mempunyai bangunan sendiri termasuk tanah yang didaftarkan di atas nama lembaga pengelola. Dalam hal ini Ahli-ahli Yang Berhormat, timbul masalah kerana kebanyakan tanah-tanah ini bukanlah tanah wakaf ataupun tanah yang didaftarkan di bawah nama lembaga pengelola tetapi atas tanah persendirian. Maka di sana timbul masalah dan persoalan untuk didaftarkan di bawah SABK. Ini yang menghantui pihak lembaga pentadbir sekolah yang menyebabkan mereka merasa bimbang – kebimbangan yang kita pernah berulang kali perjelaskan. Bahkan saya selaku Menteri sendiri untuk bukan sahaja di Pokok Sena, di negeri Kedah itu saya sudah turun masuk kali yang ketiga sudah, memperjelaskan kepada sekolah-sekolah yang belum mendaftar supaya mengambil peluang dan kesempatan ini.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat, syarat ketiga yang perlu dipenuhi ialah mempunyai murid-murid sendiri. Jadi, ini kebiasaannya mereka ini

kebanyakan murid-murid yang telah ditempatkan daripada sekolah mereka sendiri yang tidak menjadi masalah sangat.

Yang keempatnya pula ialah melaksanakan dwi-kurikulum. Dua kurikulum iaitu Kurikulum Azhari dan juga kurikulum kebangsaan. Sekali gus saya menyatakan bahawa kita tidak menghilangkan sebab dalam sistem yang ada dalam peperiksaan yang dibuat di sekolah untuk ke *Al-Azhar,* kita menggunakan sijil STAM yang standard di seluruh Malaysia. Bahkan untuk makluman, kerajaan telah bersetuju untuk mengiktiraf sijil STAM baru-baru ini setaraf dengan sijil STPM pada peringkat sekolah menengah dan juga penggajian bagi mereka yang bekerja menggunakan sijil STAM ini dibayar gaji yang setanding, seiring dengan mereka yang memiliki STPM dan ia baru diperakui oleh pihak kerajaan. Sengaja saya bawakan ini untuk makluman semua termasuk Yang Berhormat Pokok Sena.

Selain daripada itu, syarat yang kelimanya Ahli-ahli Yang Berhormat, sekolah untuk berdaftar di bawah SABK mestilah mendaftar dengan sektor SABK Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebab ini kadang-kadang kesilapan faham daripada kalangan rakan-rakan kita yang menguruskan sekolah-sekolah agama sama ada SMAR atau SMAN, mereka tidak tahu di mana patut didaftarkan. Mungkin mereka merasakan di bawah JAKIM ataupun majlis agama Islam tetapi ia adalah didaftarkan di bahawa sektor SABK Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini telah pun berjalan sejak lama dahulu dari tahun 2004 sehingga sekarang. Untuk makluman, kerajaan melalui agensi-agensinya masih lagi menggerakkan supaya peluang ini diambil dan digunakan oleh rakan-rakan dari Sekolah Menengah Agama Negeri dan juga Sekolah Agama Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan kepada soalan daripada Yang Berhormat Kalabakan yang menyarankan agar kerajaan menyelaraskan bayaran untuk Kursus Pra Perkahwinan agar ia tidak membebankan pasangan Islam yang berkahwin. Dimaklumkan bahawa kadar Kursus Pra Perkahwinan yang ditetapkan dan diselaraskan oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) adalah sebanyak RM80 seorang. Bayaran ini meliputi kos bagi makan minum, bahan bercetak, sijil kursus, alat tulis, sewaan dan pengurusan pusat kursus selama dua hari ataupun lebih tepat saya katakan satu hari setengah untuk kursus tersebut.

Bagi mengawal situasi kenaikan kadar bayaran tanpa alasan munasabah, maka syarikat atau penganjur kursus wajib mematuhi garis panduan pengawalan dan pelaksanaan modul bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam yang disediakan. Jika mereka gagal mematuhinya, pihak berkuasa berhak menarik balik dan menamatkan sijil kebenaran menganjurkan kursus dengan serta-merta. Tindakan ini selari dengan peruntukan perenggan 134(3)(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 supaya memberikan kesan daripada segi perundangan.

Berhubung aduan mengenai bayaran Kursus Pra Perkahwinan di Sabah yang telah mencecah RM400, ia adalah kurang tepat. Ini kerana terdapat sebuah syarikat penganjur kursus sahaja yang baru beroperasi serta dipantau oleh Jabatan Agama Islam Sabah iaitu ialah Syarikat Mauddah Sdn. Bhd. yang mengenakan bayaran sebanyak RM100 bagi seorang peserta, manakala sebanyak 18 buah syarikat lagi masih menunggu pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Sabah untuk beroperasi. Namun begitu, JAKIM dan juga JAIN akan sentiasa memantau perkembangan ini bagi memastikan tiada bakal pengantin yang terbeban.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok ingin tahu apakah sebab yang melambatkan proses pengeluaran sijil halal dan terdapat rungutan proses ini mengambil masa sehingga dua tahun. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bahawa tempoh proses permohonan sijil halal yang ditetapkan oleh JAKIM yang terkini adalah selama 30 hari selepas bayaran dibuat oleh pemohon. Walau bagaimana pun, tempoh ini adalah tertakluk kepada pematuhan, standard dan juga prosedur pensijilan halal yang telah ditetapkan. Prosedur pensijilan halal yang terlibat adalah merangkumi proses seperti berikut:

(i) penerimaan dokumen;

(ii) pemeriksaan premis;

(iii) pensampelan sampel dan juga laporan pemeriksaan;

(iv) penilaian oleh Jawatankuasa Panel Halal; dan

(v) pengeluaran sijil halal.

Bagi proses penilaian, ia melibatkan dua aspek iaitu syariah, sumber ramuan, penyembelihan premis dalam erti kata tiada unsur pemujaan dan amalan serta pengetahuan agama pekerja. Kedua, teknikal iaitu ramuan mestilah selamat, pemprosesan yang menepati dengan izin, *Good Agriculture Practice* (GAP) dan juga *Good Hygiene Practice* (GHP), *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) dengan izin dan kebersihan pekerja, alatan serta premis. Pemeriksaan tersebut bagi memastikan pemohon mematuhi prosedur yang dinyatakan di dalam garis panduan yang diguna pakai oleh JAKIM dalam pensijilan halal iaitu *Malaysian Standard* (MS) 1500 dan 2009 dan *International Standard Operating* (ISO) IEC Guide 65.

■2140

Bagi melengkapkan integriti pensijilan halal, prosedur permohonan akan melibatkan penilaian bahan mentah dan sumber perolehannya, proses pembuatan dan pengilangan produk persekitaran tempat proses, pekerja dan juga penyimpanan.

JAKIM menghantar *auditor* yang tersendiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Sains Teknologi Makanan untuk membuat audit di premis dan juga kilang pemohon sebelum keputusan pensijilan dibuat. Mengenai kelewatan pemprosesan sijil halal yang disebabkan oleh beberapa faktor, kebanyakan kes kelewatan ini adalah disebabkan oleh pemohon yang tidak dapat mematuhi ataupun memenuhi keperluan di dalam prosedur. Antaranya ialah dokumen yang tidak lengkap, terdapat laporan ketidakakuran dikeluarkan kepada mereka selepas pemeriksaan premis, pensampelan dan juga pensijilan halal di sektor perhotelan.

Di antara perkara yang kerap dilakukan dan di dalam laporan ketidakakuran semasa audit ialah seperti berikut; kakitangan ataupun tukang masak yang bukan Muslim dan ramuan bahan-bahan kritikal yang tidak mempunyai pengesahan halal - contohnya keju dan terdapat unsur-unsur pemujaan contohnya tokong di dapur ataupun patung.

Kelewatan pihak pemohon dalam membuat tindakan pembetulan terhadap ketidakakuran semasa proses audit dijalankan akan menyebabkan kelewatan proses pensijilan halal. Malah terdapat pemohon yang mengambil masa yang lama untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran audit yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Berhubung dengan saranan...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit mengenai pensijilan halal di premis-premis makanan. Salah satu daripada syarat disebutkan tadi ialah pengetahuan kalangan pekerjanya tentang agama, jadi kita membuat *assumption* bahawa yang tahu tentang agama ini ialah pekerja-pekerja Islam. Jadi adakah syarat antaranya ialah mesti 100% daripada pekerja-pekerja itu adalah daripada kalangan Islam sebelum diberikan sijil halal?

Saya sebutkan ini sebab ada dilaporkan premis makanan ini yang mempunyai pekerja-pekerja *international* asing, yang boleh menunjuk ciri-ciri luar macam mereka beragama Islam. Akan tetapi pernah dibuat satu *raid - raid* (serbuan) di mana didapati sekumpulan pekerja ini daripada India tidak dapat mengaku mereka Islam dan yang mengaku Islam pun bila ditanya tentang *Al-Fatihah* pun tidak boleh menjawab. Jadi saya tidak pasti sama ada premis ini mempunyai sijil halal atau tidak, tetapi saya yakin diserbu kerana mungkin ada sijil tetapi dipertikaikan. Jadi bagaimana kerajaan mengambil langkah-langkah bagi memastikan pekerja itu sendiri memang menepati syarat-syarat setelah sijil itu dikeluarkan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh, soalan yang sama Yang Berhormat Menteri. Parit Buntar**.**

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Halal juga?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tentang isu halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Daripada apa yang telah... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada apa yang disebut yang tentang proses dan prosedur pensijilan halal itu, saya kira itu memang proses yang agak ketat, dan juga untuk mendapatkan sijil halal ini memanglah bukan mudah. Akan tetapi saya ingin minta penjelasan daripada Menteri, betapa hari ini kadang-kadang setelah mereka mendapat sijil itu, bagaimanakah pemantauan dibuat – itu satu.

Kedua ialah dari sudut penguatkuasaan kepada penggunaan sijil halal yang palsu. Dalam Laporan Audit 2009 dilaporkan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh JAKIM dalam menguatkuasakan pensijilan halal ini ialah tidak cukup penguat kuasa untuk membuat apa kita kata pemantauan ataupun penguatkuasaan. Jadi saya minta dalam industri halal yang begitu besar dia punya potensi ini khususnya di negara kita - saya minta supaya pihak Menteri mengambil kira juga dari aspek penguatkuasaan supaya tidak jadi sijil halal itu hanya sebagai satu syarat. - sekali dapat kemudian selepas itu mereka tidak perlu lagi hendak ikut prosedur seterusnya. Jadi saya minta penjelasan dari pihak Menteri. Sekian terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai tadi merasakan bahawa ada pekerja-pekerja ataupun bagi orang yang bekerja di premis-premis yang mempamerkan sijil-sijil halal. Paling tidak ini minima kita hendak supaya orang yang beragama Islam yang berpengetahuan asas tentang makanan-makanan yang dibolehkan di dalam Islam dan tidak boleh itu - paling tidak dua orang, yang paling tidaknya menjadi asas utama untuk kita memberikan sijil. Ini kedudukannya. Berbalik kepada Yang

Berhormat Parit Buntar tadi, ialah bagaimana kita yang pertamanya sekali pemantauan. Buat masa sekarang JAKIM bersama-sama dengan KPDNKK memantau tugas-tugas dan tanggungjawab bagi menyelia sijil-sijil halal dan juga sijil-sijil halal yang dibuat secara palsu.

Satu perkara yang perlu saya, Tuan Yang di-Pertua untuk saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini ialah memaklumkan bahawa ada juga buat masa sekarang ini daripada syarikat-syarikat swasta yang mengeluarkan untuk syarikat swasta ini - bagi pihak kerajaan tidak mengiktiraf tetapi oleh sebab pengeluaran sijil ini tidak menjadi halangan kepada mereka, maka mereka juga mengeluarkan sijil. Kita tidak meyakini sejauh mana integriti sijil yang dikeluarkan itu mempunyai kesungguhan, ketekunan untuk membuat kajian penyelidikan sebagaimana yang dibuat oleh pihak JAKIM, maka sebab itu buat masa sekarang untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa kita sedang menyiapkan, kerajaan sedang menyiapkan pada *target* 2010 ini...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...Untuk kita mengeluarkan satu akta halal supaya kita dapat melindungi penguatkuasaan. Juga untuk kita memastikan bahawa penguatkuasaan sijil halal ini satu tidak dipalsukan, tidak dikeluarkan oleh mana-mana individu yang bersifat persendirian dan juga di samping sama juga untuk kita memastikan bahawa pematuhan terhadap sijil-sijil halal yang kita keluarkan. *Insya-Allah* kalau ada kesempatan pada Dewan yang akan datang kita cuba membentangkan untuk tujuan supaya sijil halal akta ini dilahirkan untuk. tujuan membina satu kekuatan penguatkuasaan kepada sijil halal.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, Balik Pulau sedikit sahaja mengenai halal -mungkin terakhir. Yang Berhormat Menteri, dimaklumkan antara kekangan mengenai aspek halal ini antaranya apabila melibatkan perniagaan francais. Ada dimaklumkan satu rangkaian francais makanan yang menggunakan logo halal tetapi dikatakan... Akan tetapi saya cakap ini atas dasar orang kata apa bercakap berlapik ya. Saya menggesa pihak JAKIM untuk buat siasatan. Dikatakan francais tersebut pun kalau orang Islam, kita minta dia tidak bagi - antara kerisauan ia itulah, akan terbongkar perkara-perkara yang mungkin susah hendak terbongkar terutama yang saya khuatir aspek halal haram.

Jadi saya tidak hendak masuk dalam Hansard inilah cakap apa rangkai Yang Berhormat, tetapi rangkaian besar - nanti kita bercakap di luar Dewan. Akan tetapi saya rasa saya mohon JAKIM terutama pemantau francais yang besar kerana impak dalam masyarakat besar kerana rangkaiannya 1Malaysia.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: ...Ya, hendak cakap? Cakap? *Old Town White Coffee* - kalau dikatakan kalau kita orang Islam minta francais tidak dapat, tetapi dikatakan takut perkara-perkara begini jadi masalah dan halalnya itu pun saya rasa mungkin perlu siasatan pihak JAKIM.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan francais-francais - bukan hanya sekadar yang telah disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Beberapa buah lagi syarikat-syarikat besar dalam konteks Malaysia yang telah memohon sijil.

Yang pertama sekali saya hendak sebutkan bahawa sijil ini dia tidak mengambil kira mana-mana syarikat dan milik siapa sebab kita tidak ada perbezaan sama ada dalam bentuk bangsa dan juga agama yang memohon melainkan mereka memenuhi syarat kita keluarkan sijil. Akan tetapi dalam masa yang sama juga kita mengambil kira bahawa bukan setiap oleh sebab satu syarikat yang mohon maka semua francaisnya akan diberikan sijil yang sama.

Jadi pada setiap francais itu diminta untuk memohon mendapatkan sijil, sebab bila sebut sijil halal dia bukan hanya sekadar barangan ataupun makanan itu semata-mata tetapi *the whole process* - bermula dari proses barang mentah, dibeli, disimpan kemudian dimasak dan kemudian akhirnya sehingga sampailah kepada penyimpanan dan kepada sampai digunakan oleh pihak pengguna. Maka sebab itu, kita mengehendaki bahawa sijil halal ini dipohon oleh setiap francais-francais yang memohon untuk mendapatnya dan...

Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal [Labuan]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...saya tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tidak mahal pun - untuk industri kecil RM100, untuk industri yang sederhana RM400, dan industri yang besar ini dia sebanyak RM700.

■2150

Jadi, nilaiannya yang dikutip itu tidak begitu tinggi tetapi nilai sijil itu adalah begitu tinggi. Untuk tujuan penguatkuasaan inilah yang sebutkan tadi bahawa kita ingin melahirkan akta tersebut bagi membina kekuatan supaya keyakinan orang ramai kepada syarikat-syarikat yang menyediakan makanan-makanan yang mendapat sijil tadi dapat dipenuhi. Tuan Yang di-Perlu, saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun, Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Untuk menyambung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Bagi persijilan Halal di sektor perhotelan antara perkara yang kerap dilaporkan dalam laporan ketidakakuran semasa audit ialah kakitangan tukang masak. Saya sudah sebutkan tadi ramuan bahan kritikal, terdapat unsur-unsur yang bersifat pemujaan. Kelewatan bagi pemohon untuk membuat tindakan pembetulan terhadap ketidakakuran semasa proses audit dijalankan akan menyebabkan kelewatan proses persijilan Halal. Malah terdapat pemohon yang mengambil masa yang begitu lama untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran audit yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Berhubung dengan saranan supaya JAKIM memastikan integriti dalam persijilan Halal, JAKIM sememangnya mementingkan integriti pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses persijilan Halal. Untuk itu, JAKIM telah melaksanakan beberapa langkah dalam memastikan integriti pengurusan persijilan Halal dipelihara. Antaranya ialah langkah pengasingan pegawai-pegawai yang menjalankan proses permohonan, proses audit, dan juga proses kelulusan persijilan. Yang Berhormat Bachok juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun, Yang Berhormat. Di sebelah kanan, ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana minggu lalu telah pun melawat Labuan dan telah pun memberikan sebuah Sekolah Menengah Agama Islam untuk Labuan. Terima kasih banyak-banyak.

Pertanyaan saya adalah Yang Berhormat Menteri. Satu iaitu, mengenai persijilan Halal yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Umpamanya seperti salah sebuah syarikat di Sabah telah pun mendapat satu persijilan Halal melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Juga syarikat tersebut masih menunggu persijilan Halal JAKIM, yang mana telah pun memohon persijilan tersebut lebih daripada enam bulan. Akan tetapi kelihatannya apakah berbezaan antara persijilan Halal Negeri yang dikeluarkan oleh JHEAINS tersebut berbanding dengan persijilan Halal JAKIM? Ini kerana kedua-duanya mempunyai Sijil Pengiktirafan Halal yang seharusnya selari dengan - kalaulah JHEAINS telah mengeluarkan Sijil Halal saya rasa untuk *endorse* oleh JAKIM. Saya rasa bukan satu masalah yang besar kerana kedua-duanya dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Saya rasa Yang berhormat Labuan ini orang yang telah mengenang budi dan bukan terima kasih untuk saya. Terima kasih kepada kerajaan kerana saya hanya menjalankan tugas untuk meluluskan sekolah agama di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan syarikat yang memohon lebih daripada enam bulan ini, saya merasakan mungkin ada di sana yang saya sebutkan awal tadi ketidakakuran yang telah ditegur melalui audit yang telah dibuat. Saya merasakan saya bersedia untuk membantu Yang Berhormat Labuan untuk membantu syarikat ini bagi mendapatkan sijil ini dan mengenal pasti syarikat tadi supaya mereka ini datang untuk mendapatkan sijil daripada kita. Dalam penyeragaman Sijil JAKIM untuk mengeluarkan sijil produk-produk import dan negeri untuk produk-produk domestik.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan bahawa buat masa sekarang, JAKIM ialah untuk produk-produk yang bersifat antarabangsa ataupun untuk tujuan import dan eksport. Manakala negeri-negeri mengeluarkan sijil untuk tujuan dalam negeri ataupun terutamanya daripada persekitaran tanggungjawab negeri masing-masing. Untuk makluman dalam rangka akta yang bakal kita bentangkan nanti di Dewan ini, di mana dalam rangka itu kita akan *online* kan seluruh sistem dan mereka akan memohon melalui *online* ini. Saya rasa ianya akan dapat mempercepatkan lagi proses pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan kepada Yang Berhormat Bachok yang telah mempersoalkan rasionalnya Tabung Haji mengenakan bayaran RM70 kepada peserta yang mengikuti kursus haji. Bayaran RM70, Tuan Yang di-Pertua... Saya ada dapat surat untuk saya mempercepatkan. Jadi saya mohon kalau tidak ada soalan banyak, boleh saya mencepatkan. Akan tetapi saya tidak mahu nanti Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang hendak tanya soalan. Jadi bergantung kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan laluan atau pun tidak.

Yang Berhormat Bachok tentang RM70 ini mengenai bayaran Tabung Haji, dimaklumkan bahawa pihak masjid mengambil inisiatif untuk mengadakan

kursus haji kepada bakal-bakal haji daripada qariah masing-masing, yang kebiasaannya masjid akan mengenakan bayaran yang tertentu dan bukan ditentukan oleh Tabung Haji. Jadi dari erti kata yang lain yang dikenakan RM70 itu dibuat oleh inisiatif masjid-masjid masing-masing dengan mengambil kira 17 siri kurus-kursus mereka. Jadi kalau 17 siri kursus melibatkan dewan, orang yang menjaga PA sistem, soal jamuan, dan sebagainya, saya rasa RM70 itu adalah minimum.

Akan tetapi ini bukan Tabung Haji tetapi dikenakan oleh pihak masjid masing-masing. Sebenarnya Tabung Haji tidak mengenakan sebarang bayaran mengenai kursus haji malah bagi kursus haji bersiri, Tabung Haji telah memberikan sumbangan kepada masjid tertentu pilihan sebanyak RM10 setiap peserta manakala Kursus Haji Intensif dan Kursus Haji Perdana anjuran Tabung Haji perbelanjaan ditanggung oleh Tabung Haji. Dalam erti kata yang lain terdapat beberapa kursus haji yang difokuskan dan yang dianjurkan oleh Tabung Haji tidak dikenakan bayaran. Adapun yang kena itu ialah anjuran pihak masjid-masjid.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak menyeru kerajaan mengambil tindakan supaya dijaga kedudukan agama Islam sebagai Agama Persekutuan ke atas gerakan-gerakan tertentu yang menggugat akidah orang-orang Islam. Kerajaan sememangnya sentiasa memantau dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat kesucian Islam. Ia adalah tanggungjawab kerajaan berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan bagi Agama Persekutuan. Berdasarkan kepada Perkara 32(3) dan juga (5) Perlembagaan Persekutuan, Raja adalah Ketua Agama Negeri Islam di negeri-negeri dan Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya sementara negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencelah sedikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Masing-masing mempunyai peruntukan, Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama di negeri itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang bangun, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit, ya kerana tidak dapat berucap hari itu. Okey? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Sebentar tadi Menteri ada sebut tentang Yang di-Pertuan Agong dan Sultan selaku Ketua Agama dalam negeri dan negara. Jadi sudah pakai songkok dan jumpa Yang di-Pertuan Agong tadi itu, adakah hasrat Menteri sementara memegang jawatan ini di negara kita ini untuk cuba menyelaraskan undang-undang syariah kita dari utara sampai selatan, Sabah, dan Sarawak. Agar ia menjadi satu undang-undang yang lebih uniform agar tidak ada percanggahan dalam implikasi pelaksanaannya dalam peringkat negeri.

Secara khususnya sekali saya hendak sebut tentang isu kes-kes syariah penceraian orang perempuan, yang mana banyak kes-kes tertunggak dan melibatkan hidup orang perempuan yang terumbang-ambing dan membuat mereka *vulnerable*. Jadi saya minta agar satu sistem yang lebih efektif pelaksanaannya untuk membantu orang perempuan ini agar suami-suami yang tidak bertanggungjawab itu... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Betullah itu. Okey, *Alhamdulillah.*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mereka minta ringkaskan dahulu Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Nanti! Lagi sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Agar suami-suami yang tidak bertanggungjawab untuk membayar wang-wang tanggungan kepada mereka, agar hidup mereka tidak terumbang-ambing. Skim yang hendak mendahulukan pembiayaan kepada ibu-ibu tunggal ini adalah satu perkara yang tidak menyelesaikan masalah pokok. Ia setakat mendahulukan tetapi satu *action* formula harus dilakukan agar mereka ini diambil tindakan mahkamah atau pun tindakan undang-undang terhadap mereka.

Jadi, adakah Menteri berhasrat untuk melakukan ini sementara memegang jawatan 'Menteri Agama' yang amat penting dalam negara ini? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Ampang berkenaan dengan soalan yang pertama, adakah kita berhasrat? Memanglah Yang di-Pertuan Agong pun tadi menjemput dan menitahkan untuk supaya melihat kepada undang-undang Islam ini. Ya, soalan Yang Berhormat Ampang tadi sementara saya - ya saya pun faham sebagaimana Yang Berhormat Ampang juga sementara. Jadi, dia masuk yang PRU yang ketiga belas. Kita pilih semula balik. Semua bersifat sementara.

■2200

Jadi, Yang Berhormat Ampang, saya suka hendak menjelaskan memang hasrat saya pun kalau Yang Berhormat Ampang merujuk kepada saya punya staf, agensi-agensi di bawah saya memang kita sedia untuk menyeragamkan dan bahkan terbaru saya pergi ke Terengganu dan juga terbaru sekali di Perlis telah pun kelima-lima akta seragam itu telah kita gazet kan. Telah dijadikan akta, jadi maknanya tinggal lagi satu dua buah lagi yang harus saya jelajahi untuk tujuan memohon supaya kita dapat seragamkan...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...Pada tempoh masa Yang Berhormat Ampang kata tadi – sementara ini. Jadi...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta sedikit penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Kalau yang keduanya – sekejap saya hendak habiskan sedikit sahaja lagi.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak, ada kena mengena dengan hukum syarak.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sekejap lagi saya habis saya bagi.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Hangpa hendak balik, tidak tau...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sabaq sat, Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Ampang yang keduanya ialah berkenaan dengan penceraian menjadi masalah wanita. Sebenarnya bercerai ini dia bukan wanita sahaja, laki-laki pun dia kena ada dua pihak. Tidak boleh bercerai seorang sahaja. Jadi...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: *[Ketawa]* Jadi dalam proses penceraian, kedua-dua pihak ini terlibat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak berdolak-dalik. Bila ada penceraian memang lelaki dan perempuan!

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Hangpa duduk, duduk, duduk sekejap.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Akan tetapi dalam situasi ini orang perempuan terjejas.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sekejap, tidak habis lagi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kita harus faham soalan saya dengan betul.

[Dewan riuh]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: *[Ketawa]* Yang Berhormat Ampang sabar sedikit.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak sebab – kita pasal *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Pasal kita sudah tengah malam ini.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan emosi Yang Berhormat Ampang.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Untuk penceraian memang saya akui sebab itu saya minta Yang Berhormat Ampang bersabar, saya – dan untuk pertama kali kerajaan mengisytiharkan RM15 juta untuk BSK, Badan Sokongan Keluarga. Untuk tujuan ini, saya juga amat faham – kerajaan juga amat faham bahawa RM15 juta tidak menyelesaikan seluruh masalah. Akan tetapi paling tidak kerajaan sedang berusaha mencari jalan mengerah semangat, keringat dan juga ketekunan yang kita ada untuk membantu keluarga-keluarga tadi.

Untuk makluman kepada Yang Berhormat Ampang, penceraian tadi adalah memang bagi orang yang telah kita kenakan melalui wang BSK untuk membantu sementara mereka yang belum dibayar oleh suami-suami di sudut nafkah. Maka apabila sampai masa proses penceraian selesai mereka ini akan diperintahkan untuk membayar dan sehingga kita mempunyai peruntukan pemenjaraan kepada suami-suami yang tidak mahu membayar nafkah.

Jadi, yang ini saya rasa ini mungkin barangkali Yang Berhormat Ampang puas hati di situ. Dan saya minta untuk seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya minta satu soalan sahaja. Kalau tidak jawab sekarang pun tidak apa.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Okey, *orait.*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Iaitu isu Kartika yang telah dikenakan hukuman sebat. Saya *just* ingin tahu mengapa hingga hari ini perkara itu tergantung. Adakah ini terlibat dalam masalah penyelarasan atau apa? Kalau tidak perlu jawab sekarang pun saya harap boleh bertulis. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri bukan wakil rakyat yang lain jawab, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri lagi panjang, Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya – Tuan Yang di-Pertua panjang lagi nampaknya. Saya ada 18 muka surat. Jadi sekarang baru sembilan. Akan tetapi boleh tidak saya jawab balik tadi untuk maklumat terbaru Tuanku Sultan Pahang telah memberikan pengampunan kepada isu tadi. Dan kemudian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia macam inilah Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau dapat, kalau benda itu tiada dibangkit dalam perbahasan awal tidak payah jawablah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Belum perbahasan awal. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh yang lain-lainnya itu saya jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Oh, itu saya... *[Dewan riuh]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tolong izinkan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah yang sebetulnya. Kita puas hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya boleh bersetuju Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Untuk saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya boleh bersetuju.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Maksudnya bertulis atau saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bertulis bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bertulis boleh ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Teruskan sementara, lepas itu gulung dan jawab bertulis.

Seorang Ahli: Yang ini pun bertulis jugalah.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Sekian terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ustaz, gulung sedikit sahaja. Gulung, gulung.

Seorang Ahli: Saya minta satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung Yang Berhormat, ya sila gulung.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Kalau begitu Yang Berhormat sikit sahaja, saya minta izin sedikit ada timbul masalah persoalan Tuan Yang di-Pertua. Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang telah membangkitkan isu berkaitan kes khazaf.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kes berkaitan khazaf ini masih dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur. Oleh itu adalah tidak wajar pihak kerajaan memberikan pandangan mengenai kes ini dan dikhuatiri ianya sesuatu yang dianggap *sub judice.* Tambahan pula saya sebagai Menteri yang telah berada di Jabatan Perdana Menteri dinamakan sebagai salah satu pihak tindakan guaman ini.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh Menteri. *[Dewan riuh].*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila-sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah, dah *last,* cepat.

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Boleh, boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dah *last.*

Tuan Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebab isu khazaf ini saya ada bangkitkan dalam ucapan bahas Titah Ucapan Diraja. Cuma saya hendak tahunya bukan soal mahkamah itu, akan tetapi pendirian kerajaan sendiri dalam isu berkaitan dengan khazaf ini.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit tambahan. Saya sedikit sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sat, sat pasai...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Khazaf...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Pasal...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Ini untuk kerajaan juga. Sedikit sahaja kerana ini melibatkan maruah kerajaan. Mengenai pandangan Tokoh Maal Hijrah, kerajaan yang membuat penilaian khusus fatwa, ia bukan fatwa katanya. Timbul isu mengenai kata di edit tidak di edit saya rasa itu penting

sebab tokoh kali ini ialah Tokoh Maal Hijrah Negara, Dr. Sheikh Yusuf Al-Qaradawi, Pengerusi Fatwa Dunia. Jadi saya mahu kerajaan – apa pendirian. Ini melibatkan nama baik tokoh Maal Hijrah Malaysia, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau juga Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, kedua-dua Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ini adalah merupakan *lawyer* ataupun peguam. Jadi mereka lebih memahami tentang - kalau saya menyentuh lebih luas.

Akan tetapi, biar saya katakan untuk supaya saya berlaku adil dengan tidak merujuk kepada mana-mana kes yang ada. Saya ingin menyebut bahawa khazaf di dalam Islam untuk penjelasan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Khazaf ialah di mana seseorang yang menuduh orang lain melakukan perbuatan zina maka dia mestilah membawa empat orang saksi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Itu yang dinamakan dengan khazaf. Maka sebab yang demikian, Islam dalam menjaga kehormatan seseorang tidak boleh sewenang-wenangnya orang menuduh untuk orang lain melakukan perbuatan yang dianggap zina dan sebagainya. Ini kerana akan membalikkan kepada hukuman tadi kalau beliau gagal membawa empat orang saksi.

Walau bagaimanapun Islam adalah merupakan agama yang begitu indah, yang begitu adil dan sebagainya. Islam membawa datang empat orang saksi kepada orang yang menuduh. Akan tetapi adapun yang menjadi mangsa kepada kes tidak kiralah sama ada dia berzina atau sebagainya mangsa mengambil contoh seorang perempuan yang dirogol, dia mendatangi mahkamah untuk memaklumkan dirinya dirogol, dia tidak memerlukan kepada empat orang saksi kerana ia adalah mangsa dalam keadaan yang seperti ini.

Berbeza antara penuduh dan juga mangsa. Dan selebihnya daripada itu juga kita sebutkan tadi Yang Berhormat Balik Pulau menyebut bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Dr. Sheikh Yusuf Al-Qaradawi yang juga Tokoh Maal Hijrah yang saya jemput untuk datang ke Malaysia untuk mengambil anugerah daripada kerajaan kerana penghormatan kepada keilmuan dan sebagainya. Saya pada waktu itu menjemput juga Yang Berhormat daripada pembangkang turut hadir bersama. Tuan Guru Haji Hadi dan juga Yang Berhormat Marang dan Yang Berhormat Bachok turut bersama.

Dalam konteks yang saya katakan tadi tidak timbul sebagaimana saya juga tidak timbul, *Wallahi* untuk saya hendak menahan daripada kes itu berjalan kerana hak ini merupakan hak mutlak pendakwa raya untuk mempercepat ataupun untuk tindakan diambil berdasarkan kepada pertimbangan. Rujuk Hansard penggulungan saya pada sesi Dewan 2009 yang terakhir yang lalu. *I am very consistent,* saya cukup konsisten mengatakan bahawa ini hak mutlak pendakwa raya dan adapun soal fitnah itu tidak timbul dan tidak timbul soal fatwa sebab fatwa pada hukum-hukum yang belum ada.

Maknanya satu perkara yang belum ada hukum maka ia memerlukan kepada fatwa. Ada pun perkara fitnah, kita baca; *[Sambil membacakan surah Al-Quran]*. Kita baca macam-macam ayat yang menyentuh soal fitnah. Fitnah selamanya tidak dibenarkan, selamanya tidak dibenarkan dalam Islam dan termasuklah kalau katakan bukan hanya sekadar fitnah pada konteks yang disoal oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan Yang Berhormat Balik Pulau.

Juga termasuk fitnah yang kalau Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang sebutkan dalam Dewan ini. Satu fitnah yang boleh menggoncangkan iman, fitnah itu juga tidak dibenarkan.

Fitnah yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju untuk supaya pembelian politik untuk tujuan menghalalkan cara maka semua fitnah-fitnah tersebut tidak diizinkan.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Akan tetapi bila sebut soal apabila seseorang mendatangi mahkamah mengaku bahawa dirinya tidak diberikan keadilan diperlakukan dengan telah menjatuhkan moral dan sebagainya maka menjadi hak kepada mahkamah untuk memutuskan – bukan soal yang ada hubung kait dengan fitnah. Kedua keadaan ini harus difahami dan difahami dalam dan benar. Perbezaan di antara orang yang datang secara *proper,* sukarela kepada mahkamah dia bukan lagi fitnah akan tetapi fitnah adalah perkara yang direka-reka.

■2210

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. *[Dewan riuh]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Saya minta begini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah, sudahlah Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Oleh sebab saya menjanjikan untuk Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, mungkin kita boleh panggil Sheikh Yusoff Al-Qardhawi datang ke Malaysia kerana dia tidak asing di Malaysia. Ini kerana melibatkan nama baik beliau. Saya rasa mungkin Kerajaan Malaysia yang telah mengangkat beliau menjadi tersohor sebegitu hebat, mungkin bawa dia ke Malaysia, ke Dewan yang mulia ini. Perjelaskan kepada kita, boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan tadi bahawa bukan fatwa tetapi itu adalah merupakan hukum yang memang fitnah tidak dibenarkan di dalam Islam. Adapun Tuan Yang di-Pertua, saya mematuhi...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya mengehadkan masa...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu sahaja, satu sahaja, cuma saya hendak penjelasan sahaja Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Duduklah.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *You speaker* ke?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *You speaker* kah?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta tegur Yang Berhormat Segambut ini? Dia hendak jadi Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *[Ketawa]* Tidak mengapa, tidak mengapa Yang Berhormat. Kita buang masa. Tanya sahaja Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Menteri sudah bagi, kena bagilah.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Cuma saya hendak penjelasan satu... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Akan tetapi saya mintalah kali ini penghabisanlah ini...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dalam isu berkaitan dengan *qazaf* dan pertuduhan zina atau rogol, yang mana dahulu? Bukankah elok ditentukan dahulu status saksi itu daripada segi *qazaf* buat pertuduhan ataupun dijalankan dahulu pertuduhan berkaitan dengan rogol atau zina itu baru pergi ke... Yang mana satu dahulu, yang itu yang hendakkan penjelasan itu.

Seorang Ahli: Tidak payah dijawab.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khisr bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk menyatakan bahawa saya tidak hendak untuk saya menyentuh soal *contempt of court*. Saya tidak hendak supaya *sub judice* kepada mahkamah. Jadi...*[Disampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Secara umumnya, macam mana? Secara umumnya yang mana dahulu?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya hendak nanti, biar perkara ini berjalan di mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya setuju kalau kes itu di mahkamah sahaja...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lebih baiklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lebih baik Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bincang di luarlah dengan Yang Berhormat Menteri.*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah janji tadi Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang tertinggal saya akan jawab secara bertulis dan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya harap perkara-perkara tersebut dicatat dan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebelum saya menjemput Senator Tan Sri, saya mintalah juga kalau diberi dengan Ahli-ahli itu nanti...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepuluh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hantarlah satu salinan kepada saya supaya saya juga mengetahui bahawa salinan itu sudah dihantar dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana-mana yang tidak terjawab, tidak boleh siarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri.

10.22 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersyukur kerana sempat juga mengambil bahagian dalam perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi pandangan bernas mengenai dua isu utama iaitu Program Transformasi Kerajaan dan juga isu mengenai 1Malaysia dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, Program Transformasi Kerajaan ataupun *Government Transformation Program* (GTP) bersama dengan Model Ekonomi Baru atau *New Economic Model (*NEM) memang disifatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai dua tiang dalam rumah di mana bumbungnya ialah 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Selepas berikhtiar bersama selama hampir satu tahun, memang saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hasil dan kesan yang diperoleh memang menggalakkan.

Pada amnya, enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah mencapai beberapa kemajuan pada tahap yang pertama ini. Misalnya, kadar jenayah telah menurun dengan kerjasama yang rapat di antara polis, RELA dan rukun tetangga. Lebih banyak jalan luar bandar, bekalan air dan elektrik telah dapat dilaksanakan di bawah NKRA prasarana untuk kawasan luar bandar dan pedalaman khasnya di Sabah dan Sarawak.

Pendidikan juga telah ditingkatkan dengan memberi peluang yang lebih luas kepada kanak-kanak di luar bandar untuk menyertai pendidikan prasekolah dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan sembilan set *4-car-train* untuk LRT yang merupakan NKRA untuk pengangkutan awam bandar.

Di samping itu, NKRA untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah telah juga giat dilaksanakan. Kesemua ini telah diusahakan oleh Menteri-Menteri peneraju dan jawapan-jawapan yang agak lengkap telah diberi oleh mereka masing-masing. Saya ingin menegaskan di sini bahawa GTP memang digubal dengan maklum balas daripada rakyat melalui beberapa saluran. Selepas ia digubal melalui pendekatan ataupun kaedah yang berkesan iaitu kaedah makmal dan ia telah dipamerkan untuk semua orang awam melalui proses hari terbuka. Oleh itu, penggubalan dan pelaksanaan GTP ini memang merupakan

satu proses yang terbuka dan telus. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada semua pihak yang telah berusaha begitu gigih untuk menjayakan GTP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah 'makmal' didapati sangatlah berkesan. Oleh itu ia sekarang digunakan untuk membincangkan dan menggubal dasar-dasar dan juga strategi-strategi untuk beberapa isu yang lain seperti isu penagihan dadah, isu pendatang haram dan sebagainya.

Saya ingin menjawab satu persoalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai yang membangkitkan isu kos makmal yang terlibat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak lapan makmal telah diadakan dalam bulan Oktober dan November selama enam minggu iaitu lima hari seminggu, 10 jam sehari di mana penyertaan 240 orang penjawat awam dari beberapa kementerian dan agensi serta juga badan bukan kerajaan telah terlibat. Kosnya selain daripada kos logistik seperti penyewaan hotel, pengangkutan dan sebagainya yang berjumlah RM600,000, kos untuk pakar runding berjumlah RM6.5 juta yang melibatkan beberapa syarikat pakar runding yang terkenal seperti McKenzie, Ng Sen Yang dan sebagainya.

Kosnya melibatkan perkhidmatan yang diberi oleh tiga hingga enam pakar runding bagi setiap makmal sepenuh masa untuk tiga bulan yang disokong oleh pasukan-pasukan mereka di ibu pejabat. Kos bagi setiap syarikat atau setiap makmal adalah berbeza mengikut tajuk di antara RM300,000 hingga RM900,000. Kos ini memang dianggap sebagai kos yang munasabah kalau mengikut kadar antarabangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Britain misalnya, pada tahun 2005 hingga 2006, untuk satu tahun sahaja, kos pakar runding untuk *Home Office* ataupun Kementerian Dalam Negeri adalah sebanyak GBP129 juta iaitu bersamaan dengan RM645 juta setahun. Ia untuk perkhidmatan pakar runding, berbagai-bagai jenis pakar runding untuk *Home Office.* Ini bermakna bahawa kosnya adalah lebih kurang RM2 juta sehari.

■2220

Untuk lapan makmal yang melibatkan banyak kementerian dan agensi, RM6 juta untuk enam minggu berbanding dengan RM6 juta untuk empat hari kalau mengikut kadar di Britain. Oleh itu kos ini bukanlah kos yang keterlaluan seperti yang disifatkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Yang Berhormat Kinabatangan mencadangkan agar kerajaan mewajibkan semua kementerian dan agensi menggunakan logo 1Malaysia dalam kepala surat atau *letter head* kementerian dan agensi masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Surat Pekeliling Am Bil.8/1980 meletakkan peraturan bagi reka bentuk kepala surat yang seragam untuk semua kementerian, jabatan dan agensi Persekutuan iaitu diwajibkan menggunakan satu lambang sahaja iaitu lambang Kerajaan Malaysia. Namun begitu banyak kementerian atau agensi juga memaparkan logo mereka sendiri masing-masing. Di samping itu kementerian dan agensi kerajaan boleh dan sebenarnya telah dengan secara sukarela memasukkan logo 1Malaysia dan mereka memang digalakkan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik ke tajuk awal itu 'makmal'. Adakah kerajaan bersedia untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji isu-isu yang ditimbulkan, bukan sahaja guna kaedah makmal dan juga kenapa makmal diperlukan, memandangkan kita sudah ada EPU, ICU, PEMANDU

pun ada dua *driver*, Senator Dato' Idris Jala dan Senator Tan Sri, *so* kenapa kita kena ada makmal dan bukan Jawatankuasa Pilihan Parlimen? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam memajukan rancangan transformasi kerajaan ialah satu pendekatan yang amat telus dan terbuka. Ianya melibatkan maklum balas daripada rakyat dan selepas itu dipamerkan kepada semua secara terbuka di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan juga dari Dewan Undangan Negeri semua dijemput. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan juga daripada sebelah sana termasuk Yang Berhormat dari Bukit Bendera memang menghadiri pameran dan menyertai dalam perbincangan.

Oleh itu, pendekatan yang sebegitu terbuka di mana kita bersedia untuk melaporkan kepada rakyat melalui media massa dari semasa ke semasa dan juga memberi laporan tahunan. Maka kami menganggap bahawa tidak perlulah Jawatankuasa Pilihan Parlimen sebab penglibatan itu adalah lebih jauh, meluas daripada jawatankuasa pilihan yang melibatkan mungkin beberapa orang Ahli Yang Berhormat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat ada sebut mengenai perbelanjaan untuk siapkan *1Malaysia Government Transformation Programme* dan empat map itu tetapi adakah *1Malaysia Government Transformation Programme Roadmap* dibentang, dikaji dan diterima oleh jemaah menteri dan oleh semua anggota jemaah menteri. Kalau begitu, kenapa boleh berlaku peristiwa di mana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa beliau adalah *Malay first* dan *Malaysian second [Tepuk]*

Oleh kerana sangat jelas termaktub dalam *1Malaysia Government Transformation Programme* bahawa tujuan, dengan izin, "*the goal 1Malaysia a nation where, it is hoped, every Malaysian perceives himself or herself as Malaysian first, and by race, religion second, second."*

Adakah ini diterima oleh jemaah menteri, sebulat suara dan bahawa tujuan ialah kita mahu semua rakyat Malaysia menjadi *Malaysian first* dan kedua barulah orang Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban dan adakah semua menteri menerima ini kerana kalau begitu, kenapa boleh berlaku bahawa Timbalan Perdana Menteri kata dia orang Melayu pertama dan Malaysia yang kedua. Adakah ini selepas dengan *1Malaysia Government Transmission Program*?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak berada di sini tadi tetapi saya difahamkan bahawa soalan ini telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur dan telah dijawab...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan ini tidak dikemukakan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dikemukakan khas kepada Yang Berhormat, jangan elak, jangan lari. Saya tidak kemukakan ini kepada Yang Berhormat. Ini yang baru *[Dewan riuh]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan lari, jangan lari.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tidak lari, tidak lari. Siapa yang lari dari Pulau Pinang ke Ipoh Timur? *[Ketawa]* Siapa lari?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa lari ikut pintu belakang? Semua masuk pintu belakang.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Siapa lari dari Melaka ke Pulau Pinang? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab, jawab. Adakah Yang Berhormat menerima 1Malaysia, *Malaysian first*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...dan kaum yang kedua. Adakah Yang Berhormat sendiri kata, you *are Malaysia first, Chinese second? Are you?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini patut menjadi ukuran untuk semua anggota Kabinet. Adakah Kabinet bersetuju...

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: Politik Pulau Pinang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...*Malaysian first and Malay, Chinese second, Kadazan, Iban second.* Adakah ini...

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: Ipoh Timur *first*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini untuk cakap kosong sahaja, omong-omong sahaja? Bolehkah menjelaskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya peringkatkan Yang Berhormat, sebenarnya walaupun perkataan yang diguna mungkin tidak satu persatunya sama tetapi tujuan soalan itu hampir sama. Saya juga ada jadi Pengerusi tadi. Jadi saya peringatkan. Saya tidak melarang menjawab. Saya peringatkan apa sahaja jawapan Yang Berhormat, mesti sama dengan apa yang dijawab oleh menteri tadi.

Tan Sri Dr. Koh Tsu *Koon:* Saya akan menjawab sedikit kepada Yang Berhormat "Berlari" itu *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Masuk pintu, apa ini masuk pintu belakang. Pintu belakang, *back door. Cannot come from front door, it is prohibited [*Disampuk] Malu lah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Jangan, jangan, jangan. Nanti, *all right*. Tadi memang telah dijawab sebahagiannya oleh Yang Berhormat Padang Rengas tetapi oleh kerana dia membangkitkan lagi, saya ingin menegaskan di sini bahawa 1Malaysia sebenarnya berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan *[Disampuk] [Tepuk]*

Nanti, nanti, nanti. Mungkin Yang Berhormat Ipoh Timur cuma membaca sebahagian daripada buku yang tebal ini dan tidak membaca seluruhnya secara lengkap sebab apa yang ditulis di sini adalah secara seimbang dan juga dalam bab yang keempat, kita dengan jelasnya mengatakan bahawa negara kita

memang masyarakat yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang kebudayaan dan berbilang bahasa.

Di dalam masyarakat majmuk seumpama ini, memang terdapat perbezaan pandangan dan polariti seperti mana adalah konsep negara sekular yang dianjurkan oleh DAP dan negara teokratik Islam yang dianjurkan oleh PAS. Ini merupakan satu *polarity*. Kalau...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti, nanti.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Itu tidak betul.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik balik, hipokrasi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Menteri, cakap baik-baik sedikit.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti, okey.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak pernah, tidak pernah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ini jelas ditulis dalam bab yang keempat yang mungkin Yang Berhormat Ipoh Timur tidak membaca dengan teliti. Oleh itu, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya ada berbincang dengan beliau selepas itu, mengatakan bahawa beliau orang Melayu pertama dalam sifat kata bahawa beliau dilahirkan sebagai seorang Melayu. *[Disampuk]*

■2230

Dari segi genetiknya, dari segi kebudayaannya, dari segi agamanya dan ini mengikut definisi dalam Perlembagaan Persekutuan dan tadi telah dijawab oleh rakan saya. Akan tetapi, dia sengaja hendak bangkitkan isu ini sebab dalam tempoh hampir 40 tahun beliau bertugas sebagai Menteri Besar di Johor di mana misalnya beliaulah yang mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti rasmi di Johor. Di mana Yang Berhormat Ipoh Timur tidak pernah mengkritik beliau, maka apa sebabnya ditimbulkan persoalan sekarang?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Oleh kerana dengan sengaja hendak cuba menolak dan hendak mencemarkan konsep 1Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, okey. Penjelasan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lari daripada isu. Isu ialah sungguhpun ada *priority of views,* apa pendirian Kabinet. *[Dewan riuh]*

Khasnya adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau orang Melayu pertama dan kedua rakyat Malaysia?

Adakah Yang Berhormat sendiri. *Are you Malaysian first and the Chinese second or either Chinese first and Malaysia second?*

Seorang Ahli: *Answer, yes or no?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa pendirian majoriti ahli Kabinet dalam jemaah? *[Dewan riuh] The majority. Are the majority in* Kabinet *Malaysian first and* kaum kedua atau kaum yang pertama dan Malaysia kedua.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Pokok Sena jawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah ini matlamat supaya apa yang kita mahu 1Malaysia bermakna sekurang-kurangnya majoriti ahli jemaah patutlah ada sikap Malaysia pertama, kaum kedua. Yang Berhormat Menteri sendiri, saya mahu tanya. *Are you Malaysian first or Chinese first and Malaysia second* dan bukankah ...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, cukupkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah cukup panjang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Where are we to get majority?*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk, tolong duduk.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya kena gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, Senator. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita telah berulang-ulang Yang Berhormat. Ada peraturan di sini 44(1), kita tidak boleh mengulang-ulang perkara yang kita sebutkan itu.

Jadi, kalau habis Yang Berhormat jawab ini, kalau *entertain* perkara ini, seorang Yang Berhormat Menteri bangun, kena tanya soalan yang sama. Siapa Menteri daripada Sarawak ini, betul, *check* sama tidak pendirian orang Sarawak. Habislah kita tidak ada kerja lain Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, itulah caranya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya habiskan dengan satu ayat sahaja iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut juga dengan jelasnya dalam Dewan yang mulia ini bahawa hati dan semangatnya ialah *Malaysian*, anak Malaysia. Itu sudah cukup jelas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dari segi Jemaah Menteri memang ...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Memang tidak berani jawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *What is your stand? [Dewan riuh]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Buku ini memang telah dibincangkan dan diterima. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sakitlah. Saya terdengar nyaring sangat Yang Berhormat. Sakitlah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya pun tidak dengar tetapi saya cuma hendak sebut bahawa program transformasi kerajaan ini ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu sebab Yang Berhormat belakang, tidak mahu dengar suara rakyat. Itu sebablah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terlalu bising. Suara rakyat saya dengar tetapi suara dari sana terlalu bising, tidak boleh dengar. *So*, oleh itu saya ingat adalah jelas bahawa dari segi kerakyatan, kita semua rakyat Malaysia, warganegara Malaysia tetapi bangsa berlainan, agama berlainan. Itu jelas.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] You can't declare.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jawab soalan, jawab soalan. *You do not understand?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Apa gunanya tulis dalam buku ini? *[Dewan riuh]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dari segi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah,sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta tidak payah *entertain* lah.

[Dewan riuh]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okeylah, saya ingat ini tidak begitu ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Selamatkan dialah. Dia perlu diselamatkan. Takut cakap, malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bukan perlu diselamatkan. Yang Berhormat juga perlu diselamatkan di sini.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya sudah jawab dengan jelas tetapi dia tidak mahu faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Cannot describe also.*

[Dewan riuh]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dia tidak mahu faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Malaysian first or Chinese second.* Dia tidak mahu *declare*. Malu *on record.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya pun sudah sebut bahawa buku ini diterima oleh semua Ahli Jemaah Menteri dibincangkan dan diluluskan bersama. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Penjelasan, penjelasan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey. Agak jelas apa yang terkandung dalam buku ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, soalan.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham, sudah jelas. Sila Yang Berhormat pindahkan ...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa dia tidak berani *declare* isytiharkan pendirian. *Malaysian first, Chinese second.* Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata dia *Malay first, Malaysian second. So,* itu takut cakap. Itu pun takut.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan takut cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Malulah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dari segi ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana ini boleh berjaya?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ini memang ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *This is …*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *This is …*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Memang DAP tidak mahu supaya rancangan program transformasi kerajaan berjaya. Tidak mahu, dia tidak mahu perubahan ini berjaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu berjaya dan mahu bertanya. Kenapa? Tidak rela kata *Malaysian first, Chinese second.* Takutkah? Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata *Malaysian first, Malay first.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan, bukan. Sudah cakap dari segi ..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa punya KPI Ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Malulah ini.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Duduk, duduk dahulu. Dengar dahulu, dengar dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *There is the result of - back door .*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dengar dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Back door – entry result.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: "Pelari" jangan cakap, "pelari" jangan cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Back door result, back door result.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, minta tolong ...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Back door Minister.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa KPI ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... *anywhere. [Dewan riuh]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dari segi ketaatsetiaan, dari segi kewarganegaraan kita *Malaysian* tetapi dari segi latar

belakang, bangsa, budaya, agama memang kita ada perbezaan. Oleh itu, perpaduan ialah perpaduan dalam kepelbagaian. *[Tepuk]*

Tidak faham, tidak faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Answer the explanation.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ini. Sebelum masuk pintu belakang, rela kata *Malaysian first, Chinese second. [Dewan riuh]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Duduklah. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Rela kata *Malaysian first, Chinese second in the Parliament.* Takut cakap begitu. Oleh kerana ...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Yang Berhormat Ipoh Timur, ialah ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata dia orang Melayu pertama, Malaysia kedua. Takut *shake the boat.*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dia takut dengan dasar Malaysia. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat Menteri, kalau ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Ini *personal plan.*

Seorang Ahli: Cukup, cukup.

[Dewan riuh]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Malaysian firstkah Chinese first*kah, jawapan bertulis sahajalah. Cukuplah. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kasi tulis sahajalah, buang masa sahajalah. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Jawab pun tidak berani, kasi tulis sahajalah.

[Dewan riuh]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Write down, write down. Write down your answer. You write now the answer okay. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, apa pula ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, saya tahu you takut dengan UMNO. You tidak berani kata, you takut dengan UMNO.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta tolonglah. Kalau ada lagi *repeat* perkara ini saya akan arahkan keluar.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, saya ingat inilah serangan seperti yang dijangkakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Perangai ini macam budak-budak dah kita.

[Ketawa] [Dewan riuh]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, betul. Saya ingin mempertahankan rakan-rakan saya di Dewan Negara yang termasuk juga seorang pemimpin dari PKR yang pernah bertanding gagal beberapa kali, tetapi dilantik sebagai Senator. *[Dewan riuh]*

Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur memanggil rakan beliau ini sebagai orang *back door*? *[Dewan riuh]* Adakah panggil dia dahulu?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tidak bertanding Tuan Yang di-Pertua. Dan ia tidak bertanding.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Try your back*lah Yang Berhormat Menteri. Check *back* dahulu.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, sudahlah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah gulung. Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis dah. Sila Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Menteri lari. *[Dewan riuh]*

■2240

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat sudah puas ketawa, sudah puas panggil orang *backdoor*, sudah puas semua sekali. Akan tetapi saya memperingatkan Yang Berhormat, kalau perkara itu menyakitkan hati di luar, ia juga menyakitkan hati di dalam. Kita hanya diberi kebebasan bercakap di sini untuk – semasa bising tadi saya baca ini. Saya baca *just a little passage*. "*But freedom of speech in Parliament is not a license to fraud the laws of the country. Members had been enjoined by the Speaker to treat the privilege of freedom of speech with at most respect and to use it only in public interest*". Akan tetapi nampaknya kerja kita semua *very* personal bunyinya. Saya rasa sedih, apabila masuk Parlimen orang tua jadi muda bahkan lebih muda daripada anak di *kindergarten*. *[Ketawa]* Jadi saya mintalah - *a little decorum, I do not think we lost anything*.

Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah kehebatannya Dewan Rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu cadangan pindaan ke atas Usul Menjunjung Kasih daripada Yang Berhormat Ipoh Timur pada 18 Mac 2010. Saya mendapati bahawa cadangan pindaan tersebut tidak berkaitan dengan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]* Cadangan pindaan Yang Berhormat Ipoh Timur adalah melebihi atau *exceeding the scope* dari Usul Menjunjung Kasih. Cadangan pindaan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu sepatutnya dibuat secara usul bersendiri. Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan usul tersebut dikemukakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya apa benda yang di luar daripada skop perbahasan Titah Ucapan? *Anything is within the scope, how can it be outside the scope?* Khasnya mengenai cadangan masa hadapan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panduan kita di dalam Dewan, ini sahaja Yang Berhormat. *[sambil mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]* Peraturan Mesyuarat 30 jelas. Ia mesti berkaitan tetapi usul yang disebut ada dibaca di belakang. Ini usulnya. Dengar saya baca, *"...dan mengambil ketetapan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai peta hala tuju Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia yang diketuai oleh Ahli Parlimen Pembangkang untuk menyelia dan melapor mengenai pelaksanaan dan kemajuan peta hala tujuan Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia itu".*

Jadi Yang Berhormat kalau kita baca usul yang asal, memang langsung tidak ada kena mengena berhubung dengan Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini. Jadi itu skopnya. Bukan skop seluruh Malaysia ini tetapi dalam skop usul yang dibaca. Itu sahaja. Jadi Yang Berhormat, saya menolaklah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini *ridiculous* lah, *the ruling*!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh kata apa sahaja. Macam di sini juga tadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Ridiculous, ridiculous!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat baliklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *So, suit yourself* lah! *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baliklah! Baliklah!

[Ahli-ahli Pembangkang berjalan keluar dari Dewan] [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Sudah kalah undi mahu balik kah?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya hendak tengok yang Melayu, yang Melayu! Yang Berhormat Shah Alam baliklah!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Pembangkang penakut. Baliklah!

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ha! Baliklah. Buruk perangai! Hari Isnin jangan datang!

Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal: PAS ikutlah DAP.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pokok Sena boleh baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Bakri, duduk Yang Berhormat Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Jagakan diri daripada...

Seorang Ahli: Tahniahlah PAS.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Bakri bagus. Duduk situ Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' S.K. Devamany: Yang Berhormat Bakri masuk BEBAS!

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Bakri BEBAS.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Bakri BEBAS ya?

Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat Bakri jangan keluar Yang Berhormat Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bakri ada satu soalan.

Seorang Ahli: Cepat-cepat lompat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah kata selamat jalan, jaga diri sendiri di perjalanan. Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan usul tersebut dikemukakan. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Kuala Krau itu hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 5 April 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.47 malam.